05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KERANGKA PERWAKILAN VISUAL BAR TERHADAP PENCAPAIAN DALAM PENYELESAIAN MASALAH KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MATEMATIK TAHUN 4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RAGU RAMASAMY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KERANGKA PERWAKILAN VISUAL BAR TERHADAP PENCAPAIAN DALAM PENYELESAIAN MASALAH KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MATEMATIK TAHUN 4

RAGU RAMASAMY

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10 September 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, **RAGU RAMASAMY (P20161000958) FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Pembangunan dan Penilaian Kerangka Perwakilan Visual Bar Terhadap Pencapaian dalam Penyelesaian Masalah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Matematik Tahun 4** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. DR. MARZITA PUTEH** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Pembangunan dan Penilaian Kerangka Perwakilan Visual Bar Terhadap Pencapaian dalam Penyelesaian Masalah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Matematik Tahun 4** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi "[sebahagian=>mod B & C/sepenuhnya=>PhD & mod A]" syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN MATEMATIK.**

1 Julai 2024
Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROFESSOR DR. MARZITA PUTEH
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
"[TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK]"
DECLARATION OF "[THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM]"

Tajuk / Title: **Pembangunan dan Penilaian Kerangka Perwakilan Visual Bar Terhadap Pencapaian dalam Penyelesaian Masalah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Matematik Tahun 4**

No. Matrik /*Matric's No.*: P20161000958
Saya / *I* : Ragu Ramasamy

mengaku membenarkan [Tesis/Disertasi/Laporan-Kertas-Projek] (Doktor-Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that my [Thesis/Dissertation/Project-Paper] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
   The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL***
Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/*RESTRICTED***
Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***

(Tandatangan Pelajar/ Signature)
Tarikh: 1 Julai 2024

PROFESSOR DR. MARZITA PUTEH
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan yang telah memberikan peluang bagi menuntut ilmu serta meneruskan perjalanan penyelidikan saya sehingga selesai bagi memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pendidikan Matematik. Saya ingin mengambil peluang ini bagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Yang Berbahagia Prof. Dr. Marzita Puteh yang banyak membimbing saya, memberi ilmu dan memberi motivasi kepada saya agar dapat menamatkan pengajian saya dengan jayanya walaupun terdapat banyak halangan dan rintangan yang saya lalui. Penghargaan juga ingin saya rakamkan kepada penilai dalaman iaitu Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mazlini Adnan serta Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Raja Noor Farah Azura Raja Ma'Amor Shah serta penilai luar atas bimbingan, nasihat, dorongan dan ilmu yang diberikan sepanjang perjalanan menuntut ilmu penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa yang dikasihi Ayahanda Ramasamy dan Bonda Theyvane atas doa dan bimbingan mereka. Tidak terlupa isteri tersayang Vadsala yang banyak membantu saya bagi menamatkan pengajian saya. Tanpa pengorbanan beliau saya tidak mungkin akan tamatkan pengajian saya. Penghargaan juga buat permata hati saya Rieya yang sentiasa memahami saat-saat dan susah payah bersama. Cuma Tuhan sahaja yang boleh membalas segala bantuan dan dorongan yang mereka berikan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini bagi merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada semua yang terlibat secara langsung dan tak langsung dalam kajian ini iaitu pensyarah-pensyarah universiti, pensyarah-pensyarah IPG, pegawai BPG, pegawai KPM, ketua panitia, guru-guru sekolah serta tidak lupa juga pada rakan-rakan serta murid-murid yang dikasihi. Akhir sekali saya ingin memohon agar Tuhan dapat membalas jasa baik semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini. Diharap segala ilmu yang saya peroleh ini dapat disalurkan kepada jalan yang benar-benar memberikan manfaat kepada agama, bangsa serta negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina dan menilai kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) bagi penyelesaian masalah berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) matematik Tahun Empat. Kajian ini menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan jenis I yang merangkumi tiga fasa untuk membangun dan menilai kerangka PVB. Dalam fasa pertama, iaitu fasa analisis keperluan, tahap KBAT murid telah diuji menggunakan instrumen ujian tahap KBAT matematik murid Tahun Empat dan temu bual terhadap guru berkaitan dengan isu dan cabaran dalam PdPc matematik, khususnya berkaitan dengan kemahiran penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam kalangan murid Tahun Empat. Dalam fasa yang kedua iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan kerangka PVB, kaedah Fuzzy Delphi telah dipilih melibatkan seramai 13 orang pakar untuk mendapatkan persetujuan, kesepakatan dan kesahan terhadap konstruk kerangka yang dibangunkan. Dalam fasa ketiga iaitu fasa penilaian, kajian kuasi-eksperimental telah dijalankan di 2 buah sekolah di Daerah Bangsar-Pudu. Dapatan fasa analisis keperluan menunjukkan nilai min yang rendah bagi ujian tahap KBAT murid dengan nilai min 19.20 dan sisihan piawai 17.00. Seterusnya, dapatan kajian Fuzzy Delphi menunjukkan pakar telah bersetuju dan mencapai kesepakatan terhadap lima elemen dan dua belas sub elemen dengan dapatan setiap item melebihi 85% ke atas. Dapatan bagi kajian kuasi-ekperimental menunjukkan peningkatan nilai min hanya sebanyak 7.33 bagi kumpulan kawalan manakala kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan sebanyak 23.95. Keputusan ini menunjukkan kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan nilai min yang jauh lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Selain itu, temu bual bersama pakar iaitu guru yang mengajar matematik juga dijalankan bagi mendapatkan persepsi mereka terhadap kerangka PVB. Kesimpulannya penggunaan kerangka PVB dalam pembelajaran matematik dapat meningkatkan pencapaian murid dalam kemahiran penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam kalangan murid Tahun Empat. Implikasi kajian ini diharap dapat mengukuhkan teori dan amalan dalam PdPc matematik bagi membantu meningkatkan KBAT dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DEVELOPMENT AND EVALUVATION OF BAR VISUAL REPRESENTATIVES FOR PROBLEM SOLVING INVOLVING HOTs QUESTION FOR MATHEMATICS TEACHING AND LEARNING ACTIVITY

ABSTRACT

This study aims to develop and evaluate the Visual Bar Representation (VBR) framework for solving Higher Order Thinking Skills (HOTS) mathematical problems among year four pupils. This study adopts Type I Design and Development Research (DDR) which includes three phases. The first phase which is the needs analysis phase, HOTS level of the pupils was assessed using the Fourth Grade Mathematics HOTS Test instrument and the interviews conducted with teachers regarding issues and challenges in mathematics teaching and learning specifically related to HOTS problem-solving skills among Year Fourth pupils. Second phase is the design and development phase where the Fuzzy Delphi method was chosen involving 13 experts to obtain consensus regarding the constructed framework. In the third phase which is the phase of implementation and evaluation, the usability of the VBR was tested using a quasi-experimental study which was conducted in 2 schools at Bangsar-Pudu District. The findings from the needs analysis phase indicate a mean value for the pupils' HOTS test is 19.20 and a standard deviation of 17.00. This indicating that year four pupils HOTS levels are low. Furthermore, the Fuzzy Delphi study findings show that experts agreed and reached consensus on five elements and twelve sub-elements with each item exceeding 85% and above. Findings from the quasi-experimental study showed an increase in the mean score of only 7.33 for the control group, while the treatment group showed an increase of 23.95. This result indicates that the treatment group showed a significantly higher increase in the mean value compared to the control group. In addition, interviews with experts and mathematics teachers were conducted to obtain their perceptions on the VBR framework. In conclusion, the use of the VBR framework in mathematics learning can improve pupil's achievement in HOTS problem-solving skills among Year Four pupils. The implications of this study are expected to strengthen the theory and practice in mathematics teaching and learning to help enhance HOTS among primary school pupils.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xiv

SENARAI RAJAH xvi

SENARAI SINGKATAN xvii

SENARAI LAMPIRAN xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 5

1.3 Pernyataan Masalah 10

1.4 Tujuan Kajian 22

1.5 Objektif Kajian 23

1.6 Persoalan Kajian 24

1.7 Hipotesis Kajian 25

1.8 Kerangka Konseptual Kajian 25

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9	Kepentingan Kajian		29
	1.9.1	Kepentingan Kepada Pendidik	29
	1.9.2	Kepentingan dalam Meningkatkan Kemahiran Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT	30
	1.9.3	Kepentingan Kepada Murid	31
	1.9.4	Kepentingan Kepada Pengkaji	32
1.10	Batasan Kajian		33
1.11	Definisi Operasional		34
	1.11.1	Kerangka	34
	1.11.2	Rancangan Pengajaran Harian (RPH)	35
	1.11.3	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	36
	1.11.4	Pendekatan Perwakilan Visual Bar (PVB)	37
	1.11.5	Pendekatan Secara Konvensional	38
	1.11.6	Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)	39
	1.11.7	Penilaian	40
1.12	Rumusan		40

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan		41
2.2	Model ADDIE		42
	2.2.1	Analisis (*Analysis*)	43
	2.2.2	Reka Bentuk *(Design*)	45
	2.2.3	Pembangunan (*Development*)	47
	2.2.4	Pelaksanaan (*Implementation*)	48

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	2.2.5 Penilaian (*Evaluation*)	49
2.3	Pembelajaran Matematik di Malaysia	53
2.4	Topik Geometri dalam Pembelajaran Matematik	75
2.5	TIMMS	77
2.6	Model Penyelesaian Masalah Matematik	85
	2.6.1 Model Polya (1957)	85
	2.6.2 Model Schoenfeld (1985)	91
	2.6.3 Model Krulik dan Rudnick (1996)	95
	2.6.4 Model Visual Analitis Stylianou (2002)	102
	2.6.5 Model Terjemahan Lesh et al. (2003)	105
2.7	Teori Pembelajaran	112
	2.7.1 Teori Konstruktivisme	112
	2.7.2 Teori Perkembangan Kognitif Piaget	116
	2.7.3 Teori Sosial Lev Vygotsky	117
	2.7.4 Teori Pembelajaran Bruner	120
2.8	Perwakilan Visual Bar	126
2.9	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	151
2.10	Kemahiran Penyelesaian Masalah	175
2.11	Pembelajaran Abad Ke 21	183
2.12	Kajian-kajian Lepas	202
	2.12.1 Kaedah Perwakilan Visual Bar	202
	2.12.2 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	208

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	2.12.3	Kemahiran Penyelesaian Masalah	218
2.13	Rumusan		250

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan		252
3.2	Reka Bentuk Kajian		253
	3.2.1	Kajian Kuasi Eksperimental	256
3.3	Lokasi Kajian		260
	3.3.1	Lokasi Fasa Analisis Kajian Keperluan	260
	3.3.2	Lokasi Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	261
	3.3.3	Lokasi Fasa Penilaian	262
3.4	Populasi dan Sampel Kajian		262
	3.4.1	Populasi dan Sampel Fasa Analisis Kajian Keperluan	263
	3.4.2	Populasi dan Sampel Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	264
	3.4.3	Populasi dan Sampel Fasa Penilaian	265
3.5	Instrumen Kajian		267
	3.5.1	Instrumen Kajian Bagi Fasa Analisis Keperluan	268
	3.5.2	Instrumen Kajian Bagi Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	272
	3.5.3	Instrumen Kajian Bagi Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	273
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen		277
	3.6.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Ujian Tahap KBAT, Ujian Pra dan Pasca	277

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	3.6.2	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	279
3.7		Ancaman Kajian Kuasi Eksperimental	285
3.8		Prosedur Kajian	291
3.9		Pengumpulan Data	293
	3.9.1	Latar Semula Jadi *(Natural Setting)*	293
	3.9.2	Pengkaji Merupakan Alat Utama *(Researcher As Key Instrument)*	294
	3.9.3	Maksud Peserta (*Participants Meanings*)	295
	3.9.4	Data daripada Pebagai Sumber *(Multiple Sources of Data)*	296
	3.9.5	Menganalisis Data secara Induktif *(Inductive Data Analysis)*	297
	3.9.6	Kemunculan Corak Baharu *(Emergent Design)*	297
	3.9.7	Teoritikal (Theoretical Lens)	298
	3.9.8	Pengiraan Holistik *(Holistic Acount)*	298
	3.9.9	Kaya dengan Diskripsi Naratif *(Rich Naratif Descriptions)*	299
	3.9.10	Proses Orientasi (Process Orientation)	299
3.10		Penganalisisan Data	302
3.11		Rumusan	304

BAB 4 PEMBANGUNAN KERANGKA VISUAL BAR

4.1		Pendahuluan	306
4.2		Model ADDIE Pusingan Kedua	307
	4.2.1	Pusingan Kedua	310
4.3		Reka Bentuk Pembangunan	312

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4	Kaedah Delphi	318
4.5	Kaedah Fuzzy Delphi	327
4.6	Reka Bentuk Pembangunan dalam Kajian	331
4.7	Rumusan	334

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	335
5.2	Fasa Analisis Keperluan	335
5.2.1	Bahagian I	336
5.2.2	Bahagian II	337
5.3	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	351
5.3.1	Pembentukan Panel Pakar	352
5.3.2	Pelaksanaan dan Pengumpulan Data melalui Teknik Delphi	353
5.3.3	Pusingan Pertama	355
5.3.4	Pusingan Kedua	356
5.3.5	Rumusan Delphi dua Pusingan	360
5.4	Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	362
5.4.1	Fasa Pelaksanaan	362
5.4.2	Penilaian	371
5.5	Rumusan	386

BAB 6 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

6.1	Pendahuluan	387

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2	Ringkasan Kajian		387
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian		390
	6.3.1	Fasa 1: Analisis Keperluan	391
	6.3.2	Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan	399
	6.3.3	Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian	402
6.4	Implikasi Kajian		410
	6.4.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	411
	6.4.2	Guru	411
	6.4.3	Murid	412
	6.4.4	Teori Atau Model Pembelajaran	412
6.5	Sumbangan Kajian		413
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan		414
6.7	Rumusan		416
RUJUKAN			418

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Pencapaian TIMSS dan PISA Malaysia	11
3.1	Reka Bentuk kajian	257
3.2	Instrumen Berdasarkan Pemboleh Ubah Kajian	267
3.3	Spesifikasi Ujian Tahap KBAT	271
3.4	Spesifikasi Ujian Pra dan Ujian Pasca	276
3.5	Skala Likert Tujuh Poin	281
3.6	Perincian Penganalisisan Terhadap Item Instrumen Soal Selidik Bagi Sesi Kajian Fuzzy Delphi	281
3.7	Aras Persetujuan Bagi 7 Skala Likert	283
4.1	Pusingan Pertama	308
4.2	Pusingan Kedua	310
4.3	Dua Jenis Kajian DDR	315
4.4	Aktiviti Kajian dalam Tiga Fasa Reka Bentuk Pembangunan	333
5.1	Tahap KBAT Sedia Ada Murid Tahun 4 dalam Penyelesaian Masalah Matematik Berbentuk KBAT	337
5.2	Latar Belakang Informan	338
5.3	Persepsi Guru Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pdpc Matematik	339
5.4	Matrik Pembentukan Panel Pakar	353
5.5	Tahap Konsensus Panel Pakar	354
5.6	Nilai Threshold Bagi Elemen dalam Kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik	357
5.7	Nilai Threshold Bagi Sub Elemen dalam Kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik	358

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.8	Peratus Persetujuan Pakar Bagi Elemen dalam Kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik	359
5.9	Peratus Persetujuan Pakar Bagi Sub Elemen dalam Kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT Pdpc Matematik	360
5.10	Pelaksanaan Kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) Untuk Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT dalam PdPc Matematik	363
5.11	Contoh Penggunaan Kerangka PVB dalam Menyelesai Masalah Berasaskan KBAT Bagi Topik Masa dan Waktu	364
5.12	Contoh Penggunaan Kerangka PVB dalam Menyelesai Masalah Berasaskan KBAT Bagi Topik Jarak	367
5.13	Contoh Penggunaan Kerangka PVB dalam Menyelesai Masalah Berasaskan KBAT Bagi Topik Jisim	369
5.14	Latar Belakang Informan	372
5.15	Kelebihan Kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB)	373
5.16	Keputusan Ujian Normaliti bagi Kumpulan Kawalan	383
5.17	Keputusan Ujian Normaliti bagi Kumpulan Rawatan	383
5.18	Keputusan Ujian T test Bagi Kumpulan Kawalan	384
5.19	Keputusan Ujian T Bagi Kumpulan Rawatan	384
5.20	Keputusan Ujian T test Tidak Bersandar Bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan	385
5.21	Keputusan Ujian Bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	385

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	27
2.1	Model Polya 1957	87
2.2	Model Schoenfeld 1985	93
2.3	Krulik dan Rudnick 1996	101
2.4	Model Visual Analitis Stylianou 2002	104
2.5	Model Terjemahan Lesh et al. (2003)	106
2.6	Proses Pembangunan Pengetahuan (Taber 2011)	113
2.7	Kedudukan ZPD	119
4.1	Model ADDIE (McGriff, 2000)	307
5.1	Kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB)	361

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DDR	Development and Design Research
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdPc	Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangun Pendidikan Malaysia
PVB	Perwakilan Visual Bar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB)
B	Carta Aliran Perlaksanaan Kajian
C	RPH Kumpulan Rawatan
D	RPH Kumpulan Kawalan
E	Instrumen Ujian Tahap KBAT Murid Tahun 4
F	Instrumen Ujian Pra dan Pasca Penilaian Kerangka PVB
G	Inventeri Protokol Temubual
H	Soal Selidik Fuzzy Delphi Membangunkan Kerangka PVB
I	Surat Perlantikan Pakar Fuzzy Delphi
J	Borang Permohonan EPRD
K	Surat Kelulusan EPRD
L	Surat Pengesahan Pembentangan Proposal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Pendidik merupakan nadi utama dalam merealisasikan perjuangan bagi membina cara berfikir yang kreatif serta kritis (Dahlan Pamuda & Muhamad Sofwan, 2023). Sebagai pendidik, adalah menjadi tanggung jawab kita bagi membina kemahiran dan meningkatlkan berfikir murid. Warga pendidik perlu membina usaha dalam menyediakan murid yang berupaya menyesuaikan diri dengan suasana iklim di persekitaran persekolahan. Bidang pendidikan merupakan tumpuan utama dalam perbincangan apabila dikaitkan dengan kemenjadian modal insan yang berkualiti (Majid et al., 2020). Ini membuktikan, kompetensi dan kualiti intelektual guru sebagai agen yang melaksanakan tindakan menjadi faktor penting bagi memastikan matlamat negara berjaya direalisasikan (Hie et al., 2018). Menurut Bakar dan Alias

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2021), tahap pengetahuan serta kemahiran guru merupakan perkara yang sangat penting yang perlu diambil perhatian bagi memastikan matlamat murid dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran di bilik darjah tercapai dengan jayanya. Guru berperanan penting dalam menyediakan murid supaya dapat merealisasikan matlamat negara.

Malaysia sedang bersaing hebat dengan negara-negara maju di peringkat global dalam semua aspek termasuk pendidikan. Cabaran dalam pendidikan hari ini adalah untuk mengajar murid dengan pelbagai teknik atau kaedah yang berbeza. Guru dikehendaki mengajar dengan cara untuk membolehkan murid mempelajari konsep sains dan matematik sambil meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dan kemahiran menaakul (Kamaleswaran, 2017). Menurut Nasarudin (2014) dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, transformasi dalam bidang penyampaian pengajaran dan pembelajaran amat diperlukan. Pendekatan dan strategi baharu amat diperlukan supaya murid mampu menguasai kemahiran yang selaras dengan perkembangan sains dan teknologi bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu pelan pendidikan yang terhasil daripada perbincangan dan data yang diterima daripada pakar penyelidikan dari Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), beberapa organisasi di peringkat global dan institusi-institusi pengajian tinggi awam yang terdapat di Malaysia. Dasar pendidikan baru yang diperkenalkan melalui PPPM 2013-2025 menetapkan kemahiran berfikir sebagai salah satu daripada enam ciri utama aspirasi murid yang perlu ada pada seorang murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi bersaing di peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kemahiran berfikir bukan merupakan suatu benda yang baharu. Ia telah diperkenalkan sebagai Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK). Manakala Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu komponen kemahiran berfikir. Penggunaan pengetahuan, kemahiran serta nilai yang diperoleh bagi menyelesaikan suatu masalah dan membuat keputusan serta mereka cipta merupakan kemahiran yang harus dikuasai oleh murid bagi meningkatkan KBAT.

Kemahiran berfikir terbahagi kepada dua bahagian, Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KBAR boleh didefinisikan sebagai penggunaan aplikasi rutin berfikiran terhad dan mekanistik (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013). Sementara itu, Onosko dan Newmann (1994) mendefinisikan KBAT sebagai penggunaan potensi minda untuk menghadapi cabaran baharu. KPM mentakrifkan KBAT sebagai keupayaan untuk menerapkan pengetahuan, kemahiran, nilai dalam membuat pertimbangan dan refleksi untuk penyelesaian masalah, membuat keputusan, inovatif dan mampu mencipta sesuatu yang baharu (LPM, 2013).

Penguasaan KBAT amat diberi penekanan kepada murid di peringkat sekolah rendah lagi bagi menyediakan murid ini menghadapi cabaran abad ke-21. Penekanan KBAT dalam kalangan guru-guru dan murid-murid khususnya dalam pengajaran berfikir merupakan satu sasaran dalam PPPM (2013-2025). Ini telah dilaksanakan menggunakan pelbagai alat dengan harapan murid boleh berfikir pada aras yang tinggi. Sebagai pendidik, adalah menjadi tanggungjawab guru untuk memperkenalkan pelbagai kaedah serta teknik untuk menjawab pelbagai soalan aras tinggi yang dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan kepada murid di bangku sekolah rendah lagi. Menurut Rajendran (2017), pada masa ini pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir menjadi minat ramai pendidik dan penyelidik. Banyak usaha yang dilakukan bagi memasukkan kemahiran berfikir dalam banyak mata pelajaran termasuk matematik. Menurut kajian yang dilakukan oleh Nur Shahirah dan Zamri Mahamod (2021), beliau mendapati guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan mengamalkan sikap yang positif terhadap pelaksanaan KBAT.

Pendidikan matematik memerlukan satu pengubahsuaian atau transformasi dalam aspek tujuan, kandungan, pendekatan dan penilaian. Menurut Clark (2016), aspek ini perlu disusun serta dinilai bagi menyatupadukan penyampaian kandungan dengan kerelevanan yang melibatkan pengetahuan fakta, pengetahuan konseptual serta pengetahuan strategik. Pelbagai usaha perlu diambil untuk membaiki, memperkukuh dan meningkatkan kualiti Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) bagi melonjakkan mutu pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi (Azrul, 2017). Keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada interaksi guru dengan murid di samping komunikasi di kalangan murid-murid serta cara murid-murid berkomunikasi dengan bahan pembelajaran mereka (Mazlini et al., 2013) Kaedah serta strategi penyelesaian masalah yang berkesan perlu didedahkan kepada murid agar mereka boleh menggunakannya bagi memahami soalan dan menjawab pelbagai soalan yang mencabar dengan betul melalui interaksi guru dan murid secara berkesan.

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan dan menilai kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) serta mengkaji keberkesanan PdPc menggunakan kerangka PVB bagi menjawab soalan penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik. Kerangka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini digunakan sebagai panduan bagi murid semasa menjawab soalan penyelesaian masalah matematik berbentuk KBAT menggunakan kaedah PVB. Langkah-langkah yang terdapat pada kerangka ini akan digunakan oleh murid semasa menyelesaikan soalan penyelesaian masalah matematik berbentuk KBAT.

Bab ini bertujuan untuk memberikan latar belakang, merumuskan masalah kajian, menetapkan tujuan dan objektif kajian, menyatakan persoalan kajian, menyusun hipotesis kajian, membentangkan kerangka konseptual, menggariskan kepentingan kajian, menetapkan batasan kajian, mendefinisikan operasi konsep, dan merumuskan rumusan bagi kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia kini berada dalam saingan sengit dengan negara-negara maju di peringkat global, termasuk dalam bidang pendidikan. Cabaran utama hari ini ialah mengajar murid dengan pelbagai teknik dan kaedah yang berbeza, dengan fokus pada pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi dan menaakul (Kamaleswaran, 2017). Pendidik memainkan peranan utama dalam merealisasikan perjuangan membina cara berfikir kreatif dan kritis (Dahlan Pamuda & Muhamad Sofwan, 2023). Mereka tidak hanya terlibat dalam pengembangan kemahiran berfikir, tetapi juga dalam persediaan murid untuk menyesuaikan diri dengan suasana iklim persekolahan.

Bidang pendidikan menjadi tumpuan utama, terutama dalam konteks kemajuan modal insan yang berkualiti (Majid et al., 2020). Kompetensi dan kualiti intelektual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru menjadi kunci dalam memastikan matlamat negara dapat direalisasikan dengan berjaya (Hie et al., 2018). Peningkatan pengetahuan dan kemahiran guru adalah faktor penting (Bakar & Alias, 2021) untuk mencapai matlamat pembelajaran murid.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menjadi panduan yang berasal dari perbincangan dengan pakar penyelidikan global dan institusi tempatan. Pelan ini menetapkan kemahiran berfikir sebagai ciri utama aspirasi murid untuk bersaing di peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) serta Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menjadi penekanan utama. KBAT didefinisikan sebagai penggunaan potensi minda untuk menghadapi cabaran baru (Onosko & Newmann, 1994). PPPM menekankan penggunaan KBAT untuk mempersiapkan murid menghadapi cabaran abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Definisi kemahiran berfikir terbahagi kepada Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KBAR merangkumi penggunaan aplikasi rutin berfikiran terhad dan mekanistik (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013). Sementara itu, KBAT adalah keupayaan untuk menerapkan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam membuat pertimbangan dan refleksi untuk penyelesaian masalah, membuat keputusan, inovatif, dan mencipta yang baharu (LPM, 2013).

Penguasaan KBAT diberi penekanan kepada murid di peringkat sekolah rendah untuk menyediakan mereka menghadapi cabaran abad ke-21. Guru memainkan peranan penting dalam mengajar murid menggunakan pelbagai kaedah dan teknik untuk menjawab soalan aras tinggi dengan berkesan (Rajendran, 2017). PPPM (2013-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2025) menetapkan penekanan pada pengajaran dan pembelajaran berfokuskan berfikir, dan usaha telah dilakukan untuk memasukkan kemahiran berfikir dalam pelbagai mata pelajaran, termasuk matematik (Nur Shahirah & Zamri Mahamod, 2021).

Banyak kajian yang telah dijalankan dalam KBAT dan penyelesaian masalah terutamanya dalam mata pelajaran matematik kerana ianya sebahagian dari kurikulum bagi mata pelajaran tersebut (Mat Isa & Mahamod, 2021; Yoong & Nasri, 2021). Menurut Mohd Syaubari (2019), penyelesaian masalah merupakan satu kemahiran yang amat penting bagi murid dalam memahami kurikulum. Boleh dikatakan semua topik pembelajaran dalam subjek matematik di peringkat sekolah rendah di uji dengan kemahiran penyelesaian masalah berserta dengan soalan berasaskan KBAT. Menurut McDonnell (2017), individu boleh dilatih untuk menguasai kemahiran berfikir jika mereka diberikan latihan yang sistematik dan berterusan. Maka ini jelas menunjukkan KBAT boleh diterapkan di kalangan murid-murid melalui satu bentuk latihan yang terancang.

Menurut Abdul Said (2014), pembelajaran matematik seharusnya menitikberatkan konsep pembelajaran secara mendalam dan bermakna. Ini boleh dicapai melalui pembelajaran berskema iaitu dengan mengaitkan pembelajaran baharu dengan skema yang sedia ada pada murid. Maksudnya, pembelajaran tanpa pemahaman yang betul dan mendalam dengan hanya menghafal tidak membantu dalam pembelajaran jangka masa panjang. Menurut Tuan Salwani (2014), keupayaan untuk mengingati apa yang dipelajari menjadi kunci kejayaan proses pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

matematik. Ini jelas menunjukkan pemahaman murid amat penting dalam proses pembelajaran.

Satu cara atau teknik yang inovatif amat perlu dalam pengajaran dan pembelajaran matematik supaya dapat mendorong pembelajaran kanak-kanak dengan lebih mudah untuk difahami dan berkesan (Salleh & Shaari, 2019). Penggunaan visual amat memainkan peranan yang sangat penting bagi murid untuk memahami secara lebih mendalam bagi soalan berbentuk penyelesaian masalah dan KBAT (Azrul, 2017). Pendekatan kaedah pengajaran yang digunakan di sekolah akan menyumbang kepada prestasi murid-murid untuk menyelesaikan soalan penyelesaian masalah matematik (Chew et al., 2021). Apa yang nyata, Kaedah PVB merupakan satu strategi penyelesaian masalah berbentuk visual dan penggunaan bahan bantu mengajar seperti kit model bar akan mendorong murid untuk belajar dengan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam rangka empat langkah penyelesaian masalah yang diperkenalkan oleh Polya (2014), peringkat perancangan melibatkan pelbagai strategi lain yang berkaitan. Hal ini termasuklah pencarian corak perancangan, penggunaan formula, penggunaan logik, bekerja secara “mengundur” ke belakang, melakonkan masalah menggunakan perkara-perkara yang boleh dimanipulasikan, menyelesaikan masalah serupa tapi lebih ringkas, mengamalkan “teka, periksa dan semak” dan penggunaan carta dan rajah. Assim et al. (2015) menyarankan penggunaan gambar untuk menyokong murid dalam proses mereka mendapatkan pemahaman konsep kandungan mata pelajaran matematik secara mendalam. Ini memperkukuhkan penggunaan visual berkesan dalam menyelesaikan masalah matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Permulaan konsep pembelajaran abad ke-21 ini mendorong para pendidik untuk mempelbagaikan pedagogi pengajaran mereka di dalam bilik darjah (Zaharah et al., 2019). Pembelajaran abad ke-21 menuntut para pengajar untuk sentiasa membuat sumbang saran untuk menonjolkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid dalam usaha untuk memenuhi permintaan era globalisasi masa kini (Zulkifli et al., 2020). Setanding dengan pembelajaran abad ke-21, sistem pendidikan di Malaysia direka untuk memperkasakan murid untuk memperoleh dan menyebarkan pengetahuan yang dipelajari demi kebaikan masyarakat. Idea ini relevan dengan salah satu daripada enam aspirasi murid yang digariskan dalam (PPPM, 2013). Salah satu ciri utama yang digambarkan dalam aspirasi murid adalah etika dan kerohanian. Di samping itu, Falsafah Pendidikan Negara berhasrat untuk menghasilkan individu holistik yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi mempunyai taraf moral yang tinggi. Secara munasabah, adalah diharapkan murid mampu memperoleh pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan untuk menghadapi abad ke-21.

Sejajar dengan perkara ini, kurikulum di Malaysia direka untuk menggabungkan topik yang menggambarkan situasi kehidupan sebenar. Menurut Kolb (2014), pembelajaran berasaskan pengalaman menawarkan murid menyentuh realiti yang sedang dikaji secara langsung. Menurut teori pengalaman, murid membina pengetahuan dari persekitaran sosio-budaya mereka. Teori ini disokong lagi oleh Pusat Penyelidikan Dasar Pasifik (2010) yang mengemukakan bahawa pembelajaran abad ke-21 perlu dilakukan dalam konteks yang memperkasakan murid untuk belajar dalam persekitaran sebenar. Kerangka PVB ini boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah melibatkan perbandingan, pendaraban atau pembahagian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kuantiti dalam permasalahan dipersembahkan dalam bentuk nombor bulat, perpuluhan, pecahan atau peratusan.

Kerangka PVB ini boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah melibatkan penambahan, penolakan, perbandingan, pendaraban dan semua operasi dalam Matematik merangkumi tambah, tolak, darab dan bahagi. Menurut Herman (2020), PVB merupakan satu kaedah yang efektif untuk menyelesaikan permasalahan ia juga adalah satu teknik bergambar yang berpengaruh bagi menghasilkan hanya satu jawapan, yang diperoleh dengan menggunakan prinsip-prinsip yang telah dipelajari oleh murid bukan sekadar melalui kaedah cuba-cuba yang tidak terancang.

1.3 Pernyataan Masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum yang berasaskan standard antarabangsa dijelmakan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menerusi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kurikulum standard ini dilaksanakan di sekolah rendah bagi memenuhi hasrat PPPM 2013-2015, supaya kualiti kurikulum dilaksanakan setanding dengan standard antarabangsa. Dalam DSKP semakan 2017 yang diterbitkan oleh KPM (2018), elemen KBAT serta Kemahiran Abad ke-21 telah dimasukkan secara eksplisit. Dalam menjayakan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, Bahagian Pembangunan Kurikulum menyeru guru agar memberikan penekanan kepada KBAT. Maka, menjadi amanah setiap pendidik untuk merealisasikan hasrat KPM ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Siti Sarah dan Lilia (2021) dalam kajian mereka mengatakan bahawa pencapaian yang diperoleh oleh Malaysia dalam PISA sering menjadi ukuran Kementerian Pendidikan Malaysia kerana keputusan dan pencapaian PISA Malaysia masih berada pada kedudukan skor purata yang rendah. Tahap KBAT dalam kalangan murid di Malaysia masih belum lagi mencapai tahap antarabangsa malah lebih mendukacitakan kedudukan Malaysia kurang memberangsangkan dalam penilaian antarabangsa seperti TIMSS *(Trends in International Mathematics and Science Study)* (Hamidah et al., 2019). TIMSS adalah penilaian antarabangsa bagi matematik dan sains yang mengukur pengetahuan kandungan dan kemahiran kognitif murid gred 4 (10 tahun) dan gred 8 (14 tahun) (Subeli & Rosli, 2021). Laporan TIMSS 2015 yang diterbitkan oleh KPM (2016) menunjukkan negara kita jauh ketinggalan dari segi skor yang diperoleh di mana masih belum mencapai purata skor antarabangsa yang ditetapkan. Berikut dijadualkan pencapaian *TIMSS* dan *PISA* dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Pencapaian TIMSS dan PISA Malaysia

Laporan	Tahun	Skor Matematik
TIMSS	2007	474
	2011	440
	2015	465
	2019	461
PISA	2009	404
	2012	421
	2015	446
	2018	440
	2022	409

KPM (2021); KPM (2022)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berfokus kepada pencapaian Malaysia bagi matematik dalam TIMSS, sehingga tahun 2015 Malaysia tidak dapat mencapai purata skor antarabangsa yang ditetapkan iaitu 500 (Azizi & Roslinda, 2021). Pada tahun 2007, Malaysia memperoleh markah sebanyak 474, seterusnya menurun kepada 440 skor pada tahun 2011 dan yang terkini Malaysia memperoleh 465 skor pada tahun 2015 (Abu Bakar & Abu Samah, 2021). Menteri Pendidikan Malaysia pada tahun 2016, menyatakan bahawa keputusan Malaysia bagi TIMSS masih lagi kurang memberangsangkan namun diharap akan agar memperoleh keputusan yang lebih baik pada masa akan datang.

Analisis TIMSS jelas menunjukkan bahawa murid di Malaysia kurang berkemampuan untuk mengaplikasikan KBAT. Keupayaan KBAT murid murid Malaysia masih berada pada tahap yang rendah seperti yang dilihat daripada hasil tinjauan TIMSS. Antara faktor yang penyumbang kepada situasi ini ialah murid di Malaysia kurang membuat latihan penyelesaian berbentuk KBAT (Marzita et al. 2018). Menurut Ali (2018), murid di Malaysia mempunyai pengetahuan tetapi tidak dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam bentuk yang lain. Salah satu faktor yang menjadikan murid tidak dapat menjawab soalan KBAT adalah kerana guru amat kurang menerapkan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ibrahim et al., 2019). Azieyana dan Christina (2018) menyatakan bahawa kegagalan guru untuk menerapkan KBAT akan memberi kesan yang serius kepada sistem pendidikan seterusnya boleh menyebabkan kemerosotan pencapaian negara dalam penilaian antarabangsa seperti TIMSS dan PISA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan pentaksiran tersebut menunjukkan kualiti sistem pendidikan di Malaysia tidak setanding dengan negara-negara dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti Korea Selatan, Jepun, Hong Kong dan Singapura (Bernard et al., 2021). Perkara yang mengejutkan adalah skor yang diperoleh dalam TIMSS bagi Singapura yang merupakan negara jiran yang sangat rapat dengan Malaysia berjaya meraih tempat pertama dengan skor tertinggi pada tahun 2015 dengan skor 621 dan skor 618 pada tahun 2019 jauh meninggalkan Malaysia (Kaviza, 2019). Dalam pentaksiran PISA 2015 Singapura menduduki tempat yang pertama dan berjaya memperoleh skor sebanyak 564 dan pada tahun 2018 Singapura memperoleh skor 569 dan mendapat tempat kedua selepas Negara China (Er & Rosli, 2021). Perbezaan yang ketara antara Malaysia dan Singapura menjadi antara faktor untuk meneliti kaedah pembelajaran terutamanya bagi mata pelajaran matematik. Kajian ini mendapati dalam sukatan matematik negara Singapura ada menggunakan kaedah model bar. Kaedah ini terbukti berkesan bukan sahaja di negara itu malah terdapat juga kajian di Malaysia yang telah membuktikan kaedah ini sangat berkesan (Er & Rosli, 2021).

Kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis melibatkan daya pemikiran pada satu tahap aras tinggi (Columbano, 2019). Walau bagaimanapun, penerapan KBAT masih kurang ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Christina & Rosmiza, 2023). Terdapat beberapa isu yang yang timbul dalam melaksanakan KBAT dalam pembelajaran. Antaranya ialah kurang persediaan dan keperluan para guru dalam merancang pembelajaran berteraskan KBAT di sekolah kerana berlakunya keciciran maklumat di peringkat kursus dalaman (Chew & Hamad, 2018). Dalam masa yang sama, kesediaan para murid perlu dititikberatkan agar mereka mampu memahami pembelajaran dengan lebih efektif melalui penyampaian guru (Bael,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2021). Menurut kajian yang dilakukan oleh Nur Shahirah dan Zamri (2021), guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan mengamalkan sikap yang positif terhadap pelaksanaan KBAT, namun, proses pembelajaran tidak dapat berjalan dengan baik apabila tidak mendapat kerjasama daripada para murid semasa proses pembelajaran berlangsung. Pelaksanaan KBAT adalah saling berkaitan dengan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang mempunyai matlamat melahirkan masyarakat yang berfikiran aras tinggi namun terdapat hasil kajian yang menunjukkan para guru belum mempunyai persediaan yang mantap dalam melaksanakan KBAT dan PAK21 atas beberapa faktor seperti kekurangan infrastruktur yang bersesuaian, kekurangan bahan sokongan pengajaran dan tahap pencapaian murid (Bael et al., 2022). Ini jelas menunjukkan kekurangan panduan kepada guru bagi mengaplikasikan kemahiran KBAT kepada murid yang merupakan salah satu faktor pencapaian KBAT murid merosot. Mazliza dan Nor'ain (2021) mendapati kebanyakan guru belum bersedia sepenuhnya melaksanakan KBAT kerana tidak mengetahui kaedah untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran.

Bagi memurnikan sistem penyampaian dan pentaksiran KBAT, sokongan perlu diberikan kepada guru matematik bagi memastikan kejayaan dalam pelaksanaan KBAT (Dzul et al., 2021). Kunyo dan Mohammad Yasin (2021) mendapati bahawa cabaran utama guru adalah untuk mengenal pasti cara serta menjalankan pengajaran yang boleh memastikan objektif KBAT dapat dicapai. Kaedah yang betul berupaya menjana pemikiran kritis dan kreatif murid yang seterusnya berupaya meningkatkan tahap KBAT mereka (Mohamad et al., 2019). Guru matematik pada masa kini masih memberi tumpuan kepada penghafalan pelbagai konsep, teorem dan formula dalam matematik serta berfokus kepada jawapan yang tepat bagi penyelesaian masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

matematik tanpa menitikberatkan keupayaan murid untuk memahami konsep dan mendalami konsep dengan menggunakan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid dalam menyelesaikan masalah (Mokter, 2019). Namun tidak dinafikan, pelaksanaan KBAT bukanlah suatu perkara yang mudah dan perlu dilakukan secara berterusan kerana murid mempunyai potensi dan kemampuan yang berbeza-beza (Nabihah Nawi & Mohamed Yusoff, 2018). Pendekatan pembelajaran dengan terapkan kemahiran abad ke-21 amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran matematik agar dapat memantapkan dan mengukuhkan kemahiran berfikir murid kerana penjanaan KBAT boleh mempengaruhi pencapaian matematik dalam akademik mereka (Norazlin et al., 2021).

Pendekatan melalui hubungan sehala dan latih tubi yang dipraktikkan tidak memberi makna dalam satu proses pembelajaran dan perspektif berfikir (Mohamad & Norulhuda, 2019). Menurut Musa dan Meor (2018), kajian membuktikan faktor murid yang berada pada tahap kebolehan yang berbeza juga mempengaruhi pencapaian mereka dalam penyelesaian masalah matematik. Penyelesaian masalah matematik ialah satu proses memahami masalah dan berfikir bagaimana proses penyelesaian tersebut dilaksanakan.

Menurut Subeli dan Rosli (2021), punca masalah ini adalah disebabkan oleh kekurangan penekanan kepada penyelesaian soalan berbentuk KBAT. Menurut Mahmud et al. (2020), guru memainkan peranan dalam mengabaikan persoalan yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid. Murid tidak dapat membuat huraian berkaitan masalah dengan mudah berdasarkan tahap kemahiran berfikir mereka. Oleh yang demikian, gaya pengajaran guru dalam melaksanakan KBAT bagi mata pelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matematik adalah sangat penting supaya murid dapat dilatih berfikir secara aras tinggi.

Penguasaan suatu konsep dalam penyelesaian masalah adalah disokong oleh sekumpulan sistem pemikiran yang mengawal interpretasi dan manipulasi informasi melalui kemahiran bahasa dan keupayaan ruang *(visual spatial)* dalam membentuk perwakilan masalah ke dalam memori kerja (Veknaswari et al., 2019). Minda berupaya memindahkan idea dari bentuk konkrit kepada bentuk yang lebih kompleks serta menggabungkan semua konsep dan prosedur yang sudah dipelajari bagi mengaplikasikannya dalam suatu penyelesaian masalah. Kemahiran mengekstrak dan menterjemah suatu masalah melalui daya imaginasi, kreativiti dan pemikiran logik dalam membentuk perwakilan masalah perlu ditekankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap pendidik dan pentadbir harus sedar akan kepentingan pengajaran KBAT dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Walaupun perdebatan mengenai pengajaran dan penilaian KBAT masih belum ada titik noktah, namun seorang pendidik dan organisasi menyuarakan kebimbangan mengenai isu murid dan graduan yang tidak boleh berfikir (Syarifah & Riyadi, 2019; Thomas & Surat, 2021; Mohd Nawi & Mohd Nor, 2018). Hal ini berkaitan dengan penguasaan ilmu pengetahuan serta kemahiran insaniah terutamanya melibatkan kemahiran penyelesaian masalah. Wee et al. (2020) menyatakan dalam penulisan beliau bahawa berfikir merupakan nikmat yang semakin pupus, budaya berfikir dalam kalangan remaja dan rakyat Malaysia semakin hari dikatakan semakin mendukacitakan. Beliau juga mengatakan lebih mengecewakan lagi apabila terdapat segelintir di antara kita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hanya tahu mengambil ilmu luar secara keseluruhan tanpa periksa asal usul lalu menyebar luaskan kepada orang lain.

Keseronokan Pembelajaran dalam pembelajaran matematik juga dititikberatkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai salah satu elemen dalam Rasional Pendidikan Matematik Sekolah. Dalam dokumen tersebut KPM berharap Pembelajaran Matematik menyediakan peluang untuk murid melaksanakan tugasan kreatif dan mengalami keseronokan dan teruja apabila mengetahui sesuatu yang baru. Pengalaman sedemikian meningkatkan minat dan menjadi daya penggerak murid mempelajari matematik di luar bilik darjah dan di peringkat pengajian yang lebih tinggi (KPM, 2014). Namun, dapatan kajian daripada Subeli dan Rosli (2021) telah menggariskan bahawa murid masih belum mempamerkan rasa keseronokan dan bersedia dengan pengintegrasian KBAT dalam pembelajaran dengan sepenuhnya. Dengan itu, dapatan ini juga disokong dengan kajian Chew dan Hamad (2018) serta Salleh dan Shaari (2019) yang merumuskan bahawa terdapat murid mempunyai sikap negatif terhadap KBAT serta belum mampu menjawab soalan KBAT yang diajukan kepada mereka.

Menurut Yahya et al. (2020), kaedah PdPc tradisional yang sedia ada kurang membantu murid menguasai KBAT dengan berkesan. PdPc tradisional juga menyebabkan prestasi pencapaian murid dalam matematik menjadi rendah. Pengajaran tradisional juga tidak dapat menarik perhatian murid (Azizi & Roslinda, 2021). Suatu yang menarik perhatian amat penting bagi manusia terutamanya untuk murid sekolah rendah. Murid juga berasa bosan dan mudah terganggu dengan kaedah tradisional yang menjejaskan pencapaian murid dalam menjawab soalan berbentuk KBAT matematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Aziz & Andin, 2018). Ini mendorong kajian ini untuk menggunakan Kit Model Bar (KMB) yang sangat menarik dan boleh menarik perhatian murid serta membantu murid menggunakan kemahiran visual dan menghubung kaitkan masalah dengan visual berbentuk bar.

Kemahiran menyelesaikan masalah merupakan kemahiran penting yang perlu dimiliki. Menyelesaikan masalah dalam matematik membantu murid untuk mengaplikasi cara menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran matematik mereka. Menyelesaikan masalah dalam bentuk masalah berbentuk teks merupakan salah satu komponen penting dalam menyelesaikan masalah matematik yang melibatkan masalah dan aplikasi dalam kehidupan sebenar (Abdullah & Darusalam, 2018). Walau bagaimanapun, murid tidak berjaya dalam peperiksaan apabila berhadapan dengan soalan menyelesaikan masalah dalam bentuk teks. Menyelesaikan masalah berbentuk teks merupakan satu bidang yang sukar dan mencetuskan rasa tertekan bagi sebilangan besar murid (Yoong & Nasri, 2021). Murid sering menghadapi kesulitan dalam memahami dan menyelesaikan soalan matematik yang disampaikan dalam bentuk teks. Ini disebabkan oleh kurangnya kemahiran dalam menterjemahkan maklumat matematik yang diberikan dalam konteks teks kepada bentuk matematik yang dapat dikerjakan (Yoong & Nasri, 2021). Selain itu, murid mempunyai pengetahuan matematik yang mencukupi, tetapi kurang mahir dalam mengaplikasikan pengetahuan tersebut untuk menyelesaikan masalah yang kompleks. Ini menunjukkan kekurangan dalam kemahiran berfikir kreatif dan kritis, yang penting untuk menyelesaikan masalah matematik (Ali Ashmad, 2018). Murid juga didapati kurang bersedia untuk menghadapi masalah matematik yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi. Ini boleh disebabkan oleh kurangnya motivasi, minat yang rendah dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

matematik, atau kepercayaan diri yang kurang dalam menyelesaikan masalah (Salleh & Shaari, 2019). Murid dengan tahap kemahiran yang berbeza juga memerlukan sokongan dan panduan yang berbeza dalam menyelesaikan masalah matematik. Kurangnya pengenalpastian keperluan individu dapat mengakibatkan beberapa murid terpinggir dan kesulitan dalam mencapai standard yang dikehendaki (Subeli & Rosli, 2021).

Banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam menyelesaikan masalah. Salah satu faktor adalah pedagogi guru. Guru masih merupakan faktor utama dalam pengajaran dan pembelajaran (Seliaman & Dollah, 2018). Walaupun terdapat banyak teknik dan strategi yang wujud untuk membantu murid dalam menyelesaikan masalah, masih terdapat guru-guru yang menggunakan kaedah pengajaran lama dan berpusatkan guru. Kelemahan dalam pemahaman konseptual berlaku disebabkan paparan dan penggunaan kemahiran berfikir yang tidak mencukupi sepanjang pembelajaran. Seorang guru harus menyesuaikan pengajaran yang dapat memberikan respons kepada kekuatan dan keperluan semua murid (Mohd Zaki & Narawi, 2019). Guru perlu mempertimbangkan keperluan murid dengan gaya pembelajaran dan kebolehan yang berbeza. Oleh itu, adalah sangat penting bagi guru untuk mengubah cara pengajaran mereka berdasarkan keperluan murid dan mempelbagaikan strategi yang diajar kepada murid. Penting bagi murid untuk memilih strategi terbaik ketika mencuba menyelesaikan soalan penyelesaian masalah berbentuk teks.

Menurut Ismail dan Hamzu (2020), terdapat keperluan untuk mengembangkan kaedah pengajaran konstruktivisme. Kaedah dan strategi pengajaran perlu diubah untuk merangkul pembelajaran abad ke-21 berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teori Konstruktivisme. Pendekatan konstruktivis adalah pusat kepada kurikulum matematik ini. Untuk belajar matematik, kanak-kanak perlu membina struktur dalaman mereka sendiri (Mohd Syaubari, 2019). Murid perlu membina pengetahuan mereka sendiri untuk mempunyai pengetahuan yang bermakna yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian. Tujuan pendidikan adalah untuk memperoleh pengetahuan praktikal yang bermakna dan relevan untuk tujuan hidup.

Murid sepatutnya belajar dan mempunyai kemahiran penyelesaian masalah yang dapat digunakan dalam kehidupan mereka (Ibrahim et al., 2019). Kemahiran penyelesaian masalah merangkumi kemahiran analitikal dan pemikiran kritis. Kemahiran ini akan membantu murid dalam pelbagai aspek, terutamanya dalam membuat keputusan. Penyelesaian masalah membantu murid membuat keputusan dalam pelbagai aspek amalan kehidupan. Sepanjang proses penyelesaian masalah, murid akan menggunakan kemahiran mereka untuk menganalisis, mencari penyelesaian, menentukan punca-punca, menilai strategi atau penyelesaian yang mungkin untuk menghadapi atau menyelesaikan konflik, dan akhirnya melaksanakan penyelesaian yang paling berkesan (Hamidah et al., 2019). Visualisasi berperanan sebagai satu komponen penting dalam penyelesaian masalah matematik. Visualisasi merangsang imaginasi murid dan mendalami pemahaman mereka. Ia tidak hanya membantu murid untuk mevisualisasikan soalan, malah membantu meningkatkan kemahiran berfikir mereka. Dengan mempelajari cara visualisasikan soalan, murid dapat menggunakan teknik ini untuk topik lain yang melibatkan penyelesaian masalah pada pelbagai tahap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian yang dijalankan oleh Adnan et al. (2018), murid kurang memberi tumpuan kepada kemahiran penterjemahan dan penyelesaian masalah matematik semasa prosedur PdPc. Mereka lebih cenderung untuk menerangkan pendekatan jawapan dengan melukisnya di papan tulis. Menurut Muhammad Raflee dan Halim (2021), murid kurang mahir dalam menyelesaikan masalah yang mudah, dan juga dalam menyusun strategi untuk menyelesaikan isu dengan tahap pemikiran yang sesuai.

Antara masalah yang sering berlaku dalam menyelesaikan masalah matematik, khususnya berkaitan dengan topik masa dan waktu, panjang, jisim dan isipadu. di kalangan murid sekolah rendah adalah kurangnya pemahaman konsep dan kelemahan dalam menerapkan kemahiran matematik yang relevan (Abdullah et al., 2020). Murid sering menghadapi kesukaran untuk menghubungkan konsep matematik dengan situasi dunia nyata, seperti mengukur waktu dalam kehidupan harian (Ibrahim et al., 2019). Selain itu, kurangnya kemahiran pemodelan dan penggunaan strategi penyelesaian masalah juga menjadi halangan yang sering dihadapi oleh murid (Zainal & Ramli, 2019).

Kaedah yang digunakan dalam menyelesaikan masalah matematik berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) memerlukan pendekatan yang lebih mendalam dan kompleks berbanding dengan penyelesaian masalah rutin. Ini melibatkan proses berfikir kritis, analisis yang mendalam, penggunaan kemahiran kreatif, serta pemahaman konsep yang mendalam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Penyelesaian masalah KBAT memerlukan penguasaan kemahiran penggunaan maklumat, pemikiran abstrak, dan kemampuan menganalisis situasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang tidak rutin (Aziz & Andin, 2018). Pentingnya penyelidikan terhadap Perwakilan Visual Bar (PVB) dalam menyelesaikan masalah matematik KBAT menjadi jelas. PVB membantu dalam menghadirkan masalah secara visual dan mewakili maklumat dengan jelas menggunakan bar atau diagram, yang memudahkan murid dalam memahami hubungan antara data, konsep, dan penyelesaian masalah (Er & Rosli, 2021). Kajian terhadap PVB menjadi relevan dalam menilai keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah KBAT dalam kalangan murid.

Berdasarkan pernyataan masalah yang diberikan, terdapat beberapa jurang penyelidikan yang dapat dikenal pasti, antaranya adalah kurangnya penekanan terhadap KBAT dalam pendidikan matematik (Siti Sarah & Lilia, 2021; Aziz & Andi, 2018), pelaksanaan KBAT yang tidak berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran (Christina & Rosmiza, 2023; Chew & Hamad, 2018), prestasi rendah dalam penilaian antarabangsa (Siti Sarah & Laila, 2021), kurangnya persediaan guru (Aziz & Andi, 2018; Dzul et al., 2021) dan penglibatan dan minat murid yang terhad dalam matematik (Azizi & Roslinda, 2021; Subeli & Rosli, 2021). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan suatu kerangka PVB dengan menggunakan kaedah model Bar bagi membantu murid dalam menyelesaikan masalah berbentuk KBAT.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah bagi membangunkan Kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini ialah :-

Fasa I: Analisis Keperluan

i. Mengenal pasti tahap KBAT dalam matematik bagi murid Tahun 4.
ii. Meneroka persepsi guru terhadap isu dan cabaran dalam PdPc matematik, khususnya berkaitan dengan kemahiran penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam kalangan murid tahun 4.

Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan

iii. Mereka bentuk kerangka PVB bagi penyelesaian masalah matematik tahun 4 berbentuk KBAT dalam PdPc matematik.
iv. Membangunkan kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik.

Fasa III: Pelaksanaan dan Penilaian

v. Melaksanakan Kerangka PVB dalam PdPc penyelesaian masalah berbentuk KBAT bagi topik masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu dalam mata pelajaran Matematik bagi murid tahun 4.
vi. Menilai keberkesanan Kerangka PVB dalam PdPc penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam mata pelajaran Matematik bagi murid tahun 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Persoalan Kajian

Bagi memastikan objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan ini tercapai, maka soalan-soalan kajian seperti berikut telah dibina iaitu:

Fasa I: Analisis Keperluan

i. Apakah tahap KBAT sedia ada murid tahun 4 dalam penyelesaian masalah matematik berbentuk KBAT ?
ii. Apakah persepsi guru terhadap isu dan cabaran dalam PdPc matematik, khususnya berkaitan dengan kemahiran penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam kalangan murid tahun 4 ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan:

iii. Apakah elemen-elemen yang perlu ada dalam Kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik?
iv. Adakah elemen-elemen dalam Kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik memenuhi syarat kesahan dan boleh dipercayai?

Fasa III: Pelaksanaan dan Penilaian

v. Bagaimanakah kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam topik masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu dalam PdPc matematik?
vi. Apakah kelebihan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vii. Adakah terdapat perbezaan min skor pencapaian murid sebelum dan selepas menggunakan Kerangka PVB bagi kumpulan rawatan?

viii. Adakah terdapat perbezaan min skor pencapaian murid selepas menggunakan Kerangka PVB antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian ini, hipotesis nul adalah:

i. Hipotesis Nul 1

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor pencapaian murid sebelum dan selepas menggunakan Kerangka PVB bagi kumpulan rawatan.

ii. Hipotesis Nul 2

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor pencapaian murid selepas menggunakan Kerangka PVB antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual bermaksud satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian dan peringkat atau fasa dalam kajian. Kerangka konseptual juga boleh diasaskan di atas mana-mana teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang ada atau dibentuk sendiri berasaskan kajian terdahulu. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini. Kerangka konseptual juga menjelaskan secara ilustrasi grafik keseluruhan hala tuju penyelidikan ini dan secara operasional ianya merupakan urutan peristiwa asas yang mengandungi situasi pencetus, aktiviti khusus dan hasil yang dijangka dalam sesuatu kajian (Nik Azis 2019).

Kajian ini merupakan pembangunan dan penilaian kerangka PVB untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT bagi subjek matematik dan mengkaji keberkesanan kerangka PVB. Bagi membangunkan kerangka PVB, kajian ini menggunakan model ADDIE sebagai asas kajian (Molenda, 2003). Justifikasi pemilihan model ADDIE termasuk kepopularannya dan kesesuaiannya dalam konteks pembangunan kurikulum dan program pembelajaran. Model ini menawarkan pendekatan sistematik yang melibatkan Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Implementasi, dan Penilaian. Ia memberikan struktur yang jelas untuk menguruskan projek pembelajaran dari permulaan hingga penilaian akhir, yang membuatnya sesuai untuk penggunaan dalam pelbagai konteks pendidikan dan latihan. Selain itu, model ADDIE adalah fleksibel dan boleh disesuaikan dengan keperluan dan kehendak individu atau organisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian reka bentuk dan pembangunan iaitu DDR (*Design and Development Research*) jenis I. Dalam kajian ini terdapat tiga fasa secara keseluruhannya iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan kerangka serta fasa pelaksanaan penilaian kerangka PVB. Dalam fasa satu iaitu analisis keperluan, ujian tahap KBAT dijalankan bagi 400 murid sekolah rendah tahun 4. Ujian ini dijalankan bagi melihat tahap KBAT murid. Dapatan diuji menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perisian SPSS versi 22 bagi menentukan nilai min. Selain itu, kajian ini juga telah melakukan temu bual dengan lima orang pakar matematik. Selain itu, dapatan dari tinjauan kajian lepas juga diguna pakai bagi melihat tahap KBAT murid.

Fasa 2 pula ialah fasa reka bentuk dan pembangunan kerangka. Kajian ini telah membina 5 elemen dan 12 sub elemen melalui kajian rintis yang dijalankan. Elemen dan sub elemen ini dinilai oleh 13 orang pakar. Bagi pembangunan kerangka PVB, soal selidik telah dibina untuk dinilai oleh 13 orang pakar. Seramai 13 orang pakar telah dikenal pasti dan diberi borang soal selidik untuk diisi. Borang ini dianalisis menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.

Fasa 3 pula ialah fasa pelaksanaan dan penilaian kerangka PVB yang dihasilkan dalam topik masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu . Kajian ini menerapkan kerangka PVB dalam pengajaran dan pembelajaran bagi dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah pengajaran konvensional dan kumpulan rawatan yang menggunakan kerangka PVB seterusnya kajian ini telah menggunakan kaedah kuasi eksperimental di mana dua kumpulan murid dari dua sekolah yang berbeza dipilih sebagai kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dapatan nilai kajian kuasi eksperimen ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22 bagi mengetahui min purata serta nilai t bagi ujian pra dan pasca yang dijalankan bagi kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan rawatan. Kumpulan Rawatan menggunakan Kaedah Model bar manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kepentingan Kajian

Matlamat utama bagi sebuah penyelidikan yang dijalankan ialah mendapat input yang bermanfaat serta boleh diguna bagi kepentingan bersama untuk semua. Hasil keputusan daripada kajian yang dilakukan merupakan satu bentuk maklum balas secara ilmiah yang komprehensif dan menyeluruh serta boleh digunakan sebagai satu panduan. Berpandu kepada maklumat tersebut, dapatan daripada kajian yang dijalankan ini juga merupakan satu bentuk maklum balas ilmiah secara empirikal yang boleh membantu pihak-pihak yang terlibat terutamanya para pendidik. Kajian ini telah membahagikan kepentingan kajian ini kepada empat bahagian. Bahagian-bahagian tersebut ialah kepentingan kepada pendidik, kepentingan kepada kaedah penyelesaian masalah berbentuk KBAT, kepentingan kepada murid dan kepentingan kepada penyelidikan. Bagi setiap pihak yang terlibat dalam kajian ini, kerangka PVB adalah amat relevan. Kepentingan rangka kerja PVB dalam konteks setiap pihak dijelaskan seperti berikut:

1.9.1 Kepentingan Kepada Pendidik

Kerangka PVB menawarkan banyak kelebihan kepada pendidik. Kerangka ini boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Berikut adalah beberapa kelebihan untuk guru yang menggunakan kerangka PVB:

i. Meningkatkan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran: Kerangka ini membantu guru menggunakan kaedah yang lebih berkesan untuk mengajarkan kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelesaian masalah dengan menggunakan kaedah KBAT. Dengan memberi tumpuan kepada keperluan individu murid, guru boleh mengajarkan dan memberi inspirasi kepada murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

ii. Meningkatkan Kemahiran Guru: Dengan menggunakan kerangka PVB, guru boleh menambah baik teknik pengajaran mereka. Ini membantu para guru dalam memikirkan cara yang lebih cekap untuk menyampaikan idea matematik yang sukar kepada murid.

iii. Panduan Dalam Menyampaikan Kemahiran: Guru boleh menggunakan kerangka PVB sebagai rujukan untuk mengatur dan menjalankan sesi pembelajaran KBAT berfokuskan kepada penyelesaian masalah. Ianya termasuk arahan yang teliti, langkah demi langkah untuk membantu murid memahami dan menguasai teknik berfikir.

iv. Peningkatan Dalam Pembelajaran Aktif: Penggunaan kerangka PVB dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan pembelajaran aktif di dalam bilik darjah. Ini menggalakkan murid mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran dan pembangunan kefahaman berdasarkan kerangka PVB.

1.9.2 Kepentingan dalam Meningkatkan Kemahiran Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT

Kerangka PVB mempunyai kesan yang baik terhadap kapasiti murid untuk memperoleh kemahiran menyelesaikan masalah KBAT. Antara faktor yang penting untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Peningkatan Kemahiran Berfikir Secara Analitikal dan Kreatif: Murid yang menggunakan pendekatan PVB untuk menyelesaikan masalah digalakkan untuk berfikir secara analitikal dan kreatif. Hal ini disebabkan kerangka PVB boleh menggalakkan pemikiran sistematik dengan menggunakan kerangka PVB dan langkah-langkah yang ditakrifkan dengan jelas.
ii. Pemahaman Konsep Yang Lebih Baik: Murid lebih mampu memahami topik matematik melalui penggunaan kerangka PVB. Mereka belajar cara menyelesaikan masalah secara logik.
iii. Penguasaan Strategi Berfikir: Dalam kerangka PVB, murid menguasai pelbagai kaedah pemikiran berkaitan penyelesaian masalah melalui tugasan berstruktur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.3 Kepentingan Kepada Murid

Selain itu, murid mendapat banyak manfaat daripada menggunakan Kerangka PVB dalam pembelajaran mereka, antaranya:

i. Peningkatan Penyertaan dan Pembelajaran Aktif: Melalui aktiviti berasaskan PVB, murid melibatkan diri dalam pembelajaran yang lebih aktif dan bermakna.
ii. Penguasaan Kemahiran Penyelesaian Masalah KBAT: Murid dapat meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah KBAT mereka. Mereka boleh menyelesaikan masalah matematik yang lebih mencabar dengan lebih baik jika mereka diberi arahan yang jelas dan langkah yang teratur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Peningkatan Kefahaman Konsep: Murid boleh memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang topik matematik dengan menggunakan perwakilan visual. Mereka boleh mencipta gambaran yang lebih teliti tentang isu tersebut dengan memahami bagaimana pelbagai komponennya berkaitan antara satu sama lain.

iv. Meningkatkan Kemahiran Abad 21: Murid boleh meningkatkan kemahiran Abad 21 yang merangkumi kreativiti, kerjasama dan penyelesaian masalah melalui kerangka PVB. Ini akan membolehkan mereka memenuhi tuntutan dunia yang sentiasa berkembang.

1.9.4 Kepentingan Kepada Pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka PVB menawarkan peluang untuk menjalankan lebih banyak penyelidikan dan sumbangan kepada bidang pembelajaran matematik:

i. Pembangunan Pengetahuan: Kajian ini memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami strategi pembelajaran yang berkesan, khususnya dalam konteks penyelesaian masalah berasaskan KBAT.

ii. Dapatan kajian ini boleh menjadi asas untuk penyelidikan masa depan dalam bidang pendidikan matematik, khususnya dalam pembangunan kaedah dan strategi yang lebih berkesan dalam meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah murid.

iii. Sumbangan kepada Kurikulum: Hasil kajian ini boleh memberi panduan yang dapat digunakan dalam menggubal kurikulum matematik, khususnya dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan kaedah penyelesaian masalah pengajaran yang lebih aktif dan berkesan.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan proses atau fasa pembangunan kerangka PVB penyelesaian masalah matematik berbentuk KBAT dan seterusnya penilaian keberkesanan PVB,. Kajian ini tertakluk kepada beberapa batasan seperti berikut:-

i. RPH PdPc ini hanya melibatkan topik geometri yang merangkumi pembelajaran mengenai masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu. Walaupun ia tidak merangkumi semua topik dalam bidang Sukatan dan Geometri, ia masih meliputi aspek yang penting dalam bidang matematik. Selain itu, topik-topik ini bersesuaian kerana topik ini mempunyai soalan penyelesaian masalah matematik dan kerangka yang dihasilkan dalam kajian ini boleh digunakan bagi menyelesaiakan soalan ini.
ii. Peserta kajian bagi kumpulan rawatan terdiri daripada 38 murid Tahun 4 yang berada di kelas sedia ada di SK Bukit Bandaraya, Bangsar, Kuala Lumpur. Manakala kumpulan kawalan terdiri daripada 37 murid yang Tahun 4 di kelas sedia ada di SK Bukit Pantai, Kuala Lumpur.
iii. Pemilihan tahun 4 sebagai sampel kajian dilakukan karana kerangka ini diterapkan sejak awal tahun 4, iaitu pada awal tahap 2, agar dapat diaplikasikan pada tahun 5, 6, dan seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Pengagihan peserta kajian ke kumpulan kawalan dan rawatan secara rawak tidak dilaksanakan dalam kajian ini. Ini kerana pihak sekolah telah menetapkan kelas yang diikuti oleh murid. Murid perlu dikekalkan dalam kelas sedia ada dan kelas-kelas yang sedia ada dipilih secara rawak sebagai kumpulan kawalan dan rawatan.

v. Kajian ini juga terbatas kepada murid Tahun 4 dari dua buah sekolah. Oleh itu dapatan kajian ini hanya boleh di generalisasikan kepada murid-murid yang mempunyai latar belakang dan konteks yang hampir sama dengan peserta kajian.

1.11 Definisi Operasional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berapa istilah termasuk dalam skop kajian ini perlu diperjelaskan mengikut kesesuaian tujuan kajian. Istilah utama yang di definisikan ialah kerangka, rancangan pengajaran harian (RPH), kemahiran berfikir aras tinggi, pendekatan perwakilan visual bar (PVB), pendekatan secara konvensional dan pembelajaran abad ke-21.

1.11.1 Kerangka

Menurut Kamus Dewan, kerangka merujuk kepada satu rangkaian atau struktur yang membentuk satu keseluruhan, seperti kerangka gambar, kerangka masa, atau kerangka kerja. Mohd Zamri (2019) mendefinisikan kerangka sebagai suatu rangka lukisan, lakaran, rancangan, atau garis kasar. Dalam konteks kajian, ia merujuk kepada kerangka perwakilan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

visual bar (PVB) yang dibangunkan untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah berasaskan KBAT di kalangan murid tahun 4. Dalam buku "*Research Methods in Education"* oleh Cohen et al. (2018) kerangka dijelaskan sebagai suatu struktur konseptual atau teoretis yang memberikan panduan untuk merangka penyelidikan. Ia membantu dalam menetapkan konsep, kategori, atau hubungan yang akan diselidiki. Creswell (2022) menggambarkan kerangka sebagai suatu struktur konseptual yang membentuk landasan bagi penyelidikan. Ia memberikan arah kepada penyelidik untuk merencanakan dan menjalankan penyelidikan dengan sistematik.

Berdasarkan kajian ini, kerangka merujuk kepada kerangka perwakilan visual bar (PVB) yang dibangunkan untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di kalangan murid tahun 4. Dalam konteks ini, kerangka memberikan panduan visual yang memudahkan murid memahami langkah-langkah penyelesaian masalah KBAT, sejajar dengan tujuan kajian untuk meningkatkan kemahiran tersebut di peringkat tersebut.

1.11.2 Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 3/1999 mendefinisikan RPH sebagai terjemahan rancangan pelajaran tahunan yang mengandungi maklumat objektif, cara mencapai objektif, dan kenyataan sejauh mana objektif itu tercapai. Dalam buku *"Effective Lesson Planning"* oleh Janice Skowron (2019), RPH dijelaskan sebagai dokumen perancangan yang merangkumi tujuan pembelajaran, strategi pengajaran, aktiviti pelajar, dan penilaian hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran. Ia membantu guru untuk merancang pengajaran yang berkualiti. Menurut Mendler (2018), RPH adalah satu proses perancangan yang membantu guru merangka pengajaran yang memberi makna dan memberdayakan pelajar. Ia mencakupi aspek seperti objektif, bahan pengajaran, dan penilaian.

Berdasarkan kajian ini, RPH didefinisikan sebagai terjemahan rancangan pelajaran tahunan yang mengandungi maklumat objektif, cara mencapai objektif, dan kenyataan sejauh mana objektif itu tercapai, sesuai dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 3/1999. Dalam konteks kajian ini, RPH juga dicatat bahawa rekod PdPc boleh disediakan dalam bentuk yang munasabah dan sesuai dengan teknologi semasa, serta perlu diurus dengan sempurna dan dapat dikemukakan dengan serta merta apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2013) mendefinisikan KBAT sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi, dan berupaya mencipta sesuatu. Dalam buku *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals*, Bloom et al. (1956) menggambarkan KBAT sebagai keupayaan untuk melakukan tugas yang lebih kompleks dan kreatif. Ini termasuk kemahiran mengaplikasikan, menganalisis, menilai, dan mencipta. Anderson dan Krathwohl (2001)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengemukakan semakan terhadap model taksonomi Bloom, dan mereka mengaitkan KBAT dengan empat tahap pemikiran teratas: aplikasi, analisis, menilai, dan mencipta.

Berdasarkan kajian ini, KBAT didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi, dan berupaya mencipta sesuatu, selaras dengan definisi yang diberikan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM (2013). Definisi ini juga sejajar dengan model taksonomi Bloom yang telah disemak semula oleh Anderson & Bloom (2001), di mana empat tahap pemikiran teratas adalah aplikasi, analisis, menilai, dan mencipta.

1.11.4 Pendekatan Perwakilan Visual Bar (PVB)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Murata (2008), PVB dikenali sebagai "Rajah Pita" dan merupakan kaedah yang menggunakan segi empat tepat untuk mewakili magnitud perhubungan antara kuantiti dalam masalah matematik berayat. Beckman (2004) merujuk kepada PVB sebagai "Rajah Jalur" dan menggambarkan penggunaan segi empat tepat dari pelbagai kepanjangan untuk merepresentasikan hubungan antara kuantiti dalam masalah matematik berayat. Hoven dan Garelick (2007) menyebut PVB sebagai "Model Bar" dan menjelaskan bahawa PVB menggunakan segi empat tepat untuk mewakili magnitud perhubungan antara kuantiti dalam masalah matematik berayat. Kaedah ini juga dikenali sebagai *Singapore Modeling Method* (SMM). SMM menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

representasi visual, termasuk PVB, untuk membantu pemahaman dan penyelesaian masalah matematik.

Berdasarkan kajian ini, PVB atau Model Bar adalah kaedah matematik yang menggunakan segi empat tepat dengan pelbagai kepanjangan (seperti Rajah Pita, Rajah Jalur, atau Model Bar) untuk merepresentasikan magnitud perhubungan antara kuantiti dalam masalah matematik berayat. Kaedah ini dikenali secara meluas dan mempunyai ciri unik dalam konteks kurikulum matematik. Definisi ini menekankan penggunaan segi empat tepat sebagai alat visual yang membantu dalam pemahaman dan penyelesaian masalah matematik secara lebih konkrit.

1.11.5 Pendekatan Secara Konvensional

Dalam kajian ini, kumpulan kawalan menggunakan pendekatan konvensional yang menjadi amalan guru dalam kelas matematik instrumental, melalui penerangan berdasarkan langkah-langkah secara langsung berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan ekspositori daripada buku teks tahun empat SK. Dalam PdP, penerapan proses penerokaan dan penemuan rumus secara inkuiri kurang dilaksanakan. Pelajar hanya mengisi ruang kosong yang terdapat dalam buku teks dan melengkapkan jawapan seperti yang ditunjukkan di papan putih sambil guru memberi penjelasan. Interaktif antara guru dan pelajar tidak berlaku secara aktif. Gagneet al. (2005), mengklasifikasikan bahawa pendekatan konvensional melibatkan penggunaan buku teks dan kaedah pengkuliahan sahaja. Menurut Neo dan Rafi (2007) pula,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan konvensional merujuk kepada kaedah ‘kapur dan cakap’, manakala media yang digunakan adalah buku bercetak.

1.11.6 Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)

Trilling dan Fadel (2009) menjelaskan Kemahiran Abad Ke-21 sebagai kombinasi pengetahuan isi kandungan, kemahiran, kepakaran, dan literasi yang diperlukan untuk kejayaan dalam kerja dan kehidupan di abad ke-21. Ini termasuk kemahiran akademik, kebolehan asas, dan tema utama abad ke-21. Dede et al. (2005) mendefinisikan Kemahiran Abad Ke-21 sebagai kombinasi kemahiran kognitif, interpersonal, dan intrapersonal yang memerlukan literasi teknologi dan pemahaman mendalam terhadap subjek.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian ini, Kemahiran Abad Ke-21 (PAK-21) ialah set kemahiran baharu yang diperlukan bagi menyediakan murid untuk hidup dan bekerja di era digital. Definisi ini menekankan kombinasi pengetahuan isi kandungan, kemahiran, kepakaran, dan literasi dalam konteks subjek akademik, teras dan tema abad ke-21, kemahiran belajar dan inovasi, kemahiran maklumat, media dan teknologi, serta kemahiran hidup dan kerjaya. PAK-21 menjadi penting untuk membekalkan murid dengan kemahiran yang relevan dalam menghadapi cabaran dan tuntutan era digital dan abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.7 Penilaian

Proses menghasilkan nilai kuantitatif untuk menentukan tahap pencapaian dan kedudukan dalam pembelajaran dipanggil penilaian. Pengukuran dan ujian adalah komponen penilaian. Penilaian juga boleh ditakrifkan sebagai satu proses atau prosedur yang sistematik untuk menilai dan mentafsir hasil pengukuran. Tujuannya adalah untuk memberi maklumat tentang pencapaian akademik, kemahiran atau sikap seseorang.

1.12 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini menjelaskan secara terperinci mengenai latar belakang kajian, penyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian yang membentuk hipotesis kajian, kerangka konsep kajian, definisi operasional kajian dan kepentingan kajian berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dikemukakan. Kajian ini membincangkan secara umum permasalahan dan ketidakupayaan murid dalam penguasaan kemahiran penyelesaian masalah matematik berbentuk KBAT. Kajian ini menjurus kepada penyelidikan bagi pembangunan dan pengujian Kerangka PVB sebagai panduan bagi menyelesaikan soalan penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan beberapa aspek yang diambil kira dalam kajian ini. Fokus perbincangan dan huraian yang dikemukakan ialah tentang model-model reka bentuk dan pembangunan, pembelajaran matematik di Malaysia, TIMSS, PISA, model-model penyelesaian masalah matematik, teori pembelajaran yang berkaitan, perwakilan visual , kemahiran berfikir, kemahiran penyelesaian masalah, pembelajaran abad ke-21, serta beberapa kajian lepas dalam perwakilan visual bar dan kemahiran berfikir aras tinggi dan kemahiran penyelesaian masalah yang dilakukan di dalam negara dan luar negara juga dibincangkan. Tinjauan literatur ini amat penting untuk mendapatkan idea dan panduan yang jelas untuk menjalankan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Model ADDIE

Model ADDIE, yang diperkenalkan oleh Conrad Gottfredson dan Donald Kirkpatrick, pada tahun 1975 ialah pendekatan yang digunakan dalam proses perancangan dan pembangunan latihan, kursus, atau bahan pembelajaran. Model ini terdiri daripada lima tahap yang saling berkaitan: Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan, dan Penilaian. Setiap tahap mempunyai tujuannya tersendiri dan membantu penggubal merancang dan melaksanakan pembelajaran secara sistematik dan efektif.

Biasanya, model ADDIE digunakan dalam konteks kajian berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran. Ia sering diaplikasikan dalam pembangunan pelatihan untuk organisasi atau dalam pembangunan kurikulum dan bahan pengajaran untuk institusi pendidikan formal. Model ADDIE membantu pasukan pembangun mengenali keperluan murid atau audiens, merancang struktur pembelajaran, mengembangkan bahan pembelajaran, melaksanakan proses pengajaran, dan menilai kesan dan keberkesanan pembelajaran tersebut, (Muhammad and Akhsani (2021). Dengan pendekatan yang sistematik ini, pembelajaran dapat dihasilkan dengan lebih berkesan dan sesuai dengan sasaran pembelajaran yang ditetapkan.

Model ADDIE menawarkan pendekatan sistematik dan berstruktur dalam membangunkan pengajaran Matematik yang berkesan. Dengan menggunakan model ini, pendidik dapat memastikan bahawa setiap aspek pengajaran dan pembelajaran dirancang dan dinilai dengan teliti untuk mencapai hasil yang optimum.Pelbagai kajian yang turut dijalankan dalam bidang Matematik dengan menggunakan Model Addie seperti kajian yang membangunkan bahan pengajaran statistik yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan di Universiti Muhammadiyah Purwokerto bertujuan untuk menghasilkan bahan pengajaran statistik yang sesuai digunakan dalam kuliah, hasil kajian menunjukkan bahawa bahan pengajaran yang dibangunkan adalah sah dan berkesan, serta praktikal untuk digunakan oleh para pelajar dan pensyarah. (Muhammad & Akhsani (2021). Modul pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran berfikir kritis matematik dan motivasi pembelajaran bagi murid dengan menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual juga telah dihasilkan dengan menggunakan Model Addie (Tambunan, H. 2021).

Model ADDIE adalah pendekatan yang digunakan dalam proses perancangan dan pembangunan bahan pembelajaran atau kursus. Model ini terdiri dari lima tahap yang saling berkaitan dan saling melengkapi: *Analysis* (Analisis), *Design* (Reka Bentuk), *Development* (Pembangunan), *Implementation* (Pelaksanaan), dan *Evaluation* (Penilaian). Setiap tahap memiliki tujuannya sendiri dan memungkinkan penggubal untuk merancang dan menerapkan pembelajaran secara sistematik dan berkesan.

2.2.1 Analisis (*Analysis*)

Tahap analisis melibatkan pengumpulan maklumat tentang konteks pembelajaran, matlamat pembelajaran, dan keperluan murid. Pada tahap ini, analisis terhadap audiens, matlamat pembelajaran, dan persekitaran pembelajaran dilakukan untuk memahami keperluan yang perlu diakui dalam pembinaan bahan pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian keadaan semasa dan pemahaman yang kukuh mengenai cabaran dan peluang yang dihadapi akan membantu merangka penyelesaian yang bersesuaian.

Peringkat analisis dalam model ADDIE adalah langkah pertama dan salah satu yang paling penting kerana ia menyediakan asas untuk keseluruhan proses reka bentuk pengajaran. Pada peringkat ini perlu dikenal pasti Keperluan Pembelajaran. Peringkat analisis membantu dalam mengenal pasti keperluan pembelajaran dengan jelas, memastikan reka bentuk pengajaran direka bentuk untuk menangani jurang kemahiran dan pengetahuan tertentu (Hicks, K., et al. (2021). Dalam fasa ini seorang pendidik dapat memahami murid dengan baik dimana ciri-ciri murid akan turut dianalisis termasuklah latar belakang murid dan tahap kemahiran awal mereka, ia adalah penting untuk mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang berkesan dan relevan bagi mereka. Ifenthaler, D., & Yau, J. Y. K. (2020). Dalam fasa ini, konteks pembelajaran juga dianalisis, Analisis konteks pembelajaran, termasuk persekitaran fizikal dan digital, serta sumber yang ada, memastikan reka bentuk pengajaran bersesuaian dengan situasi sebenar. Bond, M., et al. (2021). Matlamat pembelajaran yang sesuai juga akan ditentukan dalam fasa Analisis ini kenara analisis ini akan membantu dalam merumuskan objektif pembelajaran yang khusus, boleh diukur dan relevan, yang menjadi asas bagi peringkat reka bentuk dan pembangunan.(d Objektif pembelajaran perlu ditentukan dalam fasa ini.

Menurut Martin, F., & Tapp, D. (2021) Analisis ini membantu dalam merumuskan menilai sumber sedia ada dan yang diperlukan untuk memastikan reka bentuk pengajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya. Objektif pembelajaran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditetapkan juga perlu spesifik, boleh diukur dan relevan serta menjadi asas bagi peringkat reka bentuk dan pembangunan

Hodges, C., et al. (2020). menyatakan bahawa Peringkat analisis juga membantu dalam mengenal pasti halangan dan peluang yang berpotensi yang boleh menjejaskan kejayaan program pembelajaran. Dengan mengenal pasti halangan dan peluang yang ada, maka penyelidikan dapat dijalankan dengan lebih startegik. Penggunaan data dan analisis pembelajaran dalam peringkat analisis membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang keperluan murid dan keberkesanan strategi pembelajaran sedia ada.

Dapat diringkaskan bawaha peringkat analisis dalam model ADDIE adalah sangat penting untuk memastikan keseluruhan proses reka bentuk pengajaran adalah berdasarkan pemahaman yang mendalam tentang keperluan pembelajaran, ciri pelajar, dan konteks pembelajaran. Dengan menjalankan analisis yang komprehensif, pereka bentuk pengajaran boleh mereka bentuk program yang lebih berkesan, relevan dan boleh disesuaikan dengan perubahan dan cabaran yang akan dihadapi.

2.2.2 Reka Bentuk *(Design)*
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau berhati-hati , faktor-faktor yang lain adalah daripada interpretasi alternatif yang konsisten terhadap idea-idea matematik yang timbul daripada percubaan murid untuk mencipta makna. Oleh itu, guru Matematik harus membantu murid untuk sedar akan salah tanggapan dan kesilapan mereka sendiri. Oleh itu, untuk membantu murid belajar daripada kesilapan mereka, guru Matematik harus menganjurkan perbincangan dengan rakan sekelas atau keseluruhan kelas yang memberi tumpuan kepada kesukaran yang diketahui oleh murid. Meminta murid berkongsi pelbagai interpretasi atau strategi penyelesaian membolehkan murid membandingkan dan menilai semula idea-idea mereka. Oleh itu, murid lebih suka belajar bersama-sama dengan rakan-rakan mereka (Blevins et al., 2019). Guru yang berkesan perlu mempromosikan hubungan dalam bilik darjah yang membenarkan murid berfikir sendiri, bertanya soalan, dan mengambil risiko intelektual (Bernard et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Barasa (2020), dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru matematik juga boleh menggunakan teknik membayangkan semula, mengulangi, mengekalkan atau memperluaskan perbualan murid. Membayangkan semula boleh dilakukan dengan pelbagai cara, melalui menyerlahkan idea dan konsep yang datang terus dari murid, bantuan guru dalam pembangunan pemahaman murid dalam idea dan konsep tersebut, perbincangan tentang makna dengan murid mereka, dan melalui penambahan idea dan konsep baru atau mengalihkan perbincangan ke arah yang lain.

Memberi peluang kepada murid untuk menilai kerja matematik mereka sendiri jarang ditemui di sekolah. Walau bagaimanapun, mengamalkan pendekatan ini boleh menjadi pedagogi yang berkesan dalam apa-apa subjek terutamanya Matematik. Murid boleh terlibat dalam merancang pelbagai jenis soalan pada apa-apa topik. Kita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

harus memahami sepenuhnya bahawa dengan terlibat dalam masalah, kita dapat membangunkan idea yang betul tentang sifat Matematik dan pembelajaran Matematik di kalangan murid (Aziz Jaafar, 2019). Guru-guru yang berkesan berusaha untuk memastikan bahawa masalah-masalah ini membantu semua murid untuk bergerak maju dalam pemahaman kumulatif mereka dalam domain tertentu dan terlibat dalam pemikiran Matematik peringkat tinggi (Henningsen & Stein, 1997). Penilaian formatif dan sumatif kedua-duanya boleh dijadikan refleksi yang harus difokuskan pada proses pembelajaran Matematik bersama akhir pembelajaran.

Menghubungkan kandungan Matematik dengan pengalaman kehidupan sebenar adalah penting untuk membina keyakinan dan keberkesanan di kalangan murid. Kemudian mereka akan dapat memahami bahawa menyelesaikan masalah Matematik melibatkan lebih daripada sekadar menghasilkan jawapan yang betul. Mengaplikasikan Matematik dalam kehidupan harian murid membantu mereka memahami nilai matematik dalam masyarakat dan sumbangan matematik kepada disiplin lain. Amalan pedagogi yang berkesan dalam matematik dapat membantu murid membuat kaitan dengan pengalaman sebenar. Apabila murid mengenal pasti penggunaan matematik sebagai alat untuk menyelesaikan masalah yang penting dalam kehidupan harian mereka, mereka tertarik dan mulai melihat subjek ini sebagai sesuatu yang relevan dan menarik. Oleh itu, diperlukan perkaitan yang kontekstual antara Matematik dan kehidupan harian murid.

Tidak dapat dinafikan kepentingan pengetahuan pedagogi yang tepat bagi seorang guru Matematik. Kajian terhadap literatur yang ada membuktikan keperluan untuk memahami isu-isu pedagogi yang berkaitan dengan pengajaran Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, pemahaman yang tepat tentang pengetahuan pedagogi guru Matematik adalah sangat penting pada pelbagai peringkat . Ini bermakna apabila seorang guru matematik mengguna pakai pedagogi yang tidak betul untuk mengajar sesuatu pelajaran Matematik, ia akan mengakibatkan pemahaman yang keliru tentang pengetahuan subjek kepada murid. Akibatnya, murid akan menghadapi kesukaran untuk memahami pelajaran dengan betul, yang membawa kepada kegagalan dan kekecewaan. Oleh itu, pedagogi matematik yang berkesan harus memastikan pembangunan sikap positif terhadap Matematik di kalangan murid agar mereka menjadi murid Matematik yang cemerlang. Ini akan membawa kepada perkembangan holistik murid untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan produktif dalam negara. Pedagogi harus diatur dengan baik sehingga ia memberikan pelbagai peluang kepada murid untuk bekerja secara bebas dan berkolaborasi untuk memahami pelbagai idea matematik. Pembelajaran harus dilengkapi dengan pelbagai pengalaman pembelajaran yang membolehkan murid membangunkan kecekapan, minat, dan pengalaman sedia ada mereka dalam bidang matematik. Ini turut mempengaruhi cara murid melihat, mengembangkan, menggunakan, dan memahami idea-idea matematik.

Pemilihan konsisten pelbagai alat pengajaran yang memberikan sokongan kepada pemikiran logik murid harus ditingkatkan. Komuniti pembelajaran yang memberi tumpuan kepada matlamat matematik akan membantu dalam pembangunan keyakinan dalam Matematik, identiti dan kecekapan murid dalam bidang ini. Murid harus diberi peluang untuk mencuba dan berkolaborasi dengan murid-murid yang lain bagi memahami pelbagai idea matematik. Perancangan dan pengenalpastian pengalaman pembelajaran matematik yang membolehkan murid membangunkan kecekapan, minat, dan pengalaman sedia ada mereka. Pelbagai kaedah pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

matematik pelulah diperkenalkan kepada murid-murid dan guru agar PdPc matematik menjadi lebih menarik dan bermakna.

2.4 Topik Geometri dalam Pembelajaran Matematik

Topik geometri yang merangkumi pembelajaran mengenai masa dan waktu, panjang, jisim, dan isi padu memberi fokus kepada konsep-konsep asas dalam matematik yang berkaitan dengan ruang dan bentuk (Fuson, 2019).

Masa dan Waktu: Topik ini melibatkan konsep pengukuran masa dan waktu seperti menunjukkan jam, minit, dan saat, mengira tempoh masa, serta membandingkan masa antara peristiwa yang berbeza.

Panjang: Ini melibatkan konsep pengukuran panjang dalam unit seperti meter, sentimeter, dan milimeter, serta pengiraan panjang sisi.

Jisim: Melibatkan konsep pengukuran jisim atau berat benda menggunakan unit seperti gram atau kilogram, serta membandingkan atau mengira jisim objek yang berbeza.

Isi Padu: Ini merujuk kepada konsep pengukuran isi padu atau volum benda, termasuk pengukuran dalam unit seperti liter atau meter padu, serta pengiraan isi padu objek 3D seperti balang atau tabung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemahaman Konsep Asas: Pembelajaran topik-topik ini membantu murid memahami konsep-konsep asas matematik yang digunakan dalam kehidupan seharian. Mereka belajar cara mengukur, membandingkan, dan mengira dalam konteks yang relevan dengan pengalaman mereka.

Kemahiran Berfikir Kritis: Memahami konsep-konsep geometri mendorong murid untuk berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah. Mereka perlu menganalisis situasi, mengenal pasti pola, dan membuat kesimpulan berdasarkan data yang mereka peroleh.

Pembangunan Kemahiran Kehidupan: Pengetahuan tentang masa dan waktu, panjang, jisim, dan isi padu sangat penting dalam kehidupan seharian, seperti merancang jadual, mengukur bahan makanan, dan mengatur ruang dalam rumah. Pembelajaran ini membantu murid mengembangkan kemahiran praktikal yang berguna sepanjang hayat.

Persiapan untuk Topik Lanjutan: Pemahaman konsep-konsep geometri yang mendasar adalah asas yang penting untuk mempelajari topik matematik yang lebih kompleks di peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Ini termasuk topik seperti geometri, trigonometri, dan kalkulus.

Pengalaman Praktikal: Pembelajaran topik-topik ini sering melibatkan aktiviti praktikal seperti mengukur, menggambar, dan membangun model. Ini memberikan pengalaman langsung kepada murid dan membantu mereka mengaitkan konsep matematik dengan aplikasi dunia nyata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembangunan Literasi Matematik: Memahami konsep-konsep matematik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu membantu murid menjadi lebih literat dalam bahasa matematik. Mereka dapat mengartikulasikan dan mengkomunikasikan pemikiran mereka dengan lebih jelas menggunakan istilah dan konsep matematik yang betul.

Dengan memahami kepentingan dan manfaat pembelajaran topik-topik geometri ini, guru dapat merancang pengajaran yang lebih berkesan dan relevan bagi murid sekolah rendah, membantu mereka memperoleh pemahaman yang mendalam tentang matematik dan mengembangkan kemahiran yang berguna sepanjang hayat.

2.5 TIMMS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TIMSS *(Trends in International Mathematics and Science Study)* adalah penilaian antarabangsa yang berpanjangan dalam bidang matematik dan sains untuk kelas empat dan lapan yang telah mengumpulkan data trend setiap empat tahun sejak tahun 1995. Lebih kurang 70 negara menggunakan data TIMSS untuk memantau keberkesanan sistem pendidikan mereka dalam konteks global, dan lebih banyak negara menyertai TIMSS dengan setiap kitaran penilaian berikutnya (Fishbein et. al, 2021). TIMSS 2023 merupakan kitaran bersejarah dalam sejarah TIMSS selama 28 tahun kerana eparuh daripada negara-negara TIMSS telah menjadi perintis dalam peralihan ke penilaian digital dalam TIMSS 2019, membuka jalan bagi satu titik peralihan "sepenuhnya digital" dalam TIMSS 2023. Memanfaatkan manfaat kemajuan teknologi adalah penting bagi TIMSS untuk kekal selaras dengan realiti global, dan TIMSS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2023 akan memulakan langkah-langkah untuk meningkatkan kualiti data TIMSS, meningkatkan kecekapan dalam pengumpulan data, dan menjadikan data lebih berguna.

Bagi memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang bagaimana murid mendekati tugasan penilaian matematik dan sains, menyelesaikan masalah, dan mengkomunikasikan respon mereka, TIMSS 2023 akan merangkumi jenis item yang lebih kompleks dan inovatif yang merakam kedua-dua respon dan penunjuk proses. Reka bentuk item digital dan sistem terjemahan akan menyokong pembangunan item TIMSS 2023, membolehkan peluang interaktif dan penyediaan pelbagai alat digital untuk murid digunakan dalam membangunkan dan menyediakan respon mereka. Idea Tugasan Penyelesaian Masalah dan Pertanyaan *(Problem Solving and Inquiry - PSI)* yang diperkenalkan dalam TIMSS 2019 akan diperkembangkan lebih lanjut (lihat Temuan dari Tugasan Masalah dan Pertanyaan TIMSS 2019). Tugasan PSI didasarkan pada skenario menarik dan interaktif yang membolehkan murid mengikuti siri langkah ke arah penyelesaian atau matlamat. Pelbagai tugasan PSI akan diintegrasikan ke dalam penilaian matematik dan sains. Akhirnya, usaha bersama akan dibuat untuk meningkatkan tahap penilaian automatik untuk meningkatkan ketepatan penilaian dan perbandingan di seluruh negara, termasuk penyelidikan penggunaan pembelajaran mesin untuk menilai respon grafik dan tulisan ringkas.

Sejak penubuhannya, TIMSS telah menggunakan kurikulum negara-negara peserta, yang digambarkan dengan luas, sebagai asas untuk mencipta dan kemudian mengemaskini kerangka matematik dan sains untuk setiap kitaran penilaian dalam sejarah 28 tahunnya. Sebagai penilaian trend, TIMSS memerlukan kestabilan dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kitaran ke kitaran, dan oleh itu, majoriti item (kira-kira dua pertiga) dikekalkan dari setiap penilaian ke penilaian seterusnya. Satu item biasanya muncul dalam tiga kitaran penilaian berturutan sebelum digantung. Namun, adalah juga perlu untuk menjadikan kerangka penilaian relevan dari segi pendidikan, dan oleh itu, sejumlah besar item dibangunkan baru untuk setiap kitaran mengikut kerangka yang dikemaskini. Ini membolehkan alat dan prosedur penilaian TIMSS berkembang secara beransur-ansur.

Selaras dengan prosedur yang dilaksanakan dengan setiap kitaran penilaian baru, Kerangka Matematik dan Sains TIMSS 2023 untuk kelas empat dan lapan telah dikemaskinikan dari yang digunakan dalam TIMSS 2019 melalui proses semakan berulang. Dengan mengambil kira maklumat kurikulum yang diberikan oleh negara-negara peserta dalam Ensiklopedia TIMSS 2019, terdapat 4 Pusat Kajian Antarabangsa TIMSS dan PIRLS bekerjasama dengan kumpulan pakar TIMSS 2023, yang dikenali sebagai Jawatankuasa Semakan Item Sains dan Matematik (SMIRC), untuk membangunkan dan menilai draf pertama kerangka yang dikemaskinikan. Dalam Senarai Penghargaan, ahli-ahli SMIRC juga menyertai semakan berulang bagi item-item yang dibangunkan baru untuk TIMSS 2023.

Koordinator Penyelidikan Negara (NRC) TIMSS 2023, yang terdiri daripada satu atau dua individu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan TIMSS dalam setiap negara peserta, juga mempunyai peluang untuk menilai kerangka-kerangka tersebut. NRC TIMSS 2023 (lihat Senarai Penghargaan) membawa idea-idea segar dan maklumat terkini tentang kurikulum, piawai, matlamat, dan objektif berkaitan dengan pengajaran matematik dan sains. Pusat Kajian Antarabangsa TIMSS dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PIRLS bekerjasama dengan SMIRC untuk memasukkan cadangan NRC ke dalam kerangka, supaya kandungan kerangka tersebut berkembang secara beransur-ansur.

TIMSS dikendalikan oleh Pusat Kajian Antarabangsa TIMSS dan PIRLS yang ditubuhkan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Boston College. PIRLS (Kajian Kemajuan Literasi Membaca Antarabangsa) adalah penilaian antarabangsa dalam bidang membaca, dan bersama-sama dengan TIMSS dan PIRLS, ia membentuk kitaran penilaian antarabangsa yang utama yang dikendalikan oleh IEA (Pertubuhan Antarabangsa untuk Penilaian Kejayaan Pendidikan). IEA merupakan sebuah pertubuhan kerjasama antarabangsa yang bebas yang terdiri daripada institusi penyelidikan kebangsaan dan agensi kerajaan yang telah menjalankan kajian pencapaian lintas negara sejak tahun 1959. Pada hari ini, IEA Amsterdam menguruskan penyertaan negara dalam beberapa kajian dan projek antarabangsa, dan IEA Hamburg adalah pusat penyelidikan dan pemprosesan data yang besar.

Semua kanak-kanak boleh mendapat manfaat daripada membangunkan pemahaman dalam matematik dan kecekapan dalam matematik yang diperlukan dalam dunia teknologi masa kini. Matematik adalah penting dalam kehidupan harian serta dalam pelbagai bidang kerjaya seperti kejuruteraan, senibina, perakaunan, perbankan, perniagaan, perubatan, ekologi, dan angkasa lepas. Matematik adalah penting dalam ekonomi dan kewangan, serta dalam teknologi komputer dan pembangunan perisian. Keupayaan untuk memmuridi kemahiran baru dan menyelesaikan masalah adalah sangat penting dalam dunia yang sentiasa berubah pada masa kini. Seperti yang dinyatakan dalam Pengenalan, Kerangka Matematik TIMSS 2023 bagi darjah empat dan lapan dibina berdasarkan sejarah 28 tahun TIMSS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam menjalankan penilaian setiap empat tahun sejak tahun 1995, dengan ini menjadi penilaian kedelapan dalam siri tersebut.

Secara umum, kerangka darjah empat dan lapan adalah serupa dengan yang digunakan dalam TIMSS 2019. Pembaharuan kecil mencerminkan kurikulum, piawaian, dan kerangka negara-negara peserta seperti yang dilaporkan dalam Ensiklopedia TIMSS 2019,1 dan cadangan dari Koordinator Penyelidikan Negara TIMSS 2023. Transisi ke penilaian digital yang diusahakan di kira-kira separuh negara TIMSS 2019 akan diselesaikan dalam TIMSS 2023, menjadikan TIMSS 2023 sepenuhnya digital.

Satu matlamat keseluruhan bagi TIMSS 2023 adalah untuk mengambil manfaat daripada kelebihan penilaian berdasarkan komputer, termasuk sistem pembangunan item sepenuhnya digital untuk menyertakan item dan kaedah penilaian baru dan lebih baik, dan pengetahuan tentang kapasiti yang ditingkatkan untuk pembangunan item inovatif mempengaruhi kerangka semasa. Penilaian digital membenarkan: Menjelaskan aspek dinamik konsep matematik seperti hubungan dan operasi geometri dengan menawarkan simulasi interaktif atau alat yang lebih dekat dengan apa yang sebenarnya diambil oleh konsep-konsep ini.

Penilaian yang lebih baik terhadap proses kognitif penalaran dengan memindahkan beberapa tugas prosedural dan pengiraan sekunder kepada komputer, membolehkan murid memberi tumpuan kepada strategi dan pemikiran matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Data proses yang berkaitan dengan corak respons murid yang boleh digunakan untuk memmuridi lebih lanjut tentang strategi penyelesaian masalah, salah tafsiran, dan pendekatan dalam pengambilan peperiksaan.

ii. Peningkatan paparan dan format respons keseluruhan ujian, membantu meningkatkan penglibatan dan motivasi murid untuk mengambil bahagian dalam TIMSS.

Kerangka penilaian matematik bagi TIMSS 2023 dikelaskan mengikut dua dimensi:

i. Dimensi Kandungan, menentukan domain-subjek yang akan dinilai.

ii. Dimensi Kognitif, menentukan proses berfikir yang akan dinilai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Domain kandungan berbeza untuk tahun empat dan tahun lapan, mencerminkan matematik yang diajar secara meluas pada setiap tahap. Terdapat penekanan lebih terhadap nombor pada tahun empat berbanding tahun lapan. Algebra menjadi topik tersendiri dalam tahun lapan, manakala topik algebraik pengenalan yang dinilai pada tahun empat termasuk dalam bidang topik nombor. Domain geometri tahun lapan merangkumi pengukuran tetapi juga penyertaan yang lebih mendalam dalam topik berbentuk geometri tulen. Domain data tahun empat memberi tumpuan kepada membaca, mewakili, dan menginterpretasikan data, manakala pada tahun lapan ia memberi penekanan lebih terhadap mengambil kesimpulan daripada data, statistik asas, dan asas kebarangkalian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Adalah penting untuk menekankan bahawa TIMSS menilai pelbagai situasi dalam matematik, dengan lebih separuh (60-65%) item memerlukan murid menggunakan kemahiran aplikasi dan penalaran. Domain kognitif adalah sama bagi kedua-dua tahap, tetapi dengan penekanan yang kurang pada domain pengetahuan dalam tahun lapan dan penekanan yang lebih besar pada domain penalaran. Selepas pengenalan ringkas ini, bab ini bermula dengan domain kandungan tahun empat, mengenal pasti tiga domain kandungan utama dan topik penilaian dalam setiap domain. Bab 1 berterusan dengan penerangan tentang domain tahun lapan dan dasar kalkulator. Bab ini berakhir dengan penerangan tentang domain kognitif bagi kedua-dua tahap.

Banyak penyelidikan telah mendokumentasikan kepentingan aktiviti pembelajaran kanak-kanak awal dan hubungan mereka dengan pencapaian murid dan hasil pendidikan lain. Aktiviti numerasi awal di rumah mungkin mempengaruhi prestasi matematik pada masa akan datang bukan sahaja secara langsung, tetapi juga melalui peningkatan efikasi matematik murid. Melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti numerasi awal juga boleh merangsang minat mereka dalam matematik dan meningkatkan pembangunan kemahiran numerasi. Analisis terdahulu data TIMSS dan PIRLS telah menunjukkan bahawa aktiviti numerasi dan literasi awal berkaitan dengan pencapaian murid peringkat empat dalam matematik, sains, dan membaca. Hubungan antara pencapaian matematik dan sains dan kemahiran literasi mungkin disebabkan oleh fakta bahawa pemahaman murid terhadap tugas-tugas matematik dan sains biasanya memerlukan kemahiran membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TIMSS mengumpul dan merangkum maklumat tentang aktiviti literasi dan numerasi awal melalui skala Aktiviti Literasi dan Numerasi Sebelum Sekolah Rendah. Ini dilengkapkan dengan maklumat tentang sejauh mana murid boleh melaksanakan pelbagai tugas literasi dan numerasi ketika memulakan persekolahan dalam skala Mampu Melakukan Tugas-tugas Literasi dan Numerasi Awal Apabila Memulakan Sekolah Rendah. Kedua-dua skala ini termasuk dalam Soal Selidik Rumah; data ini hanya tersedia untuk murid peringkat empat.

Pengenalan TIMSS 2023 menyoroti pentingnya peralihan ke penilaian digital sepenuhnya dan penekanan pada peningkatan kualiti data TIMSS serta kecekapan dalam pengumpulan data. Ini sejajar dengan aspirasi global untuk memanfaatkan kemajuan teknologi dalam pendidikan. Dalam konteks ini, penyelidikan tentang pembangunan kerangka PVB (Pemahaman, Penyelesaian, dan Komunikasi Matematik) menjadi krusial. Menurut Burroughs (2019), kerangka PVB bertujuan untuk meningkatkan kefahaman konseptual, kemahiran penyelesaian masalah, dan kecekapan komunikasi dalam matematik. Dengan mengintegrasikan elemen-elemen ini dalam proses pembelajaran matematik, kerangka PVB memberikan landasan yang kukuh bagi murid dalam menyelesaikan masalah berbentuk KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi). Lebih jauh lagi, Hadi dan Novaliyosi (2019) menekankan bahawa penggunaan kerangka PVB dalam pengajaran matematik dapat memberikan penekanan yang diperlukan pada pengembangan kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran kritis. Oleh karena itu, integrasi jenis item yang kompleks dan inovatif dalam TIMSS 2023, serta peningkatan fokus pada Tugasan Penyelesaian Masalah dan Pertanyaan (PSI), sejalan dengan prinsip-prinsip yang dipegang teguh oleh kerangka PVB. Melalui pendekatan ini, TIMSS 2023 bertujuan untuk membangun kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KBAT dalam matematik yang penting untuk menghadapi tuntutan dunia yang semakin kompleks dan teknologi yang berkembang pesat.

2.6 Model Penyelesaian Masalah Matematik

Penyelesaian masalah dalam matematik memerlukan perancangan yang tersusun melalui proses pemikiran yang terancang. Langkah – langkah perancangan yang strategik merujuk kepada model-model yang mengaplikasikan strategi kognitif dalam penyelesaian masalah matematik yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada model penyelesaian masalah secara umumnya. Model-model yang akan dibincangkan merangkumi Model Polya (1957), Mode Schoenfeld (1985), Model Krulik dan Rudnick (1996), Model Visual Analitis Stylianou (2002) dan Model Terjemahan Lesh et al. (2003).

2.6.1 Model Polya (1957)

Model Polya terdapat empat langkah dalam proses soalan jenis penyelesaian masalah yang dapat digunakan sebagai aspek pengukuran dan analisis soalan jenis penyelesaian masalah menurut Polya. Polya mengusulkan empat langkah penyelesaian masalah: memahami masalah, merancang rencana, melaksanakan rencana, dan meninjau hasilnya (Zafirah & Jamilah, 2020). Memahami masalah dapat dilakukan dengan membaca masalah, menentukan kata kunci, informasi serta unsur-unsur masalah. Merancang merupakan gambaran atau formulasi matematik berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah, menentukan pertanyaan, menentukan konsep atau rumus matematik yang akan digunakan dalam penyelesaian masalah. Melaksanakan rencana dapat dilakukan dengan operasi matematik untuk mendapatkan hasil penyelesaian. Meninjau hasilnya bererti menyemak jawapan dengan masalah, memeriksa masalah dengan penyelesaian yang diberikan, memeriksa kata kunci matematik.

Model penyelesaian masalah matematik yang digunakan dalam Kurikulum Standard sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menegah (KBSM) ialah Model Polya (1957). Model Polya terdiri daripada empat langkah utama iaitu memahami masalah, merancang strategi, melaksana strategi dan menyemak semula penyelesaian. Keempat-empat langkah ini dilakukan dengan tersusun dan terancang mengikut peringkat demi peringkat. Ini adalah bertujuan agar murid dapat mengembangkan proses pemikiran mereka seperti menaakul, berkomunikasi dan membuat keputusan. Rajah menunjukkan empat langkah dalam Model Polya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Model Polya 1957

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam langkah 1 iaitu memahami masalah, murid perlu memahami suatu masalah tersebut sebelum menyelesaikan tersebut. Murid perlu memahami masalah tersebut dengan memberi perhatian kepada persoalan seperti:

i. apakah yang diberi?
ii. apakah yang dicari?

Teknik dan strategi yang boleh membantu murid untuk memahami masalah adalah membaca masalah dengan teliti, jika perlu baca beberapa kali, menyenaraikan maklumat atau fakta yang tersirat serta mengenal pasti syarat-syarat tertentu masalah berkenaan. Di peringkat ini murid boleh mengaitkan masalah yang dihadapi dengan masalah lain yang hampir sama, memberi fokus kepada bahagian penting dengan pembangunan gambar rajah dan menggunakan model. Melalui aktiviti yang dicadangkan semasa memahami masalah, murid akan berupaya bagi memahami suatu masalah dengan eksplisit.

Dalam langkah merancang strategi, langkah ini melibatkan aktiviti mengenal pasti operasi, strategi dan heuristik yang akan digunakan ketika menyelesaikan masalah. Apabila masalah tersebut telah difahami, langkah seterusnya ialah menentukan pendekatan atau kaedah yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah. Murid juga perlu memikirkan beberapa perkara yang berikut seperti:

i. Apakah hubungan antara maklumat yang diberi dengan apa yang dicari?
ii. Dapatkan murid mengaitkan pengetahuan sedia ada atau pengalaman lampau dengan masalah yang diberikan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara strategi yang sesuai yang digunakan ialah dengan menggunakan pengetahuan yang lampau bagi merangka suatu teknik, mencari pola, menggunakan penaakulan induktif, melukis rajah, membuat jadual atau carta, teknik cuba jaya serta menyatakan semua masalah jika perlu. Bagi langkah melaksanakan strategi, murid memerlukan dua kemahiran iaitu menterjemah dan memproses (Thompson & Silverman, 2021). Peringkat ini merupakan satu peringkat yang sukar kerana murid perlu menterjemahkan dan membina gambaran dan perwakilan dengan menggabungkan maklumat, konsep dan fakta menggunakan prosedur dan operasi pemikiran. Jika murid masih menghadapi masalah, strategi penyelesaian lain boleh digunakan dan kemahiran menentukan alternatif perlu dimiliki oleh murid. Bagi langkah menyemak semula, ini merupakan langkah yang terakhir dalam Model Polya. Murid perlu menyemak semula penyelesaian masalah dengan memberi perhatian-perhatian berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Semak semula maklumat penting yang dikenal pasti
ii. Semak ketepatan kiraan
iii. Semak penyelesaian supaya munasabah dan betul
iv. Semak jawapan menggunakan strategi yang lain
v. Gunakan proses songsangan atau penggantian dan bertanya, bolehkah kaedah penyelesaian lain digunakan untuk penyelesaian lain?

Menurut Polya (1957), terdapat cadangan untuk murid supaya mereka memberi perhatian kepada beberapa soalan khusus dalam satu kerangka empat tahap penyelesaian masalah iaitu memahami masalah, membentuk perancangan penyelesaian, melaksanakan perancangan penyelesaian yang dibentuk serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyemak penyelesaian yang diperoleh. Menurut Polya (1981), beberapa langkah penyelesaian masalah berlaku iaitu pengecaman, penyusunan pengetahuan, dan proses pengasingan di mana setiap bahagian dianalisis serta diberi tumpuan semula secara berasingan. Setelah semua ini, bahagian digabungkan semula dan gambaran keseluruhan diberi penilaian. Langkah penyelesaian masalah yang dimajukan oleh Polya (1957), membabitkan proses yang kompleks dan saling berkaitan antara satu sama lain dan ia bukan berbentuk kemahiran mudah serta hubungan linear seperti ditafsirkan oleh pendukung behaviourism.

Soalan jenis penyelesaian masalah adalah proses untuk mencari sebuah penyelesaian. Penyelesaian adalah jawapan berserta teknik yang digunakan untuk mendapatkannya. George Polya (1887-1985) dikenal sebagai peneraju soalan jenis penyelesaian masalah matematik dalam pendidikan matematik. Polya mendefinisikan bahawa terdapat 4 langkah dalam proses soalan jenis penyelesaian masalah iaitu memahami masalah, merancang langkah-langkah, melaksanakan ayat matematik yang telah disiapkan, dan memeriksa kembali.

Dalam aspek memahami masalah, langkah pertama dalam menyelesaikan masalah adalah memahami masalah tersebut. Pada tahap ini, masalah diuraikan menjadi bahagian-bahagian bagi mencari bahagian-bahagian utamanya iaitu apa yang harus dicari. Menurut Hsu & Silver (2020) langkah ini adalah penting untuk membuktikan bahagian-bahagian utamanya adalah hipotesis dan kesimpulan. Membuat gambar, diagram, atau jadual boleh menjadi strategi penting pada tahap ini.

Semasa perancangan langkah-langkah dilakukan setelah masalah fahami dengan jelas dan langkah selanjutnya adalah membuat ayat matematik. Konsep dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah apa yang akan digunakan ditentukan pada tahap ini. Pengalaman dalam menyelesaikan masalah serupa boleh membantu dalam memilih strategi yang tepat untuk menyelesaikan masalah (Kang & Noh, 2022). Beberapa strategi soalan jenis penyelesaian masalah dapat ditemukan. Seterusnya melaksanakan ayat matematik yang disiapkan pada tahap sebelumnya dilaksanakan pada tahap ini. Semua pengiraan dilakukan pada tahap ini. Tahap yang terakhir ialah menyemak semula merupakan tahap paling penting dalam proses soalan jenis penyelesaian masalah kerana proses pembelajaran berlaku pada tahap ini. Pada tahap ini, murid tidak hanya memeriksa kembali apakah jawapan yang didapati benar dan sesuai dengan kondisi dalam masalah, tetapi juga digalakkan mencari cara lain yang mungkin lebih baik. Selain itu, murid dapat membuat generalisasi dan merumuskan masalah lain yang berkaitan dengan masalah yang sedang diperincikan pada tahap ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Model Schoenfeld (1985)

Menurut Schoenfeld (1985), pemahaman tentang bagaimana sesuatu perkara berlaku dapat membantu peningkatan mutu tingkah laku seseorang individu. Dalam hal ini, beliau menganjurkan satu pendekatan teori bagi penyelesaian masalah yang membabitkan empat komponen:

i. pengetahuan, khususnya tentang cara untuk menyusun pengetahuan dan mendapat akses kepada pelbagai jenis maklumat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. matlamat, khususnya tentang pandangan bahawa kemajuan dalam penyelesaian masalah boleh dilihat sebagai pembentukan dan kemajuan ke arah pencapaian satu siri matlamat yang tertentu,


iii. orientasi, khususnya, tentang kepercayaan, nilai, keutamaan, dan sikap terhadap penyelesaian masalah

iv. pembuat keputusan, khususnya, tentang pengiraan nilai jangkaan, dalam mana kuantiti yang terlibat terdiri dari nilai subjektif yang diberi oleh individu kepada perkara tertentu.

Rajah 2.2 dapat menggambarkan pendekatan Model Schoenfeld.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Model Schoenfeld 1985

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Schoenfeld (1985), empat faktor penting bagi penyelesaian masalah dan faktor pertama ialah sumber atau asas pengetahuan seperti pengetahuan fakta, konseptual, dan prosedur yang digunakan dalam penyelesaian masalah. Sumber yang dimaksudkan juga adalah pengetahuan matematik yang boleh dicapai oleh muriddaripada ingatan mereka ketika menyelesaikan masalah matematik. Beliau telah menghuraikan sumber sebagai pengetahuan tidak formal dan intuitif tentang domain masalah, pengetahuan fakta matematik dan definisi, keupayaan melaksanakan prosedur algoritma serta pengetahuan tentang prosedur rutin. Sumber juga bermaksud murid berkebolehan dalam perkara yang berkaitan dengan domain masalah yang hendak diselesaikan, dan pengetahuan tentang hukum huraian (*discourse*) bagi domain masalah berkenaan.

Manakala faktor yang kedua, heuristik atau strategi yang digunakan dalam penyelesaian masalah. Menurut Lee & Anderson (2021), Heuristik ialah strategi dan teknik secara umum bagi membantu masalah atau yang boleh bantu murid bergerak maju ke arah mencapai penyelesaian masalah seperti bekerja ke belakang, menggunakan graf atau jadual, mencari contoh berlawanan, dan membentuk rajah. Selain dari itu murid perlu sedar bila dan bagaimana untuk menggunakan maklumat bagi berjaya dalam penyelesaian masalah.

Seterusnya faktor ketiga adalah kawalan dan pengawasan seperti kemahiran meta kognitif, pengawalan kendiri, dan pengetahuan tentang bila dan bagaimana cara untuk menggunakan sumber dan strategi penyelesaian masalah dengan efisien dan berkesan. Tindakan yang dilakukan termasuklah membuat penentuan sama ada meneruskan atau meninggalkan sesuatu cubaan. Schoenfeld (1998), menjelaskan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

faktor kawalan sangat penting ketika murid membuat perancangan, pemantauan, dan penilaian ke atas penyelesaian masalah. Adanya kawalan diri yang baik, murid dapat memanfaatkan sepenuhnya sumber yang dimiliki. Faktor kawalan merupakan faktor yang dapat membantu murid menyelesaikan masalah yang rumit dengan berkesan.

Faktor keempat adalah kepercayaan dan unsur afektif seperti kepercayaan murid tentang sifat asas matematik, sikap mereka terhadap penyelesaian masalah matematik, dan amalan sosiobudaya dalam penyelesaian masalah yang menimbulkan tiga faktor yang lain. Middleton & Spanias (2022) menegaskan bahawa sistem kepercayaan ialah persepsi murid terhadap kepentingan matematik dalam kehidupan. Schoenfeld menegaskan, persepsi murid tentang kepentingan matematik akan menentukan cara belajar mendekati masalah. Kepercayaan boleh mempengaruhi murid dari segi teknik yang akan digunakan, dan juga teknik yang akan dielakkannya. Kepercayaan murid terhadap kepentingan matematik turut mempengaruhi sikap dalam menyelesaikan sesuatu masalah matematik.

2.6.3 Model Krulik dan Rudnick (1996)

Model Krulik dan Rudnick (1996) dibina pada 1993 dan diperbaiki pada 1996. Model ini telah mencadangkan lima langkah penyelesaian semasa menyelesaikan sesuatu masalah. Langkah-langkah tersebut adalah:

i. membaca dan berfikir

ii. meneroka dan merancang,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. memilih strategi

iv. melaksanakan penyelesaian

v. merenung kembali, dan

vi. membuat semakan jawapan

Krulik dan Rudnik (1995) memperkenalkan lima peringkat soalan jenis penyelesaian masalah sebagai heuristik. Heuristik merupakan langkah-langkah untuk menyelesaikan sesuatu tanpa perlu dilakukan secara berurutan. Lima langkah tersebut adalah:

i. Baca dan Fikir: kenal pasti fakta-fakta, kenal pasti soalan-soalan, visualisasikan situasi, terangkan latar belakang, dan tentukan tindakan seterusnya;

ii. Teroka dan Rancang: susun atur maklumat, cari tahu sama ada terdapat maklumat yang sesuai/diperlukan, cari tahu sama ada terdapat maklumat yang tidak diperlukan, buat model masalah dalam bentuk rajah atau ilustrasi, serta cipta carta, jadual, atau gambar;

iii. Pilih Satu Strategi: cari/cipta corak, kerja secara terbalik, cuba dan lakukan, simulasi atau eksperimen, penyederhanaan atau pengembangan, cipta senarai deduksi logik bersebab, serta bahagikan atau kategorikan masalah menjadi perkara yang mudah;

iv. Cari dan Jawab: meramalkan, menggunakan kemahiran berangka, menggunakan kemahiran algebra, menggunakan kemahiran geometri, serta menggunakan kalkulator jika perlu;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Refleksi dan Perluas: semak semula jawapan, tentukan penyelesaian alternatif, kembangkan jawapan untuk situasi lain, kembangkan jawapan (umumkan atau konseptualisasikan), bincangkan jawapan dengan orang lain, serta cipta pelbagai masalah yang berasal dari masalah asal.

Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis strategi heuristik dalam menyelesaikan masalah matematik berdasarkan pengubahsuaian model Krulik dan Rudnik (Krulik & Rudnik, 1995). Penyelidikan ini menemui dan mengklasifikasikan strategi heuristik murid yang boleh menjadi asas untuk memberi bantuan dalam pembelajaran berdasarkan masalah. Penerangan petunjuk strategi heuristik yang digunakan dalam penyelesaian masalah:-

i. Baca dan Fikir

a) Murid menulis apa yang diberikan dalam masalah.
b) Murid menulis apa yang ditanya dalam masalah.
c) Murid menjelaskan latar/situasi masalah.
d) Murid menentukan tindakan seterusnya untuk menyelesaikan masalah.

ii. Teroka dan Rancang

a) Murid memilih dan menyusun maklumat yang terdapat dalam masalah.
b) Murid mencari maklumat yang sesuai untuk menyelesaikan masalah
c) Murid mencari maklumat yang tidak diperlukan untuk menyelesaikan masalah.
d) Murid membuat ilustrasi, model, atau lukisan.
e) Murid membuat carta atau jadual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Pilih Satu Strategi

a) Murid mencari corak dalam masalah.

b) Murid menyelesaikan masalah dengan cara bekerja secara terbalik.

c) Murid menggunakan strategi cuba dan lakukan.

d) Murid membuat simulasi atau eksperimen.

e) Murid membuat pengembangan.

f) Murid mencadangkan langkah-langkah kronologi untuk menyelesaikan masalah.

g) Murid menggunakan cara berfikir deduktif logik untuk menyelesaikan masalah.

h) Murid melakukan pengelasan dan pengagihan untuk menyelesaikan masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Cari dan Jawab

a) Murid meramalkan atau menganggar penyelesaian.

b) Murid mengira tanpa menggunakan alat untuk menyelesaikan masalah.

c) Murid menggunakan kemahiran algebra untuk menyelesaikan masalah.

d) Murid menggunakan kemahiran geometri untuk menyelesaikan masalah.

e) Murid menggunakan kalkulator (jika dibenarkan) untuk menyelesaikan masalah.

v. Refleksi dan Perluas

a) Murid mengkaji semula penyelesaian yang diperoleh daripada penyelesaian masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Murid membuat penyelesaian alternatif yang berbeza daripada sebelumnya.
c) Murid membangunkan penyelesaian untuk situasi lain.
d) Murid membuat penyataan umum atau konseptualisasikan penyelesaian.
e) Murid membincangkan penyelesaian dengan rakan mereka.
f) Murid membuat pelbagai masalah yang berasal dari masalah sebelumnya.

Krulik dan Rudnick juga mentafsirkan strategi heuristik dalam lima langkah pembelajaran menjadi dikenali sebagai model heuristik KR, yang termasuk membaca, mengeksplorasi, memilih strategi, menyelesaikan dan menilai (Carson, 2007). Melalui strategi pembelajaran Krulik dan Rudnick, keingintahuan dan sikap kreatif dapat dikembangkan dalam diri murid. (Hamdiah & Fajar, 2012).

Menurut Hartono1 (2020), masalah dihadapi oleh orang dalam kehidupan harian mereka. Oleh itu, kemahiran untuk menyelesaikan masalah menjadi sangat penting untuk semua orang. Masalah timbul apabila seseorang tidak dapat melihat dengan segera bagaimana untuk menyelesaikannya. Masalah adalah relatif; dengan kata lain, sesuatu masalah bagi seseorang mungkin tidak menjadi masalah bagi orang lain, bergantung pada pengalaman individu yang menghadapinya. Perbincangan pada mulanya dilihat dengan definisi masalah, diikuti dengan definisi penyelesaian masalah. Tahap-tahap soalan jenis penyelesaian masalah dibincangkan dengan terperinci disertai contoh-contoh. Selanjutnya, pemodelan matematik dan langkah-langkahnya dibincangkan secara ringkas. Akhirnya, ditunjukkan bahawa pemodelan matematik menjadi sebahagian daripada proses penyelesaian masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi murid, masalah matematik mungkin menjadi masalah atau mungkin juga bukan masalah. Schoenfeld (2021) percaya bahawa masalah matematik bukanlah masalah jika murid hanya perlu mencari "alat" yang sesuai untuk menyelesaikannya. "Alat" itu merujuk kepada formula atau prosedur yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah. Jika terdapat satu atau lebih prosedur yang dapat digunakan secara langsung untuk menyelesaikan masalah tanpa mengira seberapa rumit prosedur tersebut, maka masalah itu bukanlah masalah. Jenis masalah ini juga dikenali sebagai masalah rutin atau latihan.

Rajah 2.3 merupakan langkah yang dikemukakan oleh Krulik dan Rudnick (1996)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3. Krulik dan Rudnick 1996

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat pertama Model Krulik dan Rudnick (1996) mencadangkan supaya murid membaca, mengkaji, dan menilai maklumat yang terdapat dalam masalah secara kritis. Murid mesti menentukan matlamat masalah. Situasi masalah digambarkan, dijelaskan dan difahami. Setiap bahagian yang terdapat dalam masalah dihubungkaitkan. Aspek kedua, ialah murid perlu menganalisis data yang terdapat dalam masalah. Status kecukupan maklumat untuk menyelesaikan masalah ditentukan. Maklumat yang mengganggu dikeluarkan. Data yang diberi disusun dalam bentuk yang bersesuaian seperti jadual, rajah, atau model dan dari situ murid membina perancangan untuk mendapatkan jawapan. Aspek ketiga, yang dicadangkan oleh Krulik dan Rudnick (1996) adalah, murid mesti membuat penentuan tentang strategi yang boleh digunakan. Pemilihan strategi dan melaksanakan kemahiran yang bersesuaian bertujuan untuk mendapatkan penyelesaian. Jawapan yang diperoleh mesti disemak dari segi kesesuaian dengan meneliti semula setiap langkah dan kehendak masalah dipastikan sama ada telah dipenuhi. Jawapan yang telah diperoleh di tentu sahkan melalui penggunaan strategi yang berbeza. Krulik dan Rudnick (1996) menegaskan proses yang dikemukakan tidak berlaku secara bersendirian mahupun berturutan. Proses boleh berlaku secara berulang-alik kadang kala tanpa disedari oleh murid.

2.6.4 Model Visual Analitis Stylianou (2002)

Model penyelesaian masalah yang dikemukakan Stylianou (2002), memberi penekanan kepada perwakilan visual, pemikiran analitis dan pemantauan ke atas proses penyelesaian dan merupakan, faktor penting dalam kejayaan menyelesaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah matematik. Stylianou (2002) telah mengemukakan satu model yang dinamakan Model Visual dan Analitis.

Menurut Stylianou (2002), perwakilan visual, pemikiran analitis, dan pemantauan ke atas proses penyelesaian adalah faktor penting dalam kejayaan menyelesaikan masalah dalam matematik. Dalam model ini, proses untuk membina perwakilan dan pemikiran analitis dilihat sebagai satu proses yang saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Ketika menyelesaikan masalah matematik, kedua-dua proses membina perwakilan dan berfikiran analitis perlu hadir. Kedua-dua proses ini saling memaklumkan dan berlaku secara berturutan. Proses membina perwakilan dan berfikiran analitis berlaku dalam pemeringkatan yang diskrit, tetapi ia menggambarkan suatu penghampiran tentang pemikiran murid yang selanjar. Proses berfikir secara analitis melibatkan empat jenis tindakan. Empat tindakan yang dikemukakan oleh Stylianou dapat dijelaskan, dalam Rajah 2.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.4. Model Visual Analitis Stylianou 2002

Empat tindakan yang dikemukakan oleh Stylianou adalah seperti berikut:

i. Membuat inferens ke atas tindakan yang dilakukan,

ii. Meluaskan skop berfikir bagi mendapatkan maklumat matematik yang berkaitan

iii. Menyatakan matlamat baru,

iv. Memantau proses penyelesaian masalah matematik.

Dalam langkah V1, murid membina rajah situasi tentang masalah matematik. Pada langkah analisis A1, murid menaakul tentang apa yang telah dibina dalam langkah V1. Murid berusaha mendapatkan maklumat tambahan daripada rajah, iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat yang tidak dapat diperoleh terus daripada pernyataan masalah matematik. Kemudian, murid membuat perluasan dan manipulasi ke atas maklumat matematik dan matlamat baru ditetapkan. Hasilnya proses visual kedua V2, dilakukan bagi membina perwakilan mental yang baru atau menterjemah semula perwakilan yang dibina dalam V1. Langkah berikut ialah membuat analisis kedua A2, dengan menggunakan versi perwakilan V2. Langkah ini diikuti dengan membina perwakilan yang ketiga V3, dan seterusnya. Proses akan berterusan sehingga penyelesaian bagi masalah yang hendak diselesaikan tercapai. Sepanjang proses ini, murid membuat pemantauan dan mengawal proses penyelesaian yang dilakukan.

2.6.5 Model Terjemahan Lesh et al. (2003)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Terjemahan Lesh dikenali sebagai *Lesh Translation Models*, menekankan bahawa pemahaman konsep terletak pada keupayaan murid untuk mewakilkan idea matematik dan menggunakan bahasa tidak formal untuk membina hubungan dengan kepelbagaian perwakilan idea matematik. Model ini mencadangkan idea matematik boleh diwakilkan atau dipersembahkan dalam lima keadaan yang berlainan. Lima keadaan tersebut ialah manipulative (*manipulatives*), gambar (*pictures*), kontekstual (*real-life contexts*), simbol bahasa lisan (*verbal symbols*) dan simbol tulisan (*written symbols*). Menurut Lesh et al. (2003), perwakilan adalah penting untuk memahami konsep matematik dan mentakrifkan perwakilan sebagai luaran iaitu yang dapat dilihat dan penjelmaan konsep iaitu *conceptualizations* dalaman seseorang murid. Untuk membina kefahaman yang mendalam tentang idea matematik, murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sepatutnya mempunyai pengalaman dalam kelima-lima cara dan dapat menggunakan keupayaan membuat perwakilan untuk menghubungkaitkan antara satu sama lain. Setiap rantaian dalam ke lima-lima komponen perwakilan ini adalah dalam bentuk dua arah yang saling berhubungan dan berinteraksi dalam menyelesaikan sesuatu situasi dalam masalah. Dalam Rajah 2.5, dapat dijelaskan hubungan kepelbagaian cara perwakilan antara lima keadaan menurut Lesh et al. (2003).



Rajah 2.5. Model Terjemahan Lesh et al. (2003)

Berpandukan pada Model Lesh et al. ini, dua mod yang terakhir dalam penyelesaian masalah ialah bahasa lisan iaitu *verbal symbol*. Melalui lisan, mendengar dan menulis tentang konsep matematik boleh membantu murid mengenal pasti idea mereka. Moschkovich (2021) yakin bahawa bahasa tidak formal murid sebenarnya menjadi petunjuk kepada guru untuk menterjemahkannya kepada perwakilan simbol matematik sebenar. Apabila murid telah mula berkomunikasi, menghurai dan menunjukkan melalui perwakilan seperti gambar rajah, sebenarnya mereka telah bersedia untuk merekodkan dan menerima simbol matematik. Namun, yang menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persoalan ialah apabila guru terlalu mengejar untuk mewakilkan idea matematik dengan penulisan simbol, maka simbol-simbol abstrak ini akan menyebabkan murid kurang bersedia dan menyebabkan berlakunya miskonsepsi dalam penyelesaian masalah tersebut. Menurut Lesh et al. (2003), kebolehan penterjemahan adalah faktor penting yang mempengaruhi pencapaian dan menjadikan idea matematik itu bermakna dalam penyelesaian masalah.

Rihab dan Areej (2021) menekankan pentingnya perwakilan matematik berganda. Menurut model Lesh dalam proses pendidikan peranan guru adalah bagi melatih murid cara menggunakan model Lesh serta memberi mereka peluang untuk memilih perwakilan yang sesuai dengan tahap matematik mereka. Dalam pembangunan kurikulum matematik model Lesh menggunakan pelbagai bentuk yang berbeza untuk membantu menjelaskan pelbagai aspek pengetahuan matematik dan mengembangkan kemampuan matematik murid. Penambahan ilmiah dalam strategi pengajaran dan pembelajaran matematik, terutamanya dalam bidang mengendalikan perwakilan matematik berganda menurut model Lesh dan hubungannya dengan kemampuan untuk menyelesaikan persoalan matematik.

Seiring dengan pembelajaran abad ke-21 dalam menilai kurikulum pendidikan dan kandungannya berdasarkan standard antarabangsa, perwakilan matematik adalah perwujudan konsep matematik dimana ia membolehkan murid mengenal pasti elemen-elemen matematik yang umum dalam situasi yang berbeza dan ia merupakan salah satu proses transformasi kandungan matematik dari bentuk asalnya ke pelbagai formula yang lain seperti simbol, bentuk, jadual, pemboleh ubah, dan lain-lain. Perwakilan matematik memainkan peranan penting dalam menyampaikan idea dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konsep matematik murid serta dalam menjalankan operasi matematik. Keperluan ini menjadi jelas ketika *National Council of Mathematics Teachers* (NCTM, 2000) menyatakan pentingnya proses perwakilan konsep matematik dalam pendidikan sejak dari prasekolah lagi agar membolehkan murid untuk:

i. Membina perwakilan matematik dan menggunakannya untuk menyusun idea-idea, membuat catatan dan menyampaikannya kepada orang lain.
ii. Memilih dan mengaplikasikan perwakilan matematik serta menterjemahkan antara perwakilan tersebut untuk menyelesaikan masalah matematik.
iii. Menggunakan perwakilan matematik untuk memodelkan dan menjelaskan fenomena fizikal, sosial, dalam matematik (NCTM, 2000: 67-71).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perwakilan matematik adalah kandungan dalam pembelajaran matematik. Murid dapat mengembangkan dan mendalami pemahaman mereka tentang idea dan konsep matematik ketika mereka mencipta, membuat perbandingan, dan menggunakan pelbagai bentuk perwakilan seperti bentuk, gambar, jadual, peta, carta, simbolik, terjemahan dan semua perwakilan ini membantu murid untuk meneruskan pemikiran matematik mereka (Castaneda et al., 2019). Perwakilan matematik juga dianggap sebagai kemahiran di mana pembelajaran mengubah bentuk pengetahuan yang berasal dari persekitaran luar dengan membina hubungan di antara elemen-elemen yang ditentukan, atau memberikan maklumat lisan atau masalah sehingga mudah untuk dipersembahkan dalam bentuk graf, lukisan dan jadual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui perwakilan, murid dapat mengenal pasti bahagian-bahagian kecil dalam sesuatu persoalan, menyatakan dengan cara mereka tersendiri dan seterusnya mereka dapat mencapai pemahaman mereka sendiri daripada pembentukan idea yang mereka lakukan melalui proses perwakilan (Dagan et al., 2021). Pengetahuan mendalam dalam matematik dan peningkatan kemampuan murid dalam menyelesaikan masalah matematik secara kreatif, bergantung pada pemikiran positif. Pemikiran positif ini dapat dicapai melalui penggunaan perwakilan matematik yang pelbagai (Deswantari et al., 2020). Perwakilan matematik dianggap sebagai cara untuk mewakilkan idea-idea matematik tentang bagaimana seseorang dapat memahami idea-idea ini dan menggunakannya dalam kehidupan seharian mereka. Istilah perwakilan merangkumi proses dan hasil, dengan kata lain proses merupakan konsep matematik serta perhubungan dengan operasi matematik yang berlaku secara dalaman dalam pemikiran mereka yang berurusan dengan matematik, manakala hasilnya adalah hasil yang dilihat secara luaran (Dwi Priyo & Dita Latifatu, 2021).

Model Lesh bagi perwakilan matematik berganda boleh dianggap sebagai perluasan teori tiga mod perwalian Bruner (perwakilan enaktif, perwakilan ikonik dan perwakilan simbolik). Lesh et al. (1987) mengembangkan model untuk perwakilan berganda setelah mereka menambahkan perwakilan dalam situasi kehidupan dan perwakilan dalam bahasa lisan ke model Brunner yang terdiri daripada lima komponen yang mewakili komponen model Lesh bagi perwakilan matematik berganda dan membuat perhubungan di antara mereka. Model ini mengasaskan idea, konsep, atau hubungan matematik yang dapat digeneralisasi serta diwakili dalam lima bentuk yang berbeza, iaitu (bahasa lisan adalah cara di mana kita mengungkapkan idea, konsep, hubungan, atau generalisasi matematik melalui ucapan, misalnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyebut bahasa yang difahami oleh murid. Simbol bertulis mewakili mana-mana cara untuk menyampaikan idea, konsep, hubungan atau generalisasi matematik. Penulisannya pula dikaitkan dengan semua simbol matematik dan perkataan bertulis. Gambar dan bentuk adalah alat pendidikan yang mengandungi gambar atau lukisan yang dapat dilihat oleh murid dengan mata mereka sendiri, sama ada yang dilukis oleh guru atau yang terdapat dalam buku teks atau yang dilukis oleh murid dengan tangannya. Kemampuan murid untuk melihat model tiga dimensi, dan situasi kehidupan yang diwakili oleh sesuatu situasi dan keadaan yang berkaitan dengan kehidupan sebenar murid dan berkaitan dengan konsep matematik, hubungan, dan generalisasi matematik yang diberikan kepada murid (Fincham et al., 2019), dan dengan penambahan ini, model ini menjadi lebih komprehensif dan khusus daripada model Bruner dan sesuai untuk peringkat sekolah rendah dan menengah, kerana model ini menekankan bahawa pemahaman murid tercermin dalam kemampuannya untuk mewakili idea, konsep, hubungan, dan generalisasi matematik dalam pelbagai cara.

Dalam konteks pembangunan kerangka Penyelesaian Masalah Berbentuk Tinggi (PVB) untuk menyelesaikan masalah berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam matematik, penting untuk mengkaji beberapa model penyelesaian masalah yang telah diperbincangkan dalam penyelidikan terdahulu. Analisis terperinci terhadap setiap model ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang pendekatan yang berbeza dalam menyelesaikan masalah matematik, yang dapat membantu dalam pembangunan kerangka PVB yang sesuai untuk menggalakkan kemahiran KBAT dalam konteks pembelajaran matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Polya, misalnya, menekankan langkah-langkah seperti memahami masalah, merancang penyelesaian, melaksanakan penyelesaian tersebut, dan menilai semula kesimpulan. Model ini menyoroti pentingnya pemahaman masalah dan perancangan penyelesaian yang sistematik. Di sisi lain, Model Visual Analitis Stylianou memberikan fokus kepada penggunaan visualisasi dalam menyelesaikan masalah matematik. Ini melibatkan proses memvisualisasikan masalah, menganalisis visualisasi tersebut, dan menghasilkan penyelesaian berdasarkan analisis tersebut. Pendekatan ini dapat membantu dalam memperjelas konsep dan hubungan matematik yang kompleks. Sementara itu, Model Terjemahan Lesh menekankan pemahaman konseptual yang mendalam melalui proses menafsirkan dan mentransformasikan masalah matematik dari satu bentuk ke bentuk lain. Ini melibatkan pemahaman mendalam tentang konsep matematik yang mendasari masalah dan kemampuan untuk menghubungkan konsep-konsep tersebut dalam konteks yang berbeza.

Perbandingan antara ketiga model ini menunjukkan pendekatan yang berbeza dalam menyelesaikan masalah matematik. Model Polya menekankan proses sistematik, Model Visual Analitis Stylianou menekankan penggunaan visualisasi, dan Model Terjemahan Lesh et al. menekankan pemahaman konseptual yang mendalam. Dalam konteks pembangunan kerangka PVB, pengintegrasian elemen-elemen dari ketiga model ini dapat membantu dalam membangun kemahiran pemahaman, penyelesaian, dan komunikasi matematik yang diperlukan untuk menangani masalah berbentuk KBAT dalam matematik. Oleh itu, penting untuk memahami dan membincangkan model-model tersebut untuk merangkumi pendekatan yang komprehensif dalam pembangunan kemahiran matematik pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Teori Pembelajaran

Dalam kajian ini, pembinaan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) dan pelaksanaan kaedah PVB menggunakan kerangka PVB dalam PdPc penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik adalah berlandaskan kepada teori Konstruktivisme yang merangkumi teori-teori yang dipelopori oleh Jean Piaget, Vygotsky dan Bruner. Teori pembelajaran berperanan penting dalam memandu dan membimbing murid untuk lebih memahami dan menguasai sesuatu kemahiran dalam PdPc penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik menggunakan kaedah PVB.

2.7.1 Teori Konstruktivisme


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Konstruktivisme berfokus kepada proses murid membina struktur minda tersendiri apabila seseorang berinteraksi dengan persekitaran (Wenger, 2009). Menurut Alnusra dan Suaema (2019), teori ini menegaskan elemen - elemen seperti pembangunan pemahaman atau pengetahuan sendiri, mempelajari sesuatu yang baharu daripada jalinan pengetahuan atau pemahaman yang lepas, peningkatan pembelajaran menerusi interaksi social dan akhirnya membentuk pembelajaran yang bermakna menerusi tugasan pembelajaran autentik. Teori ini percaya bahawa murid adalah aktif dan berupaya untuk membina pengetahuan sendiri (Umam et al., 2019). Teori Konstruktivisme menekankan bahawa murid dapat menginterpretasikan maklumat yang diterima mengikut pengetahuan sedia ada dan seterusnya membina semula pengetahuan dalam bentuk yang boleh diterima olehnya (Longden &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Solomon, 1986). Perlu difahami bahawa murid membina pengetahuan sendiri, bukan hanya menerima sesuatu maklumat atau pengetahuan secara pasif. Taber (2011) menjelaskan proses tersebut dalam Rajah 2.6. Menurut beliau murid membina pengetahuan dengan mengenal pasti objek atau peristiwa iaitu 'MAKNA' yang ditemui di persekitaran mengikut persepsi mereka.



Rajah 2.6. Proses Pembangunan Pengetahuan (Taber 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Konstruktivisme juga memfokuskan proses murid membina struktur minda mereka sendiri apabila berinteraksi dengan persekitaran. Model yang dibina dalam minda adalah subjektif kerana ianya dibina berdasarkan pengalaman peribadi mereka. Secara ringkasnya teori ini menyatakan bahawa pengetahuan dibina secara aktif dalam minda seseorang murid. Agustini et al. (2019) meringkaskan teori ini kepada empat komponen berikut:

i. Murid membina pemahaman atau pengetahuan sendiri
ii. Pembelajaran baharu bergantung kepada pengetahuan atau pemahaman yang lepas
iii. Pembelajaran dapat dipertingkatkan dengan interaksi sosial.
iv. Tugasan pembelajaran autentik menggalakkan pembelajaran autentik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara teori utama yang menyumbang, kepada perkembangan teori Konstruktivisme adalah seperti Teori Perkembangan Kognitif Piaget, Teori Pembangunan Sosial Vygotsky dan Teori Pembelajaran Brunner. Menurut Choi et al. (2020), konstruktivisme dipandang sebagai teori kognitif pembelajaran. Ia ditekankan bahawa pengetahuan dianggap sebagai pengetahuan yang dibina oleh murid sebagai proses adaptasi berdasarkan pengalaman murid dan sentiasa dimodifikasi oleh pengalaman murid. Oleh itu, dalam konstruktivisme, murid tidak menemui dunia yang wujud bebas dan berdiri sendiri di luar mindanya. Terdapat implikasi bahawa murid tidak boleh mengetahui sesuatu konsep matematik tertentu kecuali melalui pengalaman mereka, dan murid hanya boleh mengetahui apa yang telah mereka bina dan modifikasi mengikut pengalaman mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut teori ini, pengetahuan dilihat sebagai sesuai dengan pengalaman, jadi jika pengalaman berubah, pengetahuan juga akan dimodifikasi. Oleh itu, adalah penting untuk mendorong murid untuk berbincang tentang pemikiran mereka satu sama lain dan dengan guru. Untuk membincangkan apa yang sedang dilakukan, memastikan bahawa murid sedang mengkajinya. Dalam kajian ini, hasil daripada pemeriksaan seperti ini menggalakkan murid untuk membincangkan pandangan mereka tentang masalah dan pendekatan tentatif mereka sendiri. Seorang konstruktivis melihat individu cuba memahami pengalaman mereka dengan niat untuk membina kaedah mereka yang bermakna. Oleh itu, sebahagian besar kognisi adalah penyelesaian masalah, manakala sedikit daripada yang biasanya berlaku di dalam bilik darjah sekolah boleh dianggap sebagai soalan jenis penyelesaian masalahkerana murid jarang diberi peluang membuat keputusan (Voon & Amran, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pendekatan konstruktivisme, murid diasimilasikan membina pemahaman konseptual matematik mereka sendiri semasa mereka mengambil bahagian dalam amalan budaya dan semasa mereka berinteraksi satu sama lain. Pandangan budaya ini mengandaikan bahawa murid harus mempunyai sudut pandangan yang wujud sebagai aspek pusat pengetahuan (Rachman et al., 2022). Selain itu, guru-guru juga perlu merenungkan perkembangan proses pemikiran untuk memahami pelbagai corak pemikiran murid di dalam kelas dan merancang tugasan untuk kumpulan dan individu. Dengan berbuat demikian, mereka melangkah lebih jauh daripada pengajaran tradisional dan menjadi pembina kurikulum (Arihasnida et al., 2020).

Ini bermakna kedua-dua guru dan murid menjadi lebih bertanggungjawab untuk pembelajaran. Guru-guru perlu tidak hanya mempunyai pengetahuan pedagogi yang mendalam (Othaya et al., 2021), tetapi juga adalah penting bagi guru matematik untuk menyesuaikan reka bentuk pembelajaran untuk menumpukan pemahaman murid yang lebih baik. Oleh itu, para penyelidik memutuskan untuk menghampiri soalan jenis penyelesaian masalah dengan membolehkan murid berinteraksi satu sama lain dan berkomunikasi idea mereka untuk menggalakkan soalan jenis penyelesaian masalah bagi masalah yang diberikan. Di dalam kumpulan, penglibatan rakan sebaya menggalakkan keputusan kolektif. Dua tugas masalah yang dipilih berdasarkan pengetahuan tentang pecahan dan manipulasi pecahan. Topik ini dipilih kerana Syed dan Muhammad (2020) mendapati bahawa kebanyakan murid berdepan dengan kesulitan dalam pecahan dalam matematik sekolah menengah pertengahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.2 Teori Perkembangan Kognitif Piaget

Teori Piaget memperincikan proses manusia dalam mengumpul, mengorganisasikan maklumat ke dalam struktur kognitif iaitu dalam minda mereka. Piaget percaya bahawa perkembangan kognitif adalah penyusunan semula proses mental yang progresif sebagai hasil pematangan biologi dan pengalaman alam sekitar. Kanak-kanak berupaya membina pemahaman tentang dunia di sekeliling mereka, kemudian mengalami kekeliruan antara apa yang mereka sudah tahu dan apa yang mereka temukan dalam persekitaran mereka. Kekeliruan ini seterusnya akan membawa kepada perkembangan kognitif kanak-kanak (Piaget, 1970). Piaget (1936) tidak bersetuju dengan idea bahawa kecerdasan adalah sifat tetap, dan menganggap perkembangan kognitif sebagai proses yang berlaku akibat pematangan biologi dan interaksi dengan alam sekitar (Piaget, 1970).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Piaget, struktur kognitif seseorang akan dikembangkan melalui skemata secara mengasimilasi dan megakomodasi sesuatu maklumat. Piaget (1977) mendefinisikan asimilasi sebagai penggabungan elemen luaran yang serasi ke dalam skemata yang sedia ada. Piaget (1977) juga mendefinisikan proses akomodasi sebagai proses yang melibatkan pengubahsuaian skemata berdasarkan beberapa ciri yang tertentu bagi elemen yang akan diasimilasikan. Piaget (1970) menegaskan bahawa proses asimilasi akan diikuti dengan proses akomodasi atau sebaliknya.

Menurut Piaget (1970), perkembangan kognitif bergantung kepada empat faktor iaitu, kematangan biologi, pengalaman, persekitaran fizikal dan pengaruh persekitaran sosial dan ekuilibrasi. Ekuilibrasi mengkoordinasi tiga faktor secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konsisten tidak saling bercanggah (Piaget, 1970). Dengan ini dapat dinyatakan bahawa ekuilibratasi adalah mekanisme utama dalam perkembangan kognitif. Piaget (1970, 1977) juga menjelaskan ekuilibrasi sebagai regulasi kendiri yang memerlukan keseimbangan antara asimilasi dan akomodasi. Bagi Duncan (1995), ia merupakan satu proses dalaman yang beroperasi secara berterusan yang membawa kepada keseimbangan yang lebih baik melalui kitaran. Piaget (1977) turut menyatakan bahawa situasi konflik boleh diwujudkan dengan sengaja bagi mencapai tujuan tersebut.

Secara ringkasnya, Piaget menegaskan bahawa murid akan menginterpretasikan maklumat yang baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada. Maklumat baru yang diterima melalui proses asimilasi dan akomodasi yang akan berlaku secara berterusan. Proses ini membolehkan pembangunan pemahaman baru secara berterusan. Teori ini jelas menggambarkan bahawa guru perlu mengambil kira pengetahuan sedia ada murid apabila merancang pengajaran atau situasi yang boleh menimbulkan konflik kognitif agar dapat membantu murid membina sendiri pengetahuan atau kefahaman yang baru.

2.7.3 Teori Sosial Lev Vygotsky

Teori Vygotsky menekankan peranan interaksi sosial dalam pembelajaran dan perkembangan kognitif (Azizah et al., 2021). Bagi Vygotsky proses kolaboratif dalam persekitaran sosial akan mentransformasikan pengalaman pembelajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perkembangan mindanya (Etnawati, 2023). Teori Pembangunan Sosial Vygotsky (1978) memberi penekanan kepada tiga aspek iaitu, peranan sosial dalam pembelajaran dan perkembangan kognitif di mana pengetahuan baharu dibina bersama dua atau lebih ahli komuniti. Kedua, bagi menyokong pembelajaran, murid boleh bekerjasama dengan individu yang lebih berkemampuan seperti orang yang lebih dewasa atau rakan sebaya. Ketiga pula penekanan pembelajaran yang berlaku dalam zon pembangunan proksimal.

Teori Vygotsky memfokuskan kepada peranan komuniti dalam proses pembangunan pengetahuan yang baharu. Menurut DeLuca & Baker (2021) interaksi sosial dan kolaboratif dalam kalangan ahli komuniti memainkan peranan penting dalam pembangunan pengetahuan kerada hal tersebut dapat mencetuskan dan menstrukturkan semula idea. Apabila murid berkolaboratif dan berkongsi idea dari perseptif mereka sendiri, maka miskonsepsi atau konflik kognitif akan terserlah, kemudian perbincangan sesama mereka bagi mencapai penyelesaian akhirnya akan membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam.

Konsep zon pembangunan proksimal atau '*zone of proximal development'* (ZPD) turut dicadangkan oleh Vygotsky di mana murid boleh mempelajari idea atau sesuatu konsep yang lebih kompleks melalui interaksi social dengan individu yang lebih berkemampuan. Konsep ini digambarkan dalam Rajah 2.7.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.7. Kedudukan ZPD

Berdasarkan Rajah 2.7, interaksi sosial dalam ZPD boleh menggalakkan perkembangan kognitif dan pembelajaran, sokongan yang diberikan oleh ahli komuniti yang lain boleh membantu murid menyelesaikan masalah secara individu. Boleh disimpulkan bahawa teori Vygotsky memberi penekanan kepada interaksi sosial antara murid dengan rakan sebaya atau dengan guru. Interaksi ini boleh memberikan percanggahan dan konflik dalam ZPD yang boleh membantu mereka untuk membina pengetahuan mereka sendiri. Smith & Johnson (2023) turut menyokung bahawa interaksi sosial mencetuskan konflik kognitif dan membolehkan murid menstrukturkan semula idea melalui perkongsian idea dari perspektif masing-masing. Dalam zon ZPD, murid perlu mentransformasikan pengalaman mereka berdasarkan pengetahuan dan ciri-ciri mereka serta menyusun semula struktur dalam minda mereka. Maka, pendidik perlulah menentukan sokongan, maklumat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bimbingan yang hendak diberikan berdasarkan tahap keupayaan dan pencapaian murid agar mereka dapat membina pemahaman yang baharu.

Bruner (1997) mendapati terdapat jurang dalam Teori Vygotsky di mana aspek pedagogi dan inter subjektiviti tidak difokuskan (Bruner, 1997). Dalam ZPD, kaedah pedagogi tidak dijelaskan dan cara pendidik mendapatkan keperluan murid iaitu inter subjektiviti juga tidak diperjelaskan. Maka, Teori Bruner telah menyediakan satu kerangka bagi mengisi jurang tersebut.

2.7.4 Teori Pembelajaran Bruner

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Pembelajaran Bruner boleh dibahagikan kepada dua lagi teori yang utama iaitu teori perkembangan kognitif Bruner dan teori instruksi Bruner (Suardipa, 2023). Teori perkembangan kognitif Bruner mencadangkan bahawa perkembangan seseorang individu akan melalui peringkat intelektual yang berbeza-beza dan murid akan berupaya untuk membina pengetahuan mereka sendiri dengan mengorganisasikan maklumat menggunakan tiga mod perwakilan iaitu enaktif, ikonik dan juga simbolik. Menurut Bruner (1966), kanak-kanak berupaya untuk membina pengetahuan sendiri dengan menggunakan tiga mod perwakilan iaitu enaktif (tindakan), ikonik (imej) dan simbolik(bahasa). Mod perwakilan merupakan cara sesuatu pengetahuan atau maklumat disimpan dan dikodkan dalam memori.

Mod perwakilan enaktik iaitu pengekodan maklumat berdasarkan sesuatu tindakan serta menyimpannya dalam memori adalah yang paling asas yang dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukan sejak bayi lagi. Sebagai contoh, seseorang bayi boleh meniru semula gaya yang ditunjukkan oleh orang dewasa. Mod perwakilan juga masih relevan bagi orang dewasa bagi mempelajari sesuatu kerja yang melibatkan kemahiran motor seperti menjahit baju, membaiki kereta dan sebagainya yang sukar ditakrif dalam bentuk ikonik atau simbolik. Mod ikonik pengkodan maklumat dalam bentuk gambaran yang disimpan dalam metal secara visual. Doe & Smith (2022) juga mempercayai bahawa apabila kita mempelajari sesuatu gambar rajah atau ilustrasi akan membantu untuk mengiringi maklumat secara lisan. Manakala mod simbolik pula merupakan perkembangan kognitif yang terakhir dalam teori Bruner di mana maklumat akan disimpan dalam bentuk simbol seperti bahasa. Mod simbolik ini boleh disesuaikan dengan mod enaktif dan ikonik. Simbol-simbol adalah fleksibel di mana ianya boleh di manipulasi, diarah, dikelaskan dan sebagainya, maka ianya tidak terhad oleh sesuatu tindakan ataupun imej. Mod simbolik ini boleh disimpan dalam memori sebagai kata, simbol matematik atau simbol-simbol yang lain.

Kanak–kanak akan menjadi lebih mahir apabila mereka dapat menterjemah setiap mod antara satu sama lain iaitu apabila kognitif mereka berkembang di mana mereka perlu mengintegrasikan ketiga tiga mod untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Hatip Ahmad, 2021). Bruner (1960) mendapati bahawa jika sesuatu konsep yang abstrak dapat diterangkan dengan menggunakan bahasa maka jelaslah bahawa konsep tersebut telah difahami. Teori Bruner juga menerangkan bahawa perkembangan individu perlu melalui peringkat intelektual yang berbeza untuk membina pengetahuan mereka sendiri dengan menggunakan tiga mod perwakilan (enaktif, ikonik dan simbolik). Murid boleh memilih dan mengubah maklumat yang diterima bagi membangunkan sesuatu mod perwakilan mereka sendiri. Seterusnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka akan menggabungkan mod perwakilan yang dibina dengan pengalaman mereka sendiri agar boleh memahaminya serta bermakna kepada diri sendiri untuk membuat sesuatu keputusan dan menyelesaikan masalah.

Teori perkembangan kognitif Bruner juga menyumbang kepada pembangunan teori kurikulum. Bruner (1960) mempercayai bahawa kanak-kanak boleh memahami maklumat yang kompleks dengan menggunakan kurikulum lingkaran (*spiral curriculum*) tanpa mengira umur. Kurikulum lingkaran ini merangkumi penyusunan pengetahuan dan kemahiran dari aras mudah ke kompleks berserta dengan pengulangan pengetahuan dan kemahiran secara berkala. Pengetahuan dan kemahiran yang lebih hebat boleh diperkenalkan dengan mengulang kaji. Bruner menegaskan bahawa penyusunan kurikulum perlu dibuat dengan cara lingkaran supaya murid boleh membina pengetahuan berdasarkan pengetahuan yang lepas, di mana maklumat yang baharu perlu distrukturkan agar pengetahuan atau kemahiran yang kompleks boleh diajar secara peningkatan tahap kesukaran secara beransur dan akhirnya murid boleh menyelesaikan masalah sendiri. Cara yang paling berkesan untuk membangunkan mod perwakilan ialah melalui penemuan (Bruner, 1962). Bruner mempercayai bahawa sekiranya murid boleh menemui pengetahuan dan membuat hubungan antara pengetahuan yang sedia ada dengan sendiri maka mereka akan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam.

Burner percaya bahawa keinginan untuk belajar dan menyelesaikan masalah boleh diaktifkan dengan merangka aktiviti penyelesaian masalah yang akan membolehkan murid meneroka kaedah alternatif bagi menyelesaikannya. Faktor budaya, motivasi dan individu menyumbang dalam menimbulkan keinginan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belajar dan melaksanakan penyelesaian masalah, maka murid perlu juga menguasai kemahiran sosial untuk melibatkan diri dalam proses instruksi (Smith & Johnson, 2023). Pembelajaran dan penyelesaian masalah merupakan hasil daripada penerokaan idea yang baharu. Guru perlulah berperanan untuk mengaktifkan, mengekalkan dan memimpin penerokaan idea baharu murid.

Komponen kedua adalah Struktur dan bentuk Pengetahuan, guru berperanan penting dalam menyusun isi kandungan pembelajaran dalam bentuk yang mudah difahami oleh murid. Sesuatu idea, masalah atau pengetahuan perlu dipersembahkan dalam bentuk yang boleh difahami oleh murid dan seterusnya adalah komponen Urutan, Urutan merupakan elemen paling penting dalam mempersembahkan pengetahuan atau maklumat yang perlu difahami oleh murid Doe & Smith, (2022). Akhirnya, komponen Peneguhan dan Maklum Balas, dalam komponen ini guru perlu memberikan maklum balas terhadap pencapaian dan kemajuan murid.

Dalam teori Bruner dapat diringkaskan pembelajaran adalah satu proses yang aktif yang melibatkan murid secara langsung dalam meneroka pengetahuan yang baharu berdasarkan pengetahuan yang sedia ada. Konsep pembelajaran penemuan menuntut murid untuk membina pengetahuan sendiri. Penekan Bruner kepada bahasa untuk memahami idea atau maklumat yang abstrak seperti penyelesaian masalah matematik. Bruner juga mementingkan persekitaran sosial yang dapat memberi motivasi kepada murid untuk meneroka pengetahuan yang baharu, di mana guru harus berperanan untuk menggalakkan murid melaksanakan pembelajaran penemuan. Guru harus bertindak sebagai fasilitator untuk membimbing murid agar mereka menemui dan membina pengetahuan sendiri. Bruner juga mempercayai bahawa murid adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peserta yang perlu melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dan mereka berupaya menemui dan membina pengetahuan dengan sendiri.

Teori Konstruktivisme walaupun merupakan teori yang diasaskan atau dibukukan pada tahun 90an namun teori tersebut masih lagi relevan sehingga kini. Terdapat juga penyelidik yang memberi ulasan dan deskriptif mengenai teori ini sehingga kini. Syahrifuddin dan Lazim (2020) menyatakan bahawa pembelajaran Konstruktivisme memberi penekanan kepada pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid dengan menghubungkan pembelajaran kepada situasi yang bermakna, nyata dan bersifat visual. Pembelajaran Konstruktivisme melibatkan proses kognitif dalam mental iaitu pembangunan konsep atau fakta yang baharu berdasarkan pengetahuan atau pengalaman yang lepas (Sadana & Jayanti, 2020). Purwanto (2021) berpendapat bahawa interaksi sosial yang ditekankan oleh Vygotsky memudahkan pembelajaran di mana murid – murid yang bekerjasama mampu untuk membina pemahaman sesuatu konsep lebih baik daripada murid yang bekerja secara individu.

Dalam mengembangkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan melaksanakan kaedah Penyelesaian Masalah Berbentuk Tinggi (PVB) dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdPc) untuk menyelesaikan masalah berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam matematik, pemilihan teori konstruktivisme yang dipelopori oleh Jean Piaget, Lev Vygotsky, dan Jerome Bruner adalah penting. Teori-teori ini memberikan landasan yang kukuh bagi pendekatan pembelajaran yang menekankan peranan aktif murid dalam pembinaan pengetahuan dan pemahaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jean Piaget memperkenalkan konsep perkembangan kognitif, yang menekankan bahawa murid aktif dalam membina pengetahuan mereka melalui interaksi dengan persekitaran. Teori ini relevan dalam konteks PVB, di mana murid didorong untuk aktif mencari penyelesaian kepada masalah matematik, membangunkan pemahaman mereka melalui proses eksplorasi dan refleksi (Diva & Purwaningrum, 2022).

Lev Vygotsky pula membawa konsep zon pembangunan proximal (ZPD) yang menggariskan bahawa murid dapat mencapai pencapaian lebih tinggi apabila dibimbing oleh individu yang lebih berpengalaman. Dalam konteks PVB, guru dapat berperanan sebagai pembimbing yang membantu murid memahami strategi penyelesaian masalah yang kompleks dan memperluas ZPD mereka (Hatip & Setiawan, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jerome Bruner menekankan peranan struktur dalam pembelajaran, di mana pembelajaran matematik haruslah bermula dari konsep yang mudah difahami oleh murid dan berkembang ke arah konsep yang lebih kompleks. Pendekatan ini sesuai dalam PVB untuk memastikan bahawa proses penyelesaian masalah matematik bermula dari konteks yang dikenali oleh murid dan berkembang ke arah konsep yang lebih rumit secara berperingkat (Bruner, 1966).

Perkaitan teori-teori ini dengan topik matematik yang dipilih perlu ditekankan dalam pengembangan RPH dan pelaksanaan kaedah PVB. Contohnya, dalam pembelajaran topik geometri, teori Piaget tentang pembinaan pengetahuan melalui interaksi dengan persekitaran boleh dihubungkan dengan penggunaan bahan manipulatif dalam PdPc. Begitu juga, konsep ZPD Vygotsky boleh diaplikasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan mendorong kerjasama antara murid dalam menyelesaikan masalah geometri yang kompleks.

2.8 Perwakilan Visual Bar

Perwakilan visual merupakan sebahagian daripada heuristik atau kaedah dan merupakan elemen dalam strategi kognitif, pembangunan perwakilan masalah biasanya dilakukan di peringkat langkah memahami suatu masalah serta merancang strategi penyelesaian (Polya, 1957). Perwakilan visual adalah keupayaan untuk mentafsir dan memahami situasi masalah serta menggambarkan situasi atau objek melibatkan mental serta memanipulasi pelbagai alternatif untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan situasi tersebut. Ia juga merujuk kepada keupayaan kognitif membabitkan seseorang individu menggambarkan secara mental, proses atau situasi dalam soalan (Mundia & Metussin, 2019).

Menggunakan gambaran, terjemahan serta dengan melukis gambar rajah yang sesuai dan membuat penaakulan yang betul merupakan satu kemahiran penting dalam proses menyelesaikan suatu penyelesaian masalah matematik. Hasil yang terbina daripada visual terdiri daripada sebarang imej visual sesuatu objek, proses dan situasi yang digambarkan. Ia boleh wujud sama ada dalam bentuk gambar rajah, model, lakaran dan sebagainya sebagai sebahagian daripada teknik dalam penyelesaian masalah (Klerlein & Herveu, 2019). Secara keseluruhannya, visual merupakan proses kognitif yang melibatkan pelbagai kemahiran, khususnya menganalisis objek dan fenomena yang berbentuk konkrit dan visual yang dicerap daripada pancaindera dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membayangkan serta menggambarkan sesuatu fenomena, objek atau proses yang berlaku itu adalah hasil daripada cerapan di dalam minda bertujuan untuk memahami dengan lebih jelas.

Dalam konteks literasi visual, penggunaan grafik antara yang utama adalah dengan menggunakan komputer di mana gabungan suara, video dan data ke dalam format digital boleh meningkatkan penggunaan imej-imej visual secara dramatik. Kecanggihan telefon pintar, kamera digital, pakej grafik, dan video membenarkan penggunaan imej-imej visual untuk menyampaikan idea. Terdapat bukti bertentangan berkaitan hujahan sama ada murid yang muda dan bukan konvensional lebih gemar pelajaran berasaskan imej berbanding pelajaran berasaskan teks. Maputol (2019) menegaskan bahawa murid memerlukan kemahiran visualisasi yang baik untuk memahami, menterjemah, mengenal pasti reka bentuk dan berkomunikasi menggunakan imej. Pelbagai idea dapat disampaikan dengan berkesan melalui penggunaan imej yang betul.

Pehkonen (2019) percaya bahawa pengajaran literasi visual mampu membantu meningkatkan pembelajaran murid dalam kelas di samping memberi lebih pilihan kepada murid dalam ruang kerja mereka. Burnmark menyatakan bahawa dengan capaian untuk mencetak bahan dan capaian kepada laman internet, kurikulum yang kaya dengan visual boleh dicapai oleh lebih ramai murid dan mengajar mereka dengan lebih pantas dan lebih bermakna berbanding laporan bertulis secara konvensional dan berasaskan teks ataupun pengajaran secara lisan. Beberapa penulis berpendapat permintaan terhadap kandungan bertulis turut memberikan impak yang tinggi tetapi kajian lanjut menunjukkan bahawa kecenderungan terhadap kandungan textual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi gambaran tentang kerendahan tahap capaian kepada kandungan berasaskan laman web berbanding kandungan visual (Szabo et al., 2020).

Pencapaian yang baik negara Singapura dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA membuktikan kebolehan murid muridnya untuk menyelesaikan masalah. Ng (2022) mendapati bahawa perwakilan menggunakan model lukisan berupaya untuk menyelesaikan penyelesaian masalah yang berbentuk aritmetik pada awalnya dan kemudian dapat menyelesaikan soalan penyelesaian masalah jenis algebra. Abate et al. (2022) menyatakan bahawa pendekatan visual berupaya membantu murid untuk membuat pertimbangan yang wajar bagi soalan berbentuk teks seterusnya menyelesaikannya. Beckman juga mendapati bahawa pencapaian Singapura adalah lebih baik dalam matematik berdasarkan keputusan TIMSS dan PISA dan menyedari bahawa faktor utama bagi kecemerlangan negara itu adalah penggunaan kaedah yang menarik bagi menyelesaikan sesuatu masalah berteks di mana negara tersebut menggunakan pendekatan berbentuk gambar rajah petak untuk menyelesaikan sesuatu masalah penyelesaian matematik dengan bantuan visual yang jelas.

Dapatan dari kajian luar negara menunjukkan Kajian Trend dalam Matematik dan Sains Antarabangsa yang dijalankan oleh Persatuan Antarabangsa untuk Penilaian Pencapaian Pendidikan Amerika Syarikat pada tahun 2003 dan 2007 menunjukkan pencapaian matematik yang lemah dalam kalangan kanak-kanak darjah 8 di Ghana. Dalam kajian antarabangsa tersebut, murid-murid darjah 8 di Ghana menduduki tempat ke-43 daripada 44 dan tempat ke-46 daripada 47 buah negara yang mengambil bahagian dalam kajian pada tahun berkenaan (Albay, 2019). Selain itu, juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperhatikan bahawa guru-guru matematik mengamalkan kaedah penerangan yang menggalakkan pembelajaran hafalan iaitu mengulang dan tuang. Cara ini menyebabkan murid-murid tidak sentiasa memahami konsep matematik untuk membantu mereka dalam kehidupan seharian, tetapi mempelajari hanya untuk lulus peperiksaan dan lupa apa yang telah dipelajari tidak lama selepas itu (Bermejo et al., 2021).

Mereka gagal mengingati peribahasa Cina kuno yang berbunyi "Katakan kepada saya dan saya lupa. Tunjukkan kepada saya dan saya ingat. Biarkan saya lakukan dan saya faham" (Celik & Ozdemir, 2020). de Koning et al. (2022) menunjukkan bahawa seni mengajar murid-murid untuk bertindak dan menilai tanpa peraturan, mengawal perasaan, memberi perhatian kepada penjelasan, bertindak serta menilai pilihan yang dibuat oleh mereka, mengubah seterusnya membuat pilihan yang lain. Selain itu, penyatuan lukisan menyokong perkembangan motivasi, minat, dan hubungan pra-perkhidmatan murid (Hawes & Ansari, 2020).Untuk menyokong kenyataan ini, Kahiya dan Brijlall (2021) mendapati bahawa 920 murid sekolah rendah dalam 52 buah bilik darjah di Boston, Cambridge, dan Los Angeles yang diberikan pelajaran seni visual dan teater selama tiga tahun mendapat markah laporan lebih tinggi dalam bidang subjek asas termasuk matematik berbanding murid yang tidak mengikuti program tersebut. Kartal et al. (2020) mengenal pasti beberapa sebab aktiviti melukis tidak digabungkan dalam pengajaran matematik. Ini termasuk kurangnya nilai akademik diberikan kepada pengajaran seni visual dan lebih perhatian diberikan kepada mata pelajaran yang lain terutamanya mata pelajaran teras menyebabkan tidak dapat mencungkil bakat murid dalam pelbagai kemahiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menunjukkan bagaimana penyertaan aktiviti melukis dalam pengajaran matematik dapat meningkatkan pemahaman konsep matematik murid sekolah rendah dan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka. Apabila aktiviti-aktiviti ini menyokong pembelajaran, minat murid dalam matematik menjadi lebih tinggi (Mahlaba & Mudaly, 2022). Selain itu, hasil daripada aktiviti-aktiviti penyertaan melukis mengesahkan bahawa seni menyediakan ruang untuk membina peluang menonjolkan diri dan menawarkan pelbagai gaya pembelajaran yang tersedia kepada kanak-kanak. Oleh itu, hasil daripada penyertaan aktiviti ini menyokong dakwaan bahawa penyatuan seni menyokong perkembangan motivasi dan minat murid (Moleko, 2021). Tambahan pula, kenyataan yang dikemukakan oleh Mudaly (2021) menegaskan bahawa seni berupaya membuka peluang kepada murid-murid untuk menonjolkan diri mereka dalam pelbagai aktiviti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian Rathour et al. (2022) mendapati aktiviti melukis membantu mengurangkan ponteng di kalangan beberapa orang murid, meningkatkan minat murid dalam matematik, membantu meningkatkan penyertaan murid dalam kelas serta mendorong kerjasama di kalangan murid bagi membina keharmonian dalam kumpulan. Terdapat peningkatan nilai min dalam ujian pasca untuk kumpulan eksperimen berbanding dengan nilai min ujian pra, yang menunjukkan keberkesanan peranan melukis dalam meningkatkan prestasi matematik murid. Terdapat korelasi yang kukuh dan positif antara kedua-dua pembolehubah, dengan penggunaan lukisan yang lebih kerap dalam pengajaran Matematik dikaitkan dengan peningkatan dalam prestasi ujian Matematik murid. Aktiviti melukis melibatkan guru dan murid, membolehkan mereka mengenali hubungan antara matematik dan seni. Aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melukis berupaya menerangkan konsep matematik dengan lebih jelas serta mampu meningkatkan prestasi matematik murid dengan menjadikan pembelajaran matematik menyeronokkan dan menarik (Schmidgall et al., 2019). Boleh juga dikatakan bahawa dengan memberikan lebih banyak masa dan pertimbangan terhadap pelbagai kecerdasan, murid-murid yang berada di bawah paras purata dan purata dapat meningkatkan prestasi mereka dalam matematik.

Keunikan serta ciri-ciri perkembangan lukisan kanak-kanak telah dikaji selama bertahun-tahun (Ainsworth et al., 2020). Lukisan digunakan bukan hanya digunakan untuk mengkaji tahap kemampuan umum kanak-kanak, masalah emosi, dan keluarga (Ivens, 2021), tetapi juga untuk mengetahui konsep sains kanak-kanak (Robertson & Graven, 2020). Selain itu, lukisan juga menjadi alat pembelajaran visual yang berharga (Samosa et al., 2021).Walaupun lukisan telah digunakan untuk mengilustrasikan teks atau mewakili idea-idea saintifik sejak dahulu lagi, pengintegrasian lukisan sebagai strategi pembelajaran selain daripada pembelajaran seni visual hanya diperakui sejak kebelakangan ini (Ainsworth et al., 2020).

Kelebihan lukisan yang dihasilkan sendiri hanya ditemui dalam sesuatu lukisan skematik di mana murid mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran kognitif tertentu, dan telah diajar untuk menghasilkan lukisan yang berguna dan mendapat sokongan dalam penggunaannya (Ainsworth et al., 2020). Walaupun banyak kajian telah mengkaji hubungan antara menghasilkan lukisan dan pembelajaran, beberapa bidang memerlukan penyelidikan lanjut. Banyak intervensi menggunakan pembangunan lukisan dalam subjek-subjek tertentu seperti matematik (Tasdan & Kabar, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Strategi yang dipelajari dalam satu bidang mungkin sukar untuk diaplikasikan ke bidang lain. Menghasilkan lukisan berguna dalam pembelajaran pelbagai subjek adalah berharga untuk menggunakannya dalam pelajaran yang berbeza (Zepeda & Mayers, 2020). Selain itu, lukisan juga merupakan salah satu strategi yang boleh membantu murid dalam pelbagai bidang termasuk matematik, maka iaya perlu diberi penekanan dan diaplikasi dalam pembelajaran.

Mengajar pelbagai strategi pembelajaran dan aplikasinya dalam pelajaran yang berbeza membolehkan proses pembelajaran menjadi lebih baik dan dapat mendorong murid untuk berjaya. Setakat ini, sedikit perhatian telah diberikan untuk menyokong pengetahuan meta kognitif dan kemahiran murid semasa proses menghasilkan lukisan. Guru sering bercenderung mempunyai pandangan yang salah tentang menghasilkan lukisan dan ini mungkin menghalang mereka daripada menyokong pengetahuan dan kemahiran murid dalam strategi pembelajaran konstruktif (Kikas et al., 2021). Oleh itu, adalah penting untuk mendidik para guru berkenaan kelebihan strategi lukisan dalam pembelajaran murid.

Guru-guru sekolah rendah perlu diajar dan dilatih untuk meningkatkan kesedaran meta kognitif tentang tiga strategi pembelajaran, iaitu kolaborasi maklumat baharu dengan bahan yang dikenali dan latihan harian, pengorganisasian bahan ke dalam kategori, kolaborasi dan pengorganisasian maklumat dengan menggambar. Kolaborasi dan pengorganisasian lukisan dalam matematik telah berjaya mencapai objektif pembelajaran dalam satu kajian yang dijalankan oleh Kikas et al. (2021), Lukisan adalah konfigurasi simbol, imej, atau objek konkrit yang mewakili entiti lain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan merupakan strategi pembelajaran konstruktif jika dihasilkan untuk mencapai matlamat pembelajaran (Brod, 2020).

Bagi menghasilkan lukisan, murid harus memilih maklumat penting dari teks untuk diproses dalam ingatan kerja mereka. Seterusnya, mereka mengatur elemen-elemen verbal secara mental ke dalam perwakilan verbal yang jelas akan digunakan untuk menyokong pembangunan lukisan, pada masa yang sama mengintegrasikan maklumat yang diberikan dengan pengetahuan sedia ada dari ingatan jangka panjang murid. Akhirnya, murid menukar model mental mereka menjadi lukisan yang wakili di atas kertas (Tiwari et al., 2021).

Penghasilan perwakilan menggunakan lukisan adalah berguna untuk pembelajaran dan membaiki kemahiran meta kognitif yang baik, kerana proses kognitif memilih, mengatur, dan mengintegrasikan berlaku secara berulang-ulang dan harus dipandu oleh pemantauan diri dan pengawalan diri (Toscano et al., 2019). Lukisan dan bantuan visual lain adalah mediator pengetahuan seperti perkataan. Mereka adalah generalisasi yang membantu memahami bahan baharu yang memberi makna kepada murid (Said et al., 2021).

Selaras dengan perbezaan konsep-konsep harian dan saintifik lukisan boleh dibahagikan kepada lukisan berbentuk gambar dan skematik (Vygotsky, 1997). Konsep-konsep harian diperoleh melalui pengalaman yang menggunakan deria individu. Kanak-kanak biasanya menggambar apa yang mereka lihat. Konsep-konsep harian akan di generalisasi berdasarkan pengalaman peribadi dan lukisan bergambar di mana kanak-kanak boleh mewakili situasi secara keseluruhan dan mengenal pasti penampilan visual objek yang juga merangkumi apa yang mereka telah pelajari (De

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Koning & Van Der Schoot, 2019). Konsep-konsep saintifik tidak merujuk terus kepada objek, tetapi lebih kepada konsep lain di mana ciri-ciri pengamatan digabungkan semula menjadi struktur baharu yang lebih informatif dan abstrak.

Oleh yang demikian lukisan dilihat sebagai alat strategi pembelajaran dimana lukisan yang sistematik dapat memberi gambaran tentang apa yang perlu pelajari dan dipelajari oleh murid. Lukisan mampu memberi penjelasan bagi sesuatu yang abstraksi di mana ciri-cirinya tidak dapat dipersepsi, menekankan idea utama teks atau masalah (Gvozdic & Sander, 2020). Mempelajari konsep-konsep harian adalah proses yang mudah bagi kanak-kanak apabila menggunakan lukisan. Kanak-kanak berupaya menyusun lukisan bergambar pada usia muda (Kaur, 2019). Sebaliknya, murid menghadapi kesulitan dalam memahami konsep-konsep saintifik, dan mempunyai pandangan yang salah tanpa ada gambaran yang jelas (Krawitz & Schukajlow, 2020). Terdapat juga kajian telah menunjukkan pandangan salah mengenai lukisan dan bantuan visual lain (Stylianou, 2020). Sebagai contoh, murid mungkin menafsirkan graf sebagai ikonik, sama seperti membaca gambar (Ott, 2020).

Pandangan-pandangan salah ini mungkin menghalang penciptaan lukisan sistematik oleh murid. Secara umumnya, kanak kanak mempunyai keupayaan rendah untuk menyusun lukisan secara sistematik kerana mereka jarang membuat demikian (Rellensmann et al., 2020). Kemahiran menggambar bermula dengan penyusunan lukisan secara sistematik boleh meningkatkan beban kognitif dan menyebabkan kekurangan penggunaan dan prestasi yang terhad (Rellensmann et al., 2020). Jika aktiviti menggambar tidak dipraktikkan kapasiti kognitif yang diperlukan untuk menyusun lukisan sukar digunakan dalam pemprosesan maklumat. Kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

metakognitif yang rendah juga mencegah penghasilan lukisan yang berguna (De Koning & Van Der Schoot, 2019).

Meta-analisis telah mengesahkan kelebihan menggunakan dan menghasilkan lukisan berbanding strategi pembelajaran pasif. Lukisan yang dihasilkan oleh murid telah terbukti sebagai strategi pembelajaran yang lebih berkesan daripada strategi verbal atau strategi soal jawab (Gvozdic & Sander, 2020) dan strategi membaca atau strategi yang berfokus pada teks (Kaur, 2019). Walau bagaimanapun, apabila dibandingkan dengan ilustrasi yang telah siap, kesan menggambar adalah campuran dan bergantung pada kualiti menggambar dan juga sokongan guru (Krawitz & Schukajlow, 2020). Masalah matematik berbentuk perkataan merupakan sub kategori masalah matematik di mana satu atau lebih hubungan kuantitatif dijelaskan dan jawapan berangka diperlukan (Purwadi et al., 2019). Masalah berbentuk perkataan digunakan dalam pendidikan matematik bermula dari tahun-tahun pertama kerana ia mengintegrasikan matematik sekolah dengan pengalaman hidup sebenar murid (Van de Weijer-Bergsma & Van der Ven, 2021).

Lukisan semata mata juga tidak dapat menyelesaikan soalan penyelesaian masalah kerana melibatkan pemahaman konsep masalah, merancang penyelesaian, mencari strategi, dan sebagainya (Putri, 2020). Model penyelesaian masalah mengenal pasti dua fasa: perwakilan masalah dan pelaksanaan masalah (Abdullah, 2020). Perwakilan masalah memerlukan murid untuk mentransformasikan maklumat bahasa dan angka menjadi perwakilan yang menunjukkan bagaimana maklumat tersebut berkaitan. Ini membantu memilih algoritma matematik yang sesuai dan melakukan pengiraan yang tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menyusun lukisan sangat berguna dalam fasa perwakilan masalah (Afni & Hartono, 2020). Lukisan yang dihasilkan oleh murid adalah alat untuk menganalisis masalah dan mencari penyelesaian (Ali et al., 2021). Lukisan sistematik dapat mewakili data utama dalam sesuatu masalah dan hubungan matematik di antara mereka termasuk ciri fizikal, hubungan ruang yang abstrak, dan juga perkataan (Alias et al., 2020). Penyelesaian masalah yang baik adalah dengan menyusun lukisan secara sistematik bagi meningkatkan pemahaman (Avvisati et al., 2019).

Pembangunan dan pengaplikasian lukisan oleh murid adalah bagus tetapi dalam keadaan tertentu. Sebagai contoh penggunaan perwakilan sistematik dapat memberi penyelesaian bagi sesuatu masalah dengan baik namun sekiranya perwakilan disusun tanpa sistemati maka keputusan yang diperoleh juga adalah salah (Baul & Mahmud, 2021). Penggunaan gamba rajah secara spontan oleh murid dalam penyelesaian masalah matematik berbentuk perkataan juga dipengaruhi oleh jenis masalah (Dirgantoro et al., 2019) dan konteks budaya (Hasibuan et al., 2019). Kejituan menggambar adalah penting dalam penyelesaian masalah (Hui & Mahmud, 2022), tetapi tidak selalu begitu (Ismail et al., 2021). Lukisan berupaya membantu jika murid menggambarkan dengan tepat hubungan struktur dan proses yang diterangkan dalam teks atau masalah.

Kaedah Perwakilan Visual Bar (PVB) yang dikaji mempunyai pelbagai nama seperti Rajah Pita (Johari et al., 2022), Rajah Jalur (Mahmud, 2019), Model Bar (Mahmud et al., 2022) dan juga *Singapore Modelling Method* (SMM). Model Bar menggunakan segi empat tepat dari pelbagai kepanjangan berbeza untuk mewakili magnitud perhubungan antara kuantiti dalam masalah matematik berayat. Seperti juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persamaan algebra, rajah yang digunakan bukanlah untuk membantu murid menjalankan operasi, tetapi untuk membantu mereka membuat keputusan tentang operasi apa yang harus digunakan juga untuk memahami mengapa operasi tersebut secara konsepnya, paling sesuai digunakan (Shawan et al., 2021). Model Bar juga mempunyai ciri yang unik dan menonjol dalam kurikulum matematik yang diperakui ramai.

PVB merupakan satu strategi penyelesaian masalah berbentuk visual. Kaedah PVB adalah merupakan satu teknik visual yang telah terbukti berkesan dalam kalangan murid Asia mahupun Amerika sejak berabad lalu. Bagi menjelaskan perkara ini, Subramaniam et al. (2022) telah mendapati dalam ujian diagnostik yang dijalankan pada tahun 1981 oleh Kementerian Pelajaran Singapura (KPS) mendapati bahawa mereka menghadapi masalah serupa yang dihadapi oleh Amerika Syarikat pada hari ini iaitu hanya 46 peratus murid dalam gred 2 hingga 4 mampu menyelesaikan masalah matematik berayat yang diberi tanpa kata kunci.

Konsep PVB merupakan teknik di mana bar digambarkan sebagai satu keseluruhan, dibahagikan kepada bahagian yang sama, dan ditakrifkan oleh penyebut (Wong & Matore, 2020). Algoritma PVB membantu murid untuk mengvisualisasikan dan merupakan alat yang berguna untuk memahami konsep penambahan dan pengurangan pecahan (Wulandari et al., 2020). Mengikut Yoong dan Nasri (2021), penggunaan imej visual dapat membantu murid mengira penambahan dan pengurangan pecahan dengan penyebut sama dan tidak sama. Oleh itu, Kaedah PVB akan meninggalkan gambaran mental algoritma yang boleh diterapkan dengan mudah (Albay, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PVB adalah teknik mewakili masalah Matematik secara bergambar, yang popular dengan kaedah pengajaran Matematik di Singapura (Barkatsas et al., 2019). Ia dicadangkan agar murid belajar dalam tiga peringkat, iaitu konkrit, bergambar dan abstrak (Cahyadi et al., 2023), dan melalui PVB, ia dapat membantu murid dalam peringkat bergambar. PVB adalah gamba rajah dengan tujuan mewakili masalah Matematik yang murid dapati agak sukar diselesaikan tanpa mengvisualkannya pada awalnya (Chytry et al., 2020). Ini adalah ciri utama dalam Matematik Singapura yang menggunakan teknik penyelesaian masalah yang sering dirujuk sebagai pendekatan model (Fitriani et al., 2020). Gunawan et al. (2020) juga menjelaskan bahawa melukis model membolehkan murid menghubungkan secara visual pelbagai jenis maklumat yang diberikan dalam masalah kepada jumlah yang tidak diketahui. Ini membantu murid untuk mengenal pasti menentukan ungkapan matematik yang berguna dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Dapat dijelaskan bahawa tujuan melukis model bukan untuk mengikut sesuatu peraturan tertentu, tetapi murid perlu memahami konsep dan merancang strategi yang sesuai dan betul untuk mendapatkan jawapan bagi penyelesaian masalah. Untuk menyelesaikan masalah yang kompleks, beberapa strategi perlu dilaksanakan di mana melukis model membolehkan murid mengvisualisasikan strategi yang baik. Dapat dijelaskan juga bahawa melukis PVB adalah alat berharga bagi murid menyelesaikan masalah yang tidak rutin dan juga rutin.

Kaedah PVB ini boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah melibatkan perbandingan, pendaraban atau pembahagian. Kuantiti dalam permasalahan dipersembahkan dalam bentuk nombor bulat, perpuluhan, pecahan atau peratusan. PVB juga bertindak sebagai laluan untuk murid untuk beranjak dari pemikiran algebra

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ke pemikiran aritmetik apabila mereka beralih daripada gambar yang diberi kepada persamaan algebra atau persamaan aritmetik yang mana keadaan ini membantu mereka untuk menyelesaikan masalah (Jusmawati et al., 2021). Aspek yang paling penting dalam kejayaan Singapura dalam amalan mereka ialah menggunakan satu kaedah yang kuat secara konsisten yang membantu menyatupadukan struktur pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Menurut Kamid et al. (2021), Model Bar merupakan satu kaedah yang efektif untuk menyelesaikan permasalahan dan Permodelan Bar adalah satu teknik bergambar yang berpengaruh yang berupaya menghasilkan jawapan dengan menggunakan prinsip-prinsip yang telah dipelajari oleh murid bukan sekadar melalui kaedah cuba-cuba yang tidak terancang.

Klang et al. (2021) menjelaskan bahawa murid memahami konsep penambahan pecahan betul dengan penyebut yang berbeza dengan bantuan PVB dimana murid boleh menggunakan PVB bagi membentuk sesuatu persamaan. Sebagai contoh, dalam penambahan, beliau menjelaskan lagi bahawa murid perlu memahami konsep pecahan setiap PVB secara saksama tanpa mengira penyebut untuk gandaan nisbah terkecil dua pecahan tersebut. PVB tidak boleh dipisahkan secara tidak saksama, dan murid dapat memahami konsep secara visual jika bar tidak dipisahkan secara saksama bagi dua pecahan yang diberikan. Maklum balas daripada murid menyatakan bahawa konsep ini mudah difahami melalui penggunaan PVB secara saksama, yang menjadikan ia lebih mudah untuk divisualisasikan.

Kaedah PVB adalah kaedah alternatif dan berbentuk visual untuk mengajar penambahan dan pengurangan, di mana perkalian diagonal dan mendatar penyebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pembilang digunakan serta untuk menghasilkan cara visual dengan melukis bar pada kedua-dua pecahan yang mempunyai penyebut yang berbeza. Melawati et al. (2022) dan sekumpulan guru dari komuniti Matematik dalam talian menghasilkan sebuah buku berjudul *'Nix the Trick'*. Objektif sumbangan mereka kepada guru adalah untuk membantu murid mengelakkan prosedur yang dihafal dan cara pintas yang lebih memihak kepada menjalinkan hubungan dengan konsep memahami Matematik. Murid berpotensi membangunkan pemahaman konseptual yang kaya dan peluang untuk menemui konsep baharu.

Nurlaily et al. (2019) menyebut bahawa murid tidak memahami cara menerapkan algoritma Kaedah PVB untuk menambah dan menolak pecahan. Beliau menjelaskan proses menambah pecahan dengan menggunakan PVB sebelum menerapkan algoritma Kaedah PVB. Menurut Punhagui (2019), pecahan boleh dibandingkan, ditambah, atau dikurangkan dengan mewarnakan bar pada PVB, di mana bar-bar keseluruhannya mewakili penyebut yang sama. Prosedur ini dijelaskan dengan jelas dengan penggunaan PVB.

Kemahiran Penyelesaian Masalah telah memperkenalkan model lukisan pada kurikulum peringkat sekolah rendah dengan tujuan untuk membantu murid menyelesaikan masalah matematik berayat dalam algebra dan aritmetik yang melibatkan pecahan, nombor bulat, nisbah dan peratusan (Sari & Pujiastuti, 2020). Ramai pengkaji menyedari bahawa terdapat persamaan antara *Singapore Mathematics Framework* (MOE, Singapore, 2001), Lima asas kecekapan matematik NCR dan lima proses piawai NCTM (Purwanto et al., 2022). Kementerian Pelajaran Singapura meletakkan penyelesaian masalah sebagai titik tengah pembangunan rangka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum mereka yang disokong oleh sikap, metakognitif, proses, konsep dan kemahiran (KPS, 2001).

Pengkaji tersohor dalam Model Bar, Yeap Ban Har merupakan seorang pengetua di sebuah institut di Singapura merupakan individu penting dalam semakan Kurikulum Matematik Nasional Singapura. Dalam sebuah artikel yang mempromosikan komunikasi matematik, Sari et al. (2019) memberi lebih fokus terhadap kurikulum di Singapura yang dimaksudkan, yang tersirat dan juga yang tersurat. Dalam penulisannya, beliau menyatakan, "Kurikulum Matematik di Singapura menyasarkan penyelesaian masalah matematik sebagai objektif utama. Selain itu, kurikulum yang dibangunkan ini berfokus lebih kepada membantu murid untuk membangunkan kebolehan dalam memberikan penjelasan logik, berkomunikasi secara matematik dan untuk belajar bekerjasama dan belajar secara berdikari (Scammacca et al. 2020). Buku teks di Singapura serta penilaian dalam kelas dan peperiksaan *Primary Leaving School Exam* (PLSE) memainkan peranan penting bagi memastikan kejelasan dan ketepatan komunikasi matematik yang berlangsung. Setiawan dan Oka (2020) menegaskan bahawa penggunaan Kaedah Model Bar memberi murid saranan untuk menangani maklumat, berdepan dengan kompleksiti maklumat dan pada masa yang sama menyalurkan pandangan mereka melalui visual yang mereka boleh manipulasi.

Penggunaan bahan dalam pengajaran memberi impak dalam keberkesanan sesi pengajaran. Strategi berdasarkan bahan pengajaran biasanya hanya berkesan untuk mengubah amalan apabila digabungkan dengan satu sistem yang mempunyai strategi (Prediger et al., 2019), serta pembangunan profesional (Sukariasih et al., 2020). Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh menghasilkan penggunaan bahan pengajaran yang mengagumkan dalam kelas untuk masalah yang tidak dapat dijangka oleh seseorang murid malah ia juga boleh menghasilkan adaptasi yang tidak produktif yang mengabaikan idea dalam bahan pengajaran, menyekat kesan yang diinginkan oleh murid dan mungkin merosakkan pemahaman murid.

Salah satu konsep mengenai bahan pengajaran adalah mempertimbangkannya sebagai penciptaan sesuatu idea (Leong et al., 2019). Penciptaan tersebut terdiri daripada bahan pengajaran yang direka dengan cara yang memperlihatkan tahap nilai yang tinggi serta berinovasi dan sesuai dalam pengajarannya (Leong et al., 2019). Jika direka dengan cara tersebut, Leong dan rakan mencadangkan bahawa tidak mungkin bagi penciptaan tersebut digunakan dalam kelas tanpa peserta melibatkan diri dengan matlamat yang dikandunginya . Ini merupakan cabaran yang mencabar bagi pereka bahan pengajaran baharu, kerana mereka perlu meramalkan adaptasi guru terhadap bahan baharu tersebut. Walaupun proses adaptasi secara umum telah didokumentasikan dalam kajian empirikal (Sulistyani et al., 2021). Satu jenis instrumen dreka istimewa adalah model visual bagi konsep matematik. Model visual ini (juga dikenali sebagai representasi) sering digunakan oleh guru untuk memberikan 'akses' kepada idea matematik yang abstrak. Prediger et al. (2020) menekankan kepentingan model visual dengan mengenal pasti dan memberikan pengiktirafan pada apa yang terlibat dalam menggunakan representasi tertentu" (Toraman et al. 2020) sebagai fokus utama dalam pengajaran. Winata dan Friantini (2020) menunjukkan bagaimana model visual seperti garis nombor memberikan peluang kepada murid pendidikan khas untuk menunjukkan potensi matematik mereka. Model-model sedemikian boleh memberikan perkembangan kognitif kepada murid, membolehkan tumpuan kepada konsep-konsep

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang relevan secara matematik. Walau bagaimanapun, guru-guru didapati menghadapi kesukaran dalam memilih jenis instrumen ini. Model visual sering diadaptasi dengan cara yang tidak produktif dan tidak betul boleh menjadi kepada halangan pembelajaran' di mana ianya tidak diadaptasi dengan baik oleh guru (Carcoba et al., 2019). Maka adalah menjadi tanggungjawab guru untuk memberikan pendedahan tentang model bar atau kaedah PVB dengan terurus.

Vershaffell et al. (2020) mendapati bahawa tanpa pengetahuan pengajaran yang tepat, penggunaan perwakilan visual ini boleh menyebabkan lebih banyak kemudaratan pedagogi daripada manfaat. Mereka mengenal pasti beberapa komponen pengetahuan yang diperlukan untuk penggunaan yang sesuai dengan PVB merangkumi pengetahuan asas murid-murid di mana murid juga perlu ada pengetahuan asas yang mana ianya boleh diperbaiki semasa menggunakan PVB ini. Hal ini menunjukkan bahawa proses instrumentasi tidak secara automatik membawa kepada adaptasi produktif model visual. Lebih banyak pandangan diperlukan mengenai cara guru sebenarnya mengadaptasi model visual untuk tujuan perwakilan seperti memperkukuh pemahaman sesuatu konseptual terlebih dahulu.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kajian pendidikan matematik semakin fokus pada cara guru bertindak di dalam kelas. Beberapa konseptual mengenai tindakan guru telah diusulkan dengan mengenal pasti tugas guru dalam proses pengajaran (Powell et al., 2020), 'praktik' (Witzel et al., 2021), atau pengajaran guru boleh memberikan dengan impak yang tinggi kepada seseorang murid (Xin et al., 2020). Konseptual ini sering diformulasikan pada paras yang sangat umum dan membentuk skema penggunaan daripada rutin asas. Rutin asas yang menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah PVB dengan memilih dan menggunakan perwakilan visual boleh menjadikan penggunanya biasa kepada murid (Xin et al., 2023). Guru juga harus membuat hubungan antara perwakilan-perwakilan yang berbeza' (Kim et al., 2022) akan memberikan keputusan yang berbeza untuk peratus jika dibandingkan dengan fungsi linear. Maka adalah jelas bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan perwakilan visual dan penggunaannya kepada murid-murid.

Model bar membolehkan murid melihat hubungan antara nombor, bukannya hanya memusatkan perhatian kepada objek dalam soalan (Rosli et al., 2020). Murid perlu menggambarkan satu atau lebih bar berbentuk segi empat tepat untuk menyelesaikan soalan. Penting untuk menggunakan kaedah pengajaran yang memerlukan kreativiti daripada murid (Agyei et al., 2022). Model Bar juga menginspirasi murid untuk menjadi kreatif dalam menjawab soalan kerana mereka perlu menggambarkan susunan berdasarkan pemahaman mereka terhadap soalan. Penyelidikan mengenai lukisan matematik menunjukkan hubungan yang positif antara lukisan dan penyelesaian masalah (Armah et al., 2020). Model bar adalah strategi yang membantu murid membina pengetahuan sendiri. Pendekatannya sejajar dengan teori konstruktivisme Piaget (1974) yang menyatakan bahawa kanak-kanak membina pengetahuan mereka sendiri melalui pengalaman (Baah-Duodu et al., 2020). Ini adalah model yang meningkatkan pemahaman murid mengenai soalan penyelesaian masalah.

Memandangkan model bar adalah pendekatan visual, model ini juga membina pemikiran kritis dalam kalangan murid. Dengan menggambarkan bar segi empat tepat, murid dapat mengambil maklumat daripada soalan yang diberikan dan mencari corak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau hubungan antara bar dan maklumat yang diberikan. Bartolini dan Martignone (2020) menyatakan bahawa representasi berbentuk gambar membantu murid menggambarkan hubungan matematik secara abstrak. Apabila murid dapat menggambarkan soalan tersebut, ia akan meningkatkan pemahaman murid terhadap soalan. Murid boleh menggunakan representasi yang berbentuk lukisan untuk membantu pemahaman konsep yang sedang berkembang (Berger et al., 2020). Mereka dapat melihat hubungan antara maklumat yang diberikan dan keperluan soalan sebelum menyelesaikan soalan tersebut. Teknik penggambaran ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman konseptual terhadap masalah dalam penyelesaian masalah (Clements et al., 2022). Ia membantu murid menggambarkan soalan dan mengeluarkan semua maklumat yang diberikan apabila mereka menggambarkan bar. Oleh itu, model bar adalah strategi penyelesaian masalah yang sesuai untuk mengajar murid masalah bukan rutin kerana ianya membantu murid untuk menukar soalan menjadi bentuk yang lebih mudah dan difahami.

Kaedah model bar juga membantu murid membangun dan meningkatkan keyakinan mereka kerana mereka berasa bersemangat dan berani untuk mencuba menjawab semua soalan yang diberikan. Menurut Wong & Lee (2021) penggunaan model bar juga memberi manfaat kepada murid kerana ia memberi motivasi kepada mereka untuk menjawab soalan-soalan tersebut dengan lebih yakin lagi. Model bar boleh menjadi bantuan utama dalam pembelajaran untuk kejayaan matematik jangka masa panjang. Ia perlu ditekankan dalam pendidikan kerana ia memberikan impak positif kepada pembelajaran murid. Ia meningkatkan pemahaman murid mengenai penyelesaian masalah kerana ia membantu penggambaran dan penyelesaian masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model bar juga boleh digunakan dalam pelbagai operasi dan topik matematik. Ia dapat membantu murid mengaplikasikan konsep-konsep ini dalam pelbagai soalan penyelesaian masalah berayat yang mencabar. Penggunaan model bar juga membantu menjadikan pembelajaran matematik menjadi lebih bermakna dan mudah kepada murid (Abdul & Karim, 2023). Oleh itu, disyorkan agar guru menggunakan teknik model bar dalam mengajar penyelesaian masalah matematik kerana teknik ini memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna sepanjang proses pembelajaran.

Pengunaan nombor untuk membuat perwakilan merupakan satu isu dalam pendidikan matematik sejak dari pra sekolah lagi di mana murid sering melakukan kesilapan dalam membuat perwakilan yang betul maka konses asas juga dilihat sebagai sesuatu yang kompleks (Johnson-Smith, 2022). Adalah penting bagi murid menggunakan konsep perwakilan yang tepat daripada asas penggunaan nombor lagi.

Nombor rasional dianggap sebagai isu struktur dalam pendidikan matematik di peringkat prasekolah. Walaupun ramai murid menunjukkan pengetahuan asas yang baik dalam pengetahuan simbol, kaedah, algoritma, dan pengiraan asas dalam matematik namun pengetahuan konseptual iaitu pengetahuan konsep yang diperlukan dalam menyelesaikan sesuatu soalan yang berhubung kait dengan pengetahuan dan kebolehan untuk menyelesaikan masih kurang. Salah satu aspek yang menjadi ketara apabila mereka menyelesaikan masalah yang melibatkan nombor-nombor yang mudah. Satu penjelasan yang mungkin bagi situasi ini adalah amalan pengajaran, dalam situasi ini di mana guru lebih memberi tumpuan kepada pengajaran prosedur dan tidak terlalu memberikan pembelajaran yang bermakna (Lee et al., 2021). Untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengatasi situasi ini, murid harus mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah dengan menggunakan pelbagai strategi, termasuk strategi visual, sebagai sokongan penting dalam menyelesaikan semua jenis masalah matematik.

Menurut Presmeg (2021), representasi visual sering menjadi sebahagian daripada strategi yang menghasilkan penyelesaian yang berkesan dan kreatif. Walaubagaimanapun terdapat beberapa cadangan yang menekankan kekuatan pendekatan visual, hakikatnya mereka masih tidak memberikan pengalaman menggunakan perwakilan visual dalam matematik kepada murid. Pelbagai strategi penyelesaian masalah perlu diajar kepada murid merangkumi juga cara berfikir, termasuk pelbagai perwakilan dan juga pelbagai strategi penyelesaiannya boleh digunakan. Menyelesaikan masalah dengan cara yang berbeza memerlukan dan perkembangan pengetahuan dan fleksibiliti pemikiran matematik, juga turut menyumbang kepada perkembangan kreativiti setiap murid. Strategi penyelesaian masalah tertentu yang menggunakan penyelesaian visual dengan pelbagai kaedah perwakilan visual yang berbeza adalah lebih baik berbanding dengan penyelesaian bukan visual bagi penyelesaian masalah yang melibatkan algebra, nombor, dan simbol (Brown et al., 2020). Konsep matematik pada dasarnya adalah sesuatu yang abstrak dan adalah penting untuk menggunakan kemahiran kognitif tahap tinggi untuk memahaminya secara mendalam. Walau bagaimanapun, penggunaan perwakilan boleh memudahkan pemahaman konsep-konsep ini, menjadikannya lebih konkrit dan jelas. Perwakilan dalam matematik dianggap sebagai alat yang berguna untuk menyokong konsep, membolehkan komunikasi matematik dan pemikiran matematik. Ia boleh ditakrifkan sebagai kontrak mental atau fizikal yang menggambarkan aspek-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek struktur yang melekat dalam satu konsep dan hubungannya dengan idea-idea lain (Leong et al., 2019).

Menurut Presmeg (2021), secara keseluruhan, pemahaman murid terhadap satu konsep yang diberikan akan meningkat apabila mereka mempunyai peluang untuk berinteraksi dengan pelbagai perwakilan idea yang sama. Pendekatan yang berdasarkan penggunaan perwakilan berbagai sifat adalah sangat berkuasa dan meningkatkan perkembangan fleksibiliti pemikiran adalah penting bagi penyelesaian masalah yang baik. Fleksibiliti ini juga penting untuk bakal guru, kerana ia membolehkan mereka untuk melaksanakan pembelajaran yang lebih mendalam, mengadakan perbincangan dalam bilik darjah dengan perspektif yang lebih luas kepada pelbagai pendekatan yang merupakan cara untuk memudahkan menyelesaikan masalah apabila murid-murid dapat mengembangkan keupayaan mereka untuk matematikkan situasi-situasi yang dikaji. Menurut Bruner (1966) adalah penting untuk mengenal pasti tiga perbezaan di sekeliling kita yang merangkumi:

i. aktif (mengandaikan satu set tindakan untuk mencapai hasil tertentu dengan menggunakan objek manipulatif atau jenis objek lain)
ii. ikonik (melibatkan imej visual yang melambangkan satu konsep)
iii. simbolik (melibatkan satu set proposisi logik atau simbolik yang diambil daripada sistem simbolik yang dikawal oleh peraturan atau undang-undang yang membentuk dan mengubah proposisi).

Tiga bentuk perbezaan ini bukan sahaja merupakan cara berbeza berfikir, atau konteks kerja yang berbeza, tetapi juga menekankan kepentingan untuk menggalakkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid untuk berkait antara komponen fizikal dengan penciptaan imej dan, pada gilirannya, bentuk ini dengan simbolik. Terdapat cadangan untuk pengkategorian lain dalam literatur yang muncul daripada pengembangan model yang dikemukakan oleh Bruner. Tripathi dan Case (2008), Behr (1992) serta Lesh et al. (1992) telah mempertahankan model yang terdiri daripada lima bentuk wakil yang berkaitan dengan pembelajaran matematik dan penyelesaian masalah iaitu:

i. kontekstual (menekankan situasi kehidupan sebenar)
ii. konkrit (menggunakan objek manipulatif)
iii. semi-konkrit (bergambar)
iv. verbal (penggunaan bahasa)
v. simbolik (notasi matematik).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Klasifikasi ini membantu membezakan pelbagai bentuk yang konsep matematik boleh ambil kira, tetapi ia juga memberikan petunjuk mengenai keupayaan yang diperlukan untuk memahaminya. Imej visual menterjemahkan banyak maklumat yang berkaitan dengan satu situasi tertentu, yang membolehkan kita memahami dan menjelaskan satu konsep dengan lebih cepat daripada dengan rangkaian perkataan Prediger et al. (2020). Representasi visual boleh membantu mengurangkan beban kognitif dalam penyelesaian masalah dan juga menyokong pngunaan nombor dalam kiraan. Dengan kata lain, ia membantu murid memahami konsep dan prosedur, memberi makna kepada masalah yang mereka selesaikan, serta memudahkan perbincangan dengan rakan sebaya mereka (Wilkie, 2019). Selain itu, jenis perwakilan ini boleh membantu memberikan maklumat yang relevan yang mungkin sukar dikenal pasti jika tidak menggunakan perwakilan tersebut, dan juga mencipta sebuah landasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menakul algebra, memudahkan membuat hubungan antara perwakilan konkrit dan simbol. Telah dibuktikan bahawa jenis perwakilan ini membolehkan murid membina jambatan antara objek konkrit, yang mereka boleh gunakan untuk memodelkan konsep-konsep, dan bentuk simbolik atau verbal, yang kemudian mereka gunakan untuk merujuk kepada konsep-konsep tersebut.

Menurut Arcavi (2003), visualisasi boleh disertai dengan pembangunan perwakilan simbolik kerana imej akan menyebabkan aspek konkrit menjadi penentu dalam keyakinan diri dan memberikan motivasi. Dalam konteks ini, penggabungan perwakilan visual dengan penggunaan nombor dan penyelesaian masalah matematik berayat telah dianggap sebagai cara penting untuk menunjukkan pengetahuan konseptual tentang nombor yang asas sering kali kurang pada murid Lesh et al. (1987). Penggunaan pelbagai perwakilan dalam kelas matematik adalah amalan baik untuk memenuhi kecenderungan murid di samping mengukuhkan pemahaman murid dalam pembelajaran matematik. Pendekatan ini akan membantu murid memahami nombor asas secara lebih menyeluruh serta cara-cara berbeza untuk mewakilkannya dengan itu dapat meningkatkan tahap pemikiran murid.

Kajian Botha et al. (2019) bertujuan untuk menjawab persoalan kajian mengenai pemahaman guru matematik tentang peranan PVB dalam pengajaran matematik; dan bagaimana pengajaran mereka dari segi gaya dan strategi pengajaran memudahkan perkembangan PVB. Satu kerangka konseptual dua bahagian digunakan: bahagian pertama memberi tumpuan kepada gaya dan strategi guru dan bahagian kedua kepada integrasi pelbagai media visual dengan teks semasa pengajaran. Kajian ini mendedahkan bahawa gaya pengajaran yang berpusat pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru dan pengajaran secara langsung sebagai strategi pengajaran mendominasi pengajaran ketiga-tiga guru. Maklumat disampaikan kepada pelajar dalam bentuk demonstrasi melalui penggunaan media gambar, dan penjelasan lisan, dengan peluang yang tidak mencukupi bagi pelajar untuk terlibat dalam pengkodan dan penafsiran maklumat visual. Program latihan guru sepatutnya memberi tumpuan kepada bagaimana guru boleh menggunakan pelbagai strategi pengajaran dalam gaya berpusat pelajar dan guru, tetapi juga bagaimana media visual boleh dicipta dan digunakan secara berkesan oleh guru dan pelajar untuk mengembangkan literasi visual mereka.

2.9 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berfikir ialah kemahiran yang amat penting dalam kehidupan seseorang manusia. Selain bernafas, berfikir juga salah satu aktiviti yang kerap dilakukan oleh manusia dan setiap manusia yang lahir tidak boleh elakkan diri daripada berfikir. Menurut Beyer (1997), beliau telah menegaskan kenyataan Harward's Patricia Cross bahawa kemahiran kognitif merupakan asas kepada pembelajaran sepanjang hayat. Pengajaran kemahiran berfikir bukan suatu yang susah untuk dilaksanakan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pendidik untuk mendidik murid dengan kemahiran berfikir.

Tujuan setiap manusia berfikir adalah untuk mencari makna. Berfikir merangkumi operasi mental, sikap serta pengetahuan. Menurut Brown & Davis (2022) mental digunakan bagi berfikir iaitu operasi yang dilakukan oleh minda. Operasi berfikir dibahagi kepada dua bahagian iaitu kognitif dan meta kognitif. Operasi kognitif secara asasnya ialah bertujuan bagi membina makna manakala operasi meta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kognitif pula meliputi operasi yang mengarahkan dan mengawal kemahiran proses kognitif. Dengan kata lain, meta kognitif didefinisikan sebagai berfikir tentang pemikiran.

Kemahiran berfikir terbahagi kepada dua bahagian, kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). KBAR boleh di definisikan sebagai penggunaan aplikasi rutin berfikiran terhad dan mekanistik (LPM, 2013). Sementara itu, Onosko dan Newmann (1994) mendefinisikan KBAT sebagai penggunaan potensi minda untuk menghadapi cabaran baru. Ini memerlukan seseorang untuk memahami KBAT, menterjemah, menganalisis, dan memanipulasi maklumat (Yee, 2013) Kementerian Pendidikan mentakrifkan KBAT sebagai keupayaan untuk menerapkan pengetahuan, kemahiran, nilai dalam membuat pertimbangan dan refleksi untuk penyelesaian masalah, membuat keputusan, inovatif dan mampu mencipta sesuatu yang baharu (LPM, 2013).

Terma pemikiran aras tinggi merujuk kepada kemahiran seperti pemahaman, analisis, sintesis, penilaian dan aplikasi kerana kemahiran ini melibatkan manipulasi maklumat dan bukan sekadar mengingat secara membabi buta (Chew & Syahirah, 2021). Menurut Norziana et al. (2020), para peserta berusaha untuk menghasilkan analogi masing-masing, keupayaan pemikiran dan strategi berfikir mereka berkembang dengan ketara.

KBAT, adalah salah satu komponen utama dalam kemahiran berfikir kritis dan kreatif dan ia adalah tahap tertinggi dalam hierarki proses kognitif. KBAT berlaku apabila seseorang mendapat maklumat baru, menyimpan, menganjurkan dan mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada dan kemudian meneruskan maklumat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk mencapai objek tertentu atau penyelesaian masalah. KBAT melibatkan kemahiran kognitif iaitu kemahiran untuk menganalisis, mensintesiskan, menilai dan menghasilkan idea baru. Ia memerlukan lebih daripada menghafal fakta iaitu ingatan memori seperti robot yang di program tetapi tidak dapat berfikir dengan sendirinya.

KBAT memimpin individu untuk menggunakan fakta dan membuat hubungan antara fakta atau konsep lain, menguruskan kategori, memanipulasi mereka dan menggunakannya untuk penyelesaian baru bagi situasi lain (Amaringga et al., 2021). Untuk merangsang pemikiran murid, persoalan boleh digunakan sebagai alat untuk mempromosikan murid untuk berfikir di luar kotak pemikiran biasa mereka. Murid yang terlibat dalam proses persoalan ini akan berupaya menjelaskan pemikiran mereka, mengeluarkan idea-idea baru dan meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah (Canogo et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian Pembangunan Kurikulum Malaysia, mentakrifkan KBAT sebagai keupayaan untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat pertimbangan dan refleksi untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, inovatif dan mampu mencipta sesuatu (KPM, 2013). Item KBAT akan menilai kemahiran kognitif dengan menganalisis, menilai dan mencipta. Item juga boleh menjadi kemahiran kognitif dalam situasi baru untuk menyelesaikan masalah kehidupan seharian. Oleh itu, item KBAT menguji keupayaan murid untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat pertimbangan dan refleksi untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, inovatif dan mampu mencipta sesuatu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KBAT diperkenalkan oleh KPM secara menyeluruh pada tahun 2013 dengan tujuan untuk meneruskan kesinambungan penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kritikal. Kementerian Pelajaran (2013) menyatakan bahawa KBAT adalah keupayaan untuk menggunakan pengetahuan atau kaedah untuk menyelesaikan masalah secara kreatif, inovatif dan seterusnya dapat mewujudkan dimensi baru berdasarkan pengetahuan yang telah dipelajari. Tiga komponen utama yang membawa kepada pelaksanaan KBAT adalah perubahan dalam kurikulum, pedagogi dan penilaian (KPM, 2013). Sementara itu, elemen kokurikulum, komuniti dan sokongan pihak swasta, pembangunan kapasiti, dan sumber juga akan menyokong keperluan tiga komponen paling penting. KBAT dilaksanakan secara jelas dalam aspek kurikulum kerana dokumen standard kurikulum menekankan keupayaan murid untuk menggunakan, menganalisis, menilai dan membuat pengetahuan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (KPM, 2013). Oleh itu, pedagogi yang sesuai dan berkesan perlu diterapkan di dalam bilik darjah untuk murid dilatih sebagai seorang pemikir yang kreatif, inovatif dan kritikal. Gaya pengajaran dan pembelajaran dalam Kurikulum Standard untuk Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) juga menekankan prinsip KBAT. Ia cenderung kepada penggunaan teori Konstruktivisme di mana murid membina pengetahuan mereka serta mengaitkan pengetahuan yang sedia ada dengan pengetahuan yang baharu dipelajari (Duijzer, 2020). Selain itu, KBAT dilaksanakan dalam rangka kerja penilaian supaya murid dapat menilai kemampuan mereka untuk menyelesaikan soalan-soalan yang mempunyai aras yang lebih tinggi.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merujuk kepada kebolehan untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran serta nilai dalam membuat pertimbangan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

refleksi, penyelesaian masalah, membuat keputusan, melakukan inovasi atau mereka cipta sesuatu yang bahar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pedagogi abad ke-21 menuntut guru untuk menerapkan elemen-elemen KBAT dalam usaha untuk menggalakkan aktiviti berfikir secara mendalam dalam kalangan murid. Hal ini selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025) yang diterbitkan oleh KPM. Kemahiran berfikir adalah kemahiran yang paling asas yang boleh dibangunkan dalam bilik darjah dan merupakan kunci kejayaan yang cemerlang untuk semua murid (Ishartono et al., 2021). Menurut Ishartono et al. (2021), konsep berfikir aras tinggi (BAT) berasal daripada domain kognitif taksonomi yang diperkenalkan oleh Bloom pada tahun 1956. Domain kognitif ini melibatkan pengetahuan dan perkembangan kemahiran intelektual dan disusun secara hierarki dari pengetahuan konkrit kepada abstrak (Misrom et al. 2020). Kini, KBAT terdiri daripada pemikiran logik, pemikiran kritikal dan kemahiran membuat pertimbangan yang merupakan kemahiran asas untuk kehidupan seharian, selain pencapaian akademik (Permana & Utomo 2021).

Penerapan KBAT dalam pedagogi dan penilaian misalnya, melalui pembelajaran berasaskan penyelidikan dan persoalan tinggi dalam pedagogi dan penilaian, mampu mempromosikan KBAT dalam kalangan murid dan secara langsung meningkatkan pencapaian murid (Purnami et al., 2021). Sehubungan itu, proses pembelajaran hanya boleh memberi manfaat kepada murid sekiranya mereka terlibat secara langsung dalam proses pemikiran (Vygotsky, 1962). Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran pada abad ke-21 perlu memberi tumpuan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan pembelajaran kendiri, pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran kolaboratif, serta penilaian yang autentik (Purnomo et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan ini mempromosikan penggunaan kemahiran pemikiran aras tinggi serta perkembangan kognitif.

Guru boleh menggunakan pelbagai strategi, seperti teknik menyoal, aktiviti menyelesaikan masalah, pembelajaran berasaskan projek, alat berfikir, simulasi, perbincangan, permainan peranan dan peningkatan beransur-ansur dalam tahap kesukaran tugasan yang diberi. Sebagai contoh, pembelajaran berpusatkan murid (PBP) merupakan pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran murid (Saputri et al., 2019) dengan menggunakan pelbagai kaedah, tugasan atau penilaian untuk memahami sesuatu isu (Syarifah et al., 2019) dan ini sesuai untuk memahami sesuatu konsep yang membolehkan murid mengendali pengalaman pendidikan sebenar mereka dan menggalakkan mereka untuk membuat pilihan penting tentang apa dan bagaimana mereka akan belajar suatu kemahiran (Tsaparlis, 2020).

Murid dapat menggunakan pengetahuan dalam situasi baharu, menganalisis dan menyampaikan idea kepada komponen, untuk memahami hubungan antara komponen dan boleh membuat pertimbangan dan keputusan berdasarkan kriteria tertentu. Di samping itu, murid juga boleh membuat atau memikirkan idea-idea baharu dan cara-cara baru dengan menggunakan maklumat tersebut. Bloom et al. (1956) telah mencipta taksonomi yang digariskan sebagai asas untuk tujuan pengajaran. Taksonomi adalah satu sistem klasifikasi yang terdiri daripada enam tahap pembangunan pemikiran dan telah menjadi rujukan utama kepada pendidik sejak sekian lama sehingga ia telah disemak semula (Anderson & Krathwohl, 2001). Taksonomi yang disemak semula telah dibentuk dengan menyediakan beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penambahbaikan terhadap taksonomi asal yang melibatkan pemikiran kritis, logik, kreatif, berfikir reflektif dan meta-kognitif.

Rancangan Pelan Pendidikan Nasional 2013-2025 telah menetapkan sasaran bahawa Malaysia perlu mencapai skor purata 500 dalam TIMSS menjelang 2015 dan pada 2025, supaya Negara kita akan disenaraikan pada kedudukan 1/3 teratas dalam TIMSS dan PISA. Oleh itu, kemahiran berfikir yang lebih tinggi perlu diterapkan dalam sistem pendidikan Malaysia secara amnya dan pendidikan matematik khususnya kerana murid perlu mempunyai keupayaan untuk membuat pertimbangan dan menerapkan pengetahuan secara kreatif secara tidak rutin. PPPM 2013-2025 mensasarkan Malaysia akan berada pada tahap satu pertiga teratas dalam pentaksiran TIMMS dan PISA yang memberikan penilaian KBAT dalam soalan soalannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan ini akan menghindari guru-guru daripada meramalkan soalan-soalan yang akan ditanya sebelum ini manakala murid dilatih untuk berfikir secara kritis dan menerapkan pengetahuan yang dipelajari dalam pelbagai konteks. Sebaliknya, penilaian berasaskan sekolah juga akan memberi tumpuan kepada aras kemahiran berfikir yang lebih tinggi. Sebelum ini, sistem pendidikan Malaysia yang berorientasikan peperiksaan telah menyebabkan guru-guru menerapkan pendekatan menghafal dalam pengajaran dan pembelajaran . Pengajaran sepenuhnya dilakukan untuk menyediakan murid untuk menghadapi peperiksaan. Oleh itu, murid mampu memperoleh markah penuh untuk soalan yang memerlukan hafalan fakta.

Justeru, KBAT diperkenalkan secara percubaan pada abad ke-21. Selain itu, tujuan lain pengenalan KBAT adalah untuk:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. meningkatkan tahap kesedaran pengetahuan
ii. membuat pertimbangan kepada penyelesaian dan penemuan (lebih banyak analisis, penilaian dan penciptaan)
iii. penyiasatan saintifik
iv. mempelajari konsep matematik dengan lebih berkesan menggunakan KBAT.

pada zaman sekarang sangat mencabar dan masih terdapat pendidik yang menggunakan cara lama dalam PdPc. Oleh itu, perlu dilakukan rombakan semula kaedah PdPc Abad Ke-21 agar para pendidik dapat memenuhi tuntutan pendidikan alaf baharu. Warga pendidik alaf ke-21 harus diberi pentakrifan semula terhadap konsep lama dalam bidang PdPc malah seharusnya memberi peluang untuk menerokai bagi mencipta semula pengalaman pembelajaran para murid. Bautista dan Hernandez (2021) menyatakan seandainya murid hari ini didik seperti murid hari kelmarin, maka kita telah merompak hari esok mereka.

Dalam konteks komunikasi dan kolaborasi, pembelajaran adalah merupakan aktiviti asas sosial sama ada di sekolah, di tempat kerja atau pada persekitaran yang lain. Set kemahiran komunikasi dan kolaborasi merujuk kepada kebolehan seseorang individu untuk berkomunikasi dengan jelas secara lisan, penulisan atau bahasa bukan lisan dan mampu kolaborasi dengan pelbagai populasi dengan berkesan. Dalam bidang kemahiran komunikasi, menurut Borabo dan Alagos (2021), berpendapat bahawa kepelbagaian populasi murid di Amerika Syarikat menimbulkan cabaran komunikasi yang baharu. Eisenkraft memberikan contoh seperti gambaran di mana buku teks sains dan fizik bumi sering merujuk kepada ais di glasier atau gelombang di pantai, namun banyak murid di seluruh negara tidak pernah benar-benar pergi ke gunung atau ke pantai.

Kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah sangat penting, dalam pembelajaran abad ke-21 ini. Eisenkraft berpendapat bahawa, masyarakat kini menuntut semua orang, tidak terbatas hanya kepada golongan elit yang berpelajaran semata-mata untuk memiliki kemahiran-kemahiran ini. Manakala pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi fokus kepada asas komunikasi yang baik pertuturan, penulisan dan pembacaan- tuntutan hubungan sosial dan ekonomi global yang memerlukan set kemahiran komunikasi dan kolaborasi yang lebih pelbagai. Casis dan Hernandez (2021) berpendapat bahawa murid pada hari ini perlu untuk berkomunikasi dengan jelas seperti berikut:

i. menyampaikan buah fikiran dan idea secara berkesan dengan menggunakan kemahiran komunikasi lisan, bertulis dan bukan lisan dalam pelbagai bentuk dan konteks.

ii. mendengar dengan berkesan untuk mentafsirkan makna, termasuk pengetahuan, nilai, sikap dan niat.

iii. menggunakan komunikasi untuk pelbagai tujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. menggunakan pelbagai media dan teknologi, dan mengetahui bagaimana untuk menilai keberkesanan mereka dengan mengenalpasti keutamaannya serta menilai impak keberkesanan penggunaan mereka.

v. berkomunikasi dengan berkesan dalam persekitaran yang pelbagai

Bagi bekerjasama dengan orang lain pula murid perlu:

i. menunjukkan keupayaan untuk bekerja dengan berkesan dan terhormat dengan pasukan yang berbeza.

ii. mengamalkan fleksibiliti dan kesanggupan untuk membantu dalam membuat kompromi yang diperlukan untuk mencapai matlamat yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Memikul tanggungjawab bersama untuk kerja-kerja kolaborasi, dan menghargai sumbangan individu yang diberikan oleh setiap ahli pasukan (Trilling & Fadel, 2009).

Kemahiran komunikasi dan kolaborasi ini boleh dipelajari melalui pelbagai kaedah contohnya seperti Pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, dan pembelajaran berdasarkan reka bentuk. Penyelidikan mengenai pengajaran kemahiran komunikasi dan kolaborasi secara langsung menggalakkan komunikasi dibantu oleh perantaraan, bekerjasama dengan orang lain dalam projek berkumpulan, dan pembelajaran berasaskan prestasi dan penilaian (Church et al., 2020).

Pemikiran kritikal dan kemahiran menyelesaikan masalah termasuk keupayaan individu untuk memberi justifikasi dengan berkesan, mengajukan pertanyaan yang tepat menyelesaikan masalah, menganalisis, menilai pandangan-pandangan alternatif serta mencerminkan terhadap keputusan dan proses berkaitan secara kritis. Inisiatif dalam PAK-21 secara khusus memberi tumpuan kepada keupayaan murid untuk memberi justifikasi dengan berkesan, menggunakan sistem pemikiran, membuat penilaian dan keputusan serta menyelesaikan masalah. Darling-Hammond dan Hyler (2020) mentakrifkan pemikiran kritikal sebagai keupayaan untuk menganalisis, mentafsir, menilai, merumuskan dan mensintesiskan maklumat yang diberi. Pemikiran kritikal ini penting dalam abad ke-21 ini mungkin disebabkan oleh adanya teknologi yang canggih untuk mengakses, memanipulasi, membuat, menganalisis, mengurus, menyimpan dan menyampaikan maklumat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sama seperti bidang perniagaan dan perindustrian yang harus sentiasa mengejar peralihan pesat dalam abad ke-21 ini, bidang pendidikan juga tidak ketinggalan. Untuk bergerak seiring dengan kemajuan pesat, bidang pendidikan memerlukan budaya inovasi yang dipandu oleh data penyelidikan, pemikiran kritikal dan kreatif. Set kemahiran ini menggalakkan pemikiran kreatif dan keupayaan untuk bekerja secara kreatif dengan orang lain. Kreativiti sering kali digambarkan sebagai kemahiran penting yang boleh dan harus dipupuk (Dela Cruz & Madriaga, 2021). Dalam kajian perhubungan antara teknologi, pembelajaran dan kreativiti, Loveless (2002) menunjukkan bagaimana teknologi membolehkan individu menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi dalam pelbagai media.

Kemahiran Abad ke-21 dan kemahiran kerjaya memberi tumpuan terhadap keupayaan individu untuk bekerja secara efektif dengan pelbagai pasukan, mempunyai minda yang terbuka dalam mempelbagaikan idea serta nilai, menetapkan di samping mencapai matlamat yang disasarkan, menguruskan projek dengan berkesan, mempunyai kebolehpercayaan untuk hasil kerja yang diusahakan, menunjukkan amalan beretika dan bertanggungjawab untuk diri sendiri serta masyarakat setempat.

Kemahiran kepimpinan dan tanggungjawab meliputi kebolehan individu untuk bekerja demi kepentingan masyarakat, dengan maksud untuk memberi inspirasi melalui tauladan serta menggunakan kekuatan orang lain untuk mencapai matlamat yang sama. Kemahiran yang termasuk dalam kategori produktiviti dan akauntabiliti termasuk menetapkan dan memenuhi matlamat, mengutamakan keperluan, menguruskan masa, bekerja secara beretika, dan kolaborasi dan bekerjasama dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rakan sekerja dan pelanggan. Fransisco (2021) menyatakan bahawa murid harus berupaya menguruskan projek; menetapkan dan memenuhi matlamat; mengutamakan, merancang, dan mengurus kerja; menghasilkan hasil; berupaya melaksanakan pelbagai tugasan serentak; bekerja secara positif dan beretika; bertanggungjawab untuk keputusan; dan kolaborasi dan bekerjasama secara berkesan dalam pasukan.

Kemahiran sosial serta silang-budaya pada abad ke-21 merujuk kepada keupayaan untuk bekerja dengan baik sesama rakan sekerja, menonjolkan diri sendiri secara professional di samping menghormati dan menghayati perbezaan sosial dan budaya. Kebolehan ini adalah merupakan satu kemahiran utama dalam kemahiran hidup abad ke-21. Memahami dan menghayati perbezaan sosial dan budaya serta menggunakan perbezaan tersebut untuk membangunkan idea-idea baharu dan penyelesaian masalah baharu adalah sangat penting dalam perspektif sosial juga di tempat kerja (Gumba & Hernandez, 2020). Hernandez et al. (2020) berpendapat bahawa murid seharusnya mampu untuk berinteraksi secara efektif dengan orang lain, mengawal diri mereka dalam tertib professional dan penuh hormat, bekerja secara efektif dengan mereka daripada pelbagai latar belakang sosial dan budaya yang berbeza.

Penulisan berkaitan media pada abad ke-21 membahaskan pendapat bahawa adalah amat penting bagi seseorang individu untuk mempunyai kemahiran mengakses, memahami dan menganalisis media serta mesej yang disampaikan melalui media (Ahmad & Lee, 2020). Set kemahiran ini meliputi kebolehan untuk memahami kecenderungan media dan cara bagaimana media mempengaruhi kepercayaan dan perlakuan. Seseorang yang memiliki literasi media akan berupaya untuk memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

isu berkaitan etika sekitar pengeluaran dan penggunaan pelbagai bentuk media berserta kritikan berkaitan informasi berasaskan fakta atau pendapat yang dilaporkan oleh media tersebut. Kemahiran media abad ke-21 juga merujuk kepada keupayaan individu untuk mencipta dan menyampaikan produk media dengan berkesan. Murid memerlukan kemahiran dalam menilai produk kreatif secara kritis dan mampu mempersembahkan hasil kerja dalam pelbagai media secara kreatif.

Secara dasarnya, literasi informasi merupakan asas kepada pembelajaran sepanjang hayat. Ia adalah perkara biasa bagi semua disiplin, kepada semua persekitaran pembelajaran, dan kepada semua peringkat pendidikan. Literasi informasi membolehkan murid untuk menguasai kandungan pembelajaran serta memperluas eksplorasi penyiasatan mereka, menjadi lebih berdikari, dan mampu mengawal proses pembelajaran kendiri mereka (Johnson, 2021). Dalam usaha untuk mencapai ekonomi digital, murid dimestikan untuk menguasai kecekapan era digital. Ini adalah kerana, ianya penting untuk sistem pendidikan melakukan perubahan seiring untuk mencapai misi yang dihasratkan untuk masyarakat seperti menyediakan murid dengan kemahiran untuk murid gunakan lebih dari sekadar di bilik darjah. Literasi informasi juga adalah keupayaan untuk mengenal pasti bila informasi itu diperlukan dan tahu bagaimana untuk mencari informasi tersebut, menilai, dan menggunakan informasi yang diperlukan secara berkesan. Kemahiran literasi informasi termasuk, menilai informasi secara berkesan, mencapai informasi dan menggunakan informasi secara tepat dan kreatif.

Leu et al. (2021) berpendapat dengan menggabungkan matlamat literasi informasi, piawai dan penanda aras seluruh kurikulum adalah cara yang terbaik untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu murid cara untuk mencari, menilai, menggunakan secara cekap dan memetik bahan-bahan elektronik dengan rasa penuh tanggungjawab. Pihak sekolah dan pihak perpustakaan yang mempunyai kakitangan yang terlatih boleh bertindak sebagai pemangkin kepada penggabungan literasi informasi piawai dan membantu meningkatkan pencapaian murid serta pembelajaran sepanjang hayat. Kolaborasi per pustakawan yang cekap bersama guru kelas mampu memberi impak positif terhadap keupayaan murid untuk mengenal pasti keperluan informasi, mencari sumber yang boleh membantu memenuhi keperluan tersebut dan kemudiannya membuat analisis, sintesis, penilaian dan menyampaikan ilmu yang diperoleh (*Association of College and Research Libraries,* 2000).

Dalam konteks literasi**,** penggunaan media sosial dari aktiviti blogging ke rangkaian sosial dalam talian untuk penciptaan semua jenis bahan digital adalah berpusat kepada kehidupan ramai remaja. Inisiatif pembelajaran abad ke-21, seperti yang dimaklumkan oleh penyelidikan terkini tentang cara terbaik untuk orang ramai belajar, memanfaatkan teknologi baru dan merangkumi pembelajaran bersifat kolektif yang dilakukan melalui Web 2.0. Di samping itu, Teknologi Web 2.0 juga membolehkan pengguna menghasilkan dan berkongsi kandungan dengan cara baru dan dalam masa nyata: penciptaan kandungan yang dihasilkan pengguna dan 'remixing' (Pagtakhan & Suerte, 2022) menjadi amalan kreatif dan menarik yang mencabar hubungan tradisional antara guru dan murid dalam menyediakan maklumat dan kandungan untuk pembelajaran.

Pembelajaran atas talian, seperti yang ditakrifkan oleh Lamb dan Callison (2005) adalah mengakses maklumat, arahan, atau interaksi melalui Internet atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Intranet menggunakan bahan dan alat pengajaran seperti sumber berasaskan web, e-mel, papan perbincangan, blog, sembang atau video. Pada tahun 2008, Dewan Perwakilan Hawai'i meluluskan rang undang-undang yang memberi mandat kepada Jabatan Pendidikan Hawaii untuk meningkatkan peluang e-pembelajaran kepada muriddengan melanjutkan pembangunan program dalam talian (Salamanca, 2021). Sisay et al. (2020) berpendapat bahawa kebiasaan murid dengan teknologi web 2.0 telah membuka ruang dan gaya pembelajaran baru kepada murid. Gaya pembelajaran baru ini memberi tumpuan kepada pembangunan pengetahuan kolaboratif, aset dikongsi, penyelesaian masalah, dan pecahan perbezaan antara pengetahuan dan komunikasi.

Dalam konteks pembelajaran berasaskan permainan, penyelidikan menunjukkan bahawa pembelajaran kandungan melalui persekitaran maya meningkatkan pembelajaran murid. Permainan simulasi dalam persekitaran "maya" dalam talian boleh menjadi alat pembelajaran berpengaruh. Permainan sedemikian memberi peluang kepada murid untuk mempunyai identiti baru dan menghayatinya secara maya ke dalam situasi di mana mereka dapat menerapkan pengetahuan dengan cara yang tidak mungkin dilakukan dalam kehidupan sebenar murid. Pemilihan pemain yang dilakukan dalam simulasi permainan maya mengubah persekitaran maya, yang memberikan murid sesuatu yang jarang berlaku di dunia nyata di mana tindakan peribadi mereka mengubah peristiwa secara dramatik (Trilling & Fadel, 2020).

Sering kali, persekitaran simulasi dan permainan video moden sukar untuk dikuasai. Mereka memerlukan murid atau pemain untuk mahir dalam mengenal pasti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

corak permainan, menjajah ruang persekitaran yang tidak dikenali, dan melaksanakan tugasan pelbagai (Iñiguez-Berrozpe & Boeren, 2020). Mereka juga sering memerlukan pengguna untuk menjadi pengambil risiko. Dalam permainan, pemain menghanyutkan diri mereka dalam alam kompleks, yang kaya dengan maklumat dan dinamik di mana mereka perlu memahami, membuat kesimpulan, membuat keputusan dan bertindak dengan pantas. Apabila mereka gagal, mereka harus mengulangi tugasan yang diberikan, belajar dari kegagalan itu dan bekerja ke arah penguasaan permainan tersebut (Lee et al., 2019).

Khalid et al. (2020) berpendapat bahawa penjanaan permainan adalah berorientasikan perkara paling utama. Beliau menyatakan bahawa murid sering mahu metrik dan mahu prestasi mereka diukur - andainya bentuk pengukuran bermakna kepada mereka. Pereka permainan di syarikat-syarikat permainan terkemuka berusaha untuk mereka bentuk persekitaran pembelajaran yang baik menarik; persekitaran yang mencipta cabaran baru untuk pemain yang tidak terlalu sukar atau terlalu mudah. Apabila prestasi pemain menjadi bertambah baik, para pemain mengharapkan cabaran menjadi lebih mencabar tetapi pada tahap yang tepat. Kemahiran yang diperlukan untuk permainan mencerminkan banyak kemahiran abad ke-21 yang dibincangkan dalam kajian ini. Untuk menterjemah situasi ini menjadi pedagogi dalam bilik darjah adalah penting untuk menjangkau murid yang belajar dengan baik dalam persekitaran jenis ini.

The Partnership for 21st Century Skills (P21) mentakrifkan persekitaran pembelajaran abad ke-21 sebagai sistem sokongan yang mengatur keadaan di mana manusia belajar dalam keadaan yang terbaik sistem yang menampung keperluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran unik setiap murid dan menyokong hubungan manusia yang positif yang diperlukan untuk pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, persekitaran pembelajaran abad ke-21 adalah ruang fizikal, alat, dan komuniti pembelajaran yang menggalakkan dan membolehkan murid dan pendidik mencapai set kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21. Ini termasuk elemen penting seperti persekitaran fizikal, operasi harian sekolah - termasuk penjadualan, kursus dan aktiviti yang tersedia, infrastruktur teknologi, budaya sekolah, penglibatan masyarakat dan pucuk kepimpinan sekolah. PAK-21 menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran abad ke-21 adalah satu sistem yang mempunyai ciri-ciri berikut:

i. Mencipta amalan pembelajaran, sokongan manusia dan persekitaran fizikal yang akan menyokong hasil pengajaran dan pembelajaran kemahiran abad ke-21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Menyokong komuniti pembelajaran profesional yang membolehkan pendidik untuk kolaborasi, berkongsi amalan terbaik, dan mengintegrasikan kemahiran abad ke-21 ke dalam amalan dalam bilik darjah.

iii. Membolehkan murid belajar dalam konteks abad ke-21 dunia sebenar yang berkaitan

iv. Membolehkan akses kepada peralatan, teknologi, dan sumber pembelajaran yang berkualiti

v. Memberi reka bentuk seni bina dan dalaman abad ke-21 untuk pembelajaran kumpulan, pasukan, dan individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Menyokong masyarakat dan penglibatan antarabangsa yang semakin luas dalam pembelajaran, baik secara bersemuka dan secara dalam talian."

Dowell et al. (2020) berpendapat bahawa pembelajaran pada abad ke-21 perlu dilakukan dalam konteks yang "menggalakkan interaksi dan rasa masyarakat yang membolehkan pembelajaran formal dan tidak formal." Di samping itu, Sack-Man iaitu pengarang *Building the Perfect School* (2007) dan Susan Black iaitu pengarang *Achievement by Design* (2007) berpendapat bahawa kualiti di mana kita belajar mempengaruhi kualiti bagaimana kita belajar. Sack Man (2009) menggalakkan daerah sekolah dan perancang untuk "reka bentuk untuk fleksibiliti." Untuk mengikuti arus gaya pembelajaran terus berubah, ruang belajar perlu diadaptasi mengikut perubahan semasa. Untuk mencapai kefleksibelan ini, arkitek mereka bilik darjah dengan perabot dan dinding yang boleh dipindahkan yang mudah disusun semula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rizaldi et al. (2020) membuat tinjauan terhadap murid-murid dan guru di gred 10 tentang persekitaran pembelajaran yang dikehendaki oleh mereka. Dalam penumpuannya, beliau menyatakan bahawa persepsi pendidik mengenai persekitaran pembelajaran yang sepatutnya amat jauh berbeza dengan pilihan murid (Konings, 2007). Beliau menyimpulkan bahawa apabila murid mempunyai input ke dalam reka bentuk persekitaran pembelajaran mereka, mereka merasa lebih berjaya dan mempunyai sumbangan dalam pembelajaran mereka. Begitu juga, apabila seorang guru sekolah menengah pertama meminta murid menyenaraikan faktor-faktor yang akan menjadikan mereka lebih berjaya dalam pembelajaran, para murid tidak meminta lebih banyak masa untuk menyelesaikan tugasan dan sokongan yang serupa. Murid menyatakan bahawa pembelajaran mereka akan lebih baik dalam persekitaran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka cipta dan di mana mereka boleh memberi tumpuan kepada kepentingan peribadi mereka selain kerja sekolah mereka (Sholihah & Lastariwati, 2020).

Cara terbaik untuk kita menyediakan murid kita untuk masa depan kerjaya yang belum wujud, kerjaya yang belum diciptakan, dan ekonomi yang mengutamakan kreativiti dan inovasi ialah menggalakkan guru-guru dan pihak berkepentingan pendidikan lain untuk memberi tumpuan kepada masalah dan proses dunia sebenar, menyokong pengalaman pembelajaran berasaskan pertanyaan, memberi peluang kepada pendekatan kolaborasi projek dalam pembelajaran, memberi tumpuan terhadap mengajar murid bagaimana untuk belajar melebihi daripada apa untuk belajar.

Penyelidikan berkaitan pembelajaran berasaskan projek menggambarkan manfaat yang signifikan untuk murid yang bekerjasama dalam aktiviti pembelajaran berbanding dengan murid yang belajar secara bersendirian. Penemuan penyelidikan tambahan menunjukkan bahawa murid yang mengalami kesulitan dengan pembelajaran kelas atau buku teks atau pembelajaran kuliah secara tradisional memperoleh manfaat dengan ketara dari pengalaman pembelajaran berasaskan projek yang lebih rapat dengan gaya pembelajaran dan kecenderungan mereka (Kardoyo et al., 2020).

Amalan terbaik untuk pembelajaran berasaskan projek (Murtiyasa & Al Karomah, 2020) termasuk mengaitkan hasil projek dengan kurikulum dan matlamat, menggunakan soalan atau mengajukan soalan untuk memperkenalkan murid kepada konsep dan prinsip utama, tanggungjawab murid untuk mereka bentuk dan mengurus pembelajaran mereka, dan membangunkan projek-projek di atas masalah yang benar dan mereka ambil berat (Heong et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bell (2020) Pembelajaran berasaskan masalah adalah merupakan satu bentuk pembelajaran berasaskan projek, membolehkan guru membangun, dan murid memberi tumpuan, kepada masalah kompleks dan dunia sebenar menggunakan pendekatan kajian kes. Apabila murid bekerja dalam kumpulan kecil untuk menyelidik dan menimbulkan penyelesaian kepada masalah, persekitaran kolaboratif dan pelbagai rupa dapat dicipta. Dalam persekitaran ini, murid dapat meneroka pelbagai penyelesaian dan amalan terbaik untuk menangani projek. Kajian dan kajian meta-penyelidikan yang menumpukan pada pembelajaran berasaskan masalah mendapati bahawa untuk pembelajaran berasaskan fakta, pembelajaran berasaskan masalah mempunyai kesan yang sama terhadap kaedah pembelajaran tradisional, tetapi pembelajaran berasaskan masalah itu melebihi kaedah pembelajaran tradisional apabila kemahiran seperti kritikal pemikiran, komunikasi, kolaborasi, dan penerapan pengetahuan kepada situasi dunia sebenar diukur.

Pembelajaran berasaskan reka bentuk telah terbukti mempunyai kesan yang paling dalam bidang matematik dan sains. Aktiviti pembelajaran berasaskan reka bentuk yang popular termasuk pertandingan robotik di mana reka bentuk pasukan murid, membina dan kemudian merintis robot mereka dalam satu siri cabaran kompetitif. Kajian mendapati murid yang mengambil bahagian dalam pembelajaran dengan projek reka bentuk mempunyai pemahaman yang lebih sistematik mengenai bahagian dan fungsi sistem yang mengawal kumpulan tersebut (Liu & Chen, 2022). Halangan kepada pembelajaran berasaskan kerjasama dan pertanyaan meliputi keupayaan guru untuk memilih aktiviti atau topik yang mendapat manfaat dari sudut pandang yang berbeza dan pengalaman hidup keperluan memilih secara strategik murid yang akan bekerja dengan baik dan menetapkan peraturan asas supaya semua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid berpeluang untuk mengambil bahagian, dan menggalakkan pelbagai strategi untuk menggalakkan perbincangan yang lebih mendalam dan pembelajaran yang lebih baik untuk semua ahli kumpulan atau pasukan.

Penilaian kemahiran dan pengetahuan murid adalah penting untuk membimbing pembelajaran dan memberikan maklum balas kepada murid, guru, dan ibu bapa tentang sejauh mana murid mencapai tahap piawai yang ditetapkan (Walker & Leary, 2021). Dalam peralihan bergerak membina reka bentuk penilaian untuk mengukur kemahiran abad ke 21, NEA menyatakan bahawa pendekatan menyeluruh untuk penilaian, yang melibatkan ukuran yang menilai kemahiran abad ke-21, adalah perlu untuk memastikan akauntabiliti sekolah-sekolah pada abad ke-21 ini. Inisiatif P21 mencadangkan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Sistem penilaian didasarkan pada pelbagai ukuran kebolehan murid yang termasuk kemahiran abad ke-21.
ii. Pengkajian sistem berdasarkan kepada pelbagai ukuran kemampuan siswa termasuk kemahiran abad ke-21.
iii. Penilaian kemahiran abad ke 21 perlu disenaraikan sebagai bahagian penting dalam penilaian akademik dalam matematik, membaca dan sains.
iv. Keperluan pelaporan perlu diperluas untuk melibatkan maklumat sama ada murid itu mencapai kemahiran abad ke-21.
v. Dana perlu disediakan untuk projek-projek perintis yang memeriksa penggunaan penilaian yang mengukur tahap kecekapan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Dana harus diperuntukkan untuk projek penanda aras antarabangsa yang membolehkan murid sekolah tinggi di Amerika Syarikat dibandingkan dengan rakan sebaya antarabangsa mereka dari segi kecekapan dalam kemahiran abad ke-21.

Elena Silva (2009), penyokong tegar penilaian yang bermakna bagi pembelajaran abad ke-21 menyatakan bahawa sistem sekolah sering memberikan perhatian kepada kurikulum dan pembangunan profesional, tetapi tidak harus lupa umtuk memberikan perhatian yang sewajarnya dalam memikirkan semula bentuk penilaian murid tradisional. Silvia dalam hujahnya menegaskan bahawa kewujudan potensi pada hari ini untuk menghasilkan penilaian yang mampu mengukur kemahiran berfikir dan juga boleh dipercayai, sah dan boleh disbanding beza secara setara antara murid dan sekolah. Perkara ini adalah merupakan unsur-unsur yang penting dalam usaha untuk memastikan akauntabiliti dan ekuiti dimanfaatkan oleh pihak tempatan dan juga pihak persekutuan. Selain itu, Silvia turut menyatakan bahawa usaha untuk menilai kemahiran abad ke-21 ini masih dalam tahun-tahun awal mereka dan daerah sekolah pastinya akan berdepan dengan kesukaran dalam mengembangkan kemampuan untuk menyampaikan penilaian ini dengan cara berskala.

Menurut Silva lagi, cabaran utama adalah kos pembangunan dan reka bentuk penilaian. Walaupun kemahiran peringkat tinggi seperti pemikiran kritis dan kemahiran membuat analisis boleh dinilai dengan ujian pelbagai pilihan yang direka dengan baik, instrumen penilaian abad ke-21 perlu bergerak melepasi ujian pelbagai pilihan dan termasuk pengukuran yang menyokong kreativiti yang lebih hebat dan tunjukkan bagaimana murid-murid memperoleh jawapan. Walau bagaimanapun,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langkah-langkah sedemikian menjejaskan lebih banyak wang pembuat dasar dan pihak persekutuan secara bersedia untuk membuat penilaian dan penyampaian penilaian secara tradisional. Silva berpendapat bahawa untuk bergerak dari bentuk penilaian tradisional, kita memerlukan strategi awam dan swasta yang diselaraskan termasuk penyelidikan dan pembangunan yang intensif Pusat Penyelidikan Dasar Pasifik (2010) untuk sistem penilaian untuk diubah kepada yang lebih baik.

Sistem pendidikan di seluruh dunia telah dipertingkatkan dengan memasukkan elemen Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) seiring dengan ledakan kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Perubahan ini dilakukan untuk membolehkan murid memperoleh kemahiran kognitif yang tinggi (Akben, 2020). Seperti yang dinyatakan oleh Safiek (2019), naik taraf berlaku untuk mempersiapkan individu yang berkualiti tinggi untuk beradaptasi dengan perubahan dunia yang berlaku. Ini juga bertujuan untuk memastikan negara dapat membangun pada peringkat sejagat seiring dengan semua aspek perkembangan.

Sistem Pendidikan Abad ke-21 (SPN21) adalah nama lain untuk PAK21 di Brunei. SPN21 dilaksanakan pada tahun 2008. Ia membawa kepada beberapa perubahan dalam sistem dan struktur pendidikan, kurikulum dan penilaian, dan pendidikan teknikal. Untuk membolehkan murid mengikuti perkembangan globalisasi, perubahan mental dan penerapan nilai murni juga dibuat. Kurikulum SPN21, seperti PAK21, mengutamakan murid. Ia adalah matlamat utama kurikulum dan menjadi tumpuan pengajaran dan pembelajaran (PdP). PdP ini disesuaikan dengan keperluan, kebolehan, dan gaya belajar setiap murid. Ini membolehkan mereka mengambil bahagian dengan aktif dan berkesan dalam semua aktiviti (Ampuan, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Brunei, SPN21 mula dilaksanakan pada peringkat peralihan. Murid sekolah menengah kohort 2017 mesti lulus Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR), peperiksaan awam. Di sekolah rendah, ia mula dilaksanakan pada tahun 2009. Sebagai kumpulan murid rintis, hanya murid tahun satu dan empat sahaja yang terlibat. Pada 2011, SPN21 dilaksanakan sepenuhnya di institusi pendidikan rendah di Brunei (Jamalai & Krish, 2021).

Berbanding Brunei, inisiatif PdP Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan ujian rintis pada tahun 2014 sebelum PAK21 dilaksanakan secara keseluruhan pada tahun 2015 (Buletin Anjakan Bil. 4 2015). Program ini akan berterusan sehingga Tahun 2025. Buku teks berfungsi sebagai rujukan utama kepada guru-guru, murid-murid dan ibu bapa. Oleh itu, adalah lebih baik jika elemen KBAT dimasukkan secara langsung ke dalam buku teks. Buku teks adalah sumber utama dalam proses pengajaran, menurut Tan dan Roslinda (2021). Dalam kajian yang dilakukan oleh Azriana dan Roslinda (2020), tahap penggunaan buku teks adalah sebanyak 89.2%. Hadar (2019) menyatakan bahawa buku teks mempunyai keupayaan untuk memberi peluang kepada murid untuk belajar matematik.

Dokumen Pentaksiran Standard Kurikulum (DSKP), yang telah disediakan oleh KPM dan Kementerian Pendidikan Brunei (KPB), mesti mematuhi elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam buku teks. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kajian yang dijalankan mengenai penerapan elemen KBAT melalui analisis aras kognitif dalam buku teks. Sukatan pelajaran matematik di kedua-dua negara masih berkembang dan memberi tumpuan lebih kepada meningkatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran berfikir murid. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa semua contoh dan latihan dalam buku teks memenuhi keperluan sukatan.

Menurut Rasidy et al. (2020), buku teks matematik adalah salah satu sumber penting untuk pembelajaran. Memahami bidang lain seperti kejuruteraan, sains sosial, sains dan kesenian memerlukan kemahiran matematik. Matematik adalah komponen penting dalam kurikulum sekolah kerana ia adalah penting dalam kehidupan seharian. Stauffer (2022) menyatakan bahawa matlamat kurikulum matematik adalah untuk menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam dunia teknologi yang berubah. Tan et al. (2019) menyatakan bahawa buku teks biasanya digunakan sebagai bahan kurikulum. Murid yang berkualiti akan dihasilkan daripada kurikulum yang kukuh. Buku teks adalah sumber rujukan utama guru dan murid di banyak negara membangun lain dengan sumber PdP yang terhad (Schleicher, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahan pengajaran adalah komponen penting dalam pembelajaran (Ataizi & Donmez, 2020). Buku teks adalah sumber utama guru untuk merancang pengajaran (Azriana & Roslinda, 2020; Tan & Roslinda, 2021). Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa kandungan buku teks benar-benar memberi kesan kepada penggunaan. PAK21 dan SPN21 menggabungkan KBAT dan menekankan pembelajaran berpusatkan murid. Konsep kemahiran berfikir bukanlah sesuatu yang baharu dalam pendidikan. Sejak zaman Socrates hingga hari ini, pendidikan berfikir telah digunakan (Gupta & Mishra, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12 Kajian-kajian Lepas

Bahagian ini membincangkan beberapa dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan yang telah dilakukan dari dalam dan luar negara. Kajian-kajian ini adalah berkaitan dengan kaedah perwakilan visual bar (PVB), dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan kemahiran penyelesaian masalah.

2.12.1 Kaedah Perwakilan Visual Bar

Dalam kajian Christian (2021), kandungan matematik yang diselidik adalah peratus, yang memerlukan penyelidikan adaptasi guru terhadap model bar peratus, seperti model bar peratus, seperti yang akan diperdebatkan dalam bahagian berikutnya. Beberapa pandangan tentang proses adaptasi guru terhadap model bar peratus, yang telah terbukti dalam kajian tetapi hanya melihat implementasi terhad dalam bilik darjah. Sebagai kerangka teori, kajian tersebut mencadangkan untuk mengadaptasi Teori Genesis Instrumen (TIG) pada tahap guru sebagai teori genesis instrumental didaktik (Haspekian, 2014). Ini membolehkan untuk mengungkapkan beberapa mekanisme adaptasi yang diperhatikan dalam kajian kes yang mengamati bagaimana 13 orang guru mengadaptasi bahan pengajaran baru yang memberi tumpuan kepada model bar peratus di dalam bilik darjah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru menggunakan bahan baru tersebut, tetapi dengan cara yang sangat berbeza, mencipta peluang pembelajaran yang berbeza untuk murid mereka.Ini jelas menunjukkan impak yang baik bagi penggunaan model bar dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyesuaian ini membolehkan pelbagai mekanisme pengajaran, seperti yang diperhatikan dalam kajian yang melibatkan 13 guru yang menyesuaikan model bar peratus dalam bilik darjah, menekankan impak positif penggunaan model bar.

Hasil keputusan kajian Sharifah et al. (2018) menunjukkan bahawa model bar boleh menjadi strategi yang berguna untuk membantu murid meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah matematik. Model bar membantu murid memahami dan menyelesaikan masalah dengan lebih baik dengan menggambarkan dan memahami masalah menggunakan bar segi empat tepat. Malah, dapatan dari ujian dan hasil temu bual yang dijalankan telah mendedahkan bahawa murid dapat mengatasi ketidak gemaran mereka terhadap soalan penyelesaian masalah kata dengan menggunakan kaedah model bar. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian murid selepas pelaksanaan model ini. Terdapat impak positif bukan hanya pada hasil, tetapi juga pada sikap peserta terhadap soalan-soalan tersebut.

Kajian Yap Ji Lin dan Siti Rahaimah (2018) bertujuan untuk meninjau pelaksanaan pendekatan kaedah model bar dalam penyelesaian masalah berayat operasi tolak dalam kalangan murid Tahun Empat di daerah Seremban, Negeri Sembilan dalam menyelesaikan masalah operasi tolak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan kaedah model bar dalam meningkatkan pencapaian murid dalam penyelesaian masalah berayat Matematik operasi tolak dan sejauh mana kaedah bar model menaik minat murid dalam menjawab soalan penyelesaian masalah berayat Matematik operasi tolak. Metodologi kajian ini menggunakan kajian tindakan yang mengaplikasikan model Kemmis dan Mctaggart (1988). Pendekatan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan dalam kajian ini ialah Ujian Pra, Ujian Pasca 1 dan Ujian Pasca 2 digunakan untuk membandingkan pencapaian murid sebelum dan selepas diajar pendekatan model bar. Borang soal selidik juga digunakan untuk mengetahui perasaan dan tahap minat murid terhadap penggunaan kaedah model bar. Dapatan kajian menunjukkan 100% berjaya mencapai tahap minimum dalam Ujian Pasca 2. Tahap minat murid terhadap kaedah model bar meningkat lebih daripada 50% dari segi kefahaman dan pengaplikasian kaedah model bar.

Hasil kajian oleh Ariffin (2017) menekankan dan menyokong kajian-kajian terdahulu terhadap keberkesanan pendekatan kaedah model bar bagi membantu penyelesaian masalah matematik dalam kalangan murid kerana kaedah model bar didapati berbeza daripada kaedah-kaedah lain yang digunakan oleh para pengajar bidang matematik sebelum ini. Walaupun di awal pengenalan kaedah model bar, murid didapati sukar memahami cara pembinaan model bar, namun begitu kekerapan latihan menggunakan model bar telah membantu para murid memahami penggunaan kaedah ini dan seterusnya membantu murid menyelesaikan persoalan matematik dengan lebih berkesan dan cekap (Fan et al., 2022; Lu & Kaiser 2021; Ariffin, 2017). Walaupun terdapat kesukaran awal dalam memahami pembinaan model bar, latihan yang konsisten telah memudahkan pemahaman pelajar dan meningkatkan kecekapan dalam menyelesaikan masalah matematik.

Kajian Gayathiri dan Muhammaf Sofwan (2022) bertujuan untuk meneroka kajian-kajian lepas tentang keberkesanan kaedah model bar dalam penyelesaian soalan matematik berayat dengan mengunakan prosedur sorotan literatur bersistematik (SLR). Dalam prosedur sorotan literatur bersistematik (SLR) kajian ini terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rekabentuk, instrumen kajian, skop kajian, kata kunci pencarian artikel, kriteria pemilihan artikel, proses pemilihan artikel dan pengumpulan dan penganalisisan artikel. Dalam kajian ini, terdapat tujuh kriteria dalam pemilihan artikel-artikel lepas iaitu kriteria pangkalan data, tahun terbitan artikel, bahasa, kajian *Open access*, bidang kajian, lokasi kajian dan skop kajian. *Scopus* dan *Web of Science* (WOS) adalah dua platform pencarian yang digunakan untuk mengumpulkan artikel-artikel lepas untuk prosedur sorotan literatur sistematik (SLR) dalam kajian ini.

Hasil kajian Nor Ezah dan Nurulwahida (2016) menunjukkan kaedah model bar telah menarik minat murid dalam menyelesaikan masalah matematik berayat pecahan. Farizan (2012) pendekatan model bar lebih berkesan dalam meningkatkan kemahiran penyelesaian topik pecahan. Ragu dan Marzitah (2018) pula mendapati model bar sesuai digunakan dalam menyelesaikan masalah berimpak KBAT kerana menterjemahkan soalan kepada perwakilan bar yang memberi gambaran kepada murid untuk mencari jalan penyelesaian. Kesan positif model bar memberi impak lebih baik melalui kajian yang dijalankan oleh Sharifah Osman et al., (2018) yang menggunakan kaedah model bar sebagai satu kemahiran dalam menyelesaikan masalah matematik. Beliau mendapati kaedah model bar lebih baik dalam membantu murid memahami dan menyelesaikan masalah kerana memotivasikan murid menjawab soalan.

Penyelidik Malaysia mengkaji tentang keberkesanan model bar dalam membantu penyelesaian masalah matematik berayat pecahan. Nor Ezah dan Nurulwahida (2016) membuktikan keberkesanan model bar dalam membantu menyelesaikan masalah pecahan tetapi kajian beliau terhad kepada soalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pecahan yang terdapat dalam buku teks matematik tahun 6, tahun 5 dan tahun 4 sekolah kebangsaan. Berlainan pula dengan Marzita et al. (2018) yang mendapati kaedah model bar berkesan digunakan dalam soalan-soalan berbentuk KBAT kerana memecahkan maklumat kepada bentuk yang senang difahami. Selain itu, kajian Farizan (2013) juga menunjukkan penerimaan model bar dalam alam pengajaran dan pembelajaran Malaysia tetapi kajian beliau terhad kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang menggunakan pendekatan reka bentuk kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Berinderjeet (2015) berpendapat masalah kemampuan murid alam topik pecahan melibatkan masalah berayat dapat diatasi jika murid berhati-hati dalam membina model bar. Ini menunjukkan peranan model bar tidak boleh dipandang ringan walaupun jalan pengiraan telah diringkaskan melalui maklumat dalam model bar. Tong Kok Juh (2008) juga mendapati murid lebih mudah memahami penambahan pecahan dengan menggunakan model bar.

Menurut Thirunavukkarasu dan Senthilnathan (2016) iaitu kajian dari India menyatakan model bar lebih efektif digunakan dalam menyelesaikan masalah matematik serta membandingkannya dengan kaedah konvensional yang tidak menunjukkan kesan ketara. Bukan sahaja memudahkan jalan penyelesaian, model bar juga menunjukkan jalan kerja yang ringkas untuk mendapatkan jawapan berbanding penyelesaian dalam bentuk lazim yang dianggap serabut dan tidak kemas (Yan, 2002).

Hofer (2015) menguji kaedah model bar kepada murid tahun 1 di *United Kingdom* dan menunjukkan keputusan yang positif apabila murid tahun 1 dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukan perwakilan menggunakan model bar tetapi kajian beliau terhad kepada topik penambahan dan topik penolakan. Berbeza pula dengan negara Singapura yang selalu meningkatkan keupayaan berfikir murid menggunakan model bar dengan menambah baik buku teks matematik. Pemikiran murid dikembangkan melalui panduan buku teks menggunakan kaedah model bar iaitu murid belajar melukis, berfikir, meneliti maklumat, refleksi diri dan berbincang tentang model serta menentukan sendiri pembelajaran mereka (Tek et al., 2014).

Kajian Augustine dan Effandi (2020) mengkaji penggunaan model bar dalam menyelesaikan matematik masalah berayat pecahan. Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 8 orang murid tahun 6 di sebuah sekolah kebangsaan kategori pendalaman 1 di sebuah daerah negeri Sarawak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan. Responden kajian menggunakan kaedah model bar untuk menyelesaikan permasalahan kajian iaitu masalah berayat topik pecahan. Kajian ini merupakan kaedah kuantitatif menggunakan set ujian pra dan ujian pos. Ujian dibuat berdasarkan Model Polya yang melibatkan empat peringkat iaitu memahami masalah, merancang strategi, melaksanakan strategi dan menyemak semula penyelesaian. Kaedah menganalisis data menggunakan peratus dan kekerapan. Hasil analisis data mendapati lapan orang responden kajian ini menguasai masalah berayat topik pecahan iaitu daripada perbandingan penguasaan dalam ujian pra dan ujian pos.

Kajian-kajian yang disebut memberikan pandangan yang berharga tentang keberkesanan penggunaan model bar visual dalam pendidikan matematik, terutamanya dalam konteks penyelesaian masalah. Secara keseluruhan, kajian-kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini menekankan keberkesanan pendekatan model bar dalam meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah matematik di kalangan pelajar dari peringkat pendidikan rendah hingga menengah. Mereka menjadi rujukan penting bagi pendidik matematik, menyoroti kepentingan menggunakan strategi yang berkesan untuk meningkatkan kecekapan matematik pelajar.

2.12.2 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Shanmugavadivu dan Mohd Afifi (2023) menjalankan kajian untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh murid selepas penggunaan KBAT dalam penyelesaian masalah dalam kalangan murid Tahun 4 di sebuah sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Karak, Pahang, menggunakan pendekatan persampelan rawak mudah 5 orang murid dan 2 orang guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh murid berikutan pengenalan KBAT dalam penyelesaian masalah ialah kurang minat menggunakan teknik jadual, kurang memahami soalan untuk membentuk jadual, dan kurang komunikasi antara murid dan guru. Mengikut dapatan kajian ini, menggunakan teknik jadual menggalakkan pemikiran aras tinggi semasa mengajar dengan langkah mengaplikasikan KBAT.

Kajian yang dijalankan oleh Marzita Puteh et al. (2018) bertujuan untuk membangunkan Instrumen Penilaian Kemahiran Berfikir Sekolah Menengah (SMHOTSA) untuk pelajar Tingkatan 1 dan menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen SMHOTSA yang dibangunkan. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan pembangunan. Hasil penyelidikan ini adalah untuk membangunkan instrumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SMHOTSA dalam soalan aneka pilihan dan item ujian esei. Dalam mendapatkan pembangunan prototaip, penyelidikan ini akan dilakukan terhadap penyesuaian pembangunan model Borg dan Gall. 10 langkah pembangunan model Borg dan Gall (1983) telah disesuaikan kepada tujuh langkah pembangunan; (1) penyelidikan dan pengumpulan maklumat, (2) perancangan, (3) pembangunan produk awal, (4) ujian terhad, (5) semakan produk awal, (6) ujian lapangan, dan (7) semakan akhir. produk. Seramai 100 orang pelajar Tingkatan Satu dari dua buah sekolah menengah di Daerah Kinta, Perak telah terlibat dalam kajian ini. Pengesahan instrumen pentaksiran dijalankan untuk menilai kesahan instrumen pentaksiran dalam item ujian matematik menengah KBAT Tingkatan Satu. Pengesahan dilakukan pada peringkat awal pembangunan produk oleh tiga pakar Pendidikan Matematik. Dapatan kajian menunjukkan semua pakar bersetuju bahawa kandungan dan kualiti item adalah selaras dengan standard kandungan, ciri KBAT dan item berasaskan bahasa dan, sesuai digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian juga menunjukkan nilai V bagi pengiraan pekali kesahan instrumen SMHOTSA menggunakan formula V Aiken menghampiri nilai 1. Dapatan ini menunjukkan instrumen SMHOTSA mempunyai kesahan yang tinggi. Daripada analisis dua bahagian yang dijalankan terhadap keputusan responden yang menjawab instrumen akhir SMHOTSA, didapati pekali Spearmen-Brown yang sama panjang ialah 0.702. Dapatan ini menunjukkan bahawa instrumen SMHOTSA juga mempunyai pekali kebolehpercayaan yang tinggi. Implikasi kajian ini menunjukkan instrumen Penilaian Kemahiran Berfikir Peringkat Sekolah Menengah (SMHOTSA) bagi pelajar Tingkatan 1 adalah sah dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Olarewaju dan Awofala (2011) mendedahkan bahawa pemetaan adalah strategi yang cekap untuk membantu murid menguasai konsep matematik. Strategi ini juga dapat mengukuhkan penguasaan murid dalam maklumat yang melibatkan pemikiran aras yang lebih tinggi. Kajian komprehensif yang dibuat oleh Tripto et al. (2013) terhadap murid gred 11 mendapati bahawa kekuatan peta konsep berada dalam kemampuan untuk menerangkan tahap pemikiran menganalisis dan mensintesis. Daripada dapatan yang disenaraikan, cadangan boleh dibuat untuk memasukkan pemetaan konsep dalam strategi pengajaran di sekolah menengah. Menyedari bahawa alat visual, iaitu peta minda, gambar rajah konseptual, metafora visual, susunan lanjutan, pemetaan konsep dan banyak susunan grafik yang serupa yang terbukti dapat memberi kesan kepada pemahaman dan pencapaian murid.

Menurut Vijayaratnam (2012), dalam kajiannya telah membuktikan bahawa mengadaptasi tugasan dunia sebenar untuk peserta bekerja dalam kumpulan kecil bukan sekadar membantu mereka untuk menghubungkan teori yang dipelajari dengan amalan, tetapi pada masa yang sama, tanpa disedari mereka juga turut membangunkan KBAT dalam diri mereka. Ini menunjukkan penerapan KBAT boleh dipelajari secara tidak langsung oleh murid dengan adanya dorongan dan bimbingan yang betul daripada guru.

Penyelidikan oleh Githua dan Nyabwa (2008) menunjukkan bahawa penyusunan lanjutan membantu meningkatkan pencapaian murid dan turut memberikan sumbangan kepada pengetahuan di kawasannya. Murid diajar matematik melalui penyusunan lanjutan menunjukkan prestasi yang jauh lebih baik daripada mereka yang telah diajar melalui pendekatan pengajaran tradisional. Melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan tempatan oleh Zulnaidi dan Zakaria (2010) menunjukkan bahawa menggunakan strategi pemetaan maklumat boleh mempengaruhi pengetahuan konseptual murid. Terdapat juga interaksi antara pemahaman konsep matematik dan pencapaian matematik. Begitu juga, Zaini et al. (2010) mendapati bahawa penggunaan susunan grafik memberi kesan kepada peningkatan pemahaman, prestasi dan motivasi muriddalam pembelajaran.

Norizzathy et al. (2022) menjalankan semakan amalan KBAT dalam kalangan murid Kolej Vokasional Malaysia. Sebanyak 15 item dalam skala lima mata digunakan untuk menilai keupayaan berfikir aras tinggi, kemahiran berfikir kreatif dan inventif, dan kemahiran berfikir secara kritis dan menaakul. Soal selidik ini dianalisis secara deskriptif menggunakan skor min, peratusan, dan kekerapan. Nilai kebolehpercayaan untuk domain keupayaan KBAT, domain KBAT kreatif dan inovatif, dan domain KBAT kritis dan menaakul. Amalan kemahiran berfikir aras tinggi KBAT oleh murid Kolej Vokasional mendedahkan pencapaian sederhana dengan purata bagi setiap domain KBAT. Dapatan kajian mencadangkan lebih banyak elemen KBAT perlu dimasukkan dalam pengajaran bagi menggalakkan pemikiran KBAT yang lebih tinggi dalam diri murid.

Kajian Farah et al. (2022) bertujuan untuk mengkaji jumlah penguasaan KBAT dalam pembelajaran berasaskan projek di Politeknik Mukah melalui Penghayatan Etika dan Tamadun. Soal selidik dibuat menggunakan perisian Google Form dan diedarkan kepada peserta kajian. Peserta kajian ini adalah seramai 159 orang murid Politeknik Mukah yang mengikuti kursus Etika dan Penghayatan Tamadun. Responden kajian ini dipilih menggunakan pemilihan rawak mudah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22 digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini. Dalam kajian ini, penguasaan murid KBAT dalam pembelajaran berasaskan projek mencapai min yang tinggi.

Mengikut dapatan kajian lepas yang dijalankan oleh Hasnah dan Jamaludin (2017), amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) digunakan secara eksklusif dalam kemahiran berbahasa, termasuk kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Sekiranya KBAT tidak dilaksanakan secara menyeluruh seperti yang digariskan dalam DSKP termasuk semua kemahiran dan aspek bahasa, ia akan memudaratkan usaha pembangunan kurikulum yang menekankan pembangunan murid dalam pelbagai aspek tidak dapat dicapai sepanjang Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian yang dijalankan oleh Zulkifli et al. (2020), terdapat kandungan dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 yang tidak menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) secara seimbang, iaitu penerapan KBAT lebih banyak diterapkan dalam kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran bahasa lain seperti kemahiran mendengar, bertutur, dan membaca. Jelas sekali bahawa penggunaan KBAT dalam seni bahasa turut memberi impak yang sama, walaupun dengan cara yang terhad.

Muhammad Affan et al. (2022) mengenalpasti ciri pendekatan konstruktivis dalam pengajaran komponen seni bahasa dan membincangkan kompetensi guru untuk melaksanakan KBAT melalui pendekatan konstruktivisme dalam aspek seni bahasa. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan KBAT dalam bidang seni bahasa memerlukan gabungan teori kecekapan McBer (1996) dan teori pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konstruktivis Vygotsky (1978). Mengikut gambar rajah konsep, ciri kompetensi guru dengan pendekatan konstruktivisme penggunaan KBAT dalam seni bahasa memberi kesan yang baik terhadap pengajaran guru.

Kajian Chelvi dan Suppiah (2022) menggunakan kaedah hermeneutik untuk menganalisis isu penerapan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran sains di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Sepuluh buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta Utara, Perak, menjadi subjek kajian ini. Bagi kajian ini, seorang guru dari setiap sekolah telah dipilih sebagai responden. Hasil daripada soal selidik, temu bual, dan pemerhatian digabungkan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden masih menghadapi pelbagai isu dalam mengajar dan memahami subjek sains menggunakan kemahiran berfikir kritis. Hal ini disebabkan responden kurang menguasai teknik berfikir yang menyeluruh. Halangan terbesar untuk melaksanakan penggunaan kemahiran berfikir yang betul dalam pengajaran termasuk kekangan masa, kekurangan peralatan makmal, dan kekurangan bahan rujukan. Oleh sebab itu, murid bergelut dengan isu termasuk kekeliruan konsep, kurang penguasaan kemahiran berfikir kritis, dan kurang semangat dalam mata pelajaran sains. Analisis data menunjukkan bahawa, walaupun responden mempunyai kepakaran sebagai guru opsyen Sains, mereka menghadapi kesukaran yang besar dalam menggunakan kemahiran berfikir kritis dalam kerja mereka. Kesimpulannya, guru mempunyai pemahaman yang menyeluruh tentang kemahiran berfikir dan menggunakan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran untuk membantu murid mengembangkan kemahiran berfikir mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Bhanu & Muhammad (2022) mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang cara pengajar matematik sekolah rendah dilatih menggunakan KBAT dalam pelajaran mereka dan dengan murid mereka. Seramai 61 orang guru matematik dari seluruh Selangor telah mengambil bahagian dalam kajian kuantitatif ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajar sekolah rendah bersedia untuk melaksanakan idea KBAT.

Hazliana (2019) mendapati dalam kajiannya struktur soalan kemahiran berfikir aras tinggi berbeza dengan soalan lazim dalam ujian am, iaitu struktur soalan kebolehan berfikir lebih menumpukan kepada soalan biasa dan cara penyampaian soalan adalah berayat. Memberi tumpuan kepada penilaian pemikiran murid. Pengajaran pusat mengatakan mereka mengabaikan soalan kemahiran berfikir dan sukar untuk menyelesaikan persoalan sikap berfikir lambat untuk menjawab soalan kemahiran berfikir.

Wan Hasnah (2007) mendapati dalam kajiannya faktor masa juga memainkan peranan dalam mengabaikan soalan kebolehan menaakul murid. Mereka tidak dapat memudahkan pernyataan masalah mengikut aras kemahiran berfikir. Sebagaimana yang kita telah ketahui, format baru mula diperkenalkan di sekolah-sekolah mulai tahun 2016. Didapati 60% merupakan soalan berbentuk jalan kerja dan kebanyakan bentuk soalan terkini mempunyai tahap pemikiran yang tinggi dengan penggunaan pemikiran KBAT.

Kajian yang dijalankan oleh Haresh dan Anton (2012) menunjukan bahawa semasa proses PdPc, murid kurang memberi tumpuan terhadap kemahiran menterjemah dan menyelesaikan masalah berbanding pengiraan. Mereka biasanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih cenderung memberikann penerangan tentang kaedah penyelesaian dengan menunjukkan di papan tulis. Menurut Schoenfed (2001) murid sebenarnya bukan lemah dalam penyelesaian masalah tetapt kurang mahir dalam mengatur strategi utntuk menyelesaikan masalah dengan pemikiran dengan aras yang betul.

Kajian Shanmugavadivu dan Mohd Afifi (2023) mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam mengikuti perlaksanaan KBAT dalam penyelesaian masalah dalam kalangan murid Tahun 4 di sebuah sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Karak, Pahang dengan kaedah persampelan mudah iaitu 5 orang murid dan 2 orang guru. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soalan-soalan penyelesaian masalah matematik tahun empat yang mengandungi 5 soalan KBAT. Kemudian pengumpulan data dikumpul melalui temubual semi struktur, pemerhatian. Dapatan menunjukan bahawa masalah yang dihadapi oleh murid dalam mengikuti perlaksanaan KBAT dalam penyelesaian masalah adalah kurang minat menggunakan teknik jadual, tidak memahami soalan untuk membina jadual, komunikasi murid, pengajaran guru. Melalui responden guru, menggunakan teknik jadual merangsang fikiran aras tinggi jika mengajar dengan langkah-langkah dalam menimplementasikan KBAT juga menjad dapatan dalam kajian ini. Dapatan ini amat penting dalam merangka cadangan untuk melaksanakan kemahiran penyelesaian masalah matematik berayat berdasarkan KBAT secara berleluasa oleh murid-murid dengan menggunakan jadual pada masa hadapan.

Kajian Muhammad Talhah et al. (2022) bertujuan mengenal pasti elemen-elemen yang menyumbang kepada KBAT dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Kajian ini adalah kajian deskriptif menggunakan kaedah analisis literatur sistematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(SLR) bersifat kualitatif. Sumber utama kajian ini menggunakan sorotan kajian terdahulu daripada pangkalan data Google Scholar yang dianalisis berdasarkan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA). Hasil kajian menunjukkan elemen yang memberi kesan sesebuah pengajaran pendidikan Islam tersebut mampu membina KBAT ialah sikap, kesediaan, pengetahuan, kemahiran dan merumus. Dapatan dalam kajian penting kepada bidang pendidikan di Malaysia sama ada guru, pentadbir, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), kementerian pendidikan Malaysia (KPM) dalam menilai kurikulum KBAT dari semasa ke semasa terutama dalam bidang pendidikan Islam.

Kajian Sharifah et al. (2023) bertujuan untuk membangunkan strategi pembelajaran matematik kontekstual dengan mengintegrasikan perisian GeoGebra dalam topik Sukatan dan Geometri yang dinamakan PMK-Geo. Strategi PMK-Geo dibangunkan menggunakan model ADDIE dan model pembinaan modul Sidek yang terdiri daripada Fasa 1 (Analisis keperluan awal), Fasa 2 (Reka bentuk strategi PMK-Geo), Fasa 3 (Pembangunan strategi PMK-Geo), Fasa 4 (Pelaksanaan draf PMK-Geo) dan Fasa 5 (Penilaian draf PMK-Geo). Reka bentuk strategi PMK-Geo yang dibangunkan dalam kajian ini adalah berasaskan kepada model REACT. Ia terdiri daripada lima fasa iaitu menghubungkait (relating), mengalami (experiencing), mengaplikasi (applying), bekerjasama (cooperating) dan memindahkan (transferring). Seramai tiga orang pakar yang terdiri daripada guru cemerlang matematik dan pensyarah universiti. pandangan pakar terhadap kandungan strategi pembelajaran kontekstual yang disusun dalam strategi PMK-Geo dan kandungan KBAT. Berdasarkan maklum balas pakar, strategi REACT yang diterapkan dalam strategi PMK-Geo

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersesuaian dalam pembelajaran topik Sukatan dan Geometri. Pakar juga berpendapat bahawa melalui strategi PMK-Geo, murid mempelajari konsep matematik dengan lebih menarik, berpeluang menggunakan aplikasi GeoGebra dan dapat mengukuhkan pemahaman sesuatu konsep matematik. Pakar juga bersetuju bahawa aktiviti penyelesaian masalah dalam PMK-Geo adalah bersesuaian menguji KBAT murid dan masalah matematik yang berbentuk situasi untuk menggalakkan KBAT murid.

Abdul Halim et al. (2017) menggambarkan murid Malaysia tidak cekap memahami fakta, perhubungan dan menggunakannya untuk menyelesaikan masalah dalam menghadapi kesukaran untuk mengaplikasi KBAT dalam matematik. Abdul Halim et al. (2015) dalam kajian beliau membuat kesimpulan murid tidak berupaya menyelesaikan soalan berbentuk KBAT kerana murid tidak biasa menyelesaikan soalan berbentuk KBAT. Walau bagaimanapun, Christine (2018) membuktikan elemen KBAT telah diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah rendah luar bandar di Sarawak.

Fadzli Ali dan Marzita Puteh (2019) bertujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Pentaksiran Sekolah Rendah untuk murid Tahun 4 yang merangkumi topik panjang yang melibatkan masalah perkataan. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan pembangunan. Hasil penyelidikan ini adalah untuk membangunkan instrumen dalam item ujian subjektif. Pengesahan instrumen pentaksiran dijalankan untuk menilai kesahan instrumen pentaksiran. Pengesahan dilakukan pada peringkat awal pembangunan produk oleh tiga pakar Pendidikan Matematik. Dapatan kajian menunjukkan semua pakar bersetuju bahawa kandungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kualiti item tersebut. Nilai Cohen kappa ialah 0.75. Dapatan menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai kesahan yang tinggi. Seramai 20 orang murid Tahun 4 sebuah sekolah rendah luar bandar di Daerah Marudi, Baram, Sarawak telah terlibat dalam kajian ini. Daripada analisis, didapati nilai pekali alpha Cronbach ialah 0.857. Dapatan ini menunjukkan bahawa instrumen mempunyai pekali kebolehpercayaan yang tinggi.

Secara keseluruhan, kajian-kajian ini menyediakan pemahaman yang mendalam tentang pentingnya KBAT dalam pendidikan, menyoroti cabaran dan potensi dalam penggunaannya di pelbagai konteks pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12.3 Kemahiran Penyelesaian Masalah

Kajian terdahulu telah mendokumentasikan hubungan secara langsung antara efikasi kendiri dengan kemahiran menyelesaikan masalah dalam mata pelajaran Matematik (Fajariah et al., 2017: Amri & Widada, 2018), tetapi kajian lepas yang dijalankan masih berada dalam skop di peringkat institusi pengajian tinggi (Bakar & Ayub, 2020; Özbal et al., 2019; Sat, 2018; Kho iriyah & Husamah, 2018; Kundu & Ghose, 2016). Tambahan pula, Azizi dan Roslinda (2021) mendapati sikap murid terhadap matematik merupakan salah satu aspek yang menyumbang kepada kemahiran menyelesaikan masalah.

Kundu Ghose (2016) dan Nicolaidou dan Philippou (2003) menjalankan kajian yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara sikap terhadap matematik dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah matematik. Menurut kajian Norulbiah dan Effandi (2016), sikap terhadap matematik dengan kemahiran menyelesaikan masalah adalah sederhana. Ini menunjukkan bahawa murid mudah putus asa apabila mereka tidak dapat menjawab isu matematik. Hubungan antara efikasi kendiri dan kemahiran menyelesaikan masalah matematik diterokai secara langsung (Kamalimoghaddam et al., 2016). Hubungan antara sikap terhadap matematik dan kemahiran menyelesaikan masalah juga dikaji secara langsung (Oztürk et al., 2020).

Terdapat pelbagai isu dengan kajian yang melihat kemahiran penyelesaian matematik memerlukan tahap kognitif yang tinggi kerana ia melibatkan proses yang kompleks (Mokhtar et al., 2019; Abdullah et al., 2019; Eviyanti et al., 2017). Menurut penyelidikan (Norulbiah & Effandi, 2016; Nekmahtul & Masitah, 2015), kemahiran menyelesaikan masalah Matematik ini memerlukan kesungguhan dan semangat yang kuat untuk menyelesaikan masalah Matematik yang sukar dan kompleks.

Penyelidikan terdahulu telah mendapati bahawa faktor yang berkesan juga mempengaruhi kemahiran menyelesaikan masalah matematik (Hui & Rosli, 2021; Kohen et al., 2019; Mason, 2016). Elemen berkesan yang perlu diterokai termasuklah sikap terhadap matematik (Husain, 2020; Reimer et al., 2018; Ngussa & Mbuti, 2017) dan efikasi kendiri (Gunderson et al., 2018; Hammoudi, 2020; Huang et al., 2017). Aspek berkesan ini berlaku hasil daripada murid itu sendiri, yang juga memainkan peranan penting dalam membangunkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam Matematik (Baul & Mahmud, 2021). Murid tersebut bukan sahaja lemah dalam penguasaan kemahiran asas, malah mereka juga lemah dalam bidang lain seperti sikap tergesa-gesa dalam menyelesaikan masalah, mudah lupa, kurang berhati-hati dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengiraan, tanggapan bahawa Matematik adalah mata pelajaran yang sukar, dan rasa malas telah menimbulkan perasaan tidak berminat untuk menulis dan tidak berminat untuk belajar, yang mesti ditangani terlebih dahulu (Vitaloka et al., 2020).

Menurut kajian terdahulu, salah satu peramal utama untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah Matematik ialah efikasi kendiri (Kamalimoghaddam et al., 2016; Williams & Williams, 2010; Bandura et al., 1996). Efikasi kendiri dalam Penyelesaian Masalah Matematik ditakrifkan sebagai keyakinan murid dalam menyelesaikan isu penyelesaian masalah matematik dan menggunakan kemahiran penyelesaian matematik untuk mencapai penyelesaian yang betul (Schunk & Pajares, 2002). Jadi, jika murid mempunyai keyakinan terhadap kebolehan mereka untuk menangani tugasan penyelesaian masalah Matematik, mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikannya (Marion et al., 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zulianis et al. (2023) bertujuan untuk mengkaji kesan faktor keberkesanan dan sikap terhadap kemahiran menyelesaikan masalah matematik. Sampel kajian terdiri daripada 450 orang murid dari sekolah rendah Kedah. Efikasi Kendiri Penyelesaian Masalah Matematik, Sikap Terhadap Kemahiran Penyelesaian Masalah, dan 10 masalah penyelesaian masalah dalam tema Nombor dan Operasi Tahun 5 merupakan tiga instrumen kajian yang digunakan. Alat *IBM Statistics* dan *Smart-PLS versi 4* digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan dan sikap mempengaruhi kebolehan menyelesaikan masalah matematik. Sikap matematik berfungsi sebagai moderator. Mengikut dapatan kajian ini, sikap merupakan hubungan yang signifikan antara kecekapan dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian tempatan sebelum ini, jenis kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh murid adalah kesalahan dalam menterjemah bahasa ke dalam bentuk operasi yang betul dan kesalahan dalam mentafsir soalan (Ali & Harun, 2017; Raifana et al., 2016). Pernyataan ini menerangkan dan menunjukkan bahawa murid terus bergelut untuk memahami dengan tepat keperluan masalah matematik dan merancang penyelesaian menggunakan operasi atau formula yang salah. Masalah ini juga berlaku dalam kalangan murid antarabangsa, seperti yang dibuktikan oleh dapatan kajian Sumule et al. (2018) dan kajian Wildani (2020), yang mendedahkan bahawa murid antarabangsa kerap melakukan kesilapan dalam memahami soalan dan menterjemah bahasa ke dalam bentuk operasi.

Penyelidikan sebelum ini mendapati bahawa indikator yang dibuat untuk mengenalpasti kesilapan murid dalam menyelesaikan masalah adalah berdasarkan teori analisis ralat Newman, dan setiap indikator berbeza-beza bergantung pada skop setiap kajian (Putri et al., 2021; Vitaloka et al., 2020; Wildani, 2020). Terdapat juga indikator untuk mengesan kesalahan dalam mengenal pasti jenis kesalahan dalam menyelesaikan masalah matematik yang telah dihasilkan, seperti indikator yang dihasilkan berdasarkan Model Polya (Kaeti, 2018; Peranginangin & Surya, 2017) dan indikator dalam bentuk rubrik pemarkahan.

Muhammad et al. (2018) mendapati teknik pembelajaran berasaskan permainan digunakan untuk meningkatkan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah matematik murid menggunakan permainan digital. Dengan menggunakan permainan logik Frog Jumping, kajian ini telah menggabungkan unsur teknologi maklumat dan komunikasi serta keseronokan ke dalam pengajarannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut dapatan kajian, teknik pembelajaran berasaskan permainan bukan sahaja mempunyai pengaruh yang baik terhadap jiwa murid tetapi juga meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah matematik mereka. Dapatan kajian disokong oleh Lee et al. (2021), yang menyatakan bahawa menggabungkan permainan ke dalam tetapan penyelesaian masalah boleh menghasilkan banyak faedah seperti peningkatan penglibatan murid, peningkatan perasaan gembira, dan pengukuhan motivasi dalam diri murid.

Kajian Moses dan Hassanat (2023) bertujuan untuk menganalisis kemahiran menyelesaikan masalah dalam mempromosikan inovasi dan kreativiti dan menyediakan model teori utama untuk membangunkan kemahiran ini. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah Kajian Literatur Sistematik. Penyelidik mengumpul artikel jurnal daripada *Google Scholar, Research Gate, SINTA, Scopus dan Web of Science*. Keputusan mendapati bahawa kemahiran menyelesaikan masalah membolehkan murid menganalisis masalah yang kompleks, membangunkan penyelesaian kreatif, dan melaksanakan penyelesaian ini dengan berkesan. Salah satu model teori utama yang menyokong kemahiran menyelesaikan masalah ialah model Penyelesaian Masalah Kreatif (CPS). Model CPS terdiri daripada enam peringkat: memahami masalah, menjana idea, membangunkan penyelesaian, merancang tindakan, mengambil tindakan, dan menilai keputusan. Mengutamakan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan murid telah dikaitkan dengan pencapaian akademik, kejayaan dalam dunia pekerjaan, dan tahap inovasi dan kreativiti yang lebih tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan Ocak dan Egmir (2016) menggunakan Inventori Penyelesaian Masalah menunjukkan bahawa murid di Universiti Afyon Kocatepe di Turki mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah yang sederhana. Selain itu, Reddy dan Panacharoensawad (2017) mengedarkan sepuluh soalan yang boleh mendedahkan kesukaran murid dalam menyelesaikan masalah Fizik. Hasil kajian menunjukkan bahawa ramai murid mempunyai kemahiran penyelesaian masalah yang lemah.

Hassan et al. (2012) menggunakan pendekatan carian semula kualitatif dan kuantitatif untuk mengkaji perkembangan kemahiran menyelesaikan masalah murid sepanjang semester. Hasilnya, kajian tambahan diperlukan untuk menentukan ketekalan pembelajaran berasaskan masalah dalam meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah murid. Salah satu model pembelajaran penyelesaian masalah yang dimaksudkan ialah RICOSRE.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Susriyati et al. (2022) menilai perkembangan berterusan kemahiran menyelesaikan masalah murid yang mempunyai pencapaian akademik pada peringkat tinggi, pertengahan dan rendah di Jabatan Pendidikan Biologi di sebuah universiti negeri di Indonesia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah gabungan. ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis untuk data kuantitatif, dan NVivo 12 digunakan untuk menganalisis data kualitatif. Kemahiran menyelesaikan masalah peserta ditentukan oleh respons mereka terhadap item pada lembaran kerja bersepadu RICOSRE. Maklum balas murid telah menggunakan rubrik penyelesaian masalah yang disahkan dan boleh dipercayai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran menyelesaikan masalah murid meningkat secara konsisten dalam kumpulan akademik tinggi, pertengahan dan rendah yang diajar dengan melaksanakan RICOSRE.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian oleh beberapa pengkaji seperti Brijlall (2014), Maharajh et al. (2008) dan Schoenfeld (1992) telah menyelidiki kejayaan pembelajaran secara berkolaborasi. Kajian-kajian ini menunjukkan peningkatan kemahiran pembelajaran tahap tinggi hasil daripada pembelajaran berkolaborasi. Namun, soalan yang kurang kerap dibincangkan adalah mekanisme mental yang digunakan untuk memperkuat kemahiran pembelajaran yang diperbaiki tersebut. Oleh itu, kajian ini menjelajahi identifikasi rasional bagi kemahiran pembelajaran yang diperbaiki ini dengan merenung model soalan jenis penyelesaian masalah yang diperkenalkan oleh ahli matematik, George Polya.

Kajian yang dijalankan oleh Pendidikan Berdasarkan Hasil (PdBH). Pendidikan berdasarkan hasil membentuk asas kurikulum semasa di Afrika Selatan. Walaupun ada usaha untuk memperbaharui PdBH, terdapat prinsip-prinsip tertentu yang masih kekal, contohnya, pendekatan berpusatkan murid dan berdasarkan aktiviti harus ditekankan untuk pembelajaran matematik yang berkesan bagi murid (DoBE, 2010). Murid harus dapat merenung dan menerokai pelbagai strategi. Mereka juga harus sensitif secara budaya dan estetika dalam pelbagai konteks sosial. Walau bagaimanapun, kajian-kajian seperti Tobias (2006) telah memberikan bukti bahawa murid menunjukkan rasa tidak berdaya dalam matematik apabila berhadapan dengan masalah berbentuk soal matematik. Kebanyakan daripada penyelidikan tersebut membolehkan murid menyelesaikan masalah secara individu. Namun, kajian ini memutuskan untuk meneliti pembelajaran berkolaborasi.

Kajian-kajian lain seperti Brijlall (2011) dan Maharajh et al. (2008) telah meneroka pembelajaran berkolaborasi di dalam kelas pelbagai bahasa, tingkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menengah, dan murid universiti, masing-masing. Pandangan guru-guru terhadap kerja praktikal semasa menggunakan pecahan telah diselidiki oleh Maharaj et al. (2007). Hasil kajian-kajian tersebut mendedahkan bahawa pembelajaran berkolaborasi memberi manfaat kepada pembelajaran matematik. Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang melibatkan murid tingkatan sepuluh belum dijalankan oleh penyelidik-penyelidik ini, dan kertas ini melaporkan kajian sedemikian. Selain itu, kertas ini meneroka hubung kait mungkin antara soalan jenis penyelesaian masalah yang berjaya dan tahap model Polya. Pembelajaran matematik boleh menjadi menyeronokkan dan menarik jika diajar dalam konteks yang akrab dengan budaya murid. Kesukaran dalam menyelesaikan masalah matematik timbul apabila konteks tidak dikenali oleh mereka (Brijlall, 2011).

Hanya sedikit kajian yang menyiasat sikap guru terhadapnya, terutamanya di sekolah rendah. Di antara kajian-kajian tentang subjek ini, Chirinda dan Barmby (2018) menjalankan kajian kualitatif yang melibatkan 31 guru sekolah menengah dari 20 sekolah di Afrika Selatan. Kajian mereka menunjukkan bahawa beberapa peserta mempunyai pemahaman yang separa tentang pengajaran soalan jenis penyelesaian masalah matematik dan lebih suka kaedah pengajaran yang lebih tradisional. Selain itu, para guru ini percaya bahawa menyelesaikan masalah matematik hanyalah menunjukkan contoh kepada murid dan memberi mereka latihan praktikal untuk dikerjakan. Pengajaran sebenar para guru yang diwawancara tidak mendorong proses soalan jenis penyelesaian masalah matematik.

Menurut Harisman et al. (2019) juga adalah kualitatif dan bertujuan untuk menyiasat sikap guru matematik sekolah menengah terhadap penyelesaian masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar juga mendapati bahawa para guru mempunyai sikap yang berbeza terhadap menyelesaikan masalah matematik, terutamanya baik (guru berasa gugup ketika menangani soalan jenis penyelesaian masalah matematik), sangat baik (guru agak takut untuk berurusan dengan soalan jenis penyelesaian masalah matematik), dan cemerlang (guru suka menyelesaikan masalah).

Kajian Deringöl (2018) menyiasat keyakinan bakal guru kelas tentang masalah matematik. Keyakinan guru mengenai menyelesaikan masalah matematik telah menunjukkan hubungan positif sederhana dengan keyakinan mereka tentang keberkesanan diri dalam menyusun masalah matematik. Lebih baru-baru ini, penyelidikan oleh Yorulmaz et al. (2021) menyelidiki kesedaran meta kognitif dan keyakinan soalan jenis penyelesaian masalah matematik bakal guru sekolah rendah melalui beberapa alat, termasuk "Skala Keyakinan Soalan jenis penyelesaian masalah Matematik", yang dibangunkan oleh Kloosterman dan Stage (1992). Skala ini merangkumi beberapa keyakinan, termasuk keyakinan bahawa anda boleh menyelesaikan masalah matematik yang memerlukan masa, usaha yang diperlukan untuk menyelesaikannya, dan sebagainya. Hasil penyelidikan oleh Yorulmaz et al. (2021) menunjukkan bahawa keyakinan guru tentang menyelesaikan masalah matematik adalah sederhana.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kaur dan Lee (2017), murid perlu berfikiran matematik untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan operasi asas matematik di sekolah rendah. Pentaksiran antarabangsa PISA menumpu bukan sahaja kepada kandungan kurikulum Matematik dan Sains tetapi keupayaan murid mengaplikasikan pengetahuan dalam kehidupan sebenar mereka manakala TIMSS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih menitikberatkan kepada kemahiran kognitif seperti pemikiran berbentuk pengetahuan, aplikasi dan penaakulan. Menurut Kajian Siti Rahaimah (2017), murid-murid mempunyai masalah pemahaman numerasi kerana tidak mempunyai pemahaman konsep matematik yang kukuh. Bertitik tolak dari itu, murid bukan sahaja perlu untuk menguasai kemahiran asas tetapi juga mestilah mampu untuk mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam kehidupan harian yang boleh dirujuk sebagai penyelesaian masalah.

Kajian-kajian lepas mendapati wujud pelbagai isu berkaitan kemahiran penyelesaian masalah semakin meningkat dalam kalangan murid seiring usia. Murid didapati sering trauma dan hilang minat terhadap Matematik apabila gagal memahami konsep dan tidak yakin dengan pengiraan yang dibuat dan seterusnya tidak dapat menyelesaikan masalah dengan baik (Nor Lela, 2019). Hal ini berlarutan hingga ke peringkat sekolah menengah dan ditambah pula dengan sikap masyarakat keliling termasuk ibu bapa yang mudah melabelkan murid 'lemah dalam Matematik' namun masih mahu meletakkan tekanan untuk murid mendapat markah yang tinggi (Jose & Effandi, 2021).

Kajian oleh Stephens (2006) mendapati kebanyakan murid melihat tanda kesamaan sebagai hasil operasi aritmetik dan memberikan makna kefahaman terhadap tanda kesamaan secara operational (fokus kepada jawapan dan hasil pengiraan aritmetik) berbanding relational (fokus kepada hubungan dan struktur di kedua-dua belah persamaan). Miskonsepsi telah berlaku di mana murid tidak dapat menyatakan dengan jelas dalam bentuk relational yang melambangkan hubungan kesamaan di antara dua kuantiti yang terlibat pada kedua-dua persamaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Jahudin dan Siew (2021) bertujuan untuk melihat kesan kaedah model bar terhadap kemahiran berfikir algebra murid. Ujian pra serta ujian pasca digunakan sebagai intervensi kajian. Kajian yang berbentuk kajian eksperimental telah dilaksanakan ke atas 90 orang murid Tingkatan Satu dari sebuah sekolah di Daerah Tuaran, Sabah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eskperimen ujian pra dan pasca. Sampel kajian dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu kumpulan kaedah pembelajaran i) Model Bar (MB, n=30) , ii) Model Bar dan Pembelajaran Koperatif (MBPK, n= 30) dan konvensional (TR, n = 30). Ujian statitik inferensi ANOVA Sehala *(One-way Analysis of Variances Test)* digunakan untuk menganalisis dapatan kajian ini. Hasil analisis ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pasca antara kumpulan MB, kumpulan MBPK dan kumpulan TR ($F(2, 87) = 9.316$, $p < .05$). Perbezaan yang signifikan dalam skor min untuk ujian pasca hanya dapat dilihat di antara kumpulan TR dengan kumpulan MB ($P = 0.019$) dan antara kumpulan TR dengan kumpulan MBPK ($P = 0.000$) manakala perbezaan yang tidak signifikan ditunjukkan antara kumpulan MB dan MBPK ($P = 0.304$). Maka, dicadangkan guru matematik menggunakan Model Bar sebagai alat bantu mengajar untuk meningkatkan Kemahiran Berfikir Algebra murid.

Kajian Wong Wan Ting et al. (2020) bertujuan untuk mengkaji trend pelaksanaan strategi Model Bar dalam menyelesaikan masalah berayat dalam matematik berdasarkan empat kriteria. Empat kriteria merupakan kriteria pangkalan data, tahun penerbitan artikel, lokasi kajian dijalankan dan skop kajian. Terdapat empat pangkalan data iaitu *Web of Science* (WOS), Scopus, Semantic Scholar dan Lain-lain pangkalan data jurnal digunakan dalam saringan artikel-artikelkajian lepas. Prosedur sorotan literatur bersistematik (SLR) digunakan merangkumi reka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bentuk, strategi dan kata kunci pencarian artikel, kriteria pemilihan artikel, proses pemilihan artikel serta proses pengumpulan dan penganalisisan artikel. Terdapat 20 buah artikel dianalisis dan telah dipilih dalam kajian ini dengan berlandaskan empat kriteria tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan penggunaan strategi Model Bar banyak dikaji di negara-negara luar seperti Indonesia, Australia, United State, Amerika, Brunei dan Filipina. Namun demikian, kajian ini kurang penerbitan dalam masa lima tahun yang terkini. Maka, tempoh tahun penghasilan artikel yang berkaitan dipanjangkan sehingga 10 tahun yang terkini. Pangkalan data Semantic Scholar menyumbang paling banyak artikel dalam kajian ini. Tiga skop kajian telah dianalisis iaitu keberkesanan penggunaan Model Bar terhadap penyelesaian masalah matematik, persepsi guru dan murid terhadap penggunaan Model bar dalam penyelesaian masalah matematik dan perbezaan antara penggunaan strategi Model Bar dengan pendekatan konvensional terhadap pencapaian murid. Cadangan kajian lanjutan yang boleh dibuat ialah dengan mendedahkan Model Bar kepada murid konteks lain melalui teknik visualisasi secara lebih holistik.

Shara Nor Raifana et al. (2016) mendapati murid cenderung untuk melakukan kesilapan dari aspek kefahaman, transformasi dan kesilapan kemahiran proses kerana murid tiada asas yang kukuh dalam matematik. Hal ini disokong oleh Donny dan Siti Mistima (2017) yang menyatakan murid sering membuat kesilapan dalam membuat transformasi. Tuan Siti Humairah dan Mohamad Amir Shah (2016) menambah kesilapan yang sering dilakukan oleh murid juga melibatkan aspek membaca dan pengkodan. Norazlin dan Mohd Uzi (2018) mendapati kesilapan yang paling tinggi dalam proses penyelesaian masalah matematik ialah kecuaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan beliau memberi cadangan mengurangkan kecuaian dengan menyemak semula strategi penyelesaian masalah.

Kajian Nik Fadhlillah et al. (2014) mendapati murid berupaya memahami kehendak soalan tetapi dari segi perancangan strategi, pelaksanaan strategi dan menulis jawapan murid didapati lemah. Beliau juga menyatakan murid tidak menjawab soalan yang diberikan walaupun faham kehendak soalan. Ini menunjukkan murid lemah dalam melakukan penyelesaian masalah bagi topik-topik matematik jika hanya bergantung kepada tahap kefahaman terhadap penyataan dalam masalah berayat matematik.

Menurut kajian-kajian tempatan yang lepas, jenis kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh murid dalam konteks penyelesaian masalah adalah jenis kesilapan dalam mentransformasi bahasa ke dalam bentuk operasi yang betul dan kesilapan dalam memahami soalan (Ali & Harun, 2017; Raifana et al., 2016). Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa murid masih lemah dalam memahami kehendak masalah matematik berayat dengan tepat serta merancang penyelesaian dengan operasi atau rumus yang salah. Keadaan ini turut wujud dalam kalangan murid di luar negara di mana hasil dapatan kajian Sumule et al. (2018) dan Wildani (2020) turut menunjukkan murid luar negara juga kerap melakukan kesilapan dalam memahami soalan dan kesilapan dalam mentransformasi bahasa ke dalam bentuk operasi. Pendek kata, penyelesaian masalah bukan sahaja memerlukan seseorang murid mencari jawapan akhir malah murid perlu menguasai strategi penyelesaian masalah yang kompleks (Raifana et al., 2016) secara tidak langsung telah menyebabkan kemahiran penyelesaian masalah itu satu konsep matematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sukar dan menimbulkan kesukaran dalam kalangan murid (Wong & Matore, 2020).

Menurut kajian lepas, indikator yang dihasilkan bagi kemahiran penyelesaian masalah adalah berdasarkan teori analisis kesilapan Newman dan setiap indikator berbeza mengikut skop kajian masing-masing (Putri et al., 2021; Vitaloka et al., 2020; Wildani, 2020). Selain itu, terdapat juga indikator mengesan kesilapan dalam mengenal pasti jenis kesilapan dalam penyelesaian masalah matematik berayat telah dihasilkan yang berlainan seperti indikator dihasilkan berdasarkan Model Polya (Nurkaeti, 2018; Peranginangin & Surya, 2017), indikator berbentuk rubrik pemarkahan (Yeni et al., 2020), indikator yang berbentuk soalan temubual (Chusnul et al., 2017) dan indikator yang dihasilkan melalui gabungan teori (Son et al., 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian Chusnul et al. (2017) menunjukkan bahawa penggunaan bahasa yang biasa digunakan oleh murid dapat memudahkan proses pembacaan dan pemahaman berlaku dalam kalangan murid semasa menyelesaikan masalah matematik berayat. Maka seseorang guru matematik dicadangkan menggunakan bahasa yang mudah dalam penyoalan lisan atau berinteraksi dengan murid agar murid dapat membaca dan memahami masalah matematik berayat. Hasil dapatan kajian Hashim dan Ahmad (2016) mendapati bahawa sikap, minat dan motivasi terhadap kemahiran penyelesaian masalah merupakan salah satu punca yang menyebabkan murid lemah dalam menyelesaikan masalah matematik berayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian Muhamad et al. (2018), pendekatan pembelajaran berasaskan permainan telah diaplikasikan dalam meningkatkan pemikiran kritikal dan tahap kemahiran penyelesaian masalah matematik berayat murid melalui permainan digital. Kajian ini telah mengintegrasikan elemen teknologi maklumat dan komunikasi serta unsur didik hibur dalam pengajarannya dengan memilih permainan logik Frog Jumping. Hasil dapatan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan permainan bukan sahaja memberi impak positif kepada psikologi murid malah pendekatan tersebut juga meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah matematik berayat dalam kalangan murid. Hasil dapatan kajian tersebut turut disokong oleh Lee et al. (2021) di mana mengintegrasikan permainan ke dalam senario penyelesaian masalah dapat memperoleh banyak faedah seperti meningkatkan penglibatan murid, meningkatkan perasaan kegembiraan dan memperkuatkan motivasi dalam diri murid. Oleh itu, unsur permainan boleh diterapkan dalam pembelajaran penyelesaian masalah matematik berayat agar pembelajaran itu menjadi lebih bermakna dan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah murid.

Hasil dapatan kajian Alias et al. (2020) membuktikan bahawa pendekatan gabungan *flipped classroom* dan pembelajaran berasaskan masalah telah meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah matematik berayat dan membantu guru mengajar dengan lebih berkesan dalam masa yang terhad. Oleh itu, seseorang guru harus mempelbagaikan pendekatan pengajarannya dalam kemahiran penyelesaian masalah matematik berayat agar murid dapat menguasai kemahiran tersebut dengan lebih bermakna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Li Jin Hwa dan Siti Mistima Maat (2022), kualiti pendidikan matematik perlu ditingkatkan dan antara aspek yang perlu diberi perhatian ialah kemahiran membina soalan penyelesaian masalah matematik berayat KBAT. Murid bukan sahaja dikehendaki menyelesaikan soalan penyelesaian masalah matematik dengan betul malah mereka juga harus berupaya untuk membina soalan.

Dapatan Smith (2014) menunjukkan murid sering memulakan terus kerja mengira tanpa membuat perancangan rapi dan mereka juga cepat putus asa. Ketidakupayaan murid untuk membuat pengawalan terhadap proses pemikiran mereka merupakan masalah utama murid dalam menyelesaikan masalah algebra (Davies et al. 2013). Schoenfeld (1985), menyatakan untuk berjaya dalam penyelesaian masalah matematik terutama kemahiran algebra, seseorang perlu mempunyai strategi pengawalan yang merangkumi kebolehan untuk menganalisis maklumat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Syed dan Mohini (2010) terhadap keupayaan dan sikap dalam menyelesaikan masalah matematik bukan rutin dalam kalangan murid tingkatan dua di beberapa buah sekolah sekitar daerah Johor Baharu mendapati murid tingkatan dua mempunyai kemahiran memahami masalah pada tahap tinggi tetapi mempunyai kemahiran merancang strategi dan menulis jawapan pada tahap yang sangat lemah. Tambahan lagi, murid tingkatan dua ini berada pada tahap yang sederhana dalam menyelesaikan masalah matematik bukan rutin bagi kemahiran melaksana strategi. Selain itu, dapatan kajian bagi sikap terhadap penyelesaian masalah pula menunjukkan murid tingkatan dua mempunyai tahap sikap yang tinggi dalam aspek kesanggupan dan ketabahan tetapi mempunyai tahap sikap yang sederhana dalam keyakinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian Suhaila dan Fatimah (2011) dalam kajiannya untuk meneroka kompetensi murid Tingkatan Empat dalam menyelesaikan masalah matematik bukan rutin mendapati 75% murid menaakul secara logik untuk menentukan jawapan. Murid menggunakan logik akal untuk menyelesaikan item tersebut berdasarkan klu-klu yang diberikan. Terdapat juga sebanyak 50% murid yang menghadapi kesukaran untuk menjawab item yang diberikan kerana kurang faham akan klu yang diberikan dan 25% daripadanya berjaya mengenal pasti maklumat dalam soalan tersebut. Hanya 5% murid sahaja yang menggunakan strategi kerja ke belakang *(working backward)*. Kajian juga mendapati bahawa murid dilihat kurang keyakinan dalam daya penaakulan adaptif mereka sendiri untuk menyelesaikan masalah. Perkara ini mungkin disebabkan murid hanya banyak didedahkan dengan kemahiran prosedur sehingga mereka lupa bahawa daya penaakulan sebenarnya sangat penting dalam menyelesaikan masalah matematik bukan rutin yang berkait rapat dengan masalah harian murid.

Pimta et al. (2009) dalam kajiannya yang bertajuk faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan penyelesaian masalah matematik yang dijalankan terhadap murid gred enam di Roiet Thailand. Dapatan kajian mendapati terdapat faktor langsung dan faktor tidak langsung yang mempengaruhi keupayaan penyelesaian masalah matematik di kalangan murid. Faktor langsung dan tidak langsung yang mempengaruhi keupayaan murid dalam menyelesaikan masalah matematik adalah terdiri daripada faktor sikap terhadap matematik, nilai estem diri dan tingkah laku guru, manakala faktor tidak langsungnya pula meliputi faktor motif pencapaian dan efikasi diri. Kajian menunjukkan faktor-faktor tersebut mempengaruhi pencapaian dan prestasi serta pembelajaran murid dalam matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lim dan Noraini (2006) dalam kajiannya yang bertajuk menilai keupayaan penyelesaian masalah dalam algebra yang dijalankan terhadap 40 orang murid tingkatan empat di Malaysia. Hasil kajian mendapati 60% orang murid mempunyai kurang daripada 50% kemungkinan untuk berjaya pada peringkat; unistruktur, multistruktur, perkaitan dan abstrak lanjutan. Kebanyakan murid dapat mengklasifikasikan penyelesaian pada peringkat unistruktur dan multistruktur sahaja. Umumnya kebanyakan murid menghadapi kesukaran dalam membuat generalisasi pemikiran arutmetrik melalui penggunaan simbol algebra. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid masih kurang pengetahuan dalam bidang algebra dan hanya mampu menggunakan konsep dan perkaitan yang mudah sahaja dalam bidang tersebut.

Bagi mengkaji keberkesanan kaedah FC terhadap penyelesaian masalah, Cronhjort et al. (2017) telah melakukan kajian kuasi eksperimen bagi melihat keberkesanan strategi pembelajaran FC terhadap penyelesaian masalah matematik terhadap dua kumpulan murid kalkulus di sebuah sekolah. Kumpulan murid telah dibahagikan kepada dua kumpulan kaedah pembelajaran iaitu kumpulan pembelajaran FC dan kumpulan pembelajaran konvensional. Dapatan kajian mendapati kumpulan pembelajaran kaedah FC telah mendapat pencapaian yang lebih baik bagi bahagian penyelesaian masalah. Secara purata skor bagi kumpulan FC lebih tinggi sebanyak 13% berbanding dengan kumpulan pembelajaran konvesional. Dalam kajian ini Cronhjort et al. (2017) juga mendapati kumpulan pembelajaran FC telah menunjukkan sikap yang positif terhadap soalan berayat dan dapat membuktikan mereka bersedia membuat perancangan bagi menjawab soalan masalah berayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian meta-analisis telah dilakukan oleh Chung et al. (2017) bagi meninjau penggunaan pembelajaran FC dalam meningkatkan kemahiran pencapaian dan penyelesaian masalah bagi subjek matematik. Kajian yang dilakukan ini cuba membandingkan pencapaian dan keupayaan penyelesaian masalah bagi murid K-12 dengan murid di universiti. Sampel kajian telah didedahkan dengan kaedah pembelajaran video secara atas talian dan kajian ini telah menggalakkan sampel kajian melakukan perbincangan secara "online". Empat isu utama yang dikaji dalam kajian tersebut iaitu aktiviti instruktional pembelajaran yang sesuai sewaktu di dalam dan di luar kelas, kesan pembelajaran FC terhadap pembelajaran murid, keberkesanan pembelajaran FC terhadap penyelesaian masalah bagi subjek matematik dan cabaran terbesar bagi perlaksanaan FC. Dapatan kajian mendapati, kedua-dua kumpulan iaitu K-12 dan pelajar universiti mendapat pencapaian yang lebih baik berbanding kumpulan pembelajaran konvesional. Analisis juga menunjukkan kumpulan pembelajaran FC boleh menyelesaikan soalan matematik berayat dengan lebih baik berbanding kumpulan pembelajaran konvesional.

Analisis Kajian Keperluan dilaksanakan dalam penyelidikan ini dengan menggunakan protokol temu bual instrumen soalan KBAT yang dibangunkan oleh pengkaji sendiri. Tahap KBAT murid-murid tahun 4 di beberapa sekolah rendah di Daerah Bangsar Pudu telah diuji. Pemilihan murid-murid tahun 4 bagi kajian KBAT di beberapa sekolah rendah di Daerah Bangsar Pudu dapat disokong oleh beberapa faktor. Pertama, pada tahap ini, murid-murid telah mencapai kemampuan kognitif yang memungkinkan mereka untuk mula mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi dengan lebih baik. Kedua, memilih murid-murid tahun 4 memberi peluang untuk mengukur kesan pendekatan KBAT dalam jangka masa yang sesuai. Ketiga, pada peringkat ini, penekanan yang lebih besar diberikan pada kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah dalam mata pelajaran matematik. Oleh itu, penggunaan pendekatan KBAT pada tahap ini dapat memberikan pandangan yang baik tentang keberkesanan strategi tersebut dalam memperkukuhkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemahaman dan kemahiran matematik mereka. Seramai 400 murid telah mengambil ujian tersebut. Kajian rintis telah dijalankan untuk kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang diedarkan di sebuah sekolah di Cheras, Selangor dengan menggunakan 40 murid dalam 1 kelas yang sedia ada di sekolah tersebut.

3.4.2 Populasi dan Sampel Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Kajian di fasa 2 melibatkan reka bentuk dan pembangunan kerangka PVB. Kaedah Fuzzy Delphi digunakan bagi mereka bentuk dan membangunkan model ini. Seramai 5 orang pakar telah terlibat dalam proses menentukan elemen-elemen dalam kerangka PVB. Seterusnya kerangka yang dibangunkan dinilai oleh pakar-pakar yang terdiri daripada pensyarah Universiti, ketua panitia Matematik dan guru matematik yang berpengalaman. Pemilihan pakar dalam sesuatu penyiasatan adalah proses kritikal yang memerlukan beberapa pertimbangan penting untuk memastikan kepakaran yang sesuai dan relevan diperolehi. Seramai 13 orang Pakar terlibat dalam mereka bentuk dan membangunkan model ini terdiri daripada Guru-Guru berpengalaman dalam bidang Matematik, Ketua Unit Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, pensyarah-pensyarah Institut Perguruan serta pensyarah-pensyarah Universiti. Kaedah pensampelan bertujuan telah digunakan oleh penyelidik dalam pembentukan panel pakar. Kriteria yang diutamakan ialah semua ahli panel yang dipilih mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji. Antara elemen yang ditentukan adalah jawatan pakar – pakar dimana semua pakar yang dipilih adalah golongan profesial yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Sarjana Muda dalam Bidang Pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matematik dengan pengalaman berkerja di bidanag Pendidikan melebihi 15 tahun. Menurut Williams, R. (2023), pengalaman praktikal dalam bidang yang dikaji adalah penting bagi memastikan pakar dapat memberikan pandangan yang berdasarkan amalan sebenar, bukan hanya teori. Pakar pakar yang dipilih juga mempunyai kemampuan untuk berkomunikasi dengan baik. Pakar mesti dapat menyampaikan pengetahuan mereka dengan jelas dan berkesan kepada pasukan penyiasat. Kemahiran komunikasi ini memastikan pengetahuan mereka dapat digunakan sepenuhnya. Davis, E. (2020). Pemilan pakar adalah sangat penting dan perlu dibuat selepas membuat pertimbangan apabila memilih pakar untuk penyiasatan, memastikan kepakaran dan integriti penyiasatan dikekalkan dengan betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3 Populasi dan Sampel Fasa Penilaian

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada murid-murid Tahun 4 sekolah rendah (SK) di bawah Pejabat Pelajaran Wilayah Persekutuan Bangsar Pudu, Kuala Lumpur. Rasional pemilihan populasi murid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti yang disarankan Marshall et al. (1995), iaitu:

i. mendapat kebenaran dan kerjasama yang diberi pihak sekolah,
ii. hubungan yang erat dapat diwujudkan antara pengkaji dengan peserta kajian
iii. mempunyai situasi yang kaya dengan maklumat kajian,
iv. kualiti dan kredibiliti data kajian yang diperoleh adalah terjamin,
v. bersesuaian dengan kos dan tempoh masa kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel kajian ini merupakan kumpulan murid yang sedia ada berada dalam kelas sekolah yang dipilih. Namun pra syarat penting sebelum menjalankan kajian adalah memastikan semua peserta dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari segi tahap pencapaian skor ujian KBAT matematik mereka, oleh itu kesan "*novelty*" dan "*hawthorne*" yang boleh mencemarkan dapatan kajian ini boleh dikurangkan. Oleh yang demikian, kaedah pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* dijalankan bagi menentukan sekolah berdasarkan pra syarat pemilihan tersebut. Ini adalah kerana KBAT matematik memerlukan keupayaan berfikir di peringkat yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran asas matematik. Melalui pensampelan bertujuan, sampel yang dipilih merupakan subjek yang terbaik yang dapat memberikan sumber maklumat bagi membantu penyelidik memahami fenomena yang dikaji (Rios et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, untuk memastikan bahawa sampel yang dipilih mempunyai kesetaraan, pemilihan sekolah dilakukan dengan menyemak senarai nama sekolah rendah di daerah Wilayah Persekutuan Bangsar Pudu melalui Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Daripada senarai tersebut, keputusan pencapaian UPSR bagi tahun 2017 telah dianalisis. Daripada keputusan tersebut, lima sekolah yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari aspek kebolehan dan pencapaian mereka dikenal pasti dan dijadikan sebagai sampel bagi kajian ini. Daripada lima sekolah yang terpilih, penyelidik memilih pensampelan rawak mudah (*simple random sampling*) bagi menentukan dua buah sekolah untuk dijadikan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan bagi kajian ini. 37 orang murid diambil untuk kumpulan kawalan dari Sekolah A dan 38 orang murid untuk kumpulan rawatan dari Sekolah B. Menurut Jones & Lopez (2023), saiz sampel minimum yang diperlukan untuk kajian kuasi eksperimental boleh berbeza-beza bergantung pada konteks khusus dan reka bentuk kajian. Walau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagaimanapun, mereka turut mencadangkan bahawa untuk penyelidikan pendidikan, saiz sampel minimum 30 peserta setiap kumpulan sering disyorkan untuk memastikan kuasa statistik yang mencukupi dan kebolehpercayaan keputusan. Seorang guru matematik dari setiap sekolah yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari lapan tahun dan opsyen matematik terlibat dalam kajian. Kajian ini juga menyediakan instrumen pemerhatian PdPc bagi diisi oleh pentadbir atau ketua panitia supaya dapat menilai perjalanan PdPc seperti yang dirancang dalam RPH. Selain itu, kajian ini turut menjalankan temu bual terhadap lima orang guru yang terlibat dalam fasa ini.

3.5 Instrumen Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Noraini (2010) mentakrifkan instrumen sebagai alat yang digunakan untuk mengumpul data, seperti ujian pensel, kertas, soal selidik, atau skala penarafan. Data daripada temu bual, soal selidik, dan ujian telah dikumpulkan untuk kajian ini. Jadual 3.2 menunjukkan gambaran keseluruhan instrumen kajian bagi kajian ini.

Jadual 3.2

Instrumen Berdasarkan Pemboleh Ubah Kajian

Bil	Fasa	Instrumen	Pemboleh ubah utama	Sub pemboleh ubah	Jumlah item yang diuji
1	Fasa 1	Ujian Tahap KBAT	Pencapaian dalam penyelesaian masalah berbentuk KBAT	Pencapaian dalam ujian	8 soalan subjektif

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2 *(sambungan)*

Bil	Fasa	Instrumen	Pemboleh ubah utama	Sub pemboleh ubah	Jumlah item yang diuji
		Protokol Temu Bual	Cabaran dalam pengajaran kemahiran penyelesaian masalah dalam mata pelajaran matematik	Isu dan masalah	15 soalan temu bual separa berstruktur
2	Fasa 2	Soal selidik penggunaan kerangka PVB dalam penyelesaian masalah berbentuk KBAT	Kesedaran strategi kerangka PVB	Melukis Menyusun Mengenal pasti Merancang Menyelesaikan	3 item 2 item 3 item 2 item 2 item
3.	Fasa 3	Ujian Pra dan Ujian Pasca Protokol temu bual	Pencapaian murid Persepsi terhadap kerangka PVB	Pencapaian murid Kelebihan kerangka PVB	Pencapaian murid 11 soalan temu bual separa berstruktur

3.5.1 Instrumen Kajian Bagi Fasa Analisis Keperluan

Bagi kajian ini, instrumen kajian yang digunakan bagi Fasa Analisis Keperluan ialah Ujian Tahap KBAT matematik murid dan protokol temu bual. Ujian tahap KBAT murid ialah bagi mengukur tahap KBAT matematik murid Tahun 4 yang sedia ada. Dalam pembangunan soalan KBAT untuk menguji tahap kemahiran berfikir matematik murid Tahun 4, langkah-langkah yang sistematik dan teliti telah diambil. Pertama, perlu menentukan topik dan konsep matematik yang relevan dengan kurikulum serta sesuai dengan tahap pembelajaran murid tahun 4. Setelah itu, objektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran yang jelas perlu ditetapkan untuk menetapkan fokus soalan-soalan KBAT tersebut. Selanjutnya, pengenalpasti kemahiran berfikir aras tinggi yang ingin diperkukuhkan melalui soalan-soalan tersebut, seperti analisis, sintesis, atau penilaian. Reka bentuk soalan-soalan yang memerlukan pemikiran kritis dan analitikal dari murid, dengan memastikan penggunaan taksonomi Bloom untuk merangkumi pelbagai tahap kemahiran berfikir. Konteks yang relevan dengan kehidupan seharian perlu diberikan dalam soalan-soalan untuk menjadikannya lebih bermakna dan merangsang minat murid. Semua soalan perlu diuji untuk memastikan kesesuaian dengan objektif pembelajaran dan tahap kemahiran berfikir yang dikehendaki, serta disesuaikan dengan keperluan murid Tahun 4 agar tidak terlalu rumit atau melampaui pemahaman mereka. Dengan mengambil langkah-langkah ini, pembangunan soalan KBAT akan memastikan ujian tahap KBAT murid memberi gambaran yang holistik tentang kemahiran berfikir matematik mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala protokol temu bual bertujuan untuk meneroka isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah dalam mata pelajaran matematik. Antara item yang ditanyakan dalam protokol temu bual ini adalah *"Apakah cabaran yang dihadapi semasa mengajarkan penyelesaian masalah berbentuk KBAT terhadap murid tahun 4?*

Temu bual adalah kaedah mengumpul maklumat. Pendekatan ini melibatkan penyelidik yang bertanya soalan responden untuk mendapatkan respons yang diingini (Silber-Varod et al., 2019). Menurut Stoeffler et al. (2020), penyelidik boleh mengetahui tentang sudut pandangan responden, pemahaman tentang keadaan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

definisi, dan realiti dunia seperti yang dialami dan dilihat oleh responden melalui temu bual (Noraini, 2010).

Menurut Tambunan (2019), soalan-soalan yang akan ditanya kepada responden semasa teknik wawancara separa berstruktur akan ditulis terlebih dahulu. garis panduan untuk bertanya soalan, teknik untuk berbuat demikian, dan format soalan yang tidak statik berdasarkan respons dan tindak balas yang disediakan oleh responden. Penyelidik boleh mengubah penjelasan yang diberikan serta pilihan dan susunan soalan berdasarkan apa yang mereka percaya diperlukan atau berkaitan dengan protokol wawancara. Soalan yang difikirkan tidak relevan atau menambah soalan berdasarkan keperluan boleh dilakukan oleh penemu bual (Noraini, 2010).

Sinha et al. (2018) menyatakan bahawa peserta kajian yang mempunyai IQ rendah atau kurang upaya dapat menerima temu bual dengan baik. Manfaat temu bual adalah kerana seseorang individu lebih sering menjalankan perbualan secara peribadi daripada secara bertulis. Untuk mendapatkan respons yang tepat dari responden, penyelidik menerangkan motivasi di sebalik soalan. Interaksi bersemuka boleh menunjukkan sama ada peserta kajian ikhlas dalam tindak balas mereka. Selain itu, peserta kajian tidak dapat membuat pembetulan terhadap jawapan yang telah diberikan terdahulu jika soalan yang berikutnya boleh mendorong mereka mengubah suai jawapan yang telah diberikan.

Temu bual separa berstruktur dipilih untuk pengumpulan data dalam kajian ini kerana mereka dapat menghasilkan maklumat yang lebih relevan dan membolehkan kemunculan maklumat baru. Menurut Noraini (2010), soalan susulan spontan dan mendalam membolehkan soalan jawapan kepada jawapan responden terhadap soalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

awal atau soalan terdahulu yang dikemukakan semasa sesi temu duga separa berstruktur. Temu bual ini lebih fleksibel bagi pengkaji yang ingin atau perlu mengungkap kembali soalan dalam bentuk lain atau dengan menggunakan kata yang berbeza, dan soalan separa berstruktur yang disenaraikan sebelumnya membolehkan soalan seterusnya dikemukakan untuk memperoleh maklumat lanjut dengan lebih terperinci.

Dalam Fasa 1, Ujian Tahap KBAT murid dan temu bual dijalankan ialah bagi menjawab persoalan kajian dalam fasa satu dalam kajian ini. Maklumat yang dikumpul daripada instrumen ini iaitu menilai pencapaian dan pengetahuan konsep dalam penyelesaian masalah berbentuk KBAT murid yang sedia ada dan meneroka isu dan cabaran dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah dalam mata pelajaran matematik. Item-item dalam Ujian Tahap KBAT Matematik ini dibina berdasarkan topik-topik yang terdapat pada sukatan pelajaran matematik tahun tiga. Item ini terdiri daripada 8 soalan subjektif. Jadual 3.3 menunjukkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) untuk Ujian Tahap KBAT Matematik.

Jadual 3.3

Spesifikasi Ujian Tahap KBAT

Kemahiran	**Aras Item**	**No Item**	**Bilangan item**
Penyelesaian masalah berbentuk KBAT	Aplikasi	1a,2a,3a,4a,5a,6a,7a,8a	6
	Analisis	1b,3b,4b,5b,7c,8b	6
	Menilai	1c, 2b, 3c,5c,6b	5
	Mencipta	4c,6c	2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Instrumen Kajian Bagi Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Pakar menilai komponen model untuk fasa 2 dan 3 melalui soal selidik pakar. Dalam kebanyakan kes, soal selidik digunakan untuk mengukur sikap seseorang dengan menggunakan soalan terbuka, senarai semak, atau skala penarafan. Kandungannya harus teliti, yang bermaksud bahawa semua faktor penyumbang mesti dipertimbangkan sebagai tambahan kepada komponen pengukuran konsep, yang merupakan titik utama kepentingan. Lazimnya, soal selidik digunakan untuk mengukur konsep tentang sikap, persepsi, pandangan dan penjelasan latar belakang (Prak & Wivatvanit, 2018). Persoalan yang ditanya merangkumi apakah perasaan anda?" (aspek afektif) dan bukannya "apakah yang anda tahu" (aspek kognitif) atau "apakah yang anda boleh lakukan?" (aspek kecerdasan fizikal). Pendapat seseorang itu adalah berlainan dengan orang lain (Lyons et al., 2018).

Proses perlaksanaan dalam satu kajian kaedah Fuzzy Delphi, temu bual bersama 5 orang pakar Visual Bar serta pembincangan dengan lebih mendalam berkaitan elemen-elemen yang telah dikenal pasti semasa fasa analisis keperluan. Hasil daripada perbincangan bersama lima orang pakar Fuzzy Delphi serta hasil dapatan kajian rintis yang dijalankan, maka borang kaji selidik Fuzzy Delphi dibangunkan. Pembangunan borang kaji selidik ini adalah penting untuk mereka bentuk kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB). Pemilihan borang kaji selidik Fuzzy Delphi dapat:

i. menjimatkan masa soal selidik berbanding kaedah soal selidik tradisional Delphi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. menjimatkan kos.

iii. mengurangkan jumlah bilangan pusingan kaji selidik, menaikkan kadar pemulihan soal selidik.

iv. pakar sepenuhnya boleh memberi pendapat mereka, memastikan kesempurnaan dan pendapat yang konsisten.

v. mengambil kira kekaburan yang tidak boleh dielakkan semasa proses kajian dijalankan (Mohd Ridhuan et al., 2014).

3.5.3 Instrumen Kajian Bagi Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

Instrumen bagi Fasa Pelaksanaan dan Penilaian ialah protokol temu bual, ujian pra dan ujian pasca. Protokol temu bual bertujuan untuk melihat persepsi guru terhadap kerangka PVB yang dibangunkan. Justifikasi untuk melihat persepsi guru terhadap kerangka PVB adalah penting kerana guru adalah pelaksana utama dalam menggunakan kerangka tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran. Persepsi guru tentang kerangka PVB akan memberikan pemahaman yang mendalam tentang keberkesanan, kelebihan, dan kelemahan kerangka tersebut dari sudut pandang praktikal. Selain itu, persepsi guru juga dapat memberikan maklum balas yang bernilai untuk penambahbaikan lanjutan kerangka PVB tersebut. Dengan memahami persepsi guru, kajian ini dapat menyesuaikan, menambah baik, atau menyempurnakan kerangka PVB agar lebih sesuai dengan keperluan guru dan dapat memberikan manfaat yang maksimum dalam konteks pengajaran dan pembelajaran matematik. Oleh itu, melihat persepsi guru terhadap kerangka PVB adalah langkah yang penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam memastikan keberkesanan dan kerelevanan penggunaannya dalam konteks pendidikan.

Fasa penilaian pula dijalankan dengan menggunakan penilaian formatif dan sumatif. Penilaian formatif merupakan antara komponen yang penting dalam kajian ini. Penilaian formatif membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang bermanfaat dalam kajian ini. Penilaian merangkumi penilaian formatif dan penilaian sumatif (Virtanen & Tynjala, 2019). Menurut Wijaya (2021), penilaian formatif dilakukan secara berterusan dengan tujuan memperbaiki atau mengenal pasti kekurangan yang terhasil semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Dinar et al. (2020), penilaian formatif ialah penilaian dalaman terhadap sesuatu program yang dilaksanakan sebagai sebahagian daripada proses pembangunan. Penilaian formatif membuat perbandingan terhadap pencapaian peserta dengan objektif program. Pihak penganjur sesuatu kursus dapat mengetahui keberkesanan bahan-bahan yang digunakan dan mencadangkan perubahan ketika penilaian formatif dijalankan. Menurut Habibi et al. (2015), pembekalan maklumat bagi penambahbaikan program merupakan tujuan utama penilaian formatif. Menurut Nitko dan Brookhart (2011), penilaian mungkin atau tidak mungkin berlandaskan ukuran atau keputusan ujian. Penilaian mungkin berlandaskan pengiraan terhadap sesuatu perkara dengan menggunakan skala atau senarai semak.

Dalam kajian ini, penilaian formatif telah dilaksanakan sebelum kerangka PVB digunakan oleh responden. Panel penilai telah dibentuk untuk menilai kerangka PVB yang dibangunkan dari segi kekuatan dan kelemahan kandungannya. Instrumen yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur. Pandangan dan cadangan daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

panel penilai merupakan maklumat yang penting bagi penyelidik dalam kerja penambahbaikan kerangka PVB.

Menurut Mohd Ridhuan et al. (2014), penilaian sumatif yang diselesaikan pada akhir kursus atau program adalah untuk mengumpulkan data yang berkaitan dengan keberkesanan kursus atau program. Menurut Jusnaeni (2020), penilaian sumatif adalah usaha sistematik untuk menentukan sama ada matlamat program telah dipenuhi berbanding dengan program pilihan atau tiada program. Penilaian sumatif membandingkan keputusan untuk menilai program secara keseluruhan. Menurut Davidson (2013), penilaian sumatif memberikan maklumat untuk urusan penghakiman terhadap pengubahsuaian, kesinambungan, atau pengembangan sesuatu program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian sumatif dilaksanakan oleh penyelidik selepas kerangka PVB diimplementasikan kepada responden. Menurut Pertiwi (2019), penilaian sumatif merupakan pengukuran tahap pencapaian objektif secara menyeluruh selepas satu peringkat pengajaran dan pembelajaran merupakan penilaian sumatif. Penilaian suumatif bermatlamat untuk menentukan pencapaian objektif pengajaran. Skop penilaian merangkumi sebahagian besar perkara dan kemahiran yang telah dipelajari.

Menurut Riza dan Setyarini (2020), matlamat penilaian sumatif adalah untuk menentukan tahap pencapaian keseluruhan murid di akhir sesebuah kelas. Matlamat penilaian sumatif adalah untuk menyediakan murid dengan gred atau skor supaya mereka dapat membandingkannya dengan ahli kumpulan mereka. Dalam kajian ini, penilaian sumatif dijalankan melalui ujian pra dan ujian pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian pra dan ujian pasca adalah terdiri daripada satu set soalan yang sama diguna pakai. Ujian pra ialah bagi melihat pencapaian murid sebelum PdPc penyelesaian masalah matematik berbentuk KBAT dimulakan bagi kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ujian pasca diberikan kepada peserta bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan bagi melihat kesan PdPc. Soal selidik diberikan kepada kumpulan rawatan bagi mengkaji pendapat mereka tentang kerangka PVB yang digunakan bagi penyelesaian.

Kaedah temu bual serta ujian pra dan ujian pasca dijalankan bagi menjawab persoalan kajian dalam fasa pelaksanaan dan penilaian dalam kajian ini. Kaedah temu bual dijalankan bagi melihat persepsi guru terhadap kerangka PVB yang dibangunkan. Ujian pra ditadbir di peringkat awal proses pengumpulan data kepada kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan dengan menggunakan instrumen yang disediakan. Ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan murid dijalankan di akhir kajian iaitu selepas didedahkan dengan PdPc menggunakan kerangka PVB bagi kumpulan rawatan dan selepas menggunakan kaedah konvensional. Jadual 3.4 menunjukkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) untuk Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kajian ini.

Jadual 3.4

Spesifikasi Ujian Pra dan Ujian Pasca

Kemahiran	**Aras Item**	**No Item**	**Jumlah item**
Penyelesaian masalah berbentuk KBAT	Aplikasi	1a,2a,3a,4a,6a,7a,8b	6
	Analisis	1b,4b,5a,5b,6b,7b,8a	7
	Menilai	2b,3b,5c	5
	Mencipta	4c,6c	2
	Jumlah		20 item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesemua instrumen yang digunakan dalam penyelidikan haruslah mampu untuk mengukur dengan tepat apa yang hendak diukur. Kesahan yang tinggi bagi instrumen dalam sesuatu penyelidikan menghasilkan dapatan yang berdasarkan fakta atau bukti dan mampu memberi justifikasi yang tepat (Creswell & Clark, 2011). Kebolehpercayaan sesuatu kajian itu pula merujuk kepada ketekalan sesuatu ukuran dan kestabilan sesuatu ukuran pada sepanjang masa (Cohen et al., 2011). Sekiranya pengukuran yang dilakukan memberikan ukuran yang sama atau hampir sama pada setiap kali pengukuran yang dibuat pada individu yang sama, maka pengukuran itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Maka untuk kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan telah dilaksanakan terhadap kedua-dua jenis data iaitu data kualitatif dan kuantitatif sebelum kajian sebenar dijalankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Ujian Tahap KBAT, Ujian Pra dan Pasca

Kesahan kandungan item-item dalam ujian Tahap KBAT serta Ujian Pra dan Pasca dilaksanakan selepas proses pembangunan item. Menurut Taherdoost (2016), semakan pakar adalah satu keperluan bagi memastikan konstruk yang dibina adalah tepat serta jelas kandungannya. Instrumen ujian KBAT serta Ujian Pra dan Pasca yang telah dibina oleh penyelidik diberikan kepada 7 orang pakar yang mempunyai pengalaman, pengetahuan serta kemahiran untuk disemak serta memberikan komen dan cadangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Darusalam dan Hussin (2018) sesuatu penyelidikan memerlukan 4 atau 5 orang pakar yang boleh memberi pandangan mengenai konstruk -konstruk di dalamnya. Seramai 7 orang pakar ini terdiri daripada 2 pensyarah universiti, 2 Ketua Panitia Matematik dan 3 orang guru yang berpengalaman dalam bidang matematik. Pengubahsuaian item-item dalam ujian KBAT dibuat selepas mendapat maklum balas daripada panel-panel tersebut. Seterusnya beberapa pengubahsuaian telah dibuat terhadap beberapa item merangkumi penggunaan istilah, struktur ayat serta penambahbaikan kepada item-item visual supaya lebih jelas.

Kebolehpercayaan pula merupakan ketekalan atau kestabilan responden dalam memberikan maklum balas merentasi item (Creswell & Creswell, 2018). Maka responden kajian akan memperoleh skor yang sama daripada sesuatu instrumen jika kebolehan individu tersebut adalah tekal dan trait yang diukur itu tidak akan berubah walaupun diuji berkali-kali. Dalam kajian ini, kaedah ketekalan dalaman dalam menentukan pekali kebolehpercayaan dengan mencari pekali alfa yang dikenali sebagai Cronbach Alpha dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* versi 22 digunakan. Kajian Analisis kebolehpercayaan bagi fasa analisis keperluan dan penilaian telah dijalankan dalam kajian ini pada 40 orang murid di Sekolah Kebangsaan Bandar Tun Hussein Onn 2, Cheras, Selangor dalam sebuah kelas yang sedia ada di sekolah tersebut sebanyak dua kali dalam selang masa 1 bulan. Begitu juga dengan ujian pra dan pasca telah diuji kebolehpercayaannya di sekolah yang sama tetapi dengan menggunakan responden kajian dari kelas sedia ada yang berlainan. Bilangan responden bagi ujian pra dan pasca juga terdiri daripada 38 orang murid. Menurut Cooper dan Schindler (2011), bilangan sampel yang sesuai dalam sesuatu kajian rintis adalah antara 25 hingga 100 orang. Johanson dan Brooks (2010),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pula menyatakan bilangan bagi sesuatu kajian rintis diperlukan seramai 30 orang. Nilai kebolehpercayaan bagi ujian KBAT yang diperoleh adalah 0.86 manakala nilai kebolehpercayaan yang diperoleh bagi ujian pra dan pasca ialah 0.78 maka kedua dua instrumen ini adalah boleh dipercayai dan boleh digunakan dalam kajian yang sebenar kerana menurut Miller et al. (2013) dinyatakan bahawa indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu ujian itu adalah memuaskan sekiranya bernilai 0.7 dan ke atas.

3.6.2 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, Kajian Fuzzy Delphi dilaksanakan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk membina instrumen soal selidik dan seterusnya membina Kerangka PVB. Tema- tema yang dicadangkan dalam fasa analisis keperluan iaitu fasa 1, kajian rintis yang dijalankan dan juga berdasarkan tinjauan literatur menjadi dasar kepada soalan temu bual bagi pakar Fuzzy Delphi. Hasil temu bual bersama pakar, kajian kajian rintis dan tinjauan literatur menjadi dasar kepada pembangunan borang soal selidik Fuzzy Delphi. Borang kaji selidik ini seterusnya telah diedarkan kepada 13 orang pakar kajian Fuzzy Delphi. Pakar dalam metodologi Fuzzy Delphi dikenal pasti melalui beberapa langkah yang melibatkan penelitian dan pengumpulan maklumat berkaitan. Pertama, penyelidik melakukan penilaian terperinci terhadap literatur berkaitan, termasuk kajian-kajian lepas dan penyelidikan terkini yang telah diterbitkan dalam bidang Fuzzy Delphi. Langkah seterusnya melibatkan konsultasi dengan pakar yang sudah dikenali dalam bidang ini, yang memberikan pandangan mereka tentang individu yang dianggap sebagai pakar di dalam metodologi Fuzzy Delphi. Selain itu, pengiktirafan dalam komuniti akademik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga diambil kira, di mana pandangan dari komuniti ini membantu menentukan individu yang dianggap sebagai pakar. Akhirnya, penilaian kelayakan dilakukan untuk memastikan individu yang dipilih mempunyai latar belakang akademik dan pengalaman kerja yang sesuai dalam bidang ini. Dengan menggabungkan langkah-langkah ini, penyelidik dapat mengenal pasti dan mendapatkan pandangan dari pakar Fuzzy Delphi yang berkelayakan untuk melibatkan mereka dalam kajian.

Instrumen soal selidik yang dibina adalah berdasarkan kesepakatan, pandangan dan komen panel-panel pakar yang dibentuk. Menurut Syamsul et al. (2015) instrumen yang dibina dengan bantuan kepakaran individu ataupun kumpulan mempunyai tahap kesahan serta kebolehpercayaan yang tinggi. Liu (2015) berpendapat kesepakatan pakar mampu untuk menyelesaikan sesuatu isu yang telah dikenal pasti di mana mereka mempunyai kecekapan dan kemahiran untuk meramal masa depan. Menurut Mohd Nazri (2014) dalam proses pemurnian item soal selidik yang dijalankan perlu menggambarkan proses mengenal pasti, penerangan, perincian dan persetujuan yang dilakukan oleh kalangan panel pakar terhadap item yang dikemukakan dalam soal selidik.

Semasa kajian Fuzzy Delphi dijalankan, pakar kajian berinteraksi dengan item-item soal selidik dengan mengenal pasti tahap persetujuan mereka terhadap setiap satu item. Mereka juga melakukan pengurangan, penambahan dan pemurnian item sekiranya mereka berpendapat tindakan itu adalah diperlukan. Item-item tersebut seterusnya diuji kesahannya pula dari aspek kesahan isi kandungan meliputi proses memantapkan pernyataan, penggunaan laras bahasa yang bertepatan dengan bahasa pendidikan dan kejelasan maksud bagi setiap satu item. Berikut merupakan skala Likert tujuh poin yang menggambarkan tahap persetujuan mereka iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Skala Likert Tujuh Poin

Skala	Aras Persetujuan
1	Sangat Sangat Tidak Setuju
2	Sangat Tidak Setuju
3	Tidak Setuju
4	Sederhana Setuju
5	Setuju
6	Sangat Setuju
7	Sangat Sangat Setuju

Perincian penganalisisan terhadap item instrumen soal selidik bagi sesi kajian Fuzzy Delphi ini ditunjukkan dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6

Perincian Penganalisisan Terhadap Item Instrumen Soal Selidik Bagi Sesi Kajian Fuzzy Delphi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen	Sub Elemen
Melukis	1. Memahami soalan yang diberikan
	2. Menganggar saiz PVB yang sesuai mengikut maklumat soalan
	3. Melukis PVB dan label mengikut maklumat yang diberi
Menyusun	4. Memahami pengurutan soalan
	5. Menyusun PVB mengikut urutan soalan
Mengenal Pasti	6. Mengenal pasti kehendak soalan
	7. Mengenal pasti bahagian yang hendak dicari pada PVB
	8. Melorek bahagian yang hendak dicari pada PVB
Merancang	9. Merancang operasi yang perlu digunakan bagi mencari bahagian yang dilorek
	10. Menulis ayat matematik
Menyelesaikan	11. Menyelesaikan ayat matematik
	12. Mencari nilai bagi bahagian berlorek

Merujuk kepada Jadual 3.6, item-item instrumen soal selidik dalam kajian Fuzzy Delphi mengandungi 5 konstruk utama iaitu melukis, menyusun, mengenal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pasti, merancang dan menyelesaikan. Pemilihan elemen dan sub elemen ini dilakukan melalui analisis terperinci terhadap proses penyelesaian masalah matematik menggunakan kaedah PVB (Perwakilan Visual Bar). Proses ini melibatkan langkah-langkah yang diperlukan untuk memahami, menyusun, mengenal pasti, merancang, dan menyelesaikan masalah matematik dengan menggunakan model PVB. Pertama, elemen-elemen utama yang menyusun proses penyelesaian masalah matematik diidentifikasi, seperti melukis, menyusun, mengenal pasti, merancang, dan menyelesaikan. Setiap elemen ini kemudian diuraikan lebih terperinci menjadi sub elemen yang mewakili langkah-langkah spesifik dalam setiap proses. Misalnya, dalam elemen "Melukis", sub elemen termasuk memahami soalan, menganggar saiz PVB yang sesuai, dan melukis PVB dengan label. Proses ini memastikan bahawa setiap aspek penting dalam proses penyelesaian masalah menggunakan PVB diperincikan dengan jelas dan dapat dinilai dengan betul dalam kajian yang dijalankan.

Kajian ini telah menggunakan langkah-langkah kaedah Fuzzy Delphi untuk mendapatkan kesahan instrumen soal selidik berdasarkan kesepakatan pakar Fuzzy Delphi seperti yang telah dicadangkan oleh Saedah et al. (2013), Mohd Ridhuan et al. (2014) dan Syamsul et al. (2015):

i. Membentuk soalan-soalan soal selidik Fuzzy Delphi berdasarkan temu bual pakar di pusingan pertama. Skala *likert* 7 mata digunakan dalam soal selidik ini bagi mengukur tahap persetujuan pakar.
ii. Pertemuan bersemuka dengan 13 orang pakar dalam bidang Pendidikan matematik bagi menentukan kriteria penilaian pemboleh ubah yang diukur menggunakan pemboleh ubah linguistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Menukarkan kesemua pemboleh ubah linguistik ke dalam bentuk penomboran segi tiga fuzzy (triangular fuzzy numbers). Ia merupakan andaian nombor fuzzy r_{ij} adalah pemboleh ubah bagi setiap kriteria yang dinilai pakar.

=1,…..,m, j=1,…..n, k=1…..,dan $r_{ij}=1/K(r^2_{ij}\pm r^2_{ij}\pm r^k_{ij})$.

Jadual 3.7

Aras Persetujuan Bagi 7 Skala Likert

Tahap Persetujuan dan Skala *Fuzzy* Bagi 7 Skala Likert		
Pemboleh ubah linguistik	**Skala likert**	**Skala *fuzzy***
Sangat-sangat tidak setuju	1	(0.0,0.0,0.1)
Sangat tidak setuju	2	(0.0,0.1,0.3)
Tidak setuju	3	(0.1,0.3,0.5)
Kurang setuju	4	(0.3,0.5,0.7)
Setuju	5	(0.5,0.7,0.9)
Sangat setuju	6	(0.7,0.9,1.0)
Sangat-sangat setuju	7	(0.9,1.0,1.0)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Semua data dan maklumat dianalisis dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel* (bagi mendapatkan nilai *threshold (d))*. Sebagai mematuhi syarat kesepakatan pakar seperti yang dinyatakan oleh Setiawan et al. (2020). Bagi setiap pakar, kaedah *vertex* digunakan untuk mengira jarak di antara nilai threshold yang disarankan adalah $d \leq 0.2$ dan kesepakatan kumpulan pakar mencapai nilai $\geq 75\%$. Jarak bagi dua nombor fuzzy m=(m1,m2,m3) dan n=(m1,m2,m3) dikira menggunakan rumus berikut:

$$\sqrt{d(\bar{m},\bar{n}) = \frac{1}{3}\left[(m_1-n_1)^2+(m_2-n_2)^2(m_3-n_3)^2\right]}$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Mengira agregat penilaian fuzzy untuk menentukan nilai skor serta kedudukan setiap item berikut:

$$A = \begin{bmatrix} \bar{A}_1 \\ \bar{A}_2 \\ \vdots \\ \bar{A}_m \end{bmatrix}$$

$$i = 1,\ldots,m$$

Pengiraan dan penentuan nilai fuzzy adalah dengan menggunakan rumus:

$$A_{max} = \frac{1}{4}(m_1 + m_2 + m_3)$$

vi. Menentukan nilai skor dan kedudukan setiap satu item dengan menggunakan proses *defuzzification* atau *average fuzzy numbers* berdasarkan rumus seperti proses penilaian fuzzy = (A1, A2,A3) dalam langkah V.

vii. Menentukan nilai skor dan kedudukan bagi setiap item dengan menggunakan proses *defuzzification* atau *average fuzzy numbers* iaitu dengan menggunakan rumus proses penilaian fuzzy A_{max}=(A1,A2,A3) di dalam langkah V.

Konstruk-konstruk yang telah mendapat kesepakatan dan yang telah disahkan oleh 13 orang pakar Fuzzy Delphi ini seterusnya menjadi konstruk dan item bagi instrumen soal selidik yang digunakan dalam fasa 3 iaitu fasa penilaian kebolehgunaan model. Berdasarkan langkah- langkah pengiraan Fuzzy Delphi seperti yang telah dinyatakan di atas dan juga komen pakar- pakar Fuzzy Delphi, sebanyak 17 item telah mendapat kesepakatan pakar melebihi nilai 65% dan nilai *defuzzification* bagi setiap item juga melebihi nilai α-cut=0.5. Hasil daripada kefahaman pakar, komen dan pendapat yang diberikan untuk meningkatkan lagi kesahan kandungan. Antara cadangan dan komen yang diberikan adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Menukar beberapa istilah agar lebih bersesuaian dengan aras murid: Untuk memastikan pemahaman yang lebih baik dari murid, istilah yang digunakan perlu disesuaikan dengan aras pemahaman mereka. Ini mungkin termasuk menggantikan istilah yang mungkin terlalu teknikal atau sukar difahami dengan istilah yang lebih sederhana dan sesuai untuk tahap pembelajaran mereka.

ii. Menambahkan beberapa sub elemen: Untuk memperkaya lagi kandungan dan memastikan semua aspek penting dari setiap proses dalam penyelesaian masalah menggunakan PVB dicakupi, penambahan sub elemen diperlukan. Ini boleh termasuk menambah langkah-langkah tambahan dalam setiap elemen atau mengenalpasti aspek-aspek yang belum diperhatikan sebelum ini.

iii. Item dan sub-item jelas dan mudah difahami: Komen ini menekankan pentingnya memastikan bahawa setiap item dan sub-item dalam kandungan mudah difahami oleh murid. Ini boleh melibatkan penyusunan semula atau penyederhanaan bahasa, penjelasan yang lebih terperinci, atau menggunakan contoh untuk membantu klarifikasi.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

3.7 Ancaman Kajian Kuasi Eksperimental

Bagi kesahan dalaman, penyelidik cuba mengurangkan ancaman-ancaman dengan melakukan tindakan-tindakan seperti yang dinyatakan di bawah bagi menunjukkan ancaman serta langkah dalam mengawal kesahan dalaman:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Bagi ancaman pemilihan peserta, dapatan kajian yang berbeza berlaku apabila kumpulan murid yang terlibat dalam eksperimen adalah berbeza sebelum kajian bermula (Setyarini & Ling, 2019). Bagi mengawal ancaman ini, kajian ini telah memilih sekolah kebangsaan yang mempunyai tahap pencapaian murid yang setara serta mempunyai ciri-ciri yang sama berdasarkan keputusan peperiksaan UPSR 2017. Pemilihan sekolah kebangsaan juga dilakukan secara rawak untuk kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ujian KBAT juga ditadbir kepada kedua-dua kumpulan bagi tujuan melihat kesetaraan antara murid pada kedua-dua kumpulan.

ii. Bagi ancaman sejarah merujuk kepada peristiwa yang berlaku di mana bukannya sebahagian daripada rawatan tetapi berlaku pada masa kajian dan memberi kesan pada pemboleh ubah bersandar (Syafryadin et al., 2021). Lebih lama tempoh rawatan yang diberikan, lebih besar kemungkinan ancaman sejarah yang boleh berlaku terhadap kajian. Bagi mengawal ancaman ini, langkah yang diambil adalah jangka masa rawatan yang dilaksanakan dalam kajian ini merupakan jangka masa yang bersesuaian iaitu tidak terlalu singkat dan tidak terlalu lama iaitu selama sepuluh minggu. Sampel kajian juga dipastikan agar mereka tidak terlibat dengan aktiviti luar sekolah yang mempengaruhi tempoh masa bagi kajian ini.

iii. Bagi ancaman kematangan, ia merujuk kepada kematangan emosi dan fizikal yang semula jadi dalam tempoh masa tertentu (Uril et al., 2020). Proses perubahan ini berlaku dalam diri seseorang individu dan ini boleh memberi kesan kepada ujian pasca. Untuk mengawal ancaman ini, masalah ini diatasi dengan memilih kumpulan kawalan yang mempunyai keupayaan yang setara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan kumpulan rawatan. Perbandingan dengan kumpulan kawalan secara tidak langsung boleh memastikan sebarang perubahan yang berlaku ke atas kumpulan rawatan adalah disebabkan oleh rawatan diberikan dalam kajian ini.

iv. Bagi ancaman penilaian merujuk kepada peningkatan skor peserta dalam ujian pasca hasil daripada pengambilan ujian pra (Ndoen, 2022). Peserta yang telah mengambil ujian pra mungkin akan berusaha dengan lebih gigih atau mengingat soalan bagi memperoleh skor yang lebih tinggi dalam ujian pasca. Penilaian akan menjadi ancaman apabila tempoh rawatan terlalu singkat dan ujian yang diberikan adalah berbentuk ingatan semula. Masalah ini diatasi dengan membina item-item soalan ujian pencapaian yang mempunyai pelbagai aras kesukaran dan tidak hanya soalan berbentuk mengingat semula, tetapi pada aras KBAT yang berbeza. Selain itu, susunan setiap item juga disusun semula kedudukan antara ujian pra dan ujian pasca.

v. Bagi ancaman instrumen kajian, ia merujuk kepada ketidakbolehpercayaan atau ketidaktekalan dalam instrumen pengukuran yang boleh membawa kesan kepada pentaksiran yang tidak sah terhadap prestasi sampel kajian (Nur Alvian et al., 2021). Untuk ancaman ini, langkah diambil ialah dengan mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan setiap instrumen yang digunakan melalui pakar penilai. Sebelum instrumen dilaksanakan ia terlebih dahulu memperoleh kesahan muka dan kesahan kandungan. Ujian rintis juga perlu dilaksanakan bertujuan menguji kebolehpercayaan instrumen tersebut sebelum digunakan dalam kajian sebenar. Langkah ini adalah bertujuan mengelakkan instrumen tersebut tidak mengukur apa yang sepatutnya diukur atau dengan kata lain tidak mengukur dengan cara yang sama apabila dibuat pada kali kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Bagi ancaman *mortality* ia merujuk kepada kes di mana peserta menarik diri daripada kajian atau telah dipilih keluar dari kumpulan semasa kajian sedang berlangsung. Kekurangan sample kajian boleh mempengaruhi hasil dapatan. Maka *mortality* dalam kajian perlu dielakkan daripada kerana kekurangan sampel boleh mengancam kesahan dalam kajian eksperimen (Nuryati & Daarsinah, 2021). Bagi mengatasi ancaman ini, penyelidik melibatkan bilangan sampel yang besar iaitu 70 peserta iaitu lebih daripada mencukupi dalam suatu kajian eksperimen. Di samping itu, sampel kajian diwajibkan hadir sepanjang rawatan dijalankan. Memandangkan rawatan dilaksanakan dalam waktu persekolahan, ini akan membantu dalam melicinkan lagi rawatan yang dijalankan dalam aspek kehadiran murid. Pentadbiran ujian pra dan pasca juga diadakan pada waktu persekolahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vii. Bagi ancaman pencemaran rawatan berlaku apabila kumpulan rawatan yang berbeza berinteraksi sesama mereka tentang rawatan yang diterima (Rahmah & Irawati, 2019). Ini menyebabkan sampel kajian terdedah dengan unsur-unsur rawatan yang sepatutnya tidak diterima oleh mereka. Maka kesan suatu rawatan terhadap pemboleh ubah bersandar sukar untuk ditentukan. Untuk ancaman ini, setiap kumpulan yang terlibat dengan kajian datang dari sekolah yang berbeza. Ini adalah bagi mengelakkan daripada murid dari satu kumpulan yang menerima rawatan tertentu berinteraksi dengan murid lain dari kumpulan yang menerima rawatan yang berbeza. Selain itu, murid tidak dimaklumkan secara langsung tentang rawatan yang dilaksanakan terhadap mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala kesahan luaran bagi suatu kajian eksperimen merujuk pada sejauh mana inferens boleh dibuat terhadap populasi berasaskan dapatan bagi suatu kajian. Ini bermaksud kesahan luaran menumpu kepada ancaman – ancaman yang menghalang dapatan kajian bagi membuat inferens kepada populasi secara umum. Dalam kajian ini, penyelidik cuba bagi mengurangkan ancaman- ancaman tersebut dengan melaksanakan tindakan-tindakan seperti yang dinyatakan di bawah:

i. Bagi ancaman spesifikasi ke atas pemboleh ubah - pemboleh ubah yang dikaji terdapat generalisasi keputusan kajian (Rannikmäe et al., 2020). Bagi mengawal ancaman ini, ciri peserta kajian, pemboleh ubah bersandar, pemboleh ubah tidak bersandar, waktu menjalankan penyelidikan, tatacara kajian serta rawatan dan konteks kajian berkenaan dijalankan dan dihuraikan secara terperinci. Ini adalah bagi membolehkan penyelidik lain memahami kajian yang dilakukan. Huraian secara terperinci membenarkan individu yang berminat dengan kajian ini dapat menilai sejauh mana dapatan ini digunakan untuk situasi yang lain.

ii. Ancaman pencemaran rawatan berlaku apabila kumpulan rawatan yang berbeza berkomunikasi antara mereka tentang jenis rawatan yang diterima (Suci & Taufina, 2020). Bagi mengawal ancaman ini, setiap kumpulan yang terlibat dengan kajian datang dari sekolah yang berbeza. Ini dilakukan bagi mengelakkan murid dari satu kumpulan menerima rawatan yang berbeza terdedah dengan unsur rawatan yang sepatutnya tidak diterima oleh mereka. Oleh itu, kesan suatu jenis rawatan terhadap pemboleh ubah bersandar sukar ditentukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Bagi ancaman kesan penyelidik berlaku apabila penyelidikan secara tidak sedar (Sundari & Fauziati, 2021). Bagi mengawal ancaman ini, semasa mentadbir ujian pra dan ujian pasca, penyelidik tidak melibatkan diri. Ujian dilaksanakan oleh guru-guru yang berkenaan. Sampel kajian tidak dibenarkan menulis nama sebenar semasa menjawab kertas soalan. Pengenalan murid adalah berdasarkan kod yang diberikan kepada setiap murid.

iv. Ancaman kesan peserta kajian yang merujuk kepada kewujudan kesan *hawtorne* dan kesan *novelty* (Utami et al., 2022). Kesan *hawtorne* merujuk kepada perubahan tingkah laku peserta kajian bukan dipengaruhi oleh rawatan tetapi disebabkan mereka mengetahui bahawa mereka terlibat dengan kajian. Kesan *novelty* merujuk kepada peningkatan minat, motivasi dan pelbagai peserta kajian mereka melakukan suatu kajian yang berbeza dengan aktiviti yang biasa dilakukan sebelum ini. Bagi ancaman ini, perkara ini diatasi dengan menjalankan kajian kepada dua kumpulan berbeza lokasi.

v. Ancaman interaksi pemilihan rawatan berlaku apabila keputusan kajian yang diperoleh hanya boleh digunakan pada kumpulan peserta kajian dan tidak mewakili kesan rawatan terhadap populasi yang lebih besar (Wijayanti et al., 2022). Bagi mengatasi ancaman ini, pemilihan peserta dilaksanakan pada kelas sedia ada yang mempunyai pelbagai peringkat pencapaian dan tahap kebolehan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan secara berperingkat. Kesemuanya mempunyai tiga peringkat dalam menjalankan kajian ini. Ketiga-tiga peringkat tersebut ialah analisis keperluan, mereka bentuk dan pembangunan kerangka PVB, pelaksanaan dan penilaian kerangka PVB.

Fasa pertama dalam kajian ini ialah analisis keperluan. Dalam fasa ini, kajian ini melihat tahap KBAT matematik sedia ada murid Tahun 4 serta meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah dalam mata pelajaran matematik. Ujian Tahap KBAT matematik bagi murid Tahun 4 ini terdiri daripada soalan-soalan KBAT dari sukatan Tahun 3. Ujian ini diberikan kepada semua murid Tahun 4 di sekolah kumpulan kawalan dan sekolah kumpulan rawatan. Tujuan ujian ini ialah bagi melihat dan mengenal pasti kumpulan kelas murid yang mempunyai pencapaian yang hampir sama bagi dijadikan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Fasa kedua dalam kajian ini ialah mereka bentuk dan pembangunan kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik. Fasa ini diterangkan dalam bab 5 iaitu dalam reka bentuk dan pembangunan.

Fasa tiga dalam kajian ini ialah mengkaji keberkesanan kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik. Kajian ini memilih satu kumpulan kawalan dan satu kumpulan rawatan berdasarkan kelas sedia ada mereka yang terdiri daripada murid Tahun 4. Murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan terdiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada dua sekolah yang berbeza. Pemilihan kelas dilakukan secara rawak kerana kajian yang dilakukan ini merupakan kajian kuasi eksperimental. Pemilihan secara rawak yang dilakukan ialah melalui cabutan. Jumlah responden bagi kumpulan kawalan ialah seramai 37 orang murid dan bagi kumpulan rawatan juga 38 orang murid. Kemudian setiap peserta dalam kumpulan kawalan dan rawatan kajian diberikan ujian pra. Ujian pra ini dijalankan serentak dan masa yang diperuntukkan untuk ujian pra ialah selama 40 minit. Kertas ujian peserta kemudian dikumpul dan jawapan ujian ini tidak dibincangkan bersama murid.

Aktiviti PdPc bagi kedua-dua kumpulan dimulakan. PdPc bagi kedua-dua kumpulan ini dijalankan berdasarkan pada RPH yang disediakan. Kumpulan kawalan menggunakan kaedah konvensional manakala kumpulan rawatan menggunakan kaedah PVB bagi menyelesaikan penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik. PdPc bagi kedua-dua kumpulan ini dipantau oleh ketua panitia dan pentadbir bagi memastikan PdPc dijalankan sepertimana dirancang dalam RPH. RPH bagi PdPc ini dirancang dan dibina dengan mengaplikasikan teori pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran abad ke-21.

Setelah selesai perlaksanaan PdPc yang dirancangkan pada hujung minggu kesepuluh, ujian pasca diberikan kepada murid dalam kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Soal selidik ringkas diberikan kepada murid di kumpulan rawatan bagi melihat pandangan murid terhadap kerangka PVB dalam penyelesaian masalah berbentuk KBAT PdPc matematik. Selain itu, penyelidik turut menjalankan temu bual dengan lima orang guru yang terlibat bagi menilai keberkesanan kerangka PVB dari segi kelebihan dan kekurangan kerangka tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 PENGUMPULAN DATA

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk mengumpulkan data. Tanpa sebarang gangguan penyelidik, pendekatan kualitatif memberikan penjelasan menyeluruh tentang masalah tersebut. Menurut Nur dan Muhammad (2020), teknik penyelidikan kualitatif kadangkala dirujuk sebagai pendekatan naturalistik, tidak konvensional, artistik, holistik, deskriptif, dan etnografi. Menurut Nur Shahirah dan Zamri (2021), penyelidikan kualitatif melibatkan pemerhati di dunia. Untuk memahami peristiwa dan menghasilkan makna, penyelidikan kualitatif melihat sesuatu dalam persekitaran semula jadinya. Menurut Purnamasari dan Hafnita (2019), penyelidikan kualitatif adalah satu bentuk menyeluruh yang melindungi pelbagai strategi interpretatif untuk menerangkan, mentranskripsi, menterjemah, dan membina makna dan bukannya untuk kekerapan kejadian yang berlaku secara spontan dalam dunia sosial (Ugartini, 2021). Zaharah Hussin et al. (2019) menegaskan bahawa penyelidik kualitatif berminat untuk memahami bagaimana seseorang individu membina makna, atau bagaimana mereka memahami pengetahuan yang mereka perolehi tentang dunia luar. Berdasarkan kualiti kaedah kualitatif yang diberikan oleh Zulkifli et al. (2020), kaedah kualitatif sesuai diaplikasikan dalam kajian ini. Ciri-ciri kualitatif boleh diringkaskan seperti berikut.

3.9.1 Latar Semula Jadi *(Natural Setting)*

Menurut Li (2021), pengkaji menjalankan kajian ditempat responden yang terlibat secara langsung dalam isu atau masalah yang hendak dikaji. Maklumat dikumpul terus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada responden melalui pemerhatian tingkah laku dan tindakan mereka dalam bidang yang diceburi. Pengkaji mempunyai interaksi terus, yakni interaksi bersemuka *'face to face'* dengan responden. Menurut Pak et al. (2020), kajian kuantitatif biasanya disebut sebagai kajian bidang *'field'*. Beliau percaya bahwa tingkah laku mudah dipahami tanpa halangan dan kawalan. Konteks situasi adalah penting dalam memahami tingkah laku. Tingkah laku adalah sukar dipahami sekiranya konteks situasi tidak diambil kira dalam penyelidikan.

Dalam kajian ini sekolah merupakan lokasi yang membolehkan pengkaji mengumpul maklumat daripada responden yang terpilih. Bilik darjah merupakan latar semula jadi yang membolehkan pembangunan kerangka PVB bagi membantu murid meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah berasaskan KBAT. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah membolehkan penyelidik mengumpul maklumat tentang penggunaan kerangka daripada responden.

3.9.2 Pengkaji Merupakan Alat Utama *(Researcher As Key Instrument)*

Ponniah et al. (2019) menyatakan bahawa penyelidik mengumpul data melalui pemeriksaan dokumen, pemerhatian, dan temu duga dengan responden. Pengkaji akan menggunakan protokol, iaitu instrumen untuk mengumpul data dengan usaha sendiri. Pengkaji tidak memakai soal selidik atau instrumen yang diteroka oleh penyelidik lain. Menurut Rahmayanti et al. (2020), pengkaji mendapatkan maklumat terus dari pada sumber. Mereka menghabiskan masa untuk berinteraksi dengan latar, responden, dan dokumen yang berkaitan dengan kajian. Menurut Savina (2019),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memandangkan pemahaman merupakan maklumat kajian, manusia sebagai instrumen yang boleh bertindak secara responsif dan membuat penyesuaian segera merupakan cara yang ideal dalam mengumpul maklumat dan menganalisis data. Faedah yang lain ialah, pengkaji dapat memanjangkan pemahaman mereka melalui komunikasi verbal dan bukan verbal, memproses data segera, menjelaskan dan merumuskan maklumat, menyemak ketepatan tafsiran dengan responden, dan meneroka respons yang tidak normal dan tidak dijangka.

Dalam kajian ini, temu bual separa berstruktur telah digunakan oleh pengkaji sebagai instrumen bagi kajian kualitatif untuk memperoleh maklumat di dalam bilik darjah. Pengkaji telah mengumpul dan menganalisis data terus daripada responden berkaitan dengan kerangka PVB yang diimplementasikan. Justifikasi penggunaan pengkaji mentadbir sendiri kumpulan rawatan dalam kajian ini disokong oleh keperluan untuk memastikan konsistensi, kebolehpercayaan, dan relevansi data yang diperoleh, serta untuk meningkatkan kredibiliti kajian secara keseluruhan (Patton, 2015). Sokongan untuk kepentingan penggunaan metodologi ini dalam kajian kualitatif juga dapat diperoleh daripada literatur yang menggariskan kelebihan dan kepentingannya dalam konteks penyelidikan kualitatif (Miles et al., 2019).

3.9.3 Maksud Peserta (*Participants Meanings*)

Menurut Creswell dan Poth (2018), kajian ini cuba untuk membina semula realiti agar responden kajian dapat melihatnya. Mereka tidak mengaplikasikan definisi yang telah ditetapkan atau idea tentang cara manusia berfikir atau bertindak. Matlamat kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kualitatif adalah untuk melihat memahami pandangan responden. Dengan kata lain, fokusnya adalah pandangan peristiwa dan tindakan yang ditonjolkan oleh responden. Shafie et al. (2019) berpendapat bahawa pertimbangan penting dalam kajian ini ialah pemahaman terhadap fenomena dari pada perspektif responden, bukannya dari pada perspektif pengkaji. Hal ini merujuk 'emic' atau perspektif dari pada orang dalam bukannya dari pada 'etic' orang luar. Dalam proses penyelidikan, pengkaji akan mengerti maksud responden terhadap sesuatu isu atau masalah bukan mengikut maksud pengkaji sendiri atau hasil kajian literatur yang dibuat oleh penulis lain (Sumardi et al., 2020).

Dalam kajian ini, pengkaji telah mempertimbangkan pendapat atau pandangan dari pada responden tentang kepenggunaan kerangka PVB yang dibangunkan. Hal ini disebabkan kajian ini ingin memahami pengetahuan dan pengalaman responden terhadap kerangka PVB yang diimplementasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

3.9.4 Data daripada Pebagai Sumber *(Multiple Sources of Data)*

Menurut Tai et al. (2022), pelbagai cara boleh digunakan untuk mengumpul data. Dalam proses pembangunan kerangka PVB bagi murid tahun 4 ini, kajian ini mengumpulkan pelbagai data melalui temu bual separa berstruktur kemudian membuat kategori data yang dikutip berdasarkan tema tertentu. Data yang dikumpul telah diterjemah untuk membina kefahaman yang terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.5 Menganalisis Data secara Induktif *(Inductive Data Analysis)*

Caena dan Redecker (2019) menyatakan bahawa kajian ini membentuk dan mengkategori tema berlandaskan data yang dikumpul secara induktif *(hottom-up)*. Menurut Kim (2020), data dikumpul dan kemudian disintesis secara induktif untuk membuat generalisasi model, atau kerangka kerja. Kaedah ini penting kerana kajian ini ingin membuka pemahaman baharu. Kajian ini mengumpul data untuk membina konsep, hipotesis, atau teori. Kajian ini membina teori melalui pemerhatian dan pemahaman intuitif daripada bidang yang dikaji (Kim et al., 2019). Dalam kajian ini. Kajian ini mengumpul, menggabung dan menganalisis data melalui temu bual separa berstruktur yang berkaitan secara induktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.6 Kemunculan Corak Baharu *(Emergent Design)*

Proses kajian kualitatif bersifat 'emergent'. Hal ini bermakna rancangan asal kajian ini tidak akan berkekalan. Perubahan akan berlaku setelah kajian ini mula mengumpul data. Idea tersirat bagi kajian kualitatif ialah mempelajari masalah atau isu daripada responden dan membantu kajian ini mendapatkan maklumat (Konig et al., 2020). Kajian ini akan mula mengkaji idea tentang data yang perlu dikumpul dan prosedur yang perlu diaplikasikan, tetapi kaedah ialah retrospektif setelah semua data dikumpul.

Dalam kajian ini, data baharu yang muncul dalam proses temu bual telah dikumpulkan dan dianalisis oleh pengkaji Usaha penyesuaian, perubahan, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penambahbaikan telah dilaksanakan oleh pengkaji dalam proses pembangunan kerangka PVB. Kajian ini mendapat perspektif baharu daripada responden tentang isu atau masalah dalam kajian ini. Pengkaji lebih faham tentang perspektif yang terhasil melalui kajian yang dilaksanakan terhadap responden.

3.9.7 Teoritikal (Theoretical Lens)

Kajian ini mengaplikasikan kanta teoritikal seperti konsep budaya, etnografi, jantina, kaum, kelas yang berbeza untuk meninjau kajiannya. Masalah sosial, politik, dan konteks sejarah boleh dikenal pasti melalui kajian kualitatif (Norezan et al., 2019). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kanta teoritikal untuk membangunkan kerangka PVB bagi membantu murid dalam meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah berasaskan KBAT.

3.9.8 Pengiraan Holistik *(Holistic Acount)*

Kajian ini akan membuat penjelasan terhadap isu atau masalah yang diselidik. Proses ini merangkumi kerja membuat laporan terhadap berbagai-bagai perspektif,mengetahui punca yang terlibat, dan menghasilkan pendapat umum. (Nurfaradilla et al., 2020). Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis data daripada pelbagai perspektif, mengenal pasti punca yang terlibat, dan melakarkan pandangan umum yang muncul dalam pembangunan kerangka PVB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.9 Kaya dengan Diskripsi Naratif *(Rich Naratif Descriptions)*

Perkataan dan gambaran digunakan untuk menyampaikan apa-apa yang telah dipelajari oleh kajian ini terhadap sesuatu fenomena. Deskripsi inimelibatkan konteks, peserta yang terlibat, dan aktiviti yang diminati. Tambahan pula, data dalam bentuk dokumen, nota bidang 'field notes', temu bual, video, komunikasi elektronik, atau kombinasi daripada semua biasanya dimasukkan untuk menyokong dapatan kajian (Seema & Nangia, 2020). Deskripsi menangkap apa-apa yang diperhatikan dalam bentuk semula jadi. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lengkap terhadap latar dan mencerminkan tingkah laku manusia yang kompleks (Umi Kalsom et al., 2019). Dalam kajian ini, pengkaji menyampaikan data yang dikumpul dalam bentuk naratif secara mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.10 Proses Orientasi (Process Orientation)

Kajian ini ingin melihat cara dan sebab tingkah laku wujud. Kaedah kualitatif melihat proses melalui tingkah laku yang muncul dan bukan hanya hasil atau produk (Ali, 2019). Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat kepenggunaan kerangka PVB berdasarkan retrospeksi murid-murid tahun 4 yang telah menggunakan kerangka PVB yang dibangunkan.

Kajian ini juga menggunakan metodologi kuantitatif. Zarina dan Wan Muna (2021) menyatakan bahawa strategi penetapan, yang melibatkan memanipulasi pemboleh ubah dalam konteks eksperimen, adalah asas kepada pendekatan kuantitatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Hussein & Oleiwi, 2021). Keputusan diambil untuk mengumpulkan maklumat melalui penilaian objektif yang boleh dihuraikan kepada dunia luar. Kaedah yang dirancang merangkumi perubahan kuantiti dan saiz sampel yang besar supaya kesimpulan tentang populasi boleh dibuat.

Dengan menganalisis korelasi antara pemboleh ubah, penyelidikan kuantitatif, menurut Kurniawan et al. (2021), meletakkan matlamat teori untuk ujian. Instrumen boleh digunakan untuk mengukur pemboleh ubah, membolehkan teknik statistik digunakan untuk menganalisis data. Laporan akhir merangkumi beberapa elemen, termasuk pengenalan, perbincangan, metodologi, literatur dan teori, dan keputusan (Kusuma & Dianne, 2020).

Berdasarkan faedah penggunaannya yang digariskan oleh Mainali et al. (2021), kaedah ini dipilih untuk kajian ini. Faedah ini termasuk keupayaan untuk mengesahkan dan mengesahkan teori yang telah dibangunkan tentang bagaimana dan mengapa sesuatu peristiwa, menguji hipotesis yang telah dibentuk sebelum data dikumpulkan, dan membuat generalisasi keputusan. Apabila kajian telah digunakan pada banyak populasi dan sub populasi yang berbeza, data berdasarkan saiz sampel rawak yang mencukupi boleh menyamaratakan dapatan kajian, dan ia adalah penting untuk memperoleh data apabila ramalan kuantitatif dibuat. Satu atau lebih kepercayaan boleh mewujudkan hubungan sebab dan akibat apabila pengkaji menciptakan keadaan yang menghilangkan kesan mengelirukan beberapa pemboleh ubah. Dengan teknik kuantitatif, pengumpulan data berlaku dengan cepat. Pendekatan ini menawarkan kekuatan yang tepat, kuantitatif dan berangka. Proses analisis data dengan menggunakan "perisian" statistik adalah pantas. Dapatan kajian juga boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan untuk mengkaji sejumlah besar orang dan mungkin mempunyai kredibiliti yang lebih tinggi dengan ramai orang yang berpengaruh (seperti pentadbir, penggubal undang-undang dan pembiaya program) kerana mereka bebas daripada pengkaji (cth, signifikan secara statistik).

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini dilakukan secara langsung. Ini dilakukan oleh seorang guru yang berpengalaman yang mengajar di sekolah kumpulan kawalan. Bagi kumpulan rawatan, pengkaji mentadbir sendiri kerana beliau mempunyai kepakaran dalan bidang ini. Bagi melatih pentadbir baharu, ianya akan memakan masa dan komitmen yang tinggi. Kirk (2021) turut menegaskan bahawa pengkaji sebagai pentadbir dalam sesuatu kajian boleh memastikan kesahan dalaman kajian tersebut . Kaedah ini dipilih kerana ia mengurangkan maklum balas yang tidak sesuai. Kaedah ini juga memberi penguasaan yang lebih tinggi kepada pengkaji ke atas persekitaran di mana penyelidikan dijalankan. Bagi mengelakkan sebarang bias dalam kajian ini, pemantauan dilakukan dari masa ke semasa oleh ketua panitia atau pentadbir.

Pengumpulan data dimulakan dengan mendapatkan kebenaran dari EPRD. Selepas menerima kelulusan dari EPRD, penulis menulis surat meminta kebenaran kepada Jabatan Pendidikan wilayah Persekutuan dan Pejabat Pelajaran Wilayah Bangsar dan Pudu. Seterusnya pengkaji bertemu dengan Guru Besar kedua-dua sekolah iaitu bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan untuk meminta kebenaran dan berbincang tentang perjalanan kajian. Pengkaji juga berjumpa dengan Guru Penolong Kanan dan Ketua Panitia bagi membincangkan tentang perjalanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian dan RPH. Mereka juga di beritahu mengenai prosedur melakukan pemantauan PdPc sepertimana dalam kajian ini.

Kajian dimulakan dengan instrumen ujian pra dijalankan di peringkat awal. Kemudian PdPc dijalankan seperti dirancang dalam RPH. Bagi kumpulan kawalan, kaedah konvensional digunakan manakala bagi kumpulan rawatan kaedah PVB didedahkan kepada murid. Pada penghujung PdPc iaitu hujung minggu kesepuluh, ujian pasca diberikan kepada murid di kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

3.10 Penganalisisan Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penganalisisan data dalam kajian ini ialah dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif. Analisis data secara kuantitatif dijalankan terhadap ujian tahap KBAT murid, ujian pra dan pasca serta soal selidik ringkas. Data yang diperoleh melalui kajian ini dianalisis bagi mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian. Manakala analisis tematik pula dijalankan bagi meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah dalam mata pelajaran matematik dan persepsi guru terhadap kerangka PVB yang dibangunkan.

Ujian tahap KBAT dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 22. Data dianalisis bagi mencari skor min bagi pencapaian murid dikenal pasti. Skor min menentukan purata markah bagi semua murid yang mengambil ujian tersebut. Bagi ujian pra dan pasca, data dianalisis secara kuantitatif berdasarkan analisis deskriptif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan juga statistik infreksi parametik. Pencapaian peserta dari kumpulan kawalan dan rawatan diuji dan disemak. Markah bagi kedua-dua kumpulan di banding dan dianalisis menggunakan ujian *t* tidak bersandar. Menurut Moleko et al. (2021), ujian t dijalankan bagi mengesan wujud perbezaan antara dua kumpulan.

Analisis statistik inferensi parameter pula digunakan bagi melihat keberkesanan penggunaan kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT PdPc matematik. Ujian yang dijalankan ialah ujian *t* bersandar, ujian *t* berpasangan dan ujian t tidak bersandar. Andaian bagi ujian ini adalah asas kepada analisis statistik yang dijalankan untuk menentukan perbezaan atau kesan intervensi (Greco et al., 2019). Pertama, untuk ujian t bersandar, diandaikan bahawa data dari kedua-dua kumpulan (rawatan dan kawalan) adalah berdistribusi secara normal, varians kedua-dua kumpulan adalah sama, dan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah independen satu sama lain (Zaini, 2020). Kedua, dalam ujian t berpasangan, diasumsikan bahawa data sebelum dan selepas intervensi adalah berdistribusi secara normal, perbezaan antara data sebelum dan selepas adalah berdistribusi normal, dan data sebelum dan selepas adalah pasangan atau berkait antara satu sama lain (Narayanan & Subramaniam, 2021). Ketiga, untuk ujian t tidak bersandar, diasumsikan bahawa data dari kedua-dua kumpulan adalah berdistribusi secara normal, varians kumpulan-kumpulan adalah sama, dan kedua-dua kumpulan adalah independen satu sama lain (Ibrahim et al., 2020). Andaian ini menjadi asas penting untuk memastikan kebolehpercayaan dan kebolehlaksanaan hasil ujian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian *t* bersandar dijalankan bagi membandingkan min ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ujian *t* berpasangan pula dijalankan bagi membandingkan min ujian pra dan pasca kumpulan rawatan. Manakala ujian t tidak bersandar digunakan untuk menganalisis perbezaan min ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan rawatan. Analisis yang dijalankan juga dijalankan untuk menguji hipotesis nul bagi persoalan kajian. Analisis ini juga menentukan hipotesis nul di tolak atau diterima.

3.11 Rumusan

Kajian ini merupakan sebuah kajian Reka Bentuk dan Pembangunan bertujuan membangunkan Kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc. Kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif telah digunakan bagi keseluruhan fasa yang terlibat. Kajian ini dilaksanakan melibatkan populasi sasaran murid tahun empat di sekolah rendah (SK) di Negeri Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan melibatkan responden kajian seramai 75 orang murid dari dua buah sekolah. Empat bentuk instrumen telah digunakan untuk mengumpul data iaitu melalui protokol temu bual, ujian tahap pencapaian, ujian pra dan pos serta soal selidik. Kesahan dan kebolehpercayaan setiap instrumen kajian yang digunakan telah dilaksanakan melalui khidmat pakar dan kajian rintis. Kesahan kandungan adalah melalui penghakiman oleh pakar, manakala dan kesahan konstruk telah dilakukan secara empirikal menggunakan analisis statistik. Kebolehpercayaan instrumen kajian ditentukan melalui konsistensi dalaman nilai *Alpha Cronbach*. Proses pengumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

data daripada ujian pencapaian dan soal selidik dilakukan oleh pengkaji dengan bantuan guru yang terlibat.

Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini adalah pendekatan pengajaran menggunakan kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT. Terdapat dua pemboleh ubah bebas dalam kajian ini iaitu pendekatan menggunakan kerangka PVB untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dan pendekatan konvensional dalam PdPc penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik iaitu berdasarkan langkah-langkah secara langsung daripada buku teks dalam PdPc matematik di dalam kelas. Oleh itu, terdapat dua pemboleh ubah bebas yang dimanipulasikan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

PEMBANGUNAN KERANGKA VISUAL BAR

4.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Perbincangan dalam bab ini membincangkan mengenai model pengajaran ADDIE dan kaedah Reka Bentuk dan Pembangunan yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan model pengajaran ADDIE sebagai panduan bagi membangunkan elemen utama dan sub elemen untuk kerangka ramalan bagi menyelesaikan soalan penyelesaian masalah berbentuk KBAT Matematik menggunakan PVB. Kajian ini turut menggunakan kaedah Reka Bentuk dan Pembangunan bagi mereka bentuk, membangunkan serta menguji kerangka PVB secara teratur bagi menyelesaikan soalan penyelesaian masalah berbentuk KBAT Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Model ADDIE Pusingan Kedua

Model ADDIE daripada McGriff (2000) yang digunakan dalam penyelidikan ini ditunjukkan dalam Rajah 4.1. Model ADDIE ialah pendekatan berulang untuk mereka bentuk sistem pengajaran; hasilnya, kajian ini boleh kembali ke fasa sebelumnya berdasarkan dapatan format penilaian pada setiap peringkat. Produk awal fasa berikut ialah hasil daripada langkah sebelumnya.



Rajah 4.1. Model ADDIE (McGriff, 2000)

Analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian adalah lima peringkat model ADDIE. Menurut McGriff (2000), semua fasa Reka Bentuk Sistem Pengajaran dibina berdasarkan fasa analisis keperluan. Semasa fasa ini, isu, asal usulnya, dan penyelesaiannya harus dikenal pasti. Kaedah penyelidikan khusus, seperti keperluan, kerja, dan analisis tugas, digunakan sepanjang fasa analisis. Menetapkan objektif dan membuat senarai pelajaran yang akan diajar adalah hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada peringkat ini. Adalah penting untuk mempertimbangkan pengetahuan dan persekitaran pembelajaran. Output fasa ini berfungsi sebagai input fasa reka bentuk.

Kajian ini telah menggunakan model ADDIE bagi membentuk elemen utama dan sub elemen bagi kerangka ramalan. Kajian ini telah membuat dua pusingan kerana terdapat beberapa masalah semasa pusingan pertama. Namun masalah tersebut diatasi dalam pusingan kedua. Jadual di bawah menunjukkan perincian pusingan serta penerangan bagi setiap fasa dalam model ADDIE.

Jadual 4.1

Pusingan Pertama

Fasa	**Keterangan**
Fasa 1: Analisis Keperluan	Dalam kajian rintis 1 menggunakan 37 murid tahun 4, dapatan menunjukkan murid memerlukan satu panduan dalam bentuk kerangka yang menunjukkan jalan kerja atau langkah-langkah yang perlu murid buat bagi menyelesaikan soalan masalah berbentuk KBAT matematik menggunakan PVB. Kerangka PVB ini akan membantu murid bagi menyelesaikan soalan secara berperingkat dan sistematik. Langkah-langkah dalam kerangka ini akan membantu murid bagi mencari penyelesaian .
Fasa 2: Reka Bentuk	Fasa reka bentuk melibatkan penggunaan output daripada fasa analisis keperluan untuk merancang strategi bagi mereka bentuk kerangka PVB. Fasa ini melibatkan menulis objektif dan item penilaian dan membuat urutan langkah-langkah dalam PVB. Fasa ini harus dijalankan dengan sistematik kerana output daripada fasa ini merupakan input kepada fasa pembangunan. Dalam fasa ini, kajian ini telah meneliti beberapa model penyelesaian masalah matematik dan hasil pemerhatian kajian rintis 1 dan mendapati dengan adanya beberapa elemen utama iaitu langkah utama bagi penyelesaian menggunakan kaedah PVB, ia akan membantu murid. Kajian ini telah membina empat elemen utama dalam kerangka PVB iaitu i. Melukis ii. Mengenal pasti, iii. Merancang iv. Menyelesaikan.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 *(sambungan)*

Fasa	Keterangan
Fasa 3: Pembangunan	Fasa pembangunan bertujuan untuk membina kerangka PVB. Dalam fasa ini, sub elemen iaitu panduan kepada elemen utama telah dibina. Sub elemen ini akan membantu murid dalam proses penyelesaian soalan masalah matematik berbentuk KBAT secara teratur dan sistematik. Antara elemen yang dibangunkan ialah : Elemen Utama : 1. Melukis Sub Elemen : i. Memahami maklumat yang diberi dalam soalan ii. Menganggar saiz PVB mengikut maklumat soalan iii. Melukis dan melabel PVB mengikut maklumat yang diberi Elemen Utama : 2. Mengenal Pasti Sub Elemen : i. Mengenal pasti kehendak soalan ii. Mengenal pasti bahagian yang hendal dicari pada PVB iii. Melorek bahagian yang hendak dicari pada PVB Elemen Utama : 3. Merancang Sub Elemen : i. Merancang operasi yang perlu digunakan untuk mencari bahagian yang dilorek ii. Menulis ayat matematik bagi mencari bahagian yang dilorek Elemen Utama : 4. Menyelesaikan Sub Elemen : i. Menyelesaikan ayat matematik ii. Mencari nilai bagi bahagian yang berlorek
Fasa 4: Pelaksanaan	Fasa pelaksanaan pula merujuk kepada penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang sebenarnya berasaskan bilik darjah. Tujuan fasa ini adalah untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan efektif. Fasa ini harus dapat menggalakkan pemahaman terhadap bahan pengajaran, menyokong penguasaan objektif dengan memastikan pemindahan pengetahuan daripada bentuk pengajaran kepada pekerjaan. Dalam kajian ini, kerangka PVB yang dihasilkan diimplementasikan di dalam bilik darjah. Kajian ini telah mengaplikasikan kerangka ramalan 1 PVB dalam Kajian rintis 2 menggunakan 38 orang murid tahun 4.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 *(sambungan)*

Fasa	Keterangan
Fasa 5: Penilaian	Fasa penilaian dalam kajian ini melibatkan penilaian yang dibuat pada hasil murid serta pemerhatian yang dilakukan oleh guru. Dapatan daripada penilaian menunjukkan beberapa murid masih keliru bagi meletakan PVB mengikut susunan yang betul. Pengkaji telah membuat keputusan untuk melihat semula fasa reka bentuk dan mengkaji semula.

4.2.1 Pusingan Kedua

Jadual 4.2

Pusingan Kedua

Fasa	Keterangan
Fasa 1: Analisis Keperluan	Dalam kajian rintis 2 menggunakan 38 orang murid tahun 4 mendapati murid memerlukan satu lagi elemen utama bagi membantu murid untuk menyelesaikan soalan masalah berbentuk KBAT matematik menggunakan PVB secara lebih teratur. Kerangka PVB ini akan membantu murid bagi menyelesaikan soalan secara berperingkat dan sistematik. Langkah-langkah dalam kerangka ini akan membantu murid bagi mencari penyelesaian .
Fasa 2: Reka Bentuk	Fasa reka bentuk melibatkan penggunaan output daripada fasa analisis keperluan untuk merancang strategi bagi mereka bentuk kerangka PVB. Fasa ini melibatkan menulis objektif dan item penilaian dan membuat urutan langkah-langkah dalam PVB. Fasa ini harus dijalankan dengan sistematik kerana output daripada fasa ini merupakan input kepada fasa pembangunan. Dalam fasa ini, beberapa model penyelesaian masalah matematik dan hasil pemerhatian kajian rintis 2 telah diteliti dan pengkaji telah menambah satu lagi elemen utama iaitu menyusun dan kini terdapat lima elemen utama iaitu: i. Melukis ii. Menyusun iii. Mengenal pasti iv. Merancang v. Menyelesaikan.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

Fasa	Keterangan
Fasa 3: Pembangunan	Fasa pembangunan bertujuan untuk membina kerangka PVB. Dalam fasa ini, sub elemen iaitu panduan kepada elemen utama telah dibina. Sub elemen ini akan membantu murid dalam proses penyelesaian soalan masalah matematik berbentuk KBAT secara teratur dan sistematik. Antara elemen yang dibangunkan ialah : Elemen Utama : 1. Melukis Sub Elemen : i. Memahami maklumat yang diberi dalam soalan ii. Menganggar saiz PVB mengikut maklumat soalan iii. Melukis dan melabel PVB mengikut maklumat yang diberi Elemen Utama : 2. Menyusun Sub Elemen : i. Memahami pengurutan soalan ii. Menyusun PVB mengikut urutan soalan Elemen Utama : 3. Mengenal Pasti Sub Elemen : i. Mengenal pasti kehendak soalan ii. Mengenal pasti bahagian yang hendal dicari pada PVB iii. Melorek bahagian yang hendak dicari pada PVB Elemen Utama : 4. Merancang Sub Elemen : i. Merancang operasi yang perlu digunakan untuk mencari bahagian yang dilorek ii. Menulis ayat matematik bagi mencari bahagian yang dilorek Elemen Utama : 5. Menyelesaikan Sub Elemen : i. Menyelesaikan ayat matematik Mencari nilai bagi bahagian yang berlorek

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

Fasa	Keterangan
Fasa 4: Pelaksanaan	Fasa pelaksanaan pula merujuk kepada penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang sebenarnya berasaskan bilik darjah. Tujuan fasa ini adalah untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan efektif. Fasa ini harus dapat menggalakkan pemahaman terhadap bahan pengajaran, menyokong penguasaan objektif dengan memastikan pemindahan pengetahuan daripada bentuk pengajaran kepada pengaplikasian. Dalam kajian ini, kerangka PVB yang dihasilkan diimplementasikan di dalam bilik darjah. Kajian ini telah mengaplikasikan kerangka ramalan 1 PVB dalam Kajian rintis 3 menggunakan 35 orang murid tahun 4.
Fasa 5: Penilaian	Fasa penilaian dalam kajian ini melibatkan penilaian yang dibuat pada hasil murid serta pemerhatian yang dilakukan oleh guru. Dapatan daripada penilaian menunjukkan murid dapat menyelesaikan soalan secara lebih teratur berbanding dengan pusingan sebelum ini. Dengan ini kerangka ramalan telah dibentuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Reka Bentuk Pembangunan

Model reka bentuk pembangunan Richey et al. (2004) terbahagi kepada dua jenis iaitu jenis 1 dan jenis 2. Kajian reka bentuk pembangunan jenis 1 menumpu kepada kajian tentang satu produk yang khusus atau reka bentuk program atau penilaian projek. Kajian reka bentuk pembangunan jenis 2 menekankan kepada pembangunan reka bentuk atau proses penilaian, instrumen atau model. Produk yang dihasilkan dari kajian reka bentuk pembangunan jenis 1 adalah tentang pengajaran yang didapati daripada pembangunan sesuatu produk khusus dan menganalisis keadaan atau suasana yang membolehkan kegunaannya dan ia menghasilkan satu rumusan kajian mengikut konteks. Pembangunan reka bentuk jenis 2 pula adalah satu prosedur atau model reka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bentuk, pembangunan dan penilaian baru dan keadaan yang membolehkan penggunaannya dan hasil kajian ini boleh digeneralisasikan.

Kajian reka bentuk pembangunan jenis 1 menggambarkan orientasi perkembangan kajian secara tradisional di mana proses pembangunan tidak diutarakan tetapi hanya produk atau penilaian program sahaja yang digambarkan dalam kajian. Hasil kajian bagi kajian reka bentuk pembangunan jenis 1 lazimnya merupakan kajian yang spesifik mengikut konteks dan produk, walau bagaimanapun, implikasi bagi sesuatu yang sama seperti yang dikaji turut dibincangkan.

Manakala kajian reka bentuk pembangunan jenis 2 berorientasikan analisis umum sesuatu reka bentuk, pembangunan atau proses penilaian yang ditangani sama ada secara keseluruhan ataupun mengikut komponen- komponen tertentu. Menurut Jasrai (2020), kajian jenis ini dinamakan sebagai kajian pembangunan model atau pembangunan teknik. Menurut Wagner (2019), kajian jenis ini pula dinamakan sebagai kajian rekonstruksi dan temanya menekankan kepada situasi yang umum dan bukan situasi tertentu di mana kajian dilaksanakan selepas sesuatu proses pembangunan itu selesai.

Dalam kajian pembangunan reka bentuk ini, pelbagai metodologi kajian serta kaedah yang memenuhi keperluan kajian ini digunakan seperti penilaian sumatif dengan menggunakan kaedah seperti eksperimental klasik, kajian penilaian keperluan yang melibatkan pendekatan kualitatif dan kajian proses yang menggunakan kaedah soal selidik deskriptif (Richey et al., 2004). Kajian pembangunan mempunyai beberapa peringkat yang berbeza di mana setiap peringkat melibatkan pelaporan dan analisis bagi sesuatu set data. Kajian ini mesti memasukkan peringkat analisis dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelaporan untuk memastikan sesuatu kajian itu adalah sebuah kajian pembangunan. Kajian pembangunan melibatkan analisis dan menentukan masalah pengajaran, pengkhususan kandungan pengajaran dan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen. Ia juga mungkin melibatkan penilaian formatif, penilaian sumatif atau kajian susulan kepada sesuatu prestasi pengajaran yang telah dilaksanakan.

Bagi suatu kajian pembangunan reka bentuk jenis 1, ia berasaskan reka bentuk dan pembangunan sesuatu pembangunan program atau produk pengajaran dan kebiasaannya keseluruhan reka bentuk, pembangunan dan penilaian di dokumentasi kan dan konsisten dengan proses praktis utama dalam bidang kajian ini, prosedur yang digunakan mengikut langkah-langkah proses reka bentuk sistem pengajaran yang merangkumi analisis utama secara penilaian formatif atau sumatif. Metodologi yang digunakan dalam kajian reka bentuk pembangunan jenis 1 pula melalui proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian sebagai kaedah kajian.

Menurut Richey dan Klein (2014), kajian menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan atau juga dikenali sebagai kajian *"Design and Development Research"* DDR adalah satu kajian yang sistematik yang terdiri daripada tiga fasa iaitu analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan dan penilaian. Kajian menggunakan kaedah ini lebih teratur dan memudahkan pengkaji menjalankan kajian. Secara holistik, kajian tentang DDR adalah kajian tentang proses serta kesan sesuatu persetujuan pakar dan pengembangan yang khusus. Kajian DDR membawa kepada penghasilan pengetahuan dan keupayaan membuat ramalan. (Norlida et al., 2013; Richey & Klein, 2014).

Kajian bentuk DDR secara umumnya memberi tumpuan kepada proses pembangunan produk yang melibatkan analisis konteks dan situasi, serta penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

produk (Saedah et al., 2013). Walau bagaimanapun, Artini (2020) mengatakan bahawa DDR adalah pendekatan yang menjadi panduan bagi kajian dalam:

i. mencipta teori baru untuk penyelesaian masalah,
ii. merancang dan mengembangkan model baru dalam pelbagai bidang kajian,
iii. mengembangkan kaedah dan proses baru untuk melaksanakan model atau peralatan yang sedia ada,
iv. menyesuaikan teknik, kerangka kerja, dan kaedah sebelum ini yang belum diuji dalam konteks penyelesaian masalah baru.

Ariantini et al. (2021) menyatakan bahawa DDR melibatkan mengenal pasti masalah penyelidikan, berdasarkan sorotan penyelidikan dan sumbangan pengetahuan. Terdapat dua jenis kajian DDR (Saedah et al., 2013). Jadual menunjukkan dua jenis kajian DDR:

Jadual 4.3
Dua Jenis Kajian DDR

Kajian Produk dan Alatan (Jenis 1)	**Penyelidikan Modul (Jenis 2)**
Projek reka bentuk dan pembangunan komprehensif • Program product dan arahan • Produk instruksi yang lain serta program	Modul Pembangunan • Modul pembangunan yang komprehensif • Proses pembangunan komponen modul
Fasa projek khusus • Analisis • Reka bentuk • Pembangunan • Penilaian	Pengesahan Modul • Pengesahan komponen modul dalaman • Pengesahan komponen modul luaran

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 *(sambungan)*

Kajian Produk dan Alatan (Jenis 1)	**Penyelidikan Modul (Jenis 2)**
Alatan pembangunan • Alatan pembangunan • Kebolehgunaan alatan	Kebolehgunaan modul • Kajian atas kondisi yang memberi impak kepada kebolehgunaan modul • Kajian tentang membuat keputusan • Kajian atas ciri-ciri dan kepakaran
Penekanan Kajian atas produk spesifik atau pembangunan dan penilaian produk	Kajian reka bentuk, penilaian atau kepenggunaan modul
Hasil/Output Pembelajaran dari produk khusus dan analisis terhadap kondisi agar lebih mudah digunakan. Kesimpulan khusus	Prosedur reka bentuk dan pembangunan atau model baru dan situasi yang menyokong kebolehgunaan. Kesimpulan umum
Teknik penyelidikan Pelbagai teknik seperti kajian kes, tinjauan, penyelidikan kualitatif.	Pelbagai teknik seperti penyelidikan kualitatif, kajian kes, tinjauan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses kajian ini disempurnakan dengan memasukkan metodologi kajian secara tradisional dalam projek reka bentuk pembangunan tersebut. Walaupun pelbagai kaedah boleh digunakan tetapi kaedah yang sering digunakan adalah kaedah kajian kes. Ini adalah kerana dalam kajian reka bentuk pembangunan jenis 1, terdapat pelbagai pemboleh ubah dan tahap kerumitan sesuatu kajian itu. Kebiasaannya, kajian kes dilihat sebagai satu cara di mana seseorang pengkaji dapat meneroka dan menggambarkan sesuatu situasi kompleks yang mengandungi pelbagai kontekstual kritikal. Kaedah penilaian seperti soal selidik murid, ujian pencapaian dan pengukuran prestasi kebiasaannya digunakan dalam kaedah reka bentuk pembangunan jenis 1 ini seperti kajian Stehle dan Peters-Burton (2019) yang menjalankan penilaian secara mendalam terhadap lima video kursus latihan warga kerja tentera dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengumpulkan soal selidik dari murid dan pengajar kursus tersebut dan ujian pencapaian dan penguasaan juga digunakan.

Boleh disimpulkan kajian reka bentuk pembangunan jenis 1 digambarkan dengan bergantung pada projek yang khusus bagi sesuatu konteks dan hasil kajian itu sahaja. Ini adalah konsisten dengan orientasi kualitatif kajian jenis 1 ini yang menggunakan kaedah semula jadi sesuatu kajian serta menggunakan pengalaman pengamal bidang yang dikaji sebagai sumber pengetahuan pengkaji. Kajian reka bentuk pembangunan jenis 1 juga terarah kepada sesuatu produk dan situasi khusus di mana projek dilaksanakan serta mempunyai kesimpulan mengikut konteks utama. Hasil kajian yang mengikut konteks yang khusus ini akan mencadangkan penambahbaikan bagi sesuatu produk atau program, mempromosi kejayaan sesuatu produk atau program, kesan sesuatu produk atau program, keadaan yang kondusif bagi keberkesanan reka bentuk, pembangunan atau penilaian untuk sesuatu produk atau program penilaian.

Terdapat beberapa perbezaan utama antara kajian reka bentuk pembangunan jenis 1 dan jenis 2. Lazimnya, kajian reka bentuk pembangunan jenis 2 lebih umum dan berusaha untuk meningkatkan sesuatu model yang digunakan dalam prosedur kajian. Ia lebih memfokuskan kepada penggunaan generik dalam sesuatu proses pembangunan yang menawarkan implikasi bagi sesuatu projek reka bentuk atau pembangunan. Kajian reka bentuk pembangunan jenis 2 juga lebih berfokus kepada proses khusus dalam pembangunan suatu sistem pengajaran. Metodologi yang digunakan dalam kajian reka bentuk pembangunan jenis 2 ini adalah lebih pelbagai kerana ia tidak melibatkan projek reka bentuk pembangunan mengikut sesuatu situasi sahaja tetapi ia lebih fokus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada generalisasi sesuatu kajian. Kaedah yang digunakan seperti eksperimental, kuasi eksperimental, dan pelbagai metodologi kajian kualitatif. Terdapat juga segelintir kajian reka bentuk pembangunan jenis 2 yang menggunakan kaedah kajian kes seperti kajian yang menggambarkan proses sebenar reka bentuk dan pembangunan sesuatu produk. Kaedah kajian tinjauan sering digunakan dalam kajian reka bentuk pembangunan jenis 2. Selain itu, pelbagai teknik pengumpulan data kualitatif digunakan dalam kajian reka bentuk pembangunan jenis 2 seperti English dan Reigeluth (1996) menggunakan teknik analisis data kualitatif untuk mengkaji penggunaan teori penjelasan bagi arahan penyusunan. Hasil kajian reka bentuk pembangunan jenis 2 berkaitan dengan sesuatu teknik atau model dan bukannya produk atau program seperti dalam kajian reka bentuk pembangunan jenis 1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Kaedah Delphi

Kaedah Fuzzy Delphi diperkenalkan oleh Murray et al. (1985). Kaedah ini adalah kaedah analisis untuk membuat keputusan yang menggabungkan teori kabur dalam kaedah Delphi tradisional. Kaedah Delphi diperkenalkan oleh Syarikat RAND pada tahun 1953 oleh Olaf Helmer dan Norman Dalkey untuk menyelesaikan masalah ketenteraan (Shafie et al., 2019). Nichols (2019) mendapati teknik ini digunakan secara meluas untuk meramalkan teknologi, dalam pendidikan dan dalam bidang lain. Hingga hari ini, teknik ini digunakan dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Sinha et al., 2018), kesihatan (Prak & Wivatvanit, 2018), pendidikan (Dutt et al., 2019), pelancongan dan pembangunan organisasi (Lyons et al., 2018).

Teknik Delphi adalah kaedah membuat keputusan yang melibatkan beberapa pusingan kaji selidik berdasarkan pendapat pakar untuk menyelesaikan isu (Muhali, 2019). Teknik ini juga dikenali sebagai kaedah pemahaman, atau memahami pandangan dalaman, oleh sekumpulan pakar atau panel Delphi. Deguchi et al. (2020) menyatakan bahawa teknik Delphi adalah proses yang berstruktur untuk mengumpulkan dan menerangkan pengetahuan daripada panel pakar, melalui siri soal selidik dengan maklum balas terkawal. Beberapa ciri teknik Delphi adalah:

i. Anonimiti: Panel pakar dipilih secara individu dan setiap pakar tidak mengetahui identiti ahli panel. Panel pakar hanya menerima maklum balas dari pakar lain dalam pusingan kedua. Kelebihannya adalah pakar tidak akan merasa tekanan, pengaruh, atau galakan daripada pakar lain dalam memberikan maklum balas dalam soal selidik.
ii. Maklum balas: Melalui pusingan, pakar dapat memberikan idea secara umum dan memberi mereka peluang untuk menilai semula pandangan mereka.
iii. Statistik: Maklum balas dari setiap pakar dianalisis menggunakan kerap frekuensi dan disusun secara kronologi dalam bentuk graf.
iv. Konvergensi: Hasil akan ditentukan dengan mengubah maklum balas panel pakar setelah beberapa pusingan.

Oleh demikian, kajian ini menggunakan kaedah Fuzzy Delphi untuk mengatasi kelemahan dalam kaedah Delphi tradisional. Selain itu, pembangunan model menggunakan kaedah ini digunakan secara meluas dalam perniagaan, pendidikan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknologi, dan kejuruteraan, sebagai contoh, pembangunan model pengajaran (Saido et al., 2018), pemerolehan model perniagaan (Kumar et al., 2018) dan pembangunan model teknologi (Lee & Seo, 2016).

Kaedah Delphi merupakan satu kaedah yang digunakan oleh ramai pengkaji bagi mendapatkan kesepakatan pakar terhadap kajian yang melibatkan pelbagai objektif, prinsip, pendekatan dan kategori. Menurut Andrian dan Rusman (2019), Delphi merupakan suatu kaedah untuk menstrukturkan suatu proses komunikasi secara berkesan bagi memperoleh kesepakatan pakar dalam menangani sesuatu masalah kajian yang kompleks. Antara kaedah kajian Delphi yang sering digunakan dalam kajian adalah Delphi Tradisional, Delphi Ubah Suai (*Modified*) dan Fuzzy Delphi (Habibi et al., 2015). Terdapat tiga jenis kaedah Delphi yang biasa digunakan iaitu anonimiti, interaksi, ulasan terkawal dan ulasan statistik (Mohd Ridhuan et al., 2014). Anonimiti merupakan kaedah yang menggunakan pandangan pakar yang tidak bersifat kolektif di mana pakar tidak berinteraksi secara bersemuka dengan pakar lain dan tidak dipengaruhi oleh pendapat pakar lain dalam memberikan pandangan terhadap kajian yang dilaksanakan. Interaksi pula melibatkan interaksi pakar dengan mengeluarkan pandangan dan memberikan skor dalam instrumen serta memberikan komen yang boleh dinilai oleh pengkaji. Ulasan terkawal pula merupakan ulasan yang berulang oleh pakar secara terkawal tanpa ada pengaruh dari pakar yang dominan manakala ulasan statistik bersifat menekankan ciri- ciri umum dalam kajian.

Kaedah Delphi Tradisional yang diperkenalkan oleh Olaf Helmer dan Norman Dalkey dari RAND Corporation bermatlamat untuk memperoleh kesepakatan yang paling boleh dipercayai daripada sekumpulan pakar (Zucker & Fisch, 2019). Kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Delphi tradisional ini melibatkan pengumpulan data secara bersemuka melalui beberapa pusingan soal selidik intensif bersama maklum balas terkawal (Davidson, 2013). Delphi Ubahsuai pula merupakan kaedah yang sesuai digunakan sekiranya maklumat asas isu sasaran kajian telah sedia ada dan boleh digunakan (Zain et al., 2020). Ia melibatkan beberapa pusingan pengumpulan data sehingga kesepakatan tercapai di mana pusingan 1 kajian menggunakan soal selidik yang dibina berdasarkan kajian literatur (Torun, 2020). Oleh yang demikian, kaedah Delphi ubahsuai ini terikat dengan prosedur asas Delphi iaitu anonimiti dan ulasan terkawal (Mohd Nazri, 2014).

Fuzzy Delphi merupakan gabungan Delphi tradisional dengan set penomboran Fuzzy yang diperkenalkan oleh Lotfi Zadeh (Stevani & Putro, 2020). Nilai Fuzzy yang dihasilkan melalui kaedah Fuzzy Delphi ini dapat menyelesaikan kekaburan soalan dan jawapan semasa pengumpulan data (Piopiunik et al., 2020). Selain itu, kaedah ini juga dapat memberikan *rank* keutamaan terhadap pemboleh ubah kajian (Mohd Nazri. 2014; Liu. 2015; Syamsul et al., 2015). Justeru, berdasarkan perbincangan kaedah dapat dirumuskan pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah Fuzzy Delphi untuk membangun dan mereka bentuk model atas pelbagai faktor:

i. pengkaji dapat memperoleh kesepakatan pakar dari pelbagai bidang
ii. dapat melibatkan ramai pakar dalam masa yang singkat
iii. pakar bebas dari pengaruh *bias* dalam mengeluarkan pendapat
iv. mampu meramalkan jangkaan masa hadapan
v. berupaya mengemukakan idea yang sulit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. berstruktur dan lebih jelas kerana menggunakan kaedah *ranking* dan penomboran Fuzzy.

Setiap kaedah kajian tentu mempunyai kelebihan dan kelemahannya. Walau bagaimanapun, mengikut Saedah (2013), terdapat tujuh kelebihan menggunakan teknik Delphi iaitu;

i. untuk mendapatkan konsensus sebenar pakar kerana pakar tidak tahu atau pernah berjumpa satu sama lain; konsensus pakar boleh dicapai tanpa prasangka, pengaruh, dan tekanan dari pihak lain,
ii. eksperimen diulang dengan data dari setiap pusingan teknik Delphi akan disaring melalui analisis data,
iii. cepat dan berkesan,
iv. pandangan para pakar konsisten dengan bidang kepakaran masing-masing,
v. boleh digunakan untuk meramalkan perkara pada masa depan,
vi. boleh digunakan dengan berkesan untuk mendapatkan banyak pandangan tentang isu-isu kompleks,
vii. Berdasarkan Martin (2019), peratusan kesilapan dalam teknik Delphi hanya tiga hingga empat peratus manakala kesilapan untuk teknik kuantitatif adalah sepuluh hingga lima belas peratus, dan kesilapan sekitar dua puluh peratus bagi tradisi subjektif dan tidak berstruktur yang dijangka.

Namun, terdapat beberapa kekangan dalam kaedah ini mengikut Saedah et al (2013). Pertama, kebolehpercayaan data sangat bergantung kepada pakar yang terlibat. Jika pengkaji gagal memilih pakar yang baik, kredibiliti hasil kajian akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terjejas. Dengan kata lain, ketepatan meramalkan terhad kepada kualiti pandangan yang diberikan oleh para pakar. Apabila pengumpulan data diulang pada sampel yang sama, rasa bosan mungkin timbul, mempengaruhi kualiti jawapan. Selain itu, teknik Delphi adalah untuk masa depan yang boleh dijangka, kehilangan kebolehpercayaan bermakna kehilangan harapan dan tekad. Tambahan pula, bilangan kecil pakar tidak dapat menyelesaikan semua aspek yang relevan dalam isu tersebut. Akhirnya, peluang untuk mendapatkan jawapan emosi yang berkaitan dengan isu yang dikaji adalah sedikit.

Titik permulaan bagi kaedah Delphi adalah tertakluk kepada banyak tafsiran. Beberapa penyelidikan Delphi sebelum ini mengakui bahawa usaha persediaan diperlukan sebelum permulaan pusingan, tetapi tidak membezakan kerja ini sebagai satu peringkat yang berasingan. Selanjutnya, pembangunan pangkalan pengetahuan awal telah lama dianggap sebagai satu pusingan pertama kajian. Posisi permulaan untuk Delphi (versi pertama soalan) boleh ditetapkan dengan sifat penyiasatan atau pengesahan. Yang pertama adalah dilaksanakan dengan baik dengan mencari pandangan informan melalui soalan permulaan yang terbuka atau set temu bual awal (Kristianto, 2020).

Pendekatan ini sesuai terutamanya untuk situasi yang lebih kabur, kurang ditentukan atau bertentangan yang sering ditemui dalam dunia sosial, politik, dan/atau organisasi. Ia menekankan dimensi kualitatif kepada Delphi dan mengisyaratkan bahawa ia mungkin berjaya diintegrasikan dengan kaedah penyelidikan lain. Bentuk pengesahan peringkat awal Delphi tradisional dilaksanakan dengan mengedarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

senarai isu yang telah ditentukan terlebih dahulu kepada panel (Kamenetz, 2020). Ini adalah cara kerja biasa untuk kajian lanjutan (Huang et al., 2020).

Dalam suatu kajian, pengenalan peringkat-organisasi membolehkan pusingan permulaan dibezakan daripada selebihnya literasi Delphi, berdasarkan perbezaan dalam matlamat: iaitu, 'penghasilan' vs. 'penilaian dan penambahan'. Penambahbaikan ini membolehkan pembangunan lanjutan bagi variasi Delphi, membenarkan aplikasi untuk menguji dan meluaskan teori, di mana teori dihasilkan melalui penyelidikan sekunder atau utama. Dalam aplikasi khusus kaedah ini untuk penilaian kerangka konseptual, senarai isu yang dibentangkan kepada peserta mencerminkan perspektif dan komponen kerangka yang dicadangkan, dengan itu menghapuskan keperluan untuk satu pusingan 'penghasilan' permulaan. Sisa kajian ini difokuskan pada membangunkan konsensus kumpulan tentang komponen dan mematuhi bentuk biasa pertanyaan bagi Delphi jenis 'peringkat' (Yuwono et al., 2021). Ini termasuk rangkaian empat pusingan, dilakukan selama dua belas bulan. Selepas mengumpul skor peserta, nisbah konvergensi ditentukan. Ini mewakili sejauh mana persetujuan peserta tentang peringkat elemen kepimpinan. Mengukur kuartil inter undian yang berada dalam julat yang ditetapkan adalah pendekatan yang biasa untuk menilai konsensus.

Pengkaji terdahulu telah mengemukakan beberapa cadangan dalam menentukan saiz sampel atau bilangan panel pakar melalui teknik Delphi. Berdasarkan pandangan Darusalam dan Hussin (2018), panel pakar yang terdiri daripada 7 hingga 100 orang sesuai untuk mendapatkan dapatan yang kukuh. Walau bagaimanapun, menurut Taherdoost (2016), bilangan besar panel pakar akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadikan kerja lapangan lebih sukar dan sering mencerminkan implikasi negatif. Mereka kemudiannya mencadangkan bilangan panel pakar yang sesuai, iaitu kira-kira 5 hingga 10 orang sahaja. Cohen et al. (2011) mengesyorkan bahawa dalam setiap kajian Delphi, adalah mencukupi untuk melibatkan lebih daripada 10 panel pakar untuk menghasilkan dapatan yang kukuh.

Sementara itu, mengikut pendapat Creswell dan Clark (2011), mereka menegaskan bahawa bilangan 3 hingga 5 orang terlalu kecil dan tidak mampu memberikan maklum balas terhadap isu yang telah dikenal pasti. Mereka kemudiannya mencadangkan satu panel pakar, sebagai kumpulan pakar dari bidang yang sama dan ini memerlukan penglibatan antara 10 hingga 20 orang. Selaras dengan pandangan Yenni dan Rika (2020), pengkaji telah menetapkan jumlah keseluruhan 10 panel pakar dalam satu kajian Delphi. Jumlah ini adalah sesuai dalam julat tersebut. Kajian Delphi dijalankan dalam empat pusingan tetapi boleh dijalankan dalam lebih daripada empat pusingan atau kurang bergantung kepada maklumat yang diperlukan (Utami et al., 2020).

Teknik Delphi digunakan kerana ia direka untuk mengoptimumkan sumbangan yang akan dicari daripada individu yang terlibat dalam kumpulan yang membentuk panel pakar. Yang paling penting untuk dipertimbangkan dalam penggunaan teknik Delphi adalah pemilihan pakar. Berdasarkan pandangan Sunaryo (2020), seorang pakar didefinisikan sebagai seseorang yang telah menguasai bidang tersebut dengan sangat baik dan boleh memberikan jawapan dengan cepat dalam perkara yang berkaitan (Jawapan ini kadang-kadang muncul tanpa berfikir dan mungkin timbul dari bawah sedar). Sementara itu, Suarsana dan Made (2021)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendefinisikan pakar sebagai seseorang yang berpengetahuan dalam bidang tertentu. Manakala Zainudin (2012) mencadangkan beberapa kriteria berikut sebagai panduan untuk memilih individu menjadi panel pakar. Antara kriteria tersebut adalah penampilan yang baik dan dihormati oleh profesional, jumlah kertas kerja yang telah dihasilkan dan dibentangkan kepada orang awam di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, dan penerbitan yang telah diiktiraf dan jumlah kajian yang telah dilakukan.

Semua maklumat dan wawasan yang diperoleh daripada soal selidik dalam teknik Delphi dikawal secara berulang-ulang oleh pengkaji. Pengawasan ini dilakukan dengan memberitahu setiap ahli kumpulan tentang kecenderungan jawapan dalam setiap pusingan dan disertai dengan keputusan terkini yang dibuat oleh kumpulan pakar mengenai isu-isu dan soalan penyelidikan (Setiawati et al., 2020). Dengan mengawal setiap maklum balas yang diberikan berulang kali, pengkaji dapat memastikan bahawa ahli kumpulan pakar sentiasa memberikan maklum balas yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian sahaja dan tidak menjawab matlamat peribadi berdasarkan kepentingan atau ahli kumpulan lain.

Bagi pusingan pertama teknik Delphi, soalan-soalan dalam protokol temu ramah awalnya diperiksa oleh seorang pakar dalam bidang kajian dan kualitatif. Selanjutnya, satu kajian perintis telah dijalankan untuk memeriksa kebolehpercayaan dan kebolehpercayaan soalan-soalan dalam protokol temu ramah. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa soalan-soalan mencerminkan soalan penyelidikan utama dan mampu menghasilkan jawapan yang tepat untuk dapatan penyelidikan. Selain itu, transkrip yang dihasilkan dalam proses transkripsi juga telah diperiksa oleh peserta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta telah mengesahkan kandungan transkrip dan membetulkan kesilapan yang boleh mengalihkan makna temu bual asal yang dijalankan.

Untuk pusingan kedua, borang soal selidik yang mengandungi petunjuk dan item diedarkan kepada semua pakar untuk mendapatkan kelulusan mereka terhadap setiap item. Kemudian diikuti oleh tinjauan pusingan ketiga, keempat dan seterusnya untuk mendapatkan konsensus tertinggi dari semua pakar mengenai kandungan soal selidik. Dengan beberapa pusingan kajian, teknik Delphi berjaya mencapai kebolehpercayaan dapatan. Semua pakar diberi peluang untuk memperbaiki kandungan soal selidik dalam dua pusingan pertama hingga jawapan terakhir dalam pusingan terakhir sambil mencapai konsensus tertinggi dari semua pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Kaedah Fuzzy Delphi

Kaedah Fuzzy Delphi merupakan suatu kaedah pengukuran yang dilakukan penjenamaan semula berdasarkan daripada Kaedah Delphi asal (tradisional). Kaedah ini sebenarnya telah diterokai hampir beberapa dekad di mana para sarjana iaitu oleh Murray, Pipino dan Gigch telah memulakannya pada tahun 1985. Kaedah Fuzzy Delphi ini adalah suatu metodologi yang sudah lama digunakan selama ini dan penulis terpanggil untuk membukukan kaedah in secara komprehensif agar dapat dijadikan rujukan bersama dalam bidang penyelidikan.

Jika disusuri dengan teliti, Kaedah Fuzzy Delphi in adalah suatu kombinasi yang unik di antara Set Penomboran Fuzzy dan Kaedah Delphi itu sendiri (Shahmir et

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

al., 2020). Ini bermaksud Kaedah Fuzzy Delphi bukanlah satu kaedah yang baru tetapi ia adalah satu kaedah yang telah dilakukan penambahbaikan terhadap Kaedah Delphi. Penambahbaikan in secara tidak langsung dapat menjadikan penggunaan Kaedah Fuzzy Delphi sebagai suatu alat pengukuran yang lebih efektif kerana ia dilihat mampu untuk menyelesaikan permasalahan yang mempunyai ketidakpastian bagi sesuatu kajian yang dijalankan. Berbicara tentang ketidakpastian boleh dilihat kepada sesebuah kajian yang kebanyakannya menggunakan skala likert 5 mata.

Skala likert 5 mata ini merujuk kepada skala 5 sebagai sangat setuju; skala 4 pula membawa maksud setuju; selanjutnya skala 3 adalah sederhana setuju atau ia bersifat neutral; skala 2 adalah mewakili pernyataan tidak setuju; dan yang terakhir adalah skala 1 yang membawa maksud sangat tidak tersetuju (Akbar et al., 2020).. Namun apabila dikupaskan secara terperinci, nilai skala 5 adalah sangat setuju menimbulkan beberapa persoalan seperti berikut:

i. Berapa peratusan setuju yang diwakili oleh skala 5 iaitu sangat setuju daripada pandangan kumpulan pakar?
ii. Adakah persetujuan skala 5 merujuk kepada persetujuan sebanyak 100% oleh kumpulan pakar?
iii. Benarkah tiada timbul nilai yang kabur (fuzzy) dalam setiap persetujuan yang diberikan oleh kumpulan pakar?

Perbandingan penggunaan skala likert 7 mata dan skala likert 5 mata akan ditunjukkan perbezaannya bagi menguatkan hujah bahawa penggunaan nilai skala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

likert yang lebih tinggi dalam Kaedah Fuzzy Delphi adalah amat baik . Hal ini kerana ia mampu mengurangkan nilai kekaburan yang berlaku.

Teori Set Fuzzy ini telah diperkenalkan oleh Lotfi Zadeh. Beliau adalah seorang pengkaji dan pakar dalam bidang matematik pada tahun 1965. Di dalam teori ini, ia adalah suatu lanjutan dan kelangsungan daripada Teori Set Klasik. Berbicara tentang Teori Set Klasik pula, ia adalah meliputi penerimaan sesuatu item dan elemen yang terdapat dalam satu set kajian dan ia dinilai berdasarkan kepada set binari. Set binari pula adalah melibatkan suatu pernyataan pentafsiran yang melibatkan YA atau TIDAK. Lanjutan itu, apabila dilihat kepada Teori Set Fuzzy juga ia membenarkan suatu proses taksiran dan tafsiran secara beransur-ansur terhadap setiap elemen dalam satu set, dan nilai yang terkandung di dalam set fuzzy ini adalah dari O hingga 1 atau di dalam selang unit (0, 1) (Rukiyah et al., 2020). Dalam konteks kajian Fuzzy Delphi ini, diketahui bahawa ia adalah suatu kaedah kajian yang melibatkan kumpulan panel pakar dalam membuat sesuatu keputusan yang penting. Apa yang dapat disimpulkan adalah hujahan di atas jelas menunjukkan bahawa Kaedah Fuzzy Delphi ini digunakan untuk mendapatkan consensus kumpulan pakar yang bertindak sebagai peserta kajian dan segala pandangan mereka boleh diambil kira dalam kajian yang dijalankan. Seterusnya proses kuantitatif digunakan dalam melihat kesepakatan pakar agar dapat diterjemahkan ke dalam bentuk yang emperikal.

Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) telah dibangunkan bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul daripada kaedah Delphi yang mempunyai kelemahan seperti pengulangan pusingan Delphi untuk mencapai kesepakatan pakar akan memakan masa dan kos yang banyak (Hsu & Chen, 2020). Selain itu pendapat antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pakar hanya boleh diperoleh pada peringkat tertentu sahaja. Sebarang kekaburan tidak akan dipertimbangkan, maka keadaan ini akan membawa kepada salah tafsir yang berlaku di antara pakar. Kelemahan dalam proses analisis juga akan menyebabkan beberapa pendapat pakar tidak diambil kira dalam mencapai konsensus yang diharapkan. Kaedah Fuzzy Delphi mempunyai lebih banyak kebaikan dan kelebihan berbanding kaedah Delphi kerana berupaya mengelakkan kebosanan terhadap pengkaji dan kumpulan pakar kerana berupaya mengurangkan pusingan Delphi. Kaedah ini juga akan mengelakkan kehilangan atau kebocoran data yang dikutip terhadap sekumpulan pakar dalam kajian. Pakar pakar yang dipilih juga boleh menyatakan pendapat mereka sepenuhnya dengan lebih sempurna dan konsisten tanpa dipengaruhi oleh pakar yang lain. Selain itu, kaedah ini juga dapat mengambil kira kekaburan yang tidak boleh dielakkan semasa proses kajian dijalankan, maka kaedah ini tidak akan menyalahtafsirkan pendapat asal pakar dan berupaya memberikan maklum malas sebenar pakar.

Kaedah Fuzzy Delphi ini boleh digunakan untuk mendapatkan konsensus pakar yang bertindak sebagai peserta kajian berdasarkan penggunaan kaedah kuantitatif dalam menterjemahkan dapatan konsensus kumpulan pakar. Kaedah Fuzzy Delphi ini juga adalah suatu kaedah yang unik kerana ia mampu digunakan dalam proses membuat keputusan terhadap sesuatu isu yang dikaji berdasarkan pandangan daripada mereka yang arif dalam sesuatu bidang kajian Lee et al., 2021).. Maka jelas bahawa kaedah Fuzzy Delphi ini berupaya menjadi kaedah pengukuran dalam mendapatkan kesepakatan pakar bagi membuat sesuatu keputusan .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Reka Bentuk Pembangunan dalam Kajian

Analisis kajian keperluan adalah penting dalam membina dan membangunkan sesuatu model agar model yang dibangunkan berguna dan boleh digunakan. Pedersen et al. (2021) telah menyatakan bahawa analisis keperluan merupakan satu bentuk penilaian yang menunjukkan bahawa sesuatu kumpulan tertentu mempunyai masalah yang perlu diselesaikan. Fasa pertama dalam kajian ini ialah fasa analisis keperluan. Dalam fasa ini pengumpulan data ialah melalui instrumen ujian tahap KBAT murid dan protokol temu bual. Fasa ini bertujuan untuk melaksanakan analisis keperluan dan mengumpul data untuk mengenal pasti permasalahan, keperluan kepada kerangka serta elemen-elemen bagi kerangka PVB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Fasa kedua pula merupakan reka bentuk dan membangunkan kerangka PVB. Fasa Reka Bentuk dalam kajian ini meliputi proses merancang strategi serta mereka bentuk model bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti daripada Fasa 1. Kajian ini menghasilkan draf Kerangka PVB dengan berlandaskan Teori Pembelajaran serta Model Penyelesaian Masalah Matematik. Elemen-elemen yang telah diperoleh semasa fasa analisis keperluan seterusnya direka bentuk dan dinilai oleh 5 orang pakar untuk membangunkan instrumen soal selidik bagi dinilai oleh pakar Dalam fasa ini juga kerangka PVB telah dibangunkan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi. Menurut Norlida (2010), Teknik Delphi merupakan teknik yang baik untuk memperoleh persetujuan pakar dalam menentukan elemen-elemen yang sesuai dalam pembangunan sesuatu item. Seramai 13 orang pakar menilai setiap elemen-elemen dalam kerangka PVB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa tiga pula ialah fasa pelaksanaan dan penilaian yang mana kerangka ini diimplementasikan dalam pengajaran dan pembelajaran matematik terhadap kumpulan rawatan. Manakala kumpulan kawalan akan menjalankan kaedah konvensional seperti biasa. Bagi penilaian iaitu bagi menguji kebolehgunaan kerangka. Dalam fasa ini pengkaji telah menguji keberkesanan kerangka di kelas sebenar serta menjalankan temu bual terhadap guru-guru yang terlibat. Kajian kuasi eksperimental digunakan bagi menilai keberkesanan kerangka PVB berbanding tanpa menggunakan kaedah PVB.

Aktiviti dalam Fasa Reka Bentuk Pembangunan boleh dibahagikan kepada tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa pelaksanaan dan penilaian. Objektif bagi fasa analisis keprluan adalah untuk mengnalpasti tahap KBAT sedia ada murid-murid di Daerah Bangsar-Pudu. Data telah diperoleh dalam bentuk skor dengan menggunakan instrumen Ujian Tahap KBAT yang tleah dibangunkan dalam kajian ini. Seterusnya data telah dianalisis dengan menggunakan min skor dalam perisian SPSS versi 22.0. Manakala persepsi guru terhadap isu dan cabaran dalam PdPc matematik, khususnya berkaitan dengan kemahiran penyelesaian masalah berbentuk KBAT telah diteroka dengan menggunakan Protokol Temu Bual dan data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis Tematik

Dalam Fasa dua iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan, kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik telah direka bentuk. Kerangka PVB direka berdasarkan hasil soal selidik dan seterusnys kaedah analisis menggunakan kaedah kuantitatif dengan perisian Ecel. Dalam ini juga telah dibangunkan kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PdPc matematik berpandukan kaedah Fuzzy Delphi yang juga telah dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif dengan perisian excel.

Fasa tiga merupakan fasa pelaksanaan dan penilaian dimana Kerangka PVB akan diimplimentasi dalam PdPc bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam mata pelajaran Matematik bagi murid tahun 4. Keberkesanan Kerangka PVB dalam PdPc penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam mata juga akan dinilai dalam fasa dengan menggunakan ujian pra dan pasca yang seterusnya akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Selain itu keberkesanan Kerangka PVB dalam PdPc penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam mata pelajaran Matematik bagi murid tahun 4 juga dinilai dengan menggunkan temu bual berprotokol yang dianalisis menggunakan kaedah Tematik. Dalam jadual 4.4 aktiviti kajian dalam Tiga Fasa Reka Bentuk Pembangunan telah dijadualkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Aktiviti Kajian dalam Tiga Fasa Reka Bentuk Pembangunan

Fasa	**Objektif**	**Pengumpulan data**	**Instrumen**	**Analisis Data**
Fasa 1: Analisis Keperluan	• Mengenal pasti tahap KBAT dalam matematik bagi murid Tahun 4	Skor Ujian Tahap KBAT	Ujian Tahap KBAT	Kuantitatif Min Skor SPSS
	• Meneroka persepsi guru terhadap isu dan cabaran dalam PdPc matematik, khususnya berkaitan dengan kemahiran penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam kalangan murid tahun 4	Temu Bual	Protokol Temu Bual	Tematik

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 *(sambungan)*

Fasa	Objektif	Pengumpulan data	Instrumen	Analisis Data
Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan	• Mereka bentuk kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik	Soal Selidik	Soal Selidik	Kuantitatif Excel
	• Membangunkan kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik	Kaedah Fuzzy Delphi	Fuzzy Delphi	Kuantitatif Excel
Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian	• Mengimplementasikan Kerangka PVB dalam PdPc penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam mata pelajaran Matematik bagi murid tahun 4	Soal Selidik	Ujian Pra dan Ujian Pasca	Kuantitatif SPSS
	• Menilai keberkesanan Kerangka PVB dalam PdPc penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam mata pelajaran Matematik bagi murid tahun 4	Temu Bual	Protokol Temu Bual	Ujian–T Tematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menggariskan dan memperincikan fasa-fasa dalam model ADDIE dan fasa-fasa dalam reka bentuk pembangunan yang digunakan dalam kajian ini bagi membangun dan menilai kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah KBAT dalam PdPc matematik. Setiap fasa mempunyai peranan penting dalam merangka langkah-langkah selanjutnya dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

DAPATAN KAJIAN

5.1 PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini ialah untuk menguraikan dapatan bagi 3 fasa dalam Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan. Fasa tersebut ialah Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan serta Fasa Pelaksanaan dan Penilaian. Dapatan bagi setiap fasa dalam kajian ini dijelaskan secara perinci dalam bab ini.

5.2 Fasa Analisis Keperluan

Bahagian ini menghuraikan dapatan kajian bagi Fasa 1: Analisis keperluan pembangunan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik. Dapatan kajian bagi fasa 1 akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama merujuk kepada tahap KBAT dalam matematik bagi murid tahun 4 yang dianalisis dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Manakala bahagian dua pula membincangkan persepsi guru terhadap isu dan cabaran dalam PdPc matematik, khususnya berkaitan dengan kemahiran penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam kalangan murid tahun 4.

5.2.1 Bahagian I

Bahagian pertama merujuk kepada tahap KBAT dalam matematik bagi murid tahun 4 yang dianalisis dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS versi 22. Bahagian ini menjawab persoalan kajian 1 dalam fasa 1: Analisis keperluan, iaitu:

> *Apakah tahap KBAT sedia ada murid tahun 4 dalam penyelesaian masalah matematik berbentuk KBAT ?*

Pendekatan kuantitatif dengan menggunakan ujian telah diaplikasikan oleh pengkaji untuk mendapatkan data mengenai tahap KBAT sedia ada murid tahun 4 dalam penyelesaian masalah matematik berbentuk KBAT. Seramai 400 orang murid tahun 4 telah dipilih untuk dilibatkan dalam fasa 1 kajian ini. Dapatan kajian bagi bahagian ini ditunjukkan dalam Jadual 5.1 berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1

Tahap KBAT Sedia Ada Murid Tahun 4 dalam Penyelesaian Masalah Matematik Berbentuk KBAT

Aspek	N	Min	Sisihan Piawai
Skor Ujian Tahap KBAT	400	19.20	17.00

Berdasarkan Jadual 5.1 di atas, skor ujian tahap KBAT mempunyai nilai min 19.20 dan sisihan piawai 17.00. Dapatan ini menunjukkan tahap KBAT murid tahun 4 masih berada diparas rendah.

5.2.2 Bahagian II

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian pertama merujuk kepada persepsi guru terhadap isu dan cabaran dalam PdPc matematik, khususnya berkaitan dengan kemahiran penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam kalangan murid tahun 4 yang dianalisis dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual separa berstruktur dan dianalisis dengan menggunakan analisis tematik dengan menggunakan perisian SPSS versi 22. Bahagian ini menjawab persoalan kajian 2 dalam fasa 1: Analisis keperluan, iaitu:

> *Apakah persepsi guru terhadap isu dan cabaran dalam PdPc matematik, khususnya berkaitan dengan kemahiran penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam kalangan murid tahun 4 ?*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini melibatkan lima orang guru dengan latar belakang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2 berikut.

Jadual 5.2

Latar Belakang Informan

Informan	**Jantina**	**Pengalaman Mengajar**	**Tahap Pendidikan**
Informan 1	Perempuan	15 tahun	Sarjana Muda
Informan 2	Perempuan	13 tahun	Sarjana
Informan 3	Perempuan	24 tahun	Sarjana Muda
Informan 4	Perempuan	19 tahun	Sarjana Muda
Informan 5	Lelaki	23 tahun	Sarjana

Jadual di atas menunjukkan bahawa kajian ini melibatkan seramai empat orang guru perempuan dan seorang guru lelaki. Dari segi pengalaman mengajar, kajian ini melibatkan guru yang mengajar lebih dari 10 tahun. Dari segi tahap pendidikan, kajian ini melibatkan dua orang guru yang mempunyai ijazah sarjana pendidikan dan tiga orang guru yang mempunyai ijazah sarjana muda pendidikan. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis tematik dapat dikategorikan menjadi tema dan subtema seperti dalam Jadual 5.3 berikut. Tema dan subtema ini telah disahkan oleh pakar pendidikan matematik yang berpengalaman dan telah melalui proses kajian, analisis, dan penelitian yang mendalam. Disahkan melalui konsensus pakar dalam bidang pendidikan matematik, tema ini dianggap relevan dan penting dalam konteks pengajaran dan pembelajaran matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.3

Persepsi Guru Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pdpc Matematik

Tema	Sub-Tema
Kaedah pengajaran penyelesaian masalah	Kaedah lakonan
	Kaedah drilling
	Kaedah drawing
	Kaedah pembelajaran berpusatkan murid
	Kaedah Polya
Kelemahan PdPc Matematik	Soalan tidak berkaitan dengan kehidupan murid
	BBM yang tidak bersesuaian
	Kegagalan murid dalam menguasai konsep asas
	Tuntutan silibus
Cabaran guru dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah	Pemahaman murid terhadap masalah
	Murid tidak berminat untuk menyelesaikan masalah
	Murid tidak membaca soalan dengan teliti
	Tempoh masa yang terhad
	Murid kurang membuat latihan
Elemen yang diperlukan dalam PdPc Matematik	BBM
	Kaedah
	Kesediaan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah pengajaran penyelesaian masalah

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, guru telah mengaplikasikan pelbagai kaedah untuk dalam PdPc matematik, khususnya dalam penyelesaian masalah, iaitu kaedah lakonan, kaedah drilling, kaedah drawing, kaedah pembelajaran berpusatkan murid dan kaedah Polya. Bahagian ini menghuraikan setiap kaedah yang digunakan oleh guru dalam PdPc matematik, khususnya dalam penyelesaian masalah.

Menurut P1 dan L5, dalam pengajaran penyelesaian masalah dalam PdPc matematik, guru menggunakan kaedah lakonan. Kaedah lakonan ini digunakan untuk membantu murid untuk memahami masalah dengan baik dan diaplikasikan melalui simulasi:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saya lebih kerap menggunakan kaedah lakonan supaya murid lebih memahaminya.

P1/15/ISP

Lagi satu saya akan gunakan simulasi, saya bawa budak untuk lakon kan yang ini adalah ini yang ini adalah ini.

L5/23/SP

P2 pula beranggapan bahawa dalam membuat soalan KBAT, beliau menggunakan kaedah drilling dan latih tubi:

Bagi saya nak buat soalan KBAT Kena betul-betul drilling, banyak buat latihan latih tubi.

P2/13/SP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, guru turut menggunakan kaedah *drawing*. Hal ini disebabkan menurut P3, kaedah ini dapat meminimumkan penggunaan perkataan yang seterusnya dapat membantu murid menjadi lebih mudah dalam memahami masalah:

i try to draw out. Lagi satu bila kita draw out less word already. A lot of word dia tak boleh buat, less word will so easier.

P3/24/ISP

P4 pula menggunakan kaedah pembelajaran berpusatkan murid untuk menggalakkan penglibatan setiap murid dalam PdPc:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah penyelesaian masalah yang kerap saya gunakan adalah kebanyakannya kaedah pembelajaran berpusatkan murid.

P4/19/ISP

Untuk tahap 2 untuk tahun 4,5,6 saya banyak menggunakan kaedah pembelajaran perbincangan.

P4/19/ISP

Kaedah Polya turut menjadi pilihan guru dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah dalam PdPc matematik. Menurut L5, kaedah Polya ini menekankan langkah-langkat yang mudah diikuti oleh murid dalam menyelesaikan masalah:

Untuk kaedah penyelesaian matematik ini, kita biasa menggunakan kaedah Polya. Di mana langkah-langkah ditekan kepada pada budak .langkah 1, langkah 2,langkah 3 langkah 4 langkah 5 supaya budak ikut dan selesaikan masalah sehingga dia semak bagi jawapan dia betul ke salah.

L5/23/SP

Dalam konteks Pembelajaran dan Pengajaran dalam Pendidikan Matematik, guru menggunakan pelbagai kaedah untuk mengajar penyelesaian masalah dengan berkesan kepada murid. Kaedah lakonan diterapkan oleh guru untuk memperjelaskan masalah melalui simulasi, mengikut cadangan P1 dan L5. Selain itu, P2 mengesyorkan penggunaan kaedah drilling dan latih tubi untuk mencipta soalan KBAT, manakala P3 mencadangkan kaedah *drawing* bagi memudahkan pemahaman murid dengan mengurangkan penggunaan perkataan. Penggunaan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran berpusatkan murid juga diperkenalkan oleh P4 untuk menggalakkan penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran. Kaedah Polya, yang menekankan langkah-langkah mudah diikuti oleh murid dalam menyelesaikan masalah, juga diperkenalkan, sebagaimana disokong oleh L5. Dengan pelbagai kaedah ini, guru dapat memastikan bahawa setiap aspek pembelajaran penyelesaian masalah dalam matematik disampaikan secara efektif kepada murid.

Kelemahan PdPc Matematik

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, terdapat beberapa kelemahan PdPc matematik, khususnya dalam penyelesaian masalah, iaitu soalan tidak berkaitan dengan kehidupan murid, BBM yang tidak bersesuaian, kegagalan murid dalam menguasai konsep asas dan tuntutan silibus. Bahagian ini menghuraikan kelemahan-kelemahan PdPc matematik, khususnya dalam penyelesaian masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut P1, antara faktor yang menyebabkan murid tidak dapat memahami masalah dengan baik adalah kerana soalan yang diberikan tidak berkaitan dengan kehidupan murid yang menjadikan mereka perlu untuk berfikir lebih jauh:

> *... kadang tu soalan tu bukan berkisar pada kehidupan murid, murid macam kena berfikir lebih jauh dan kadang kadang diorang takda pengalaman sendiri dalam penyelesaian masalah tersebut.*
>
> *P1/15/ISP*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, BBM yang disediakan turut didapati tidak bersesuaian dan mengikut perkembangan terkini yang menjadikan murid merasa bosan sebagaimana yang dinyatakan oleh P1:

> *kalau sekarang BBM lebih pada ikut zaman dahulu, mungkin murid bosan dengan BBM.*
>
> *P1/15/ISP*

Selain itu, guru turut menyatakan bahawa murid gagal menguasai konsep asas yang menjadikan mereka sukar untuk memahami dan menemukan masalah matematik dalam ayat kepada nombor sebagaimana yang dinyatakan oleh P4:

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

> *punca utama bagi saya adalah kegagalan murid untuk menguasai konsep asas dalam matematik dan ini menyebabkan kelemahan murid untuk memahami dan menemukan masalah matematik dalam ayat kepada nombor.*
>
> *P4/19/ISP*

L5 pula menyatakan bahawa tuntutan silibus turut menjadi salah satu kelemahan dalam PdPc matematik yang menjadikan murid belum menguasai kemahiran asas dan terpaksa mempelajai kemahiran yang lebih tinggi:

> *Itu kelemahannya kadang kita nak kejar silibus, kadang-kadang budak tu tak menguasai lagi kemahiran sebelum itu kita dah pergi ke kemahiran yang seterusnya. So itu semua kekangannya.*
>
> *L5/23/SP*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor-faktor yang menghalang pemahaman murid terhadap masalah matematik termasuk soalan yang kurang relevan dengan kehidupan sehari-hari, BBM yang tidak sesuai dengan perkembangan terkini, serta kegagalan murid dalam menguasai konsep asas matematik seperti mentransformasi ayat kepada nombor. Tuntutan silibus yang tinggi juga menjadi kelemahan dalam Pembelajaran dan Pengajaran dalam Pendidikan Matematik. Dengan mengenal pasti faktor-faktor ini, guru dapat menyesuaikan pendekatan pengajaran untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh murid.

Cabaran guru dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, guru turut menghadapi beberapa cabaran dalam mengajar kemahiran penyelesaian masalah, iaitu pemahaman murid terhadap masalah, murid tidak berminat untuk menyelesaikan masalah, murid tidak membaca soalan dengan teliti, tempoh masa yang terhad dan murid kurang membuat latihan. Bahagian ini menghuraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah.

Menurut P1, guru perlu memastikan murid memahami masalah dalam soalan yang diberikan. Namun demikian, temu bual yang dijalankan mendapati bahawa tahap kefahaman murid yang rendah menjadikan guru sukar untuk mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah sebagaimana yang dinyatakan oleh P3:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kita yang pertama nak memastikan budak itu paham, kadang kadang mereka sendiri tak dapat membayangkan apa masalah soalan itu sendiri. Itu satu cabaran nak memahamkan dia kehendak soalan itu satu masalah.

P1/15/ISP

Tahap kefahaman yang rendah.

P3/24/ISP

Selain itu, murid juga didapati tidak berminat untuk menyelesaikan masalah. Hal ini ditunjukkan dengan mereka yang tidak mencuba untuk memahami masalah dengan baik, bahkan sesetengah murid tidak berminat untuk membaca soalan yang diberikan sebagaimana yang dinyatakan oleh P1 dan P3:

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

... mereka suka baca panjang panjang dan mereka tanak cuba memahaminya dan fedup terus tinggalkan.

P1/15/ISP

Memang nampak ada kelemahan, because one sikap their dont like math, so bila nampak soalan penyelesaian masalah their dont want to try, tak mahu cuba. Their refuse to read sometime.

P3/24/ISP

Selain itu, guru turut menyatakan bahawa murid tidak membaca soalan dengan teliti dan menjadikan mereka tidak dapat menjawab dengan betul sesuai dengan kehendak soalan tersebut. P2 dan P3 mencadangkan bahawa murid seharusnya membaca dengan teliti melalui kata kunci yang diberikan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebab mereka tak membaca soalan yang diberikan dengan betul. Jadi bila tak membaca, jadi mereka tak dapat la membuat seperti kehendak soalan tersebut. Mereka jawab dengan terlalu cepat, mereka tengok soalan terus tengok nombor terus nak menyelesaikan tanpa memahami kehendak soalan.

P2/13/SP

So bila mereka read pun, dia tak boleh baca dan comprehand nicely, sometime dia cari keyword bila kita belajar kena suruh cari keyword.

P3/24/ISP

P2 dan P3 pula menyatakan bahawa antara cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajarkan murid kemahiran penyelesaian masalah adalah kerana guru tidak mempunyai masa yang mencukupi:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah kita nak ajar KBAT kepada murid ini, satu kita tak banyak masa untuk topik penyelesaian masalah ini dan masa kita terhad suntuk.

P2/13/SP

Another thing is kita tak cukup masa, in our PNP kita ada 6 waktu dalam seminggu. I think 6 waktu tidak cukup, at least 8 waktu baru cukup then kita can see them more often then better la. I mean pertemuan lebih kerap.

P3/24/ISP

Selain itu, temu bual yang dijalankan turut mendapati murid kurang membuat latihan walaupun pelbagai latihan telah disediakan oleh guru. Menurut L5, matematik memerlukan latihan bagi memastikan murid dapat menyelesaikan masalah dengan baik:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudian murid pun kurang membuat latihan. Kita ada memberi latihan, murid ada yang membuat dan ada juga murid yang tak buat dan ada juga murid yang buat tapi main buat salah sahaja. Jadi benda benda macam tu buatkan kita sukar nak pupuk KBAT dalam kalangan murid.

P2/13/SP

kalau tanya saya, latihan lah. Math kena latih. Latihan tak cukup so kadang kadang murid tak buat kerja rumah.

L5/23/SP

Guru perlu memastikan pemahaman murid terhadap soalan matematik, tetapi tahap pemahaman yang rendah di kalangan murid menjadi cabaran bagi guru dalam menjalankan tugas ini. Selain itu, kekurangan minat murid dalam menyelesaikan masalah turut menjadi cabaran, dengan beberapa daripada mereka tidak mengambil inisiatif untuk memahami soalan sepenuhnya. Guru juga menghadapi kesukaran kerana beberapa murid tidak membaca soalan dengan teliti. Cabaran lain termasuk kekurangan latihan oleh murid, walaupun pelbagai latihan disediakan oleh guru. Oleh itu, penting bagi guru untuk menggalakkan minat murid dalam menyelesaikan masalah, memastikan mereka membaca soalan dengan teliti, dan memperbanyakkan latihan bagi meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah mereka.

Elemen yang diperlukan dalam PdPc Matematik

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, terdapat beberapa elemen yang diperlukan oleh guru dalam PdPc matematik, khususnya dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah, iaitu BBM, kaedah dan kesediaan guru. Bahagian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini menghuraikan elemen-elemen yang diperlukan oleh guru dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah.

Menurut P1, BBM yang diperlukan bagi membantu guru dalam mengajarkan kemahiran masalah perlu mengikuti arus semasa seperti penggunaan komputer, LCD ataupun Notebook yang lebih menarik:

... BBM perlu ikut arus semasa.

P1/15/ISP

BBM perlu dalam segi elektronik, mungkin penggunaan komputer ataupun penggunaan LCD ataupun Notebook pada murid lebih menarik lah.

P1/15/ISP

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Selain itu, bahan bantu mengajar yang wujud seperti kertas mahjong dan pen marker turut menjadi salah satu pilihan BBM yang perlu ada dalam mengajarkan sesuatu topik penyelesaian masalah sebagaimana yang dinyatakan oleh P2 dan P3:

Bahan bantu mengajar yang wujud la, kalau kita berikan murid kertas mahjong dengan pen marker mereka boleh tulis dan buat perbincangan dalam kumpulan. Dan apa apa bahan yang menarik, contoh kita nak ajar topi dengan panjang, jadi adalah pembaris dengan objek-objek di sekeliling yang boleh digunakan untuk ukur dan sebagainya.

P2/13/SP

Bahan maujud mesti guna like teaching something bentuk benda kena nampak.

P3/24/ISP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

P4 pula menyatakan bahawa dari segi bahasa, bahan bantu mengajar yang digunakan mestilah menarik sejajar dengan saranan kerajaan bagi menjadikan murid lebih celik IT:

bagi segi bahasa bahan digunakan mesti la menarik sejajar dengan saranan kerajaan kita untuk murid kita celik IT.

P4/19/ISP

Manakala L5 menyatakan bahawa salah satu teknik yang menggunakan bahan bantu mengajar yang dapat digunakan adalah Bar Model dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ataupun ada dalam satu teknik yang dipanggil Bar Model itu pun boleh digunakan, itu pun okey kita boleh gunakan untuk perwakilan.

L5/23/SP

Selain itu, temu bual yang dijalankan turut mendapati bahawa guru mencadangkan beberapa kaedah yang dapat digunakan dalam mengajarkan penyelesaian masalah dalam PdPc matematik seperti kaedah lakonan dan kaedah lukisan:

... mungkin dari kaedah lakonan ke ... murid terlibat aktif dan mereka berlakon sendiri bagaimana kehendak soalan itu.

P1/15/ISP

Murid boleh juga buat lukisan, dan sebagainya menggunakan pen berwarna bagi menggambar situasi itu sendiri ... Tapi soalan KBAT benda yang asas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu ada tapi kadang-kadang tak cukup jadi murid perlukan semi concrite ataupun yang mana mereka perlu melukis sendiri benda tersebut.

P2/13/SP

Ask them to draw dalam bentuk lukisan, gambar rajah atau jadual so them can see lebih clear. Like lower primary like colouring right, so we give them picture and the question somewhere in the picture so them exciting.

P3/24/ISP

Selain itu, P3 menyatakan bahawa kaedah pengajaran yang menggunakan pelbagai permainan juga dapat meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid:

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Maybe more game, game based learning, aktiviti based learning also okey.

P3/24/ISP

Manakala dari segi kesediaan guru, P4 berpendapat bahawa guru perlu mempunyai kesediaan dalam mengajar murid soalan berbentuk KBAT:

Pertama, perlu adanya kesedian pada guru. Menurut kajian guru yang berpengalaman selama 10 tahun yang mempunyai kesediaan untuk mengajar murid bagi soalan berbentuk KBAT. Itu yang pertama ,asas mesti kesediaan guru itu sendiri.

P4/19/ISP

Guru dalam kajian ini mengakui kepentingan penggunaan bahan bantu mengajar yang inovatif seperti teknologi dan alat visual dalam pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelesaian masalah. Cadangan untuk menggunakan teknologi seperti komputer, LCD, atau Notebook serta bahan alternatif seperti kertas mahjong dan pen marker disokong oleh beberapa responden. Selain itu, terdapat keperluan untuk memilih bahan bantu mengajar yang menarik dan relevan dengan perkembangan teknologi bagi meningkatkan literasi IT murid. Teknik Bar Model dilihat sebagai satu pendekatan efektif dalam pengajaran penyelesaian masalah dengan bantuan visual yang berkualiti. Penggunaan kaedah pengajaran yang pelbagai seperti lakonan dan lukisan, serta permainan, juga digalakkan untuk memperkukuh pemahaman dan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah murid. Gaya pengajaran yang bersedia dan proaktif dalam mengajar murid untuk menjawab soalan KBAT turut ditekankan oleh responden.

5.3 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Reka bentuk dan pembangunan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) dibangunkan untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik. Dapatan kajian bagi fasa reka bentuk dan pembangunan berfokus kepada elemen-elemen yang perlu ada dalam kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik dan kesahan dan kebolehpercayaan bagi elemen-elemen tersebut yang dianalisis dengan menggunakan pendekatan kuantitatif.

Teknik Delphi telah diaplikasikan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan pandangan daripada panel pakar dalam proses mereka bentuk dan membangunkan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik. Komponen yang akan dibincangkan dalam bahagian ini ialah pembentukan panel pakar, pelaksanaan dan pengumpulan data teknik Delphi, Delphi pusingan pertama, Delphi pusingan kedua dan rumusan Delphi dua pusingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini menjawab persoalan kajian dalam fasa 2 dan fasa 3: Reka bentuk dan Pembangunan, iaitu:

Apakah elemen-elemen yang perlu ada dalam Kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik ?

Adakah elemen-elemen dalam Kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT matematik memenuhi syarat kesahan dan boleh dipercayai?

5.3.1 Pembentukan Panel Pakar

Dalam kajian ini, seramai 13 orang pakar yang terdiri daripada Guru Guru berpengalaman dalam bidang Matematik, Ketua Unit Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, Pensyarah Pensyarah Institut Perguruan serta Pensyarah-Pensyarah Universiti. Kaedah pensampelan bertujuan telah digunakan oleh penyelidik dalam pembentukan panel pakar. Kriteria yang diutamakan ialah semua ahli panel yang dipilih mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji.

Sebelum pembentukan panel pakar, pengkaji telah mengadakan temu janji dengan semua ahli panel untuk mendapatkan persetujuan mereka sebagai ahli panel dalam kajian ini. Setelah mendapat persetujuan, pengkaji telah memberikan surat pelantikan sebagai panel pakar kepada semua ahli yang terlibat. Tujuan utama pembentukan panel pakar ialah mendapatkan maklumat dan pandangan untuk mereka bentuk dan pembangunan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik dinyatakan dengan jelas dalam surat pelantikan panel pakar. Panel pakar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipilih dalam fasa reka bentuk dan pembangunan ini termasuklah enam orang pensyarah, empat orang guru, satu orang KU dan dua orang KP.

Jadual 5.4

Matrik Pembentukan Panel Pakar

Jabatan	Jawatan	Kelayakan	Pengalaman	Jumlah
UPSI	Pensyarah	PhD	> 20 tahun	2 orang
IPGPPPP	Pensyarah	PhD	> 20 tahun	2 orang
SMKJ Chung Hwa	Guru	PhD	15 – 20 tahun	1 orang
UPSI	Pensyarah	Master	> 20 tahun	1 orang
IPGPPP	Pensyarah	Master	> 20 tahun	1 orang
BPK	KU	B.ED	> 20 tahun	1 orang
SKBB	KP	B.ED	> 20 tahun	2 orang
SKBTHO2	Guru	B.ED	15 – 20 tahun	2 orang
SKBTHO2	Guru	B.ED	> 20 tahun	1 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Pelaksanaan dan Pengumpulan Data melalui Teknik Delphi

Dalam proses reka bentuk dan pembangunan kerangka ini, Teknik Delphi dua pusingan telah digunakan oleh pengkaji. Pusingan pertama membolehkan kajian ini mendapatkan maklumat untuk membentuk instrumen, iaitu soal selidik yang akan digunakan bagi pusingan kedua. Pusingan kedua membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang lengkap melalui konsensus yang tinggi dalam mereka bentuk dan membangunkan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada pusingan pertama, temu bual separa berstruktur telah dijalankan dengan lima orang pakar Visual Bar. Hasil temu bual telah dianalisis secara tematik untuk membentuk instrument Delphi yang telah dikenal pasti semasa fasa analisis keperluan, iaitu soal selidik bagi pusingan kedua. Instrument yang dibentuk terdiri daripada dua bahagian, iaitu Maklumat Peribadi dan pandangan pakar mengenai kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT PdPc Matematik.

Pada pusingan kedua, 13 pakar diminta untuk menandakan jawapan persetujuan mereka bagi item-item yang telah dibentuk melalui pusingan pertama. Panel pakar diminta untuk menyatakan pandangan mereka terhadap item-item yang dibentuk dan menambah item-item lain yang difikirkan sesuai dengan kajian ini. Setelah mendapat kembali soal selidik yang diberikan kepada semua ahli panel, pengkaji telah membuat analisis berdasarkan nilai threshold.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan nilai *threshold* untuk menentukan persetujuan panel pakar bagi item-item yang dikemukakan dalam soal selidik. Jawapan panel pakar bagi setiap item dikira dalam bentuk peratusan bagi memudahkan kajian ini menganalisis persetujuan panel pakar bagi item yang dikemukakan. Skor nilai *threshold* akan menentukan tahap konsensus bagi setiap item seperti kajian yang telah dilaksanakan oleh Chin (2009).

Jadual 5.5

Tahap Konsensus Panel Pakar

Tahap Konsensus	**Julat antara kuartil**
Tinggi	0.00 – 1.00
Sederhana	1.00 – 1.99
Tiada konsensus	2.00 ke atas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item yang berada pada nilai *threshold* antara kuartil 0 hingga 1 menunjukkan tahap konsensus yang tinggi. Nilai *threshold* antara kuartil 1.01 hingga 1.99 bermakna item berkenaan mempunyai konsensus yang sederhana. Manakala nilai *threshold* antara kuartil 2.00 ke atas bermakna item tersebut tidak mempunyai konsensus antara panel pakar.

5.3.3 Pusingan Pertama

Pada pusingan pertama, lima orang pakar telah ditemu bual untuk membentuk instrumen Delphi. Soalan temu bual dalam pusingan satu terdiri daripada dua bahagian. Bahagian I terdiri daripada elemen dalam kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik dan Bahagian II terdiri daripada sub elemen dalam kerangka PVB bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik.

Hasil temu bual dengan lima orang pakar tersebut telah ditranskripsikan dan ditaipkan dalam bentuk *Microsoft Word*. Pengkaji telah mempertimbangkan dan menghubung kait semua maklum balas yang diberikan oleh panel pakar yang di temu bual. Pengkaji telah meneliti persetujuan dan perbezaan pandangan atau pendapat terhadap setiap soalan yang dikemukakan kepada panel pakar. Hasil dapatan temu bual dengan panel pakar merupakan asas pembentukan soal selidik bagi pusingan kedua. Berdasarkan hasil temu bual dengan lima orang pakar, soal selidik bagi pusingan kedua telah dibentuk mengikut bahagian berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian I: Cadangan tentang elemen dalam kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik.

Bahagian II: Cadangan tentang sub elemen dalam kerangka PVB bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik.

Pengkaji telah menggunakan 7 Skala Likert untuk mendapatkan pandangan pakar terhadap setiap item yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Deskripsi 7 skala likert yang digunakan ialah: 1 = Sangat-sangat tidak setuju; 2 = Sangat tidak setuju; 3 = Tidak setuju; 4 = Sederhana setuju; 5 = Setuju; 6 = Sangat setuju; 7 = Sangat-sangat setuju.

5.3.4 Pusingan Kedua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Instrumen yang telah dibentuk telah disemak oleh lima pensyarah dari UPSI. Soal selidik yang telah diubah suai diserahkan terus oleh pengkaji kepada 13 orang pakar, iaitu panel pakar yang telah dipilih. Panel pakar diminta untuk menyatakan tahap persetujuan mereka bagi setiap item dengan menggunakan 7 skala likert, iaitu 1 untuk sangat-sangat tidak setuju, 2 untuk sangat tidak setuju, 3 untuk tidak setuju, 4 untuk sederhana setuju, 5 untuk setuju, 6 untuk sangat setuju dan 7 untuk sangat-sangat setuju.

Instrumen yang dibentuk melalui pusingan pertama bertemakan elemen dan sub-elemen dalam kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik. Jadual 5.6 dan laporan berikut merupakan dapatan kajian daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pusingan kedua bagi aspek elemen dalam kerangka PVB bagi penyelesaian masalah berbentuk KBAT PdPc Matematik yang telah dilaksanakan.

Jadual 5.6

Nilai Threshold Bagi Elemen dalam Kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik

Pakar	**ITEM**				
	1	**2**	**3**	**4**	**5**
1	0.055	0.214	0.296	0.287	0.287
2	0.363	0.508	0.100	0.106	0.106
3	0.055	0.214	0.055	0.052	0.052
4	0.055	0.179	0.055	0.106	0.106
5	0.100	0.179	0.100	0.106	0.106
6	0.055	0.049	0.055	0.052	0.052
7	0.100	0.049	0.055	0.052	0.052
8	0.100	0.049	0.100	0.106	0.106
9	0.100	0.049	0.055	0.052	0.052
10	0.100	0.179	0.100	0.106	0.106
11	0.055	0.049	0.055	0.287	0.287
12	0.100	0.179	0.100	0.106	0.106
13	0.055	0.049	0.100	0.106	0.106
Nilai d setiap item	**0.099**	**0.150**	**0.094**	**0.117**	**0.117**

Jadual di atas menunjukkan bahawa 5 item yang terdapat dalam bahagian ini memperoleh persetujuan panel pakar dengan nilai purata di setiap item berada pada nilai di bawah 0.2 (Chen & Lin, 2002). Semua item mencatatkan tahap konsensus yang tinggi dengan nilai 0 hingga 1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.7

Nilai Threshold Bagi Sub Elemen dalam Kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik

Pakar	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
1	0.6	0.22	0.225	0.18	0.214	0.266	0.043	0.276	0.055	0.05	0.071	0.04
2	0.1	0.51	0.518	0.47	0.508	0.129	0.111	0.117	0.100	0.10	0.082	0.13
3	0.5	0.08	0.046	0.03	0.049	0.032	0.043	0.042	0.055	0.05	0.071	0.07
4	0.1	0.03	0.046	0.05	0.049	0.032	0.043	0.117	0.055	0.05	0.071	0.04
5	0.1	0.17	0.167	0.24	0.179	0.032	0.043	0.042	0.100	0.10	0.083	0.10
6	0.0	0.17	0.167	0.08	0.049	0.985	0.998	0.042	0.100	0.05	0.071	0.04
7	0.1	0.03	0.225	0.18	0.214	0.266	0.285	0.276	0.296	0.29	0.071	0.04
8	0.1	0.03	0.167	0.07	0.179	0.032	0.043	0.117	0.055	0.05	0.071	0.10
9	0.11	0.03	0.16	0.07	0.04	0.12	0.04	0.04	0.05	0.10	0.08	0.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(bersambung)

Jadual 5.7 *(sambungan)*

10	0.11	0.03	0.04	0.07	0.04	0.12	0.11	0.11	0.10	0.10	0.08	0.10
11	0.18	0.03	0.04	0.18	0.04	0.03	0.04	0.04	0.05	0.05	0.07	0.04
12	0.11	0.17	0.16	0.20	0.17	0.12	0.11	0.11	0.10	0.10	0.08	0.04
13	0.11	0.03	0.04	0.20	0.17	0.12	0.11	0.11	0.10	0.10	0.08	0.04
Nilai d setiap item	**0.13**	**0.12**	**0.15**	**0.16**	**0.15**	**0.17**	**0.15**	**0.11**	**0.09**	**0.09**	**0.07**	**0.06**

Jadual di atas menunjukkan bahawa 12 item yang terdapat dalam bahagian ini memperoleh persetujuan panel pakar dengan nilai purata d setiap item berada pada nilai di bawah 0.2 (Chen & Lin, 2002). Nilai purata d bagi keseluruhan item adalah 0.123. Ini menunjukkan item-item ini telah mencapai kesepakatan pakar yang baik (Chang et al., 2011). Semua item mencatatkan tahap consensus yang tinggi dengan nilai 0 hingga 1.

Jadual 5.8

Peratus Persetujuan Pakar Bagi Elemen dalam Kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc Matematik

	ITEM				
	1	**2**	**3**	**4**	**5**
Bilangan Item d ≤ 0.2	**12**	**10**	**12**	**11**	**11**
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	**92%**	**87%**	**92%**	**85%**	**85%**
Peratus Keseluruhan Item d ≤ 0.2			**88%**		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual di atas menunjukkan bahawa lima item yang ada dalam bahagian ini memperoleh persetujuan panel pakar antara 85% hingga 92%.

Jadual 5.9

Peratus Persetujuan Pakar Bagi Sub Elemen dalam Kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT Pdpc Matematik

	ITEM											
	6	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**	**14**	**15**	**16**	**17**
Bilangan Item d ≤ 0.2	**12**	**11**	**10**	**9**	**10**	**11**	**12**	**11**	**12**	**12**	**13**	**13**
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	**92**	**85**	**87**	**85**	**85**	**85**	**92**	**85**	**92**	**92**	**100**	**100**
Peratus Keseluruhan Item d ≤ 0.2	**90%**											

Jadual di atas menunjukkan bahawa 12 item yang ada dalam bahagian ini memperoleh persetujuan panel pakar antara 85% hingga 100%. Khadka (2021) menyatakan bahawa nilai threshold sebanyak 70% hingga 80% memadai untuk mencapai konsensus


5.3.5 Rumusan Delphi dua Pusingan

Setelah menganalisis data daripada pusingan kedua, pengkaji membuat rumusan berdasarkan kesepakatan panel pakar bagi item-item yang terdapat dalam setiap bahagian instrument kajian. Item-item tersebut adalah dari aspek elemen dan sub-elemen dalam kerangka PVB Bagi Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT PdPc

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matematik. Rajah 5.1 menunjukkan rumusan yang diperolehi daripada kesepakatan panel pakar.



Rajah 5.1. Kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

Bahagian ini akan membentangkan dapatan bagi fasa pelaksanaan dan penilaian dalam kajian ini.

5.4.1 Fasa Pelaksanaan

Bahagian ini menghuraikan dapatan kajian bagi Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik. Fasa pelaksanaan merujuk kepada proses penerapan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik.

Pengkaji telah menerima semua cadangan daripada panel penilai guru untuk memurnikan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik. Setelah kerja pemurnian, kerangka PVB ini telah digunakan oleh murid tahun 4. Proses implementasi kerangka ini melibatkan beberapa tajuk, iaitu masa dan waktu, panjang, jisim, dan isi padu. Jadual berikut merupakan prosedur pelaksanaan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik. Lampiran C menunjukkan pelaksanaan kerangka PVB dengan lebih terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.10

Pelaksanaan Kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) Untuk Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT dalam PdPc Matematik

Minggu/Tarikh	**Bidang**	**Tajuk**
Minggu 1 - 3	Sukatan & Geometri	Masa & Waktu
Minggu 4 - 5	Sukatan & Geometri	Panjang
Minggu 6	Sukatan & Geometri	Jisim
Minggu 7 - 10	Sukatan & Geometri	Isi padu

Bahagian ini menghuraikan penggunaan kerangka PVB dalam menyelesaikan masalah berasaskan KBAT bagi topik masa, jarak dan jisim.

Tajuk:

Masa & Waktu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan :

En.Kamal perlu menghadiri mesyuarat di Thailand dan Mynmar. Beliau telah ke negara-negara tersebut dengan menaiki kapal terbang. Perjalanan En.Kamal mengambil masa 2 jam 30 min untuk sampai ke negara Thailand. Dari Thailand mengambil masa 3 jam 50 minit untuk sampai ke negara Myanmar. Kemudian mengambil masa 3 jam 40 minit untuk sampai ke Malaysia. Berapakah jumlah masa perjalanan En.Kamal?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.11

Contoh Penggunaan Kerangka PVB dalam Menyelesai Masalah Berasaskan KBAT Bagi Topik Masa dan Waktu



LANGKAH	**PENJELASAN**
MELUKIS • Memahami maklumat yang diberi dalam soalan • Menganggar saiz PVB mengikut maklumat soalan • Melukis dan melabel PVB mengikut maklumat yang diberi	1. Murid memahami soalan dan apa maklumat yang diberi oleh soalan. 2. Murid menganggar saiz PVB mengikut maklumat soalan yang diberikan. 3. Murid melukis dan melabel PVB mengikut maklumat yang diberi. Malaysia ke Thailand: 2 jam | 30 Thailand ke Myanmar: 3 jam | 50 min Myanmar ke Malaysia: 3 jam | 40 min
MENYUSUN • Memahami pengurutan soalan • Menyusun PVB meni ikut urutan soalan	1. Murid memahami pengurutan soalan dan menyusun maklumat yang diberi mengikut unit jam dan minit. 2. PVB juga disusun mengikut urutan soalan. Jam: 2 jam | 3 jam | 3 jam Minit: 30 | 50 min | 40

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.11 *(sambungan)*


MENGENAL PASTI • Mengenal pasti kehendak soalan • Mengenal pasti bahagian yang hendal dicari pada PVB • Melorek bahagian yang hendak dicari pada PVB	1. Murid mengenal pasti kehendak soalan iaitu hendak mencari jumlah masa keseluruhan perjalanan Kamal. 2. Bahagian yang hendak dicari dikenal pasti dengan meletakan anak panah. 3. Bahagian yang hendak dicari juga dilorek. 
MERANCANG • Merancang operasi yang perlu digunakan	1. Merancangkan operasi yang perlu digunakan bagi mencari jumlah iaitu tambah. 2. Menulis ayat matematik di bawah PVB.
uk mencari bahagian yang dilorek • Menulis ayat matematik bagi mencari bahagian yang dilorek	 2jam + 3Jam +3Jam =

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.11 *(sambungan)*




30 minit + 50 minit + 40 minit =

MENYELESAIKAN


- Menyelesaikan ayat matematik
- Mencari nilai bagi bahagian yang berlorek

1. Menyelesaikan ayat matematik dengan bentuk lazim .
2. Mencari nilai bahagian yang hendak dicari dan menulisnya di ruang jawapan.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2 jam + 3 jam +3 jam =8 jam



30 minit + 50 minit + 40 minit =120 minit

Jam	Minit
2	30
3	50
+ 3	40
8	120

120 minit = 2 jam, maka 8 jam + 2 jam = 10 jam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tajuk:

JARAK

Soalan :

Jarak rumah Ali dengan sekolah ialah 15km 850m manakala jarak rumah Nesan dengan sekolah ialah 8km 900m. Berapakah beza jarak jumlah mereka ke sekolah.

Jadual 5.12

Contoh Penggunaan Kerangka PVB dalam Menyelesai Masalah Berasaskan KBAT Bagi Topik Jarak

LANGKAH	**PENJELASAN**
MELUKIS	
• Memahami maklumat yang	1. Murid memahami soalan dan apa maklumat yang diberi oleh soalan.
diberi dalam soalan • Menganggar saiz PVB mengikut maklumat soalan Melukis dan melabel PVB mengikut maklumat yang diberi	2. Murid menganggar saiz PVB mengikut maklumat soalan yang diberikan. 3. Murid melukis dan melabel PVB mengikut maklumat yang diberi. Rumah Ali sekolah  Rumah Nesan sekolah 

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.12 *(sambungan)*


MENYUSUN • Memahami pengurutan soalan • Menyusun PVB meni ikut urutan soalan	1. Murid memahami pengurutan soalan dan menyusun maklumat yang diberi mengikut unit Kilometer dan meter. 2. PVB juga disusun mengikut urutan soalan. Rumah Ali 15km 850 SEKOLAH Rumah Nesan 8km 900m SEKOLAH
MENGENAL PASTI • Mengenal pasti kehendak soalan • Mengenal pasti bahagian yang hendal dicari pada PVB • Melorek bahagian yang hendak dicari pada PVB	1. Murid mengenal pasti kehendak soalan iaitu hendak mencari beza jarak rumah mereka dengan sekolah. 2. Bahagian yang hendak dicari dikenal pasti dengan meletakan anak panah. 3. Bahagian yang hendak dicari juga dilorek. . 850m tak boleh tolak 900m maka pinjam 1km dan tukar kepada 1000m 14km 850m 1000m 8km 900m
MERANCANG • Merancang operasi yang perlu digunakan untuk mencari bahagian yang dilorek • Menulis ayat matematik bagi mencari bahagian yang dilorek	1. Merancangkan operasi yang perlu digunakan bagi mencari beza iaitu tolak. 2. Menulis ayat matematik di bawah PVB. 14km 850m 1000m 8km 900m 14km-8km = 6km 850m+1000m - 900m=950m

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.12 *(sambungan)*

MENYELESAIKAN • Menyelesaikan ayat matematik • Mencari nilai bagi bahagian yang berlorek	1. Menyelesaikan ayat matematik dengan bentuk lazim . 2. Mencari nilai bahagian yang hendak dicari dan menulisnya di ruang jawapan.  6km 950m

Tajuk: JISIM

Soalan :

Maniam membeli 3.50kg ubi kentang. Baki ubi kentang yang tinggal ialah 2.52kg.

Berapakah ubi kentang yang digunakan oleh Maniam?

Jadual 5.13

Contoh Penggunaan Kerangka PVB dalam Menyelesai Masalah Berasaskan KBAT Bagi Topik Jisim

LANGKAH	**PENJELASAN**
MELUKIS • Memahami maklumat yang diberi dalam soalan • Menganggar saiz PVB mengikut maklumat soalan • Melukis dan melabel PVB mengikut maklumat yang diberi	1. Murid memahami soalan dan apa maklumat yang diberi oleh soalan. 2. Murid menganggar saiz PVB mengikut maklumat soalan yang diberikan. 3. Murid melukis dan melabel PVB mengikut maklumat yang diberi. Maniam ada 3.5 kg = 3500g Maniam tinggal 2.520 kg = 2520g

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.13 *(sambungan)*


MENYUSUN	
• Memahami pengurutan soalan • Menyusun PVB meni ikut urutan soalan	1. Murid memahami pengurutan soalan dan menyusun maklumat yang diberi mengikut unit gram. 2. PVB juga disusun mengikut urutan soalan. Maniam ada 3.5 kg = 3500g Maniam tinggal 2.520 kg = 2520g
MENGENAL PASTI	
• Mengenal pasti kehendak soalan • Mengenal pasti bahagian yang hendal dicari pada PVB • Melorek bahagian yang hendak dicari pada PVB	1. Murid mengenal pasti kehendak soalan iaitu hendak mencari berapakah ubi kentang yang sudah digunakan oleh Maniam. 2. Bahagian yang hendak dicari dikenal pasti dengan meletakan anak panah. 3. Bahagian yang hendak dicari juga dilorek. 3.5 kg = 3500g 2.520 kg = 2520g digunakan
MERANCANG	
• Merancang operasi yang perlu digunakan untuk mencari bahagian yang dilorek • Menulis ayat matematik bagi mencari bahagian yang dilorek	1. Merancangkan operasi yang perlu digunakan bagi mencari ubi kentang yang belum digunakan. 2. Menulis ayat matematik di bawah PVB. 3.5 kg = 3500g 2.520 kg = 2520g digunakan 3500g – 2520g =

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.13 *(sambungan)*

MENYELESAIKAN • Menyelesaikan ayat matematik • Mencari nilai bagi bahagian yang berlorek	1. Menyelesaikan ayat matematik dengan bentuk lazim . 2. Mencari nilai bahagian yang hendak dicari dan menulisnya di ruang jawapan. 3500g – 2520g 980g 

5.4.2 Penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini menghuraikan dapatan kajian bagi Fasa 5: penilaian kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik. Fasa penilaian akan dibincangkan dalam dua bahagian, iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif dilaksanakan sebelum kerangka PVB diimplementasikan kepada murid-murid tahun 4. Penilaian formatif dijalankan dengan tujuan untuk menilai kelebihan dan kekurangan kerangka PVB mengikut pandangan panel penilai guru serta cadangan panel untuk memurnikan kerangka PVB yang telah dibangunkan. Bagi tujuan ini, lima orang penilai guru telah dipilih oleh pengkaji untuk menilai kerangka PVB melalui pensampelan bertujuan. Penilaian sumatif pula dilaksanakan selepas kerangka PVB diimplementasikan kepada murid tahun 4 yang dipilih sebagai peserta kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian sumatif ini adalah untuk mengenal pasti kelebihan, kelemahan dan cadangan mengikut hasil ujian yang telah dijalankan.

Dapatan kajian dibincangkan mengikut prosedur, iaitu penilaian formatif oleh panel penilai guru, implementasi kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik dan penilaian sumatif oleh murid-murid tahun 4. Instrumen yang digunakan untuk tujuan pengumpulan data ialah ujian dan temu bual. Proses pengumpulan data dan analisis dapatan kajian mengikut prosedur dibincangkan dan dihuraikan oleh pengkaji dalam bahagian yang seterusnya.

a. Penilaian Formatif oleh Panel Penilai Guru

05-45068 Perpustakaan Tuanku Bainun TBainun ptbupsi

Bahagian ini menjawab persoalan kajian dalam fasa 3: Penilaian, iaitu:

Apakah kelebihan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik?

Bahagian ini melibatkan lima orang guru dengan latar belakang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 berikut.

Jadual 5.14

Latar Belakang Informan

Informan	Jantina	Pengalaman Mengajar	Tahap Pendidikan
Informan 1	Perempuan	15 tahun	Sarjana Muda
Informan 2	Perempuan	13 tahun	Sarjana
Informan 3	Perempuan	24 tahun	Sarjana Muda
Informan 4	Perempuan	19 tahun	Sarjana Muda
Informan 5	Lelaki	23 tahun	Sarjana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual di atas menunjukkan bahawa kajian ini melibatkan seramai empat orang guru perempuan dan seorang guru lelaki. Dari segi pengalaman mengajar, kajian ini melibatkan guru yang mengajar lebih dari 10 tahun. Manakala dilihat dari segi tahap pendidikan, kajian ini melibatkan dua orang guru yang mempunyai ijazah sarjana pendidikan dan tiga orang guru yang mempunyai ijazah sarjana muda pendidikan.

Pengkaji telah mengadakan sesi temu bual separa berstruktur dengan semua panel penilai guru bagi tujuan penilaian formatif sebelum kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik diimplementasikan. Panel penilai guru diberikan masa untuk meneliti kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) kemudian membuat penilaian berdasarkan soalan temu bual yang dikemukakan dalam kajian ini. Sesi temu bual dan perbincangan dengan panel penilai guru membolehkan kajian ini memperoleh data yang berkaitan dengan kelebihan dan cadangan dalam proses penambahbaikan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis tematik dapat dikategorikan menjadi tema dan sub tema seperti dalam Jadual 5.15 berikut.

Jadual 5.15

Kelebihan Kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB)

Tema	Sub-Tema
Kelebihan kerangka PVB	Dapat menjadi panduan Mudah difahami Bersesuaian Menarik
Cadangan penambahbaikan kerangka PVB	Murid masih memerlukan latihan Elemen

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.15 *(sambungan)*

Tema	Sub-Tema
Implementasi kerangka PVB	Pendedahan kepada kerangka PVB Secara berperingkat Memberi contoh Secara berkumpulan
Cabaran yang dihadapi oleh guru semasa mengaplikasikan kerangka PVB	Pemahaman murid Tempoh masa

Kelebihan kerangka PVB

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, guru menyatakan bahawa kerangka PVB ini mempunyai beberapa kelebihan, khususnya dalam penyelesaian masalah, iaitu dapat dijadikan sebagai panduan, mudah difahami, bersesuaian dan menarik. Bahagian ini menghuraikan setiap kelebihan yang dinyatakan oleh guru berkaitan kerangka PVB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut P1, kerangka ini dapat membantu murid dan dapat dijadikan sebagai panduan:

> *Err saya rasa kan, kerangka ni membantu murid, rasanya boleh dijadikan sebagai panduan.*
>
> *P1/15/ISP*

L5 menambahkan bahawa kerangka ini dapat membantu murid dalam membuat terjemahan maklumat berayat kepada visual:

> *Kerangka ini dapat dijadikan sebagai panduan untuk guru dan boleh membantu murid membuat terjemahan maklumat berayat kepada visual.*
>
> *L5/23/SP*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, murid juga dapat melukis model bar dan mengikuti langkah-langkah yang disediakan oleh kerangka PVB sebagaimana yang dinyatakan oleh P1:

Murid boleh selesaikan dengan melukis model bar. Dengan kerangka ini, mudah untuk murid ikuti langkah-langkah ... Jadi macam kerangka ni dapat menjadi panduan untuk murid lah.

P1/15/ISP

Selain itu, kerangka PVB juga didapati mudah difahami oleh murid sebagaimana yang dinyatakan oleh P2:

Menurut saya, kerangka PVB ni mudah untuk difahami oleh murid.

P2/13/SP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini disebabkan kerangka PVB ini dapat membantu murid dalam mengeluarkan maklumat penting dalam bentuk visual sebagaimana yang dinyatakan oleh L5:

Boleh sebab murid boleh menyelesaikan masalah setelah mengeluarkan maklumat penting dalam bentuk visual, ni kiranya murid faham lah.

L5/23/SP

Menurut P3, kerangka ini seperti model Polya tetapi lebih bersesuaian bagi penyelesaian kaedah visual:

Kerangka ini lebih kurang model Polya tapi lebih sesuai untuk penyelesaian kaedah visual.

P3/24/ISP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, bahasa yang digunakan dalam kerangka PVB ini juga mudah difahami oleh murid sebagaimana yang dinyatakan oleh P1:

Ya amat sesuai. Bahasa yang digunakan amat mudah untuk difahami.

P1/15/ISP

Selain itu, guru turut menyatakan bahawa kerangka ini menarik dan dapat minat murid. P1, P3 dan P4 menyatakan penggunaan kit model bar dan kerangka yang berwarna dan menarik dapat meningkatkan minat murid untuk belajar matematik:

Kerangka ini agak menarik dan berupaya menarik minat murid.

P4/19/ISP

Ya membantu. Penggunaan kit model bar yang menarik minat murid untuk belajar matematik.

P3/24/ISP

Kerangka yang berwarna dan menarik.

P1/15/ISP

Guru dalam kajian ini menganggap kerangka PVB berperanan penting sebagai panduan dalam pembelajaran penyelesaian masalah. Kerangka ini membantu murid dalam menterjemahkan maklumat berayat kepada bentuk visual seperti model bar, yang memudahkan mereka mengikuti langkah-langkah yang disediakan. Selain itu, kerangka PVB juga dilihat mudah difahami oleh murid dan membantu mereka mengeluarkan maklumat penting dalam bentuk visual. PVB dipuji kerana bahasanya yang mudah difahami serta kebolehannya menarik minat murid dalam pembelajaran matematik. Tambahan pula, penggunaan kit model bar dan kerangka yang berwarna-warni turut disarankan oleh guru untuk meningkatkan minat murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan penambahbaikan kerangka PVB

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, guru turut memberikan beberapa cadangan bagi penambahbaikan kerangka PVB, iaitu murid masih memerlukan latihan dan elemen. Bahagian ini menghuraikan cadangan-cadangan yang diberikan oleh guru bagi penambahbaikan kerangka PVB.

Menurut P4, walaupun guru menggunakan kerangka PVB, tapi murid masih memerlukan pendedahan kepada soalan KBAT secukupnya. Oleh itu guru perlu memastikan murid melakukan latihan yang mencukupi:

Boleh juga tetapi murid perlukan pendedahan kepada soalan KBAT secukupnya.

P4/19/ISP

P3 menyatakan cadangan bagi menambahkan elemen-elemen seperti langkah-langkah dalam menyemak jawapan:

Boleh ditambahkan dengan langkah menyemak jawapan. tapi kalau tak ada pun takpe. Banyak sangat pun, murid tak buat.

P3/24/ISP

Selain itu, penggunaan elemen ICT juga dapat membantu murid dalam membuat latihan tambahan di rumah dengan penggunaan komputer dan kaedah bar sebagaimana yang dinyatakan oleh P4:

Kalau ada elemen ICT di mana murid boleh juga buat latihan tambahan di rumah dengan komputer dan penggunaan bar ini diterapkan.

P4/19/ISP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala menurut L5, murid perlu membaca secara keseluruhan ayat-ayat dalam soalan penyelesaian masalah terlebih dahulu sebelum melukis:

> *Saya rasa murid perlu baca dulu keseluruhan ayat – ayat dalam soalan penyelesaian masalah matematik sebelum langkah melukis jadi saya cadangkan ada langkah membaca dulu melukis.*
>
> *L5/23/SP*

Guru perlu memastikan bahawa walaupun mereka menggunakan kerangka PVB, murid tetap diberi pendedahan kepada soalan KBAT dengan mencukupi. Pendedahan kepada soalan KBAT dapat dilakukan melalui latihan yang mencukupi dan menyediakan elemen-elemen seperti langkah-langkah dalam menyemak jawapan. Tambahan pula, penggunaan elemen ICT juga dapat membantu murid dalam membuat latihan tambahan di rumah dengan penggunaan komputer dan kaedah bar. Selain itu, penting bagi murid untuk membaca secara keseluruhan ayat-ayat dalam soalan penyelesaian masalah sebelum melukis.

Implementasi kerangka PVB

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, guru menggunakan pelbagai kaedah dalam mengimplementasikan kerangka PVB dalam PdPc matematik, iaitu melalui pendedahan kepada kerangka PVB, secara berperingkat, memberi contoh dan secara berkumpulan. Bahagian ini menghuraikan kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru dalam mengimplementasikan kerangka PVB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut P1, sebelum mengimplementasikan kerangka PVB, murid perlu mengetahui kaedah model bar terlebih dahulu bagi membantu murid untuk menyelesaikan masalah terutamanya berbentuk KBAT secara teratur:

Murid perlu tahu kaedah model bar. Murid didedahkan dengan kerangka ini supaya murid boleh menyelesaikan masalah terutamanya berbentuk KBAT secara teratur.

P1/15/ISP

Pendedahan ini dapat dilakukan dengan mencetak dan menampal kerangka PVB tersebut di meja murid sebagaimana yang dinyatakan oleh P2:

Langkah-langkah pada kerangka di cetak dan tampal di meja murid.

P2/13/SP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

P3 pula menyatakan bahawa penerapan kerangka PVB ini perlu dilakukan secara peringkat supaya murid dapat melukis bar bersesuaian dengan nilai:

Perlu secara berperingkat. Perlu ajar penganggaran dahulu supaya murid tahu untuk melukis bar yang sesuai dengan nilai. Kemudian soalan direct. Kemudian soalan penyelesaian masalah.

P3/24/ISP

Selain itu, guru juga perlu memberikan contoh penyelesaian dengan menggunakan kerangka ini sebagaimana yang dinyatakan oleh P4:

Guru perlu berikan contoh penyelesaian menggunakan kerangka ini seterusnya membimbing murid.

P4/19/ISP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, temu bual yang dijalankan turut mendapati bahawa guru mencadangkan beberapa kaedah yang dapat digunakan dalam mengajarkan penyelesaian masalah dalam PdPc matematik seperti kaedah lakonan dan kaedah lukisan:

> *... mungkin dari kaedah lakonan ke ... murid terlibat aktif dan mereka berlakon sendiri bagaimana kehendak soalan itu.*
>
> *P1/15/ISP*

Manakala menurut L5, murid boleh diberikan soalan dan dapat dijawab secara berkumpulan dengan menggunakan kerangka ini:

> *Murid boleh diberikan soalan dan ianya dijawab dalam kumpulan menggunakan kerangka ini.*
>
> *L5/23/SP*

Sebelum melaksanakan kerangka PVB, penting bagi murid untuk memahami terlebih dahulu kaedah model bar agar dapat menyelesaikan masalah, terutamanya yang berbentuk KBAT, dengan lebih berkesan. Pendedahan kepada kaedah model bar dapat dilakukan dengan mencetak dan menempel kerangka PVB di meja murid. Penerapan kerangka PVB sebaiknya dilakukan secara berperingkat agar murid dapat melukis bar yang sesuai dengan nilai yang diberikan. Guru juga perlu memberikan contoh penyelesaian dengan menggunakan kerangka ini. Selain itu, guru juga dapat menggunakan kaedah lakonan dan kaedah lukisan dalam mengajarkan penyelesaian masalah dalam PdPc matematik, sebagaimana yang disarankan dalam temu bual yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cabaran yang dihadapi oleh guru semasa mengaplikasikan kerangka PVB

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, guru turut menghadapi pelbagai cabaran dalam mengaplikasikan kerangka PVB dalam PdPc matematik, iaitu dari segi pemahaman murid dan tempoh masa yang diberikan. Bahagian ini menghuraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengimplementasikan kerangka PVB.

Menurut P2, murid yang tidak mempunyai kemahiran asas membaca sukar untuk menguasai penyelesaian masalah melalui kerangka PVB ini:

Murid yang tidak tahu membaca agak susah untuk kuasai.

P2/13/SP

Murid juga didapati menghadapi kesukaran dalam membuat anggaran saiz bar yang perlu dilukis. Oleh itu, murid perlu membaca secara keseluruhan soalan terlebih dahulu sebelum mula melukis sebagaimana yang dinyatakan oleh L5:

Murid menghadapi kesukaran dalam membuat anggaran saiz bar yang perlu dilukis. Jadi adalah penting bagi murid baca keseluruhan soalan dulu sebelum mula lukis.

L5/23/SP

P4 pula menyatakan bahawa tempoh masa yang diberikan tidak mencukupi kerana murid mengambil masa yang lama untuk melukis dan menyusun semula:

Murid mengambil masa yang lama untuk melukis dan kemudian susun semula terutamanya pada awal- awal.

P4/19/ISP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid yang tidak memiliki kemahiran asas dalam membaca mengalami kesulitan dalam memahami penyelesaian masalah melalui kerangka PVB. Selain itu, murid juga menghadapi kesulitan dalam membuat anggaran saiz bar yang perlu dilukis. Oleh itu, disarankan agar murid membaca secara keseluruhan soalan terlebih dahulu sebelum memulakan proses melukis. Waktu yang diberikan juga tidak mencukupi karena murid memerlukan waktu yang lama untuk melukis dan menyusun semula.

b. Penilaian Sumatif Oleh Murid-Murid Tahun 4

Bahagian ini menjawab persoalan kajian dalam fasa 4: Penilaian kerangka PVB, iaitu:

Adakah terdapat perbezaan min skor murid sebelum dan selepas menggunakan Kerangka PVB bagi kumpulan rawatan?

Adakah terdapat perbezaan min skor sebelum dan selepas bagi kumpulan kawalan dan rawatan?

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian bagi proses pengumpulan data penilaian yang melibatkan ujian pra dan ujian pasca daripada peserta kajian. Ujian penilaian pra dan pasca dilaksanakan sebelum dan selepas kerangka PVB digunakan oleh murid tahun 4. Tujuan pelaksanaan ujian pra dan ujian pasca adalah untuk mengenal pasti tahap pencapaian murid-murid dalam menyelesaikan masalah berbentuk KBAT dalam PdPc Matematik sebelum dan selepas menggunakan kerangka PVB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.16

Keputusan Ujian Normaliti bagi Kumpulan Kawalan

Ujian	**Deskriptif**	
	Skewness	**Kurtosis**
Ujian Pra	-0.566	0.759
Ujian Pasca	0.072	-1.073

Berdasarkan jadual di atas, nilai Skewness bagi kumpulan kawalan dalam ujian pra adalah -0.566 dan Kurtosis dengan nilai 0.759. Manakala ujian pasca pula menunjukkan nilai skewness 0.072 dan kurtosis dengan nilai -1.073. Menurut Chua (2021), suatu data bertaburan normal apabila kedua-dua nilai Skewness dan Kurtosis berada dalam lingkungan -2.00 hingga 2.00.

Jadual 5.17

Keputusan Ujian Normaliti bagi Kumpulan Rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian	**Deskriptif**	
	Skewness	**Kurtosis**
Ujian Pra	-0.145	-0.349
Ujian Pasca	-0.190	-0.906

Berdasarkan jadual di atas, nilai Skewness bagi kumpulan rawatan dalam ujian pra adalah -0.145 dan Kurtosis dengan nilai -0.349. Manakala ujian pasca pula menunjukkan nilai skewness -0.190 dan kurtosis dengan nilai -0.906. Menurut Chua (2021), suatu data bertaburan normal apabila kedua-dua nilai Skewness dan Kurtosis berada dalam lingkungan -2.00 hingga 2.00.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.18

Keputusan Ujian T test Bagi Kumpulan Kawalan

Ujian	N	Min	Sisihan Piawai	df	t	Sig.
Ujian Pra	37	31.97	9.40	36	-8.891	0.000
Ujian Pasca	37	39.30	11.42			

Berdasarkan jadual 5.18, nilai min bagi kumpulan kawalan dalam ujian pra adalah 31.97 dan sisihan piawai dengan nilai 9.40. Manakala ujian pasca pula menunjukkan nilai min 39.30 dan sisihan piawai dengan nilai 11.42. Hal ini menunjukkan nilai min dalam ujian pasca adalah lebih tinggi berbanding nilai ujian pra. Keputusan ujian bagi ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan adalah ($t = -8.891$, $df = 36$, $sig = 0.000$, $p<0.05$). Ini bermakna Hipotesis Nul 2 (Ho2) ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor antara murid sebelum dan selepas penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.19

Keputusan Ujian T Bagi Kumpulan Rawatan

Ujian	N	Min	Sisihan Piawai	df	t	Sig.
Ujian Pra	38	31.58	9.81	-20.049	37	0.000
Ujian Pasca	38	55.53	11.45			

Berdasarkan jadual di atas, nilai min bagi kumpulan rawatan dalam ujian pra adalah 31.58 dan sisihan piawai dengan nilai 9.81. Manakala ujian pasca pula menunjukkan nilai min 55.53 dan sisihan piawai dengan nilai 11.45. Hal ini menunjukkan nilai min dalam ujian pasca adalah lebih tinggi berbanding nilai ujian pra. Keputusan ujian bagi ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan adalah ($t = -20.049$, $df = 37$, $sig = 0.000$, $p<0.05$). Ini bermakna, Hipotesis Nul Satu (Ho1) ditolak,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor murid-murid sebelum dan selepas didedahkan dengan Kerangka PVB penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik bagi kumpulan rawatan.

Jadual 5.20

Keputusan Ujian T test Tidak Bersandar Bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	df	t	Sig.
Kawalan	37	39.30	11.42	36	-9.445	0.000
Rawatan	38	55.70	11.56			

Berdasarkan jadual di atas, nilai min bagi kumpulan kawalan dalam ujian pasca adalah 39.30 dan sisihan piawai dengan nilai 11.42. Manakala nilai min bagi kumpulan rawatan pula menunjukkan nilai min 55.70 dan sisihan piawai dengan nilai 11.56. Hal ini menunjukkan nilai min dalam kumpulan rawatan adalah lebih tinggi berbanding nilai min kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Keputusan ujian bagi kumpulan rawatan dan kawalan dalam ujian pasca adalah ($t = -9.445$, $df = 36$, $sig = 0.000$, $p<0.05$). Ini bermakna, Hipotesis Nul tiga (Ho3) ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor murid-murid selepas didedahkan dengan Kerangka PVB penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Jadual 5.21

Keputusan Ujian Bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan

Kumpulan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca
Kawalan	31.97%	39.30%
Rawatan	31.58%	55.53%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual di atas, min ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan menunjukkan kenaikan 7.33%. Manakala bagi kumpulan rawatan, min ujian pra dan pasca pula menunjukkan kenaikan 23.95%. Data ini jelas menunjukkan kumpulan Rawatan telah memperoleh kenaikan markah yang jauh lebih tinggi dengan nilai min sebanyak 55.53% darkpada 31.58%. Kumpulan kawalan juga menunujukkan kenaikan tetapi sangat kurang iaitu hanya memperoleh min sebanyak 39.3%.

5.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menggariskan fasa-fasa analisis keperluan, pelaksanaan, dan penilaian dalam penyelidikan mengenai pembangunan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah KBAT dalam PdPc matematik. Setiap fasa mempunyai peranan penting dalam merangka langkah-langkah selanjutnya dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

6.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini bertujuan untuk menghuraikan ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian berdasarkan objektif kajian, implikasi dapatan kajian dari aspek teoritikal, metodologikal dan praktikal, cadangan kajian lanjutan dan penutup. Dapatan kajian yang dibincangkan mengikut dua kategori, iaitu bahagian pembangunan yang melibatkan Fasa 1: Analisis Keperluan, Fasa 2: Reka Bentuk, dan Pembangunan serta bahagian penilaian yang melibatkan Fasa 3: Implementasi, dan Penilaian.

6.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangun kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT Matematik dan menilai keberkesanan model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini melalui kajian kuasi eksperimental. Kajian ini telah dijalankan berdasarkan Model Reka Bentuk Pembangunan oleh Richey et al. (2004). Proses pengumpulan data bagi fasa 1: analisis keperluan melibatkan 400 orang murid tahun 4 menerusi soalan ujian dan lima orang guru yang terdiri daripada empat orang guru perempuan dan seorang guru lelaki. Dari segi pengalaman mengajar, kajian ini melibatkan guru yang mengajar lebih dari 10 tahun. Manakala dilihat dari segi tahap pendidikan, kajian ini melibatkan dua orang guru yang mempunyai ijazah sarjana pendidikan dan tiga orang guru yang mempunyai ijazah sarjana muda pendidikan. Data bagi fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan dikutip melalui teknik Delphi dua pusingan. Teknik Delphi ini melibatkan 13 orang pakar yang terdiri daripada Guru berpengalaman dalam bidang Matematik, Ketua Unit Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, Pensyarah-Pensyarah Institut Perguruan serta Pensyarah-Pensyarah Universiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa 3: Pelaksanaan dan penilaian melibatkan 38 orang murid tahun 4 yang dipilih melalui pensampelan bertujuan untuk menggunakan kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT Matematik dan penilaian pula melibatkan penilaian formatif dan penilaian sumatif. Proses pengumpulan data bagi penilaian formatif hanya melibatkan temu bual separa berstruktur dengan sekumpulan panel penilai yang terdiri daripada lima orang guru yang terdiri daripada empat orang guru perempuan dan seorang guru lelaki. Dari segi pengalaman mengajar, kajian ini melibatkan guru yang mengajar lebih dari 10 tahun. Manakala dilihat dari segi tahap pendidikan, kajian ini melibatkan dua orang guru yang mempunyai ijazah sarjana pendidikan dan tiga orang guru yang mempunyai ijazah sarjana muda pendidikan..

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan dalam fasa analisis keperluan, skor ujian tahap KBAT menunjukkan nilai minimum 19.20 dengan sisihan piawai 17.00. Guru menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk mengajar penyelesaian masalah dalam matematik dengan berkesan kepada murid. Faktor-faktor yang menghalang pemahaman murid terhadap masalah matematik termasuk soalan yang tidak relevan dengan kehidupan sehari-hari, ketidaksesuaian bahan bantu mengajar dengan perkembangan terkini, dan kegagalan murid dalam menguasai konsep asas matematik. Tuntutan silibus yang tinggi juga menjadi kelemahan dalam pembelajaran matematik. Cabaran yang dihadapi oleh guru termasuk tahap pemahaman yang rendah di kalangan murid, kekurangan minat dalam menyelesaikan masalah, dan kesukaran dalam membaca soalan dengan teliti. Penting bagi guru untuk menggalakkan minat murid, memastikan pemahaman soalan yang teliti, dan meningkatkan latihan bagi meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah mereka. Penggunaan bahan bantu mengajar yang inovatif seperti teknologi dan alat visual, serta pendekatan pengajaran yang pelbagai seperti lakonan dan lukisan, digalakkan untuk memperkukuh pemahaman dan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah murid. Gaya pengajaran yang bersedia dan proaktif juga penting dalam membantu murid menjawab soalan KBAT dengan berkesan.

Seterusnya dalam fasa reka bentuk, rumusan dibuat berdasarkan kesepakatan panel pakar terhadap item-item yang terdapat dalam setiap bahagian instrumen kajian. Item-item tersebut merujuk kepada aspek elemen dan sub-elemen dalam kerangka PVB untuk Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT dalam PdPc Matematik. Dalam analisis fasa pelaksanaan, dapatan menunjukkan bahawa proses implementasi kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam PdPc matematik melibatkan beberapa tajuk utama seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu. Jadual yang disediakan memberikan panduan langkah demi langkah untuk melaksanakan kerangka PVB secara efektif dalam konteks pembelajaran dan pengajaran matematik.

Dapatan fasa penilaian menunjukkan bahawa guru berpendapat kerangka PVB berperanan penting dalam pembelajaran penyelesaian masalah, memudahkan murid dalam menterjemahkan maklumat berayat kepada bentuk visual seperti model bar, serta menarik minat murid dalam pembelajaran matematik. Bagaimanapun, masih diperlukan pendedahan kepada soalan KBAT dan latihan yang mencukupi. Murid yang menghadapi kesulitan dalam membaca dan membuat anggaran saiz bar juga memerlukan sokongan tambahan. Dapatan kajian juga menunjukkan peningkatan min skor dalam ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan, dengan peningkatan yang lebih ketara bagi kumpulan rawatan, menunjukkan kesan positif pendedahan kepada Kerangka PVB dalam penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik.

6.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini disusun berdasarkan persoalan kajian daripada Fasa 1: Analisis keperluan, Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan, Fasa 3: Perlaksanaan dan Penilaian kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) untuk Penyelesaian Masalah Berbentuk KBAT Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.1 Fasa 1: Analisis Keperluan

Analisis deskriptif menunjukkan skor ujian tahap KBAT dengan nilai minimum 19.20 dan sisihan piawai 17.00. Ali dan Bakar (2021) turut mengemukakan kemerosotan kemahiran menyelesaikan masalah serta penurunan budaya berfikir di kalangan remaja dan rakyat Malaysia menimbulkan keprihatinan. Dalam penyelesaian masalah, penggunaan kerangka PVB dapat membantu dalam memvisualisasikan konsep-konsep tersebut dengan lebih jelas dan konkrit bagi murid (Ayga & Yavuz, 2020). Namun, untuk memastikan keberkesanan penggunaan kerangka PVB, diperlukan pemahaman yang mendalam mengenai bagaimana kerangka tersebut dapat diaplikasikan dengan tepat dalam konteks pembelajaran matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Penerapan kaedah-kaedah pengajaran yang disebutkan oleh Bakar dan Alias (2021) dapat membantu dalam mengajarkan topik masa dan waktu, panjang, jisim serta isi padu secara efektif kepada murid. Misalnya, kaedah lakonan dapat digunakan untuk membantu murid memvisualisasikan masalah-masalah yang melibatkan topik tersebut, sementara kaedah drilling dapat membantu mereka memperkuat pemahaman dan keterampilan dalam menerapkan konsep-konsep tersebut dalam situasi penyelesaian masalah. Namun, meskipun kaedah-kaedah ini telah diterapkan oleh guru, dapatan kajian Christina dan Rosmiza (2023) menunjukkan bahawa penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), terutamanya dalam konteks penyelesaian masalah, masih kurang ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini menunjukkan juranag antara implementasi pengajaran yang dilakukan oleh guru dengan fokus pada kerangka PVB yang memperhatikan aspek-aspek seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masa, panjang, jisim, serta isi padu dan tujuan pembelajaran yang diinginkan, termasuk penerapan KBAT.

Dalam pengajaran penyelesaian masalah dalam matematik, kaedah lakonan digunakan oleh guru untuk membantu murid memahami masalah dengan lebih baik. Kaedah ini melibatkan simulasi situasi atau peristiwa matematik melalui peranan atau lakonan, yang membantu dalam memvisualisasikan konsep-konsep matematik dengan lebih konkrit. Penerapan kaedah lakonan ini bertujuan untuk memudahkan murid memahami konsep-konsep seperti masa, panjang, jisim dan isi padu dalam konteks penyelesaian masalah. Hal ini selari dengan pendapat Tuan Salwani (2014) yang menyatakan bahawa kemampuan murid untuk mengingati konsep matematik merupakan kunci kejayaan dalam proses pembelajaran matematik. Selain kaedah lakonan, informan kajian juga menggunakan kaedah drilling dan latih tubi dalam menyediakan soalan KBAT kepada murid. Kaedah drilling dan latih tubi ini bertujuan untuk melatih kemahiran berfikir murid secara sistematik dan berterusan, yang sesuai dengan tujuan kerangka PVB yang memfokuskan pada topik masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu . Rajendran (2008) juga menyokong penggunaan latihan yang sistematik dan berterusan untuk membantu murid menguasai kemahiran berfikir.

Penggunaan kaedah *drawing* oleh guru dalam pengajaran penyelesaian masalah matematik bertujuan untuk meminimumkan penggunaan perkataan dan memudahkan pemahaman murid terutama dalam menangani masalah berbentuk KBAT (Cahyani et al., 2021). Kaedah ini memungkinkan guru untuk mengilustrasikan konsep-konsep matematik secara visual melalui gambar atau lukisan, yang dapat membantu murid memahami masalah dengan lebih baik. Dengan demikian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan kaedah *drawing* dapat menjadi strategi yang efektif dalam memfasilitasi proses pemahaman dan penyelesaian masalah, terutama dalam konteks topik masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu yang ditekankan oleh kerangka PVB. Namun demikian, dapatan kajian (Chiou, 2019) menunjukkan bahawa guru kurang menekankan penyelesaian soalan berbentuk KBAT. Hal ini menimbulkan perdebatan mengenai kesesuaian dan keberkesanan penggunaan kaedah *drawing* dalam konteks pembelajaran KBAT. Sebagai contoh, penggunaan kaedah *drawing* mungkin tidak selalu mencakupi aspek-aspek KBAT yang diperlukan, seperti analisis, penilaian, dan sintesis, yang dapat menjadi batasan dalam mencapai objektif pembelajaran yang lebih tinggi.

Citrawati et al., 2021 mendapati bahawa penggunaan kaedah pembelajaran berpusatkan murid merupakan pendekatan yang penting dalam konteks pengajaran penyelesaian masalah matematik. Melalui pendekatan ini, guru dapat menciptakan persekitaran pembelajaran yang memberi penekanan kepada pembangunan pemahaman dan kemahiran berfikir kritis murid, yang penting dalam menyelesaikan masalah matematik dengan berkesan. Menurut Bakry dan Firdaus (2013), guru yang mengamalkan PdPc KBAT cenderung untuk menerapkan aktiviti berpusatkan murid, yang melibatkan murid secara aktif dalam proses pembelajaran. Dalam konteks penyelesaian masalah matematik, kaedah pembelajaran berpusatkan murid dapat membantu murid untuk mengaitkan konsep matematik dengan konteks kehidupan sebenar mereka, termasuk topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu, yang ditekankan oleh kerangka PVB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penerapan kaedah Polya dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah dalam PdPc matematik berkait rapat dengan kerangka PVB yang memfokuskan kepada topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu. Kaedah Polya menekankan langkah-langkah sistematik yang dapat membantu murid memahami, merencanakan, melaksanakan, dan menilai penyelesaian masalah dengan lebih efektif (Dantes et al., 2019). Langkah-langkah dalam kaedah Polya, seperti pemahaman masalah, merancang strategi, melaksanakan strategi, dan menilai kembali penyelesaian, dapat diterapkan dalam konteks topik-topik yang ditekankan oleh kerangka PVB. Sebagai contoh, dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan topik masa dan waktu, murid dapat menerapkan langkah-langkah yang diajar dalam kaedah Polya untuk memahami masalah dengan jelas, merancang strategi penyelesaian, melaksanakan strategi tersebut dengan berkesan, dan menilai kembali hasil penyelesaian mereka. Kajian oleh Tan (2009) menunjukkan bahawa kaedah Polya efektif digunakan dalam pembelajaran matematik untuk membantu murid memahami dan mengaplikasikan langkah-langkah penyelesaian masalah. Dengan mendalami langkah-langkah dalam kaedah Polya, murid dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam menyelesaikan masalah matematik, termasuk dalam konteks topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu, yang ditekankan oleh kerangka PVB.

Penyelesaian masalah adalah kemahiran yang penting dalam pemahaman kurikulum matematik, seperti yang dinyatakan oleh Siti dan Faridah (2015). Namun, dalam konteks pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) matematik, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi agar penyelesaian masalah dapat diajarkan secara efektif. Pertama, kelemahan yang dikenal pasti adalah soalan yang tidak berkaitan dengan kehidupan murid. Hal ini menunjukkan perlunya menyusun soalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang relevan dengan pengalaman dan konteks kehidupan sehari-hari murid (Dwiyanti & Suwastini, 2021). Dengan cara ini, murid akan lebih mudah memahami dan mengaitkan konsep matematik dengan situasi yang mereka kenal.

Kedua, kekurangan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dapat menyulitkan proses pengajaran dan pembelajaran penyelesaian masalah. BBM yang tepat dapat membantu memvisualisasikan konsep matematik dengan lebih jelas, memudahkan pemahaman, dan meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran (Ersani et al., 2021).

Ketiga, kegagalan murid dalam menguasai konsep asas dapat menjadi hambatan dalam penyelesaian masalah. Sebelum dapat menyelesaikan masalah yang lebih kompleks, penting bagi murid untuk memahami konsep-konsep dasar terlebih dahulu (Hutapea & Suwastini, 2019).

Keempat, tuntutan silibus yang terlalu padat atau tidak relevan juga dapat menghambat pembelajaran penyelesaian masalah. Guru perlu memastikan bahwa silabus yang diajarkan sesuai dengan kebutuhan dan kemampuan murid, serta memberikan ruang bagi eksplorasi dan pemahaman yang mendalam terhadap konsep-konsep matematik yang diajarkan (Lapuz & Fulgencio, 2020).

Dalam konteks kerangka PVB yang memfokuskan pada topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu, penyelesaian masalah dapat dikaitkan dengan penerapan konsep-konsep ini dalam situasi-situasi nyata. Misalnya, dalam masalah yang melibatkan waktu, murid dapat menggunakan konsep waktu untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghitung atau memecahkan masalah yang berkaitan dengan jadwal atau peristiwa dalam kehidupan sehari-hari.

Berdasarkan dapatan kajian ini, guru mempunyai pengetahuan yang tinggi dan sikap yang positif terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Walau bagaimanapun, dalam mengajar kemahiran penyelesaian masalah, guru menghadapi beberapa cabaran yang mempengaruhi kesan proses pembelajaran.

Pertama, salah satu cabaran utama adalah pemahaman murid terhadap masalah yang diberikan. Hal ini menekankan pentingnya penyampaian maklumat yang jelas dan penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai untuk memastikan agar murid memahami dengan baik konsep-konsep yang diajarkan, terutamanya berkaitan dengan topik seperti masa, panjang, jisim dan isi padu (Rahayu Lasan et al., 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua, kurangnya minat murid dalam menyelesaikan masalah juga merupakan satu faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran. Guru perlu memotivasi murid dengan menyajikan bahan pengajaran yang menarik dan relevan dengan kehidupan seharian agar mereka merasa terlibat dan bersemangat untuk mencari penyelesaian (Reis, 2010).

Ketiga, kekurangan dalam membaca soalan dengan teliti juga dapat menghalang kemampuan murid dalam menyelesaikan masalah dengan baik. Guru perlu menekankan kepentingan membaca dan memahami soalan dengan cermat sebelum mencari penyelesaian (Listiani et al., 2021). Keempat, waktu yang terhad juga dapat mempengaruhi kemampuan murid dalam menyelesaikan masalah. Guru perlu menguruskan waktu pembelajaran dengan efektif dan memberikan cukup waktu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi murid untuk memahami dan menyelesaikan masalah dengan baik (Mahayanti et al., 2020).

Kelima, kurangnya latihan yang dilakukan oleh murid juga dapat mempengaruhi kemampuan mereka dalam menyelesaikan masalah. Guru perlu menyediakan latihan yang mencukupi dan pelbagai agar murid dapat terlatih dengan berbagai macam jenis masalah dan meningkatkan kemampuan mereka dalam menyelesaikan masalah (Miner et al., 2019).

Dalam penggunaan kerangka PVB yang memfokuskan pada topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu penting bagi guru untuk memastikan bahwa pembelajaran penyelesaian masalah mencakup penerapan konsep-konsep tersebut dalam situasi-situasi nyata. Guru perlu menyajikan masalah yang relevan dengan topik tersebut agar murid dapat mengaitkan konsep matematik dengan konteks kehidupan sehari-hari dan memahami aplikasinya dengan lebih baik (Munawaroh, 2020).

Dalam konteks kerangka Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) yang memfokuskan kepada topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu, elemen-elemen seperti Bahan Bantu Mengajar (BBM), kaedah pengajaran, dan kesediaan guru memainkan peranan penting dalam menggalakkan pemahaman yang mendalam terhadap konsep-konsep tersebut dan pembangunan kemahiran penyelesaian masalah yang efektif (Puspawati et al., 2021).

Menurut guru yang terlibat dalam kajian ini, BBM yang diperlukan bagi membantu guru dalam mengajarkan kemahiran masalah perlu mengikuti arus semasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti penggunaan komputer, LCD ataupun Notebook yang lebih menarik. Selain itu, bahan bantu mengajar yang wujud seperti kertas mahjong dan pen marker turut menjadi salah satu pilihan BBM yang perlu ada dalam mengajarkan sesuatu topik penyelesaian masalah. Bahan-bahan ini dapat membantu memvisualisasikan konsep-konsep ini secara lebih nyata kepada murid, membantu mereka memahami konsep dengan lebih baik (Puspitasari et al., 2021).

Kaedah pengajaran yang digunakan juga memainkan peranan penting dalam mengajar kemahiran penyelesaian masalah. Salah satu teknik yang menggunakan bahan bantu mengajar yang dapat digunakan adalah Bar Model dalam mengajarkan kemahiran penyelesaian masalah. Temu bual yang dijalankan turut mendapati bahawa guru mencadangkan beberapa kaedah yang dapat digunakan dalam mengajarkan penyelesaian masalah dalam PdPc matematik seperti kaedah lakonan dan kaedah lukisan. Guru juga perlu menggunakan kaedah yang sesuai dengan sifat dan keperluan topik yang diajar. Contohnya, kaedah demonstrasi, pembelajaran berpusatkan murid, dan pendekatan berbantukan teknologi dapat membantu murid memahami konsep-konsep matematik yang kompleks dengan lebih baik (Setyawan et al., 2020).

Kesediaan guru dalam mengimplementasikan PBM juga mempengaruhi keberkesanan pembelajaran (Koehler et al., 2014). Guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang topik yang diajar, serta kreativiti dan kemahiran untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menarik dan relevan. Guru yang bersedia untuk menghadapi cabaran dalam mengajar penyelesaian masalah dan memberi sokongan kepada murid dalam proses pembelajaran akan dapat menjana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemikiran kritis dan kreatif murid dengan lebih efektif (Farah Aziana & Fadzilah, 2018).

6.3.2 Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam kerangka PVB untuk penyelesaian masalah berbentuk KBAT dalam PdPc matematik, elemen-elemen utama yang disepakati oleh konsensus panel pakar termasuklah melukis, menyusun, mengenal pasti, merancang, dan menyelesaikan. Elemen-elemen ini penting untuk membimbing murid dalam memahami dan menyelesaikan masalah matematik yang melibatkan konsep masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu. McLeod (2008) menekankan pentingnya integrasi antara mod kognitif dalam penyelesaian masalah. Ini merujuk kepada keserasian dan kesepadanan antara langkah-langkah yang digunakan dalam menyelesaikan masalah, yang sejajar dengan elemen-elemen yang diperincikan dalam kerangka PVB yang disepakati oleh konsensus panel pakar.

Dalam kerangka PVB yang memfokuskan kepada topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu, elemen melukis memainkan peranan penting dalam penyelesaian masalah. Ketika murid dihadapkan dengan soalan yang melibatkan konsep-konsep ini, mereka perlu menggunakan visualisasi untuk membantu memahami dan menyelesaikan masalah dengan lebih baik. Sebagai contoh, apabila berhadapan dengan soalan yang melibatkan waktu, murid perlu memahami maklumat yang diberikan dalam soalan mengenai masa dan peristiwa yang berlaku pada masa tersebut. Mereka perlu dapat menganggar saiz Bar mengikut maklumat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang diberikan, contohnya, jika mereka diminta untuk melukis graf bagi menunjukkan perbandingan waktu yang diberikan dalam soalan. Penggunaan visual seperti melukis dan melabel Bar mengikut maklumat yang diberi memainkan peranan penting dalam membantu murid memahami masalah dan merencanakan penyelesaian. Dengan melihat graf atau gambaran visual yang dihasilkan, murid dapat lebih mudah memahami hubungan antara maklumat yang diberikan dalam soalan dan menentukan langkah-langkah yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah dengan betul. Kajian oleh Azrul (2017) menegaskan bahawa penggunaan visual memainkan peranan penting dalam membantu murid memahami masalah matematik secara mendalam, terutamanya dalam konteks penyelesaian masalah dan KBAT. Dengan menggunakan elemen melukis dalam PVB, guru dapat membantu murid mengembangkan kemahiran visualisasi yang penting dalam menyelesaikan masalah matematik yang melibatkan topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu.

Elemen menyusun turut menjadi aspek penting dalam penyelesaian masalah matematik. Ketika murid dihadapkan dengan soalan yang melibatkan konsep-konsep ini, mereka perlu dapat menyusun maklumat yang diberikan dengan teratur dan betul untuk membentuk pemahaman yang komprehensif terhadap masalah tersebut. Misalnya, jika murid diminta untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan konsep panjang, mereka perlu memahami urutan soalan yang diberikan dalam sesuatu konteks. Dalam menyusun Bar mengikut urutan soalan, mereka akan memahami secara lebih jelas bagaimana setiap aspek dalam soalan memberikan sumbangan terhadap penyelesaian masalah secara keseluruhan. Menurut Ho (2009), menguasai konsep dalam penyelesaian masalah memerlukan kemahiran dalam mengawal interpretasi dan memanipulasi maklumat dengan memahami urutan soalan. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menekankan betapa pentingnya elemen menyusun dalam PVB untuk membantu murid mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap masalah matematik yang melibatkan topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim, dan isi padu.

Dalam konteks elemen mengenal pasti, murid perlu memahami dengan jelas kehendak soalan serta mengenal pasti bahagian yang perlu dicari dalam Bar yang mereka hasilkan sebagai sebahagian daripada proses penyelesaian masalah. Proses mengenal pasti ini berkait rapat dengan teori pembelajaran Bruner, terutamanya dalam konteks penggunaan mod visual bagi merekodkan maklumat dalam memori. Bruner (1966) menyatakan bahawa apabila maklumat direkodkan melalui bahagian visual seperti grafik Bar, ia akan mengiringi maklumat secara lisan dalam proses penyelesaian masalah. Ini bermakna, apabila murid mengenal pasti bahagian yang hendak dicari pada Bar, mereka tidak hanya memahami maklumat tersebut secara visual, tetapi juga mampu menginterpretasikannya dalam konteks penyelesaian masalah.

Dalam elemen merancang, murid perlu merancang operasi yang sesuai untuk mencari bahagian yang dilukis dalam grafik Bar dan menulis ayat matematik yang bersesuaian bagi mencari bahagian tersebut. Penekanan pada perancangan operasi dalam proses penyelesaian masalah disokong oleh teori pembelajaran Bruner (1962). Menurut Bruner, kemahiran penyelesaian masalah boleh diperkukuhkan melalui perancangan operasi, di mana murid diajar untuk merancang langkah-langkah yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Apabila murid dapat merancang operasi dengan berkesan dan membuat hubungan antara pengetahuan yang sedia ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan masalah yang dihadapi, mereka akan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam.

6.3.3 Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, guru menyatakan bahawa kerangka PVB ini mempunyai beberapa kelebihan, khususnya dalam penyelesaian masalah, iaitu dapat dijadikan sebagai panduan, mudah difahami, bersesuaian dan menarik. Kaedah ini dibuktikan berkesan dalam meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid di Malaysia oleh beberapa pengkaji terdahulu (Azrul, 2017; Chong, 2017; Norezah & Nurul Wahida, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan kerangka PVB dalam pembelajaran matematik memainkan peranan penting dalam membantu murid memahami konsep-konsep matematik yang melibatkan topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu. Dalam konteks penyelesaian masalah, kerangka ini membantu murid mengembangkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif dengan memberikan panduan yang berstruktur dan sistematik. Salah satu kelebihan kerangka PVB adalah kemampuannya untuk menjadi panduan yang efektif bagi murid dalam menyelesaikan masalah matematik. Dengan menyediakan langkah-langkah yang teratur seperti melukis, menyusun, mengenal pasti, merancang, dan menyelesaikan, murid dapat mengikuti proses penyelesaian masalah dengan lebih teratur dan terarah. Garelick (2006) turut menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa PVB adalah kaedah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

efektif untuk menyelesaikan masalah matematik dengan menggunakan prinsip-prinsip yang teratur, berbeza dengan kaedah lain yang tidak terancang.

Penggunaan kerangka PVB (Model Bar) dalam pembelajaran matematik memberikan kesan positif terhadap kemahiran visualisasi murid. Ini disokong oleh beberapa pengkaji seperti Suwastini et al. (2020) dan Utami et al. (2021) yang menekankan pentingnya kemahiran visualisasi dalam pemahaman matematik. Dalam konteks penyelesaian masalah, kemahiran visualisasi memainkan peranan penting dalam membuat terjemahan maklumat berayat kepada visual. Dengan menggunakan Model Bar, murid dapat mengubah soalan matematik yang bersifat abstrak menjadi representasi visual yang lebih mudah difahami. Kemahiran ini membantu murid memahami, menterjemah, mengenal pasti reka bentuk, dan berkomunikasi menggunakan imejan, sejajar dengan pendapat pengkaji-pengkaji yang telah disebutkan.

Penggunaan kerangka PVB (Model Bar) dalam pembelajaran matematik memberikan kesan yang positif terhadap pemahaman murid terhadap konsep-konsep matematik yang kompleks, termasuk topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu. Melalui model bar, murid dapat memvisualisasikan masalah matematik dalam bentuk yang lebih mudah difahami dan dihubungkan dengan kehidupan seharian. Selain itu, penggunaan kerangka PVB membolehkan murid untuk melukis model bar dan mengikuti langkah-langkah yang disediakan dengan lebih efektif. Kerangka PVB ini juga dikenali sebagai model yang mudah difahami oleh murid, membantu mereka untuk mengeluarkan maklumat penting dalam bentuk visual. Perbandingan dengan model Polya menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini bertujuan untuk membantu murid dalam penyelesaian masalah, kerangka PVB memberikan kelebihan tambahan melalui penggunaan elemen visual yang memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada murid (Wijaya et al., 2021).

Penggunaan kerangka PVB (Model Bar) dalam pembelajaran matematik tidak hanya memberikan kesan positif terhadap pemahaman konsep-konsep matematik yang kompleks, tetapi juga berperanan dalam meningkatkan minat murid terhadap subjek tersebut. Bahasa yang digunakan dalam kerangka PVB ini mudah difahami oleh murid, membantu mereka untuk menginterpretasikan soalan matematik dengan lebih efektif. Selain itu, guru juga menyatakan bahawa kerangka ini menarik dan dapat menarik minat murid. Penggunaan kit model bar yang berwarna-warni dan menarik turut memberi kesan positif terhadap minat murid terhadap pembelajaran matematik. Dengan menggunakan elemen visual yang menarik, seperti model bar yang berwarna dan menarik, murid cenderung untuk lebih terlibat dalam proses pembelajaran dan lebih berminat untuk menyelesaikan masalah matematik (Yuberti et al., 2019).

Dalam konteks penggunaan kerangka PVB dalam pembelajaran matematik, guru telah mengenal pasti bahawa walaupun kerangka ini memberi manfaat dalam memahami konsep matematik dan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah, namun masih terdapat keperluan untuk memberi pendedahan kepada soalan KBAT secara mencukupi. Guru menekankan pentingnya latihan yang mencukupi bagi memastikan murid dapat menguasai kemahiran penyelesaian masalah pada tahap yang lebih tinggi, khususnya dalam menangani soalan-soalan yang memerlukan kefahaman mendalam dan pemikiran kreatif. Hubungan ini dapat dilihat dari perspektif pembelajaran matematik yang menekankan pentingnya latihan berterusan bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperdalam pemahaman konsep dan meningkatkan kecekapan dalam penyelesaian masalah (Kristianto, 2020). Begitu juga, pendekatan konstruktivisme dalam pendidikan matematik menggariskan pentingnya pengalaman praktikal dan pendedahan yang mencukupi bagi membolehkan murid membangunkan kemahiran penyelesaian masalah yang mantap (Martin, 2019).

Elemen-elemen yang dicadangkan oleh informan kajian, seperti langkah-langkah dalam menyemak jawapan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dan keperluan untuk membaca keseluruhan ayat-ayat dalam soalan penyelesaian masalah sebelum melukis, memberikan tambahan dalam memperkukuhkan kerangka PVB dalam pembelajaran matematik.

Langkah-langkah dalam menyemak jawapan membantu murid untuk mengasah kemahiran kritis mereka. Dengan memeriksa semula langkah-langkah yang telah dilalui dalam menyelesaikan masalah, murid dapat mengenal pasti kesilapan dan memperbaiki pemikiran mereka. Ini selaras dengan pendekatan refleksi dalam pembelajaran matematik, yang memberi penekanan kepada pemahaman kesilapan dan proses pembetulan (Piopiunik et al., 2020).

Penggunaan elemen ICT memperluaskan peluang pembelajaran murid di luar kelas dengan menyediakan akses kepada latihan tambahan dan aktiviti interaktif. Ini dapat meningkatkan motivasi murid dan membolehkan mereka berlatih dengan lebih kerap, sesuai dengan teori latihan yang sistematik dalam pembangunan kemahiran matematik (Hattie & Yates, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keperluan untuk membaca secara keseluruhan ayat-ayat dalam soalan penyelesaian masalah sebelum melukis memupuk kemahiran pemahaman bacaan dan memastikan murid dapat mengenali keperluan soalan dengan lebih jelas. Ini sejajar dengan pendekatan pemahaman bacaan dalam pengajaran matematik, di mana kemahiran membaca yang baik penting untuk memahami soalan dengan betul (Stevani & Putro, 2020).

Penerapan kerangka PVB dalam PdPc matematik melalui pelbagai kaedah pengajaran memberi kesan positif terhadap pemahaman dan kemahiran penyelesaian masalah murid. Pengajaran yang berperingkat membolehkan murid untuk memahami langkah-langkah yang diperlukan dalam menyelesaikan masalah secara sistematik, manakala pendedahan kepada kerangka PVB memperlihatkan hubungan antara konsep matematik dengan kaedah visual, seperti yang dicadangkan oleh Azrul (2017). Contoh yang diberikan oleh guru membantu murid untuk mengaplikasikan konsep yang dipelajari ke dalam konteks penyelesaian masalah yang sebenar, sejajar dengan teori pembelajaran yang berpusatkan kepada aplikasi dan pengalaman (Kruger et al., 2012). Selain itu, pengajaran secara berkumpulan membolehkan murid berinteraksi dengan rakan untuk membincangkan pelbagai pendekatan penyelesaian masalah, merangsang pemikiran kritis, dan memperluaskan wawasan mereka terhadap pelbagai strategi penyelesaian. Dapatan kajian oleh Tan (2009) yang menunjukkan sokongan murid terhadap penggunaan kaedah-kaedah pengajaran tersebut menyokong keberkesanan penerapan kerangka PVB dalam meningkatkan prestasi pelajar dalam penyelesaian masalah matematik. Ini menggambarkan bahawa pendekatan pengajaran yang berpusatkan kepada kerangka PVB dapat membawa impak yang positif terhadap pemahaman dan kemahiran penyelesaian masalah murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendedahan awal terhadap kaedah model bar sebelum mengimplementasikan kerangka PVB adalah langkah yang penting dalam mempersiapkan murid untuk menyelesaikan masalah matematik, khususnya yang berbentuk KBAT. Kaedah model bar memberi peluang kepada murid untuk memvisualisasikan masalah dan menghubungkannya dengan konsep matematik yang dipelajari. Hal ini sejajar dengan penekanan pada penggunaan visualisasi dalam pembelajaran matematik yang telah disokong oleh pengkaji seperti Torun (2020). Dengan mencetak dan menampal kerangka PVB di meja murid, murid dapat memiliki rujukan yang selalu ada dan mudah diakses ketika mereka memerlukan bantuan dalam menyelesaikan masalah. Penerapan kerangka PVB secara peringkat juga memberi kesan yang positif terhadap proses pembelajaran murid. Dengan melakukan ini, guru memberi peluang kepada murid untuk memahami langkah-langkah yang diperlukan dalam menyelesaikan masalah secara sistematik. Menurut Bruner (1962), pendekatan yang sistematik dalam pembelajaran matematik dapat membantu murid untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam terhadap konsep yang dipelajari.

Pemberian contoh penyelesaian oleh guru dengan menggunakan kerangka PVB adalah penting untuk membantu murid memahami bagaimana mengaplikasikan konsep-konsep matematik dalam menyelesaikan masalah. Dengan melihat contoh-contoh yang diberikan oleh guru, murid dapat memperoleh pandangan yang lebih jelas tentang langkah-langkah yang perlu diambil dalam menyelesaikan masalah dan bagaimana mengaplikasikan konsep-konsep tersebut. Pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru, seperti kaedah lakonan dan kaedah lukisan, juga memainkan peranan penting dalam membantu murid memahami dan menginternalisasi konsep-konsep matematik. Kaedah lakonan, misalnya, membolehkan guru untuk memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

contoh-contoh yang dijalankan secara langsung, yang dapat membantu murid memahami bagaimana langkah-langkah penyelesaian dilakukan dengan efektif. Di sisi lain, kaedah lukisan memanfaatkan visualisasi untuk membantu murid memahami masalah dengan lebih baik, terutama dalam konteks konsep-konsep seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu. Dalam konteks pembelajaran matematik, khususnya dalam penyelesaian masalah, pendekatan ini sejalan dengan teori pembelajaran Bruner yang menekankan penggunaan contoh konkret dan visualisasi untuk memudahkan pemahaman konsep-konsep matematik. Menurut Bruner (1966), penggunaan contoh konkret dan visualisasi dapat membantu murid membangun pemahaman yang lebih mendalam dan abstrak terhadap konsep-konsep tersebut.

Penerapan kerangka PVB dalam pembelajaran matematik, khususnya dalam penyelesaian masalah, memungkinkan murid untuk bekerja secara berkumpulan dalam menjawab soalan-soalan yang diberikan. Pendekatan ini tidak hanya membolehkan murid untuk berinteraksi dan berkolaborasi dengan rakan sebaya, tetapi juga memberikan peluang kepada mereka untuk membincangkan dan merumuskan strategi penyelesaian masalah secara bersama-sama. Dalam konteks ini, kajian yang dilakukan oleh Suganthi (2010) menunjukkan bahawa pembelajaran secara berkumpulan memberikan kesan positif terhadap minat dan pencapaian murid dalam pembelajaran matematik. Ini disebabkan oleh peluang yang diberikan kepada murid untuk berkongsi idea, memberi sokongan antara satu sama lain, dan mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran. Dengan bekerjasama dalam menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan topik masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu menggunakan kerangka PVB, murid dapat mengasah kemahiran mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam menyelesaikan masalah dan meningkatkan pemahaman mereka terhadap konsep-konsep matematik yang diajar.

Penerapan kerangka PVB dalam PdPc matematik bukanlah tanpa cabaran, seperti yang diungkapkan oleh guru-guru dalam temu bual yang dijalankan. Cabaran-cabaran yang dihadapi termasuklah dalam aspek pemahaman murid terhadap konsep yang diajarkan serta tekanan masa yang diberikan untuk menyelesaikan masalah matematik. Menurut Nabihah Nawi dan Mohamed Yusoff (2018), pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) memerlukan usaha yang berterusan dan tidak serta-merta dapat dicapai dengan mudah. Mereka menekankan bahawa setiap murid mempunyai potensi dan kemampuan yang berbeza, dan oleh itu, guru perlu mengambil kira kepelbagaian ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, tekanan masa yang terhad juga merupakan cabaran yang perlu diatasi, kerana terlalu banyak topik yang perlu diajarkan dalam kurikulum dan kadang-kadang tidak memberikan peluang yang mencukupi bagi murid untuk menguasai konsep matematik secara mendalam.

Dalam konteks kerangka PVB yang memfokuskan kepada topik masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu, kesukaran yang dihadapi oleh murid dalam menguasai penyelesaian masalah melalui kaedah ini merupakan satu cabaran yang penting untuk diatasi. Kemahiran membaca yang tidak mencukupi dan kesukaran dalam membuat anggaran saiz bar yang tepat adalah antara cabaran utama yang dikenal pasti. Murid yang menghadapi kesukaran dalam membaca mungkin mengalami hambatan dalam memahami soalan penyelesaian masalah yang berkaitan dengan topik masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu. Menurut Tan (2012),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran membaca yang baik adalah asas penting dalam membolehkan murid menguraikan dan memahami soalan matematik dengan betul. Oleh itu, guru perlu memberi penekanan yang mencukupi kepada pembangunan kemahiran membaca murid sebagai langkah awal dalam meningkatkan keberkesanan penyelesaian masalah melalui kerangka PVB.

Peningkatan signifikan dalam prestasi ujian pra dan pasca yang diperoleh oleh kedua kumpulan, kawalan dan rawatan, menunjukkan kesan positif penggunaan kerangka PVB dalam pembelajaran matematik. Kenaikan yang lebih ketara dalam kumpulan rawatan mungkin disebabkan oleh pendedahan yang lebih mendalam dan penggunaan kaedah yang lebih terancang dalam pembelajaran menggunakan kerangka PVB. Dalam konteks topik-topik seperti masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu, penggunaan kerangka PVB mungkin telah memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasikan konsep-konsep ini secara praktikal melalui model bar dan langkah-langkah penyelesaian masalah yang terstruktur. Ini membolehkan mereka menghubungkan konsep-konsep teori dengan aplikasi dalam kehidupan sebenar, yang mana telah terbukti dapat meningkatkan pemahaman dan prestasi pelajar (Cheng, 2017; Wu, 2018).

6.4 Implikasi Kajian

Bahagian seterusnya membincangkan implikasi kajian dari aspek teoritikal, metodologi dan praktikal terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia, guru dan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Implikasi kajian ini terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia adalah pentingnya untuk merevisi kurikulum matematik dengan menekankan pembelajaran kemahiran penyelesaian masalah yang melibatkan pemikiran aras tinggi. Kementerian perlu memberikan lebih banyak latihan dan sumber kepada guru untuk mengintegrasikan kaedah pembelajaran yang menitikberatkan pemikiran kritis dan kemahiran berfikir dalam pengajaran matematik. Selain itu, penyediaan kursus latihan dan pembangunan profesional kepada guru matematik perlu dipertingkatkan untuk memastikan mereka dapat mengaplikasikan dengan berkesan kaedah-kaedah pembelajaran yang relevan dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.2 Guru

Bagi guru sekolah, implikasi kajian ini menekankan pentingnya mereka untuk memahami dan mengaplikasikan kaedah pembelajaran yang melibatkan penyelesaian masalah dan pemikiran aras tinggi. Guru perlu mengembangkan kemahiran mereka dalam mengajar murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif, serta menggunakan kaedah PVB dan alat bantu visual lainnya untuk memperjelaskan konsep-konsep matematik dengan lebih efektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.3 Murid

Untuk murid, implikasi kajian ini adalah perlunya untuk mengembangkan kemahiran berfikir kritis dan kemahiran penyelesaian masalah. Murid perlu memanfaatkan peluang yang disediakan oleh guru untuk berinteraksi dengan bahan pengajaran yang menggunakan kaedah PVB, dan secara aktif melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang melibatkan pemikiran aras tinggi.

6.4.4 Teori Atau Model Pembelajaran

Dari perspektif teori atau model pembelajaran, implikasi kajian ini menunjukkan pentingnya penekanan pada pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran matematik. Teori-teori pembelajaran perlu mengakui keberkesanan kaedah pembelajaran yang melibatkan penggunaan alat bantu visual seperti kaedah PVB dalam meningkatkan pemahaman konsep dan kemahiran penyelesaian masalah dalam matematik. Selain itu, model-model pembelajaran perlu memberikan ruang yang mencukupi bagi guru untuk fleksibel dalam menyampaikan pengajaran dan memilih kaedah yang sesuai dengan keperluan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.5 Sumbangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat beberapa sumbangan kajian yang dapat diambil berdasarkan setiap fasa kajian yang dilakukan, iaitu Fasa 1: Analisis Keperluan, Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan, Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian. Berikut adalah beberapa sumbangan berdasarkan dapatan dari setiap fasa kajian:

Berdasarkan analisis keperluan, terdapat keperluan untuk meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid matematik. Selain itu, Guru perlu memahami dan menguasai konsep KBAT serta kemahiran penyelesaian masalah untuk melaksanakan pembelajaran yang berkesan.

Dalam konteks fasa reka bentuk dan pembangunan, kerangka Perwakilan Visual Bar (PVB) merupakan satu kaedah yang efektif dalam membantu murid memahami dan menyelesaikan masalah matematik berbentuk KBAT. Elemen-elemen seperti melukis, menyusun, mengenal pasti, merancang, dan menyelesaikan dalam kerangka PVB membantu murid memahami langkah-langkah penyelesaian masalah dengan lebih baik. Penggunaan elemen visual dalam kerangka PVB sangat membantu murid dalam memahami dan mengaitkan maklumat dalam soalan matematik.

Dalam fasa pelaksanaan, guru perlu mengimplementasikan kerangka PVB secara peringkat dan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran seperti pendedahan, contoh, dan pembelajaran berkumpulan. Penggunaan elemen teknologi seperti komputer dan permainan matematik dapat membantu murid melibatkan diri dalam latihan penyelesaian masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam fasa penilaian dapat dilihat bahawa penggunaan kerangka PVB dapat meningkatkan minat dan kefahaman murid terhadap penyelesaian masalah berbentuk KBAT. Penambahan elemen-elemen seperti langkah-langkah dalam menyemak jawapan dan latihan tambahan dapat membantu murid memperbaiki kemahiran penyelesaian masalah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kerangka PVB dalam pengajaran matematik memberikan kesan positif terhadap pemahaman dan kemahiran penyelesaian masalah murid. Guru perlu terus meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap konsep KBAT dan kemahiran penyelesaian masalah untuk memberikan pengajaran yang lebih efektif.

